STRATEGI PEMBELAJARAN PERBENDAHARAAN KATA MANDARIN SEBAGAI BAHASA ASING DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

LEE AI CHAT

University of Malaya

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2017

STRATEGI PEMBELAJARAN PERBENDAHARAAN KATA MANDARIN SEBAGAI BAHASA ASING DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

LEE AI CHAT

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2017

University of Malaya

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Lee Ai Chat

No.Matrik : THA 080028

Nama Ijazah : Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Tesis : Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata Mandarin Sebagai Bahasa Asing Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di Institusi Pengajian Tinggi

Bidang Penyelidikan : Linguistik Terapan

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang / penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/ penulisnya telah dilakukan dalam hasil kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh: 14 April 2017

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan

Tandatangan Saksi Tarikh: 14 April 2017
Nama : Dr. Ng Lee Luan
Jawatan : Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya

University of Malaya

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan demi menampung jurang kosa ilmu yang wujud dalam bidang penyelidikan strategi pembelajaran perbendaharaan kata (SPPK), terutama sekali dalam konteks pembelajaran Mandarin sebagai bahasa asing oleh para pelajar Melayu [*The Malay MFL* (*Mandarin as a Foreign Language*) *learning context*] di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk meneliti fenomena penggunaan SPPK Mandarin serta menerokai faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin sebagai bahasa asing. Demi mencapai tujuan kajian ini, reka bentuk kajian kaedah campuran penerangan yang terdiri daripada dua fasa pengumpulan data telah digunakan. Fasa pertama merupakan pengumpulan data kuantitatif bagi mengenal pasti tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT secara keseluruhan, serta melihat hubungannya dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka. Di samping itu, perbezaan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan pelajar berkemahiran tinggi (PMKT) dan kumpulan pelajar berkemahiran rendah (PMKR) juga turut diteliti. Sementara dalam fasa kedua pula, instrumen kajian temu bual semi-struktur telah digunakan bagi mengumpul data kualitatif daripada 15 orang informan PMKT dan 15 orang informan PMKR. Objektif utama fasa ini adalah untuk menerokai apakah faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Keputusan analisis data kuantitatif daripada perisian komputer SPSS (19.0) menunjukkan bahawa secara keseluruhannya para pelajar Melayu IPT hanya menggunakan SPPK Mandarin pada tahap sederhana; walhal pada masa yang sama dibuktikan bahawa penggunaan SPPK Mandarin ini mempunyai hubungan positif yang kuat dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka. Kajian ini turut mengemukakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dari segi penggunaan SPPK Mandarin. Walaupun didapati kedua-

University of Malaya

dua kumpulan tersebut adalah sama-sama paling kerap menggunakan strategi-strategi mengulang kaji pada peringkat awal pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin, namun kumpulan PMKT menggunakannya pada tahap tinggi; sedangkan kumpulan PMKR hanya menggunakannya pada tahap sederhana sahaja. Selain itu, didapati kumpulan PMKT adalah lebih cenderung menggunakan strategi-strategi mengingat kembali yang bersifat produktif; manakala kumpulan PMKR pula lebih cenderung menggunakan strategi-strategi mempelajari dan mengingati yang bersifat reseptif. Dari aspek kualitatif pula, hasil analisis transkrip temu bual berdasarkan "kaedah analisis taksonomi" telah berjaya menjanakan tiga tema induk yang didapati boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR – (I) faktor-faktor linguistik; (II) faktor-faktor psikologi; dan (III) faktor-faktor bukan-linguistik. Tema induk faktor-faktor linguistik adalah terdiri daripada 4 sub-tema di bawahnya. Manakala tema induk faktor-faktor psikologi pula membabitkan 3 sub-tema. Akhir sekali, tema induk faktor-faktor bukan-linguistik adalah merangkumi 4 sub-tema di bawahnya. Secara tuntasnya, kajian ini telah memberi implikasi pedagogi positif kepada pihak pelajar, pendidik dan penggubal silabus kursus Mandarin. Ia juga turut memberi implikasi dari segi teoretikal dan metodologi. Dari perspektif teoretikal, hasil kajian ini telah memantapkan teori pengklasifkasian SPPK serta menambahbaikkan kerangka dapatan tinjauan lepas tentang faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK cadangan Nyikos dan Fan (2007). Dari aspek metodologi pula, kajian ini telah membuktikan kaedah campuran adalah lebih sesuai digunakan untuk menyelidiki fenomena penggunaan SPPK.

University of Malaya

ABSTRACT

The present study was carried out to look into a specific area of Vocabulary Learning Strategies (VLS) research, especially in the area related to Malay learners learning *Mandarin as a Foreign Language* in the Malaysian context. The aims of this study were two folds: to examine the phenomena of the Mandarin VLS use and to explore factors that may affect the Mandarin VLS use among the Malay learners at the tertiary level. These learners happened to learn Mandarin as a foreign language (L3). To achieve the above research aims, this study utilized the mixed method approach, which is the explanatory design that consists of a two-phase data collection process. The first phase involved the collection of quantitative data in order to determine the overall level and frequency of Mandarin VLS use by the tertiary Malay learners, as well as to identify the relationship between the learners' VLS use and their Mandarin vocabulary proficiency levels. In addition, the differences of VLS use by the high proficiency learners (HPL) and low proficiency learners (LPL) were also examined. While in the second phase, a semi-structured interview was used to collect qualitative data from 15 HPL and 15 LPL informants. The main objective of this phase is to explore the possible factors that may affect the Mandarin VLS use by HPL and LPL. Results from the analysis of collated quantitative data using SPSS (19.0) show that overall the tertiary Malay learners used Mandarin VLS at medium level; simultaneously the results show that the usage of Mandarin VLS has a strong positive relationship with the learners' Mandarin vocabulary proficiency levels. In addition, the findings of the study also revealed that there is a significant difference in Mandarin VLS use between HPL and LPL. Although it was revealed that both the HPL and LPL used revision strategies most frequently in the early stage of Mandarin vocabulary learning, nevertheless the HPL used them at high frequency level, whereas the LPL used them at the medium frequency level only. Other than that, it was found that HPL were more prone to use recall strategies which

University of Malaya

are productive in nature. On the other hand, the LPL were more inclined to adopt the learning and memorizing strategies that are receptive in nature. In terms of qualitative aspects, the analysis of the interview transcripts, which is based on "taxonomy analysis" method had successfully identified three major factors that may have influenced the Mandarin VLS use by HPL and LPL, they are : (I) linguistic related factors; (II) psychological factors; and (III) non-linguistic related factors. The linguistic related factors have four sub-themes. Additionally, the psychological factors involved three sub-themes. Lastly, the non-linguistic related factors include four sub-themes. Overall, this study has yielded positive pedagogical implications for the learners, instructors and course syllabus designers of Mandarin language. It also has theoretical and methodological implications. From the theoretical perspective, the findings of the study has strengthened the VLS classification theory, as well as enriched the framework proposed by Nyikos & Fan (2007) on the factors that affect the VLS use among the learners. From the methodological point of view, this study has showed that the mixed method is more suitable to be used for VLS use research.

University of Malaya

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, **Dr. Ng Lee Luan**, atas segala tunjuk ajar, bimbingan, dorongan, dan nasihat yang telah diberikan kepada saya sehingga sempurnanya penulisan tesis ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ingin saya tujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana telah memberi Hadiah Latihan SLAI kepada saya, agar saya berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Tidak terlupa juga ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada pihak pentadbiran UiTM dan bekas Dekan Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam, **Prof. Datin Dr. Hajibah Hj. Osman** yang telah menyokong dan meluluskan cuti belajar saya untuk membolehkan saya melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa.

Sekalung budi yang tidak terhingga juga buat arwah ayah saya yang sentiasa dalam kenangan dan ibu saya yang amat saya sayangi. Begitu juga, setulus kasih sayang buat seisi keluarga, terutama sekali suami saya yang tercinta, **Ir. Ng Weng Liang** dan dua orang anak kesayangan saya, **Ng Chin Tze** dan **Ng Chien Huey**, atas segala sokongan moral dan bantuan yang telah dihulurkan kepada saya selama ini. Tanpa sokongan padu daripada mereka, mustahil saya boleh melengkapkan penulisan tesis ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada panel penilai yang sudi meluangkan masa mereka untuk menyemak dan memberi cadangan membina demi manambahbaikkan instrumen soal selidik dan penjanaan tema berdasarkan data kualitatif dalam kajian ini: PM Dr. Ahmad Mazli, PM Dr. Asiah, Dr. Paramjeet Kaur, PM Soh Wei Nee, Cik Lau Suk Khin, dan Dr. Mok Soon Sim.

Akhir sekali, ingatan abadi buat semua pihak yang pernah membantu dan memberi sokongan moral kepada saya, iaitu Prof.Dato'Dr.TeoKS, Dr.Normah Ahmad, PM Liau, Hoong Eng, Pow Yean, Dr.Ayu, kak Aini, Dr.Swee Ai, Dr.Zubaidah, Prof.Dr.Hazita, Prof.Dr.Stefanie, Dr.Azlin, Dr.Jagdish, Dr.Surinderpal, Pn Emi, kak Ida, Mr.WongKS, Prof.Dr.Nor Hashimah, Dr.Fadzeli, Dr.Maslida, Dr.Karim, Dr.Pauline, Dr.Emily Dr.Mee Mee, Zuraini, Zaemah, Shahnaz, Zurina, Suzana, Midiyana, Julina, serta kepada mereka semua yang pernah menolong saya yang tidak sempat saya senaraikan nama mereka di sini.

Terima kasih.

University of Malaya

SEKALUNG KASIH

Buat arwah ayahanda :

Lee Eng Aun
Yang jasamu sentiasa dikenang dan nasihatmu sentiasa diingati

Buat bonda :

Ng Choo Soon
Yang sentiasa memberi dorongan dan mendoakan kejayaanku

Hadiah Teristimewa kepada :

Suamiku Ir. **Ng Weng Liang**
Yang sentiasa membantu dan memberi sokongan moral kepadaku

Anak-anakku **Ng ChinTze** & **Ng Chien Huey**
Yang amat disayangi

Keluarga abangku: **Lee Kheng Tian, Seng Kuan Bee & Lee Zhen Yi**
Yang sentiasa memberi sokongan moral kepadaku

Serta

Keluarga mertuaku: arwah **Ng Soong Por; Wong Siow Chon & Wong Siew Lan**
Yang sentiasa menghulurkan bantuan kepadaku

University of Malaya

KANDUNGAN

MUKA SURAT TAJUK		i
PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN		ii
ABSTRAK		iii
ABSTRACT		v
PENGHARGAAN		vii
KANDUNGAN		ix
SENARAI RAJAH		xvi
SENARAI JADUAL		xviii
SENARAI SINGKATAN		xxi
BAB 1: PENGENALAN		1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
	1.2.1 Kemunculan Bidang Kajian SPPK Dan Kedudukannya Dalam Bidang SLA	5
	1.2.2 Sejarah Ringkas Perkembangan Bahasa Cina (Mandarin)	9
	1.2.3 Pembelajaran Bahasa Cina (Mandarin) Di Peringkat Global dan Di Malaysia	14
1.3	Penyataan Masalah dan Jurang Kajian	20
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	25
1.5	Tujuan Dan Objektif Kajian	28
1.6	Soalan Kajian	30
1.7	Signifikan Kajian	31
1.8	Skop Dan Batasan Kajian	33
1.9	Definisi Istilah Yang Berkaitan	35
	1.9.1 Bahasa Pertama (B1), Bahasa Kedua (B2) dan Bahasa Asing (B3)	35

University of Malaya

1.9.2 Konteks Pembelajaran MFL *(Mandarin as a Foreign Language)* 36

1.9.3 Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata (SPPK) Mandarin 36

1.9.4 Bahasa Cina (Mandarin) 36

1.9.5 Hanyu Pinyin 37

1.9.6 Pelajar Melayu Berkemahiran Tinggi (PMKT) 37

1.9.7 Pelajar Melayu Berkemahiran Rendah (PMKR) 38

1.10 Kesimpulan 38

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR DAN JURANG KOSA ILMU 40

2.1 Pendahuluan 40

2.2 Dua Konsep Penting Perbendaharaan Kata Dari Perspektif Linguistik 40

2.2.1 Definisi Perbendaharaan Kata Dari Perspektif Linguistik 41

2.2.2 Penguasaan Pengetahuan Perbendaharaan Kata 43

2.3 Pelbagai Dimensi Pengklasifikasian SPPK 54

2.3.1 Dimensi Pengklasifikasian SPPK Ahmed 55

2.3.2 Dimensi Pengklasifikasian SPPK Sanaoui 57

2.3.3 Dimensi Pengklasifikasian SPPK Stoffer 59

2.3.4 Dimensi Pengklasifikasian SPPK Hatch dan Brown 63

2.3.5 Dimensi Pengklasifikasian SPPK Schmitt 65

2.3.6 Dimensi Pengklasifikasian SPPK Nation 69

2.4 Hasil Kajian Lepas SPPK 73

2.5 Kupasan Hasil Kajian Lepas SPPK 93

2.6 Kerangka Teoretikal Kajian 96

2.6.1 Model "*Active Control of Thought* "(ACT) 96

2.6.2 Kerangka Dapatan Tinjauan Nyikos dan Fan (2007) Tentang Faktor-Faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK 103

2.6.2.1 Faktor Tahap Pencapaian Kemahiran Pelajar 104

University of Malaya

2.6.2.2 Faktor Perkembangan Tahap Pembelajaran Pelajar 108

2.6.2.3 Faktor Persekitaran Pembelajaran 109

2.6.2.4 Faktor Kelainan Ciri Individu dan Perbezaan Jantina 111

2.7 Kesimpulan 113

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN 114

3.1 Pendahuluan 114

3.2 Reka Bentuk Kajian 115

3.2.1 Pandangan Dunia Mendasari Reka Bentuk Kajian Ini 115

3.2.2 Kaedah Campuran Penerangan Dan Rasional Pemilihannya 117

3.2.3 Gambaran Keseluruhan Prosedur Menjalankan Kajian Ini 119

3.3 Lokasi Kajian 122

3.3.1 Rasional Pemilihan Lokasi Kajian 122

3.4 Populasi Kajian 124

3.4.1 Rasional Penentuan Populasi Kajian 126

3.5 Persampelan 128

3.5.1 Prosedur Persampelan Kebarangkalian Untuk Pengumpulan Data Kuantitatif 129

3.5.1.1 Prosedur Penyediaan Kerangka Persampelan 130

3.5.1.2 Teknik Persampelan Rawak Berlapis Dan Rasional Penggunaannya 134

3.5.1.3 Prosedur Penentuan Saiz Sampel Dan Pemilihan Sampel Kajian 136

3.5.1.4 Latar Belakang Responden Kajian 144

3.5.2 Prosedur Persampelan Bukan Kebarangkalian Untuk Pengumpulan Data Kualitatif 146

3.5.2.1 Teknik Persampelan Bertujuan Dan Rasional Penggunaannya 147

3.5.2.2 Penentuan Saiz Informan dan Pemilihan Informan Temu Bual 149

University of Malaya

3.6 Instrumentasi 153

3.6.1 Soal Selidik 154

3.6.1.1 Rasional Penggunaan *Language Strategy Use Inventory-Vocabulary Strategy Use* Sebagai Sumber Asal Soal Selidik SPPK Mandarin Kajian Ini 156

3.6.1.2 Prosedur Pembentukan Item-Item Soal Selidik SPPK Mandarin 159

3.6.1.3 Perkara-Perkara Diubahsuai Dalam Soal Selidik Sumber Asal Dan Rasional Pengubahsuaiannya 161

3.6.2 Kertas Ujian Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin 163

3.6.3 Temu Bual Semi-Struktur 165

3.7 Kajian Rintis 166

3.8 Kesahan Instrumen Kajian 172

3.8.1 Kesahan Item-Item Soal Selidik 172

3.8.2 Kesahan Soalan-Soalan Kertas Ujian 173

3.8.3 Kesahan Soalan-Soalan Temu Bual Semi-Struktur 173

3.9 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian 174

3.9.1 Kebolehpercayaan Item-Item Soal Selidik 174

3.9.2 Kebolehpercayaan Soalan-Soalan Kertas Ujian 176

3.9.3 Kebolehpercayaan Soalan-Soalan Temu Bual Semi-Struktur 178

3.10 Prosedur Menjalankan Kajian Sebenar 181

3.11 Prosedur Penganalisisan Data Kajian 185

3.11.1 Prosedur Penganalisisan Data Kuantitatif 185

3.11.2 Prosedur Penganalisisan Data Kualitatif 188

3.12 Kesimpulan 189

BAB 4: DAPATAN KAJIAN KUANTITATIF DAN PERBINCANGAN 190

4.1 Pendahuluan 190

4.2 Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin Dalam Kalangan Pelajar Melayu IPT 192

University of Malaya

4.2.1 Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Para Pelajar Melayu IPT Dari Perspektif Secara Keseluruhan 194

4.2.2 Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Para Pelajar Melayu IPT Berdasarkan 4-Kategori SPPK Mandarin 198

4.3 Pengaruh Penggunaan SPPK Mandarin Terhadap Tahap Pencapaian Perbendaharaan Kata Mandarin Para Pelajar Melayu IPT 203

4.3.1 Pengaruh Penggunaan SPPK Mandarin Terhadap Tahap Pencapaian Perbendaharaan Kata Mandarin Para Pelajar Melayu IPT Dari Perspektif Secara Keseluruhan 207

4.3.2 Pengaruh Penggunaan SPPK Mandarin Terhadap Tahap Pencapaian Perbendaharaan Kata Mandarin Para Pelajar Melayu IPT Berdasarkan 4-Kategori SPPK Mandarin 212

4.4 Pola Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan Kumpulan PMKR 219

4.4.1 Perbezaan Penggunaan SPPK Mandarin antara Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR 220

4.4.2 Tahap Dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR 225

4.4.2.1 Tahap Dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Dari Perspektif Secara Keseluruhan 227

4.4.2.2 Tahap Dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Berdasarkan 4-Kategori SPPK Mandarin 231

4.4.2.3 Tahap Dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Berdasarkan 32-Item SPPK Mandarin 236

4.5 Kesimpulan 248

BAB 5: DAPATAN KAJIAN KUALITATIF DAN PERBINCANGAN 253

5.1 Pendahuluan 253

5.2 Prosedur Pengumpulan dan Penganalisisan Data Kualitatif Secara Sepintas Lalu 254

5.3 Tema Induk dan Sub-Tema Tentang Faktor-Faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin 257

University of Malaya

5.4 Faktor-Faktor Linguistik 258

5.4.1 Pengaruh Ciri Linguistik Bahasa Ibunda 259

5.4.2 Pengaruh Tahap Penguasaan Pengetahuan Leksikal Bahasa Sasaran 265

5.4.3 Pengaruh Ciri Unik Perbendaharaan Kata Bahasa Sasaran 272

5.4.4 Pengaruh Pengalaman Menguasai Pengetahuan Leksikal Bahasa Kedua 276

5.5 Faktor-faktor Psikologi 281

5.5.1 Pengaruh Tahap Kematangan Fikiran Pelajar 282

5.5.2 Pengaruh Kepuasan Diri Jika Boleh Berkomunikasi Dalam Bahasa Sasaran 288

5.5.3 Pengaruh Persepsi Tahap Kesukaran Bahasa Sasaran 291

5.6 Faktor-faktor Bukan-Linguistik 296

5.6.1 Pengaruh Persekitaran Pembelajaran Bahasa Sasaran 297

5.6.2 Pengaruh Kaedah Pengajaran Guru Bahasa Sasaran 305

5.6.3 Pengaruh Kekerapan Persembahan Leksikal Dalam Buku Teks Bahasa Sasaran 311

5.6.4 Pengaruh Gaya Pembelajaran Visual dan Auditori Pelajar 317

5.7 Kesimpulan 321

BAB 6: PENUTUP 324

6.1 Pendahuluan 324

6.2 Rumusan Dapatan Kajian 324

6.2.1 Fenomena Penggunaan SPPK Mandarin Dalam Kalangan Pelajar Melayu IPT 326

6.2.2 Pola Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR 327

6.2.3 Faktor-Faktor Menpengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR 329

6.3 Implikasi Kajian 332

6.3.1 Implikasi Kajian Dari Segi Teoretikal 332

University of Malaya

6.3.1.1 Implikasi Dari Segi Memantapkan Teori Pemerihalan Hasil Kajian SPPK Mandarin Sedia Ada 333

6.3.1.2 Implikasi Dari Segi Memperkayakan Kerangka Dapatan Tinjauan Lepas Tentang Faktor-Faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK 337

6.3.2 Implikasi Kajian Dari Segi Metodologi 340

6.3.3 Implikasi Kajian Dari Segi Pedagogi 343

6.3.3.1 Implikasi Kepada Para Pelajar 343

6.3.3.2 Implikasi Kepada Para Pendidik 344

6.3.3.3 Implikasi Kepada Penggubal Kurikulum Kursus Mandarin Sebagai B3 346

6.3.3.4 Implikasi Kepada Panel Penulis Buku Teks Mandarin Sebagai B3 347

6.4 Limitasi Dan Cadangan Untuk Kajian Lanjutan 349

6.5 Kesimpulan 351

RUJUKAN 354

LAMPIRAN 368

University of Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Konsep Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata (SPPK)	6
Rajah 1.2	Hubungan Antara Perbendaharaan Kata (SPPK), Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) dan Strategi Pembelajaran (SP)	7
Rajah 1.3	Kedudukan SPPK Dalam Bidang Pembelajaran Bahasa Kedua	8
Rajah 1.4	Pembelajaran Bahasa Cina (Mandarin) Melalui Sistem Pendidikan Formal Di Malaysia	17
Rajah 1.5	Rumusan Jurang Kosa Ilmu dalam Bidang Penyelidikan SPPK Mandarin	22
Rajah 1.6	Kerangka Konseptual Kajian	27
Rajah 2.1	Contoh Tatatingkat Hiponim Satu Perkataan Mandarin	50
Rajah 2.2	Model Pemprosesan Maklumat	98
Rajah 2.3	Kerangka Kerja Pengautomatikan (*automatization*) Maklumat Dalam Model Pemprosesan Maklumat McLaughlin (1987, 1990)	100
Rajah 3.1	Kerangka Kerja Kaedah Campuran Penerangan	118
Rajah 3.2	Carta Aliran Keseluruhan Prosedur Menjalankan Kajian Ini	120
Rajah 3.3	Prosedur Menjalankan Kajian Rintis	167
Rajah 3.4	Prosedur Menjalankan Kajian Sebenar Berdasarkan Kaedah Campuran Penerangan	182
Rajah 3.5	Contoh Salah Satu Tema Induk Dan Sub-temanya Tentang Faktor-faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin	189
Rajah 4.1	Perbandingan Tahap dan Kekerapan Penggunaan 32-Item SPPK Mandarin antara Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR	237
Rajah 5.1	Contoh Salah Satu Tema Induk Dan Sub-temanya Tentang Faktor-faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin	255
Rajah 5.2	Rumusan Bilangan Tema Induk dan Sub-Tema Dalam Kajian Ini	257
Rajah 5.3	Rumusan Tema Induk dan Sub-Tema Tentang Faktor-Faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR	322

University of Malaya

Rajah 6.1 Rumusan Dapatan Kajian Kuantitatif dan Kualitatif 325

Rajah 6.2 Rumusan Tema Induk dan Sub-Temanya Tentang Faktor-Faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR 330

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Dialek-Dialek Utama Dalam Bahasa Cina dan Kawasan Penyebarannya	11
Jadual 2.1	Pelbagai Tahap Pendefinisian Perkataan Dari Perspektif Linguistik	42
Jadual 2.2	Tiga Kriteria Utama Dalam Penguasaan Perbendaharaan Kata	45
Jadual 2.3	Pengklasifikasian SPPK "Tahap-Makro" dan SPPK "Tahap-Mikro" Ahmed	55
Jadual 2.4	Ciri-Ciri Pengguna Pendekatan (SPPK) Berstruktur dan Tidak-Berstruktur	58
Jadual 2.5	Inventori Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata Stoffer	60
Jadual 2.6	Taksonomi Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata Schmitt	66
Jadual 2.7	Taksonomi Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata Nation	69
Jadual 3.1	Taburan Pelajar Kursus Mandarin Tahap II, Program Ijazah Sarjana Muda Sepenuh Masa, Semester I (September 2011 – Februari 2012) Sesi 2011 / 2012 Mengikut Fakulti	125
Jadual 3.2	Contoh Sebahagian Kerangka Persampelan Untuk Kajian Ini	132
Jadual 3.3	Jadual Saiz Sampel cadangan Cohen, Manion & Morrison (2001) (pada aras kesignifikanan p = 0.05)	138
Jadual 3.4	Bilangan Pelajar Terpilih Sebagai Responden Kajian Berdasarkan Sub-Populasi (Fakulti)	141
Jadual 3.5	Latar Belakang Responden Kajian	145
Jadual 3.6	Senarai Informan Terpilih Untuk Temu Bual Semi-Struktur	151
Jadual 3.7	Keselarasan Pengklasifikasian 4-Kategori SPPK Dengan Tiga Peringkat Pemprosesan Maklumat Dalam Model ACT Anderson (1983,1985)	158
Jadual 3.8	Jumlah Item-Item Diuji, Bilangan Soalan Dan Skor Setiap Item PPKM	163
Jadual 3.9	Kelas Mandarin Dan Bilangan Pelajar Terlibat Dalam Kajian Rintis	169

University of Malaya

Jadual 3.10	Keputusan Ujian Statistik Kebolehpercayaan Item-Item Soal Selidik SPPK Mandarin	175
Jadual 3.11	Keputusan Ujian Pra-Pasca Untuk Kebolehpercayaan Kertas Ujian PPKM	177
Jadual 3.12	Interpretasi Kebolehpercayaan Nilai Kappa (k) Berdasarkan Jadual Kebolehpercayaan Antara-Pengekod	179
Jadual 3.13	Keputusan Penaksiran Kebolehpercayaan Soalan-Soalan Temu Bual Antara Pengkaji Dengan Penilai 1	179
Jadual 3.14	Keputusan Penaksiran Kebolehpercayaan Soalan-Soalan Temu Bual Antara Pengkaji Dengan Penilai 2	180
Jadual 3.15	Interpretasi Skor Min Untuk Penentuan Tahap Penggunaan SPPK Mandarin	186
Jadual 4.1	Interpretasi Skor Min Untuk Menentukan Tahap Penggunaan SPPK Mandarin	193
Jadual 4.2	Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Para Pelajar Melayu IPT Dari Perspektif Secara Keseluruhan	194
Jadual 4.3	Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Para Pelajar Melayu IPT Berdasarkan 4-Kategori SPPK Mandarin	199
Jadual 4.4	Skala Davies (1971) Untuk Menentukan Kekuatan Korelasi Antara Dua Variabel	206
Jadual 4.5	Keputusan Ujian Korelasi *Pearson Product-Moment* Antara Penggunaan SPPK Mandarin Dengan Tahap Pencapaian Perbendaharaan Kata Mandarin Dari Perspektif Secara Keseluruhan	207
Jadual 4.6	Keputusan Ujian Korelasi *Pearson Product-Moment* Antara Penggunaan SPPK Mandarin Dengan Tahap Pencapaian Perbendaharaan Kata Mandarin Berdasarkan 4-Kategori SPPK Mandarin	212
Jadual 4.7	Keputusan Ujian Mann-Whitney U Tentang Perbezaan Penggunaan SPPK Mandarin antara Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR	223
Jadual 4.8	Interpretasi Tahap Penggunaan SPPK Mandarin Berdasarkan Skor Min	226
Jadual 4.9	Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Dari perspektif Secara Keseluruhan	227

University of Malaya

Jadual 4.10	Tahap Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Berdasarkan 4-Kategori SPPK Mandarin	231
Jadual 4.11	Perbandingan 5-Item SPPK Mandarin Yang Paling Kerap Digunakan oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Mengikut Urutan	240
Jadual 4.12	Perbandingan 5-Item SPPK Mandarin Yang Paling Jarang Digunakan oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Mengikut Urutan	244
Jadual 6.1	Sumbangan Dapatan Kajian Ini Tentang Faktor-Faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin Berbanding Dengan Hasil Kajian Lepas	338

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

ACT	*Active Control of Thought*
B1	Bahasa ibunda / bahasa pertama
B2	Bahasa kedua
B3	Bahasa asing / bahasa ketiga
EFL	*English as a Foreign Language*
E-PJJ	E-Pembelajaran Jarak Jauh
ESL	*English as a Second Language*
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JBAE	Jabatan Bahasa Asia dan Eropah
KKB	Kursus Kemahiran Bahasa
kual	Kualitatif
KUAN	Kuantitatif
M	Nilai min
MFL	*Mandarin as a Foreign Language*
MP	Nilai min pangkatan
N	Bilangan responden pelajar Melayu IPT secara keseluruhan
n_1	Bilangan responden yang mewakili kumpulan pelajar Melayu berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT)
n_2	Bilangan responden yang mewakili kumpulan pelajar Melayu berkemahiran rendah (kumpulan PMKR)
Nilai (r)	Nilai saiz korelasi
Nilai (r^2)	Nilai varians
PJJ	Pembelajaran Jarak Jauh

University of Malaya

PKB	Pakej Kemahiran Bahasa
PLK	Pembelajaran Luar Kampus
PMKR	Pelajar Melayu berkemahiran rendah
PMKT	Pelajar Melayu berkemahiran tinggi
PnPKM	Pencapaian Perbendaharaan Kata Mandarin
PPKM	Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin
SILL	*Strategy Inventory For Language Learning*
SLA	*Second Language Acquisition*
SP	Strategi Pembelajaran
SPB	Strategi Pembelajaran Bahasa
SPPK	Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata
Tahap (R)	Tahap Penggunaan (SPPK Mandarin) Rendah
Tahap (S)	Tahap Penggunaan (SPPK Mandarin) Sederhana
Tahap (T)	Tahap Penggunaan (SPPK Mandarin) Tinggi
UiTM	Universiti Teknologi MARA

University of Malaya

University of Malaya

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Berikutan daripada kepesatan perkembangan ekonomi Negeri China dalam abad ke-21, aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) sebagai bahasa kedua (B2) ataupun bahasa asing (B3) kini sedang "hangat" berlaku di seluruh dunia. Hal ini demikian kerana menurut Zulkifli (2011) rata-rata warga global kini berpendapat bahawa secara relatifnya pelbagai peluang pekerjaan akan dibuka kepada mereka yang fasih berkomunikasi dalam Mandarin. Di Malaysia, bahang ini turut dirasai memandangkan selain daripada faktor global yang disebutkan tadi, Mandarin sesungguhnya mempunyai nilai kepergunaannya yang tinggi dalam konteks masyarakat Malaysia kerana etnik Cina di sini yang rata-ratanya menjadikan Mandarin sebagai bahasa perantaraan mereka adalah memainkan peranan penting dalam bidang ekonomi di negara kita. Justeru itu, sejak sepuluh tahun kebelakangan ini, didapati semakin banyak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia telah menawarkan Kursus Bahasa Cina (Mandarin) sebagai salah satu subjek elektif kepada para pelajar mereka, dan pada masa yang sama didapati ia mendapat sambutan yang cukup memberangsangkan, terutama sekali dalam kalangan pelajar Melayu. Sebagai contohnya, di kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam sahaja, sekurang-kurangnya 8 ribu orang pelajar yang majoritinya terdiri daripada kaum Melayu, telah berdaftar untuk mengikuti Kursus Mandarin sebagai B3 pada setiap tahun mulai tahun 2007 (Rekod Fail Meja Penyelaras Unit Mandarin, UiTM Shah Alam, 2012).

Memang tidak dapat dinafikan hal ini merupakan satu trend perkembangan yang baik, kerana keupayaan kaum Melayu boleh berkomunikasi dalam Mandarin sememangnya dapat mengeratkan lagi tali silatulrahim antara kaum di Malaysia. Menurut satu laporan

University of Malaya

daripada *American Council*, "*language is a tool of communications and windows for intercultural understanding*" (American Council 2005; Teh 2015). Hal ini bererti persefahaman antara manusia dapat dipupuk melalui pembelajaran ataupun penguasaan sesuatu bahasa sasaran (B2/B3) baru, yang mana dalam konteks kajian ini ia merujuk kapada pembelajaran dan penguasaan Mandarin sebagai B3 dalam kalangan pelajar Melayu IPT.

Namun demikian, salah satu isu yang perlu direnung bersama ialah sejauh manakah pengajaran dan pembelajaran bahasa sasaran (Mandarin) ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam kalangan pelajar Melayu IPT yang rata-ratanya berbahasa Melayu sebagai bahasa ibunda (B1) mereka, malahan mereka juga pernah mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2 sebelum mempelajari Mandarin sebagai B3 ? Daripada pemerhatian pengkaji, proses pembelajaran sesuatu B3 akan bertambah rumit sekiranya B3 tersebut tidak terletak di dalam persekitaran input B3 yang sedang dipelajari. Masalah utama yang sering dihadapi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran sebegini ialah ketidakupayaan para pelajar menguasai kecekapan berkomunikasi dalam B3 tersebut. Di UiTM umpamanya, walaupun pengajaran dan pembelajaran B3 adalah secara formal, namun hasil kajian terdahulu oleh Naimah (2005) jelas menunjukkan bahawa rata-rata pelajarnya masih menghadapi masalah kurang menguasai kecekapan berkomunikasi dalam B3 yang dipelajari. Begitu juga, salah satu kajian lepas yang berkaitan dengan pembelajaran Mandarin sebagai B3 oleh Lee *et al*. (2004) turut mendapati bahawa majoriti pelajar Kursus Mandarin di UiTM masih menghadapi masalah penguasaan perbendaharaan kata Mandarin, terutama sekali dari aspek "nada". Padahal elemen "nada" adalah bersifat fonemik dalam Mandarin dan ia memainkan peranan penting untuk menjamin keberkesanan berkomunikasi dalam Mandarin. Kegagalan menguasai

University of Malaya

aspek "nada" perbendaharaan kata Mandarin bermakna seseorang pelajar akan menghadapi masalah untuk berkomunikasi dalam Mandarin.

Menurut Cohen dan Dörnyei (2002), punca permasalahan ketidakcekapan berkomunikasi dalam B3 ini sesungguhnya boleh dilihat dari pelbagai perspektif, misalnya (i) jangka masa pembelajaran dan kepadatan kandungan silabus; (ii) sifat-sifat dan keupayaan pendidik bahasa; (iii) kesesuaian metodologi / kaedah pengajaran; (iv) sifat-sifat pelajar bahasa (*characteristics of the language learner*); (v) kualiti bahan pengajaran (seperti buku teks); (vi) saiz dan komposisi kumpulan pelajar; serta (vii) peluang berlatih menuturkan bahasa sasaran dalam keadaan semula jadi. Namun satu perkara paling dasar yang perlu diberi perhatian sewajarnya ialah isu keberkesanan penguasaan perbendaharaan kata B3 yang dipelajari. Menurut Nyikos & Fan (2007:251), perbendaharaan kata memainkan peranan yang amat penting untuk menghasilkan komunikasi yang berkesan – "*Vocabulary has a crucial role in both the receptive and productive skills associated with effective communication.*" Hal ini tidak dapat dikecualikan dalam proses pembelajaran Mandarin sebagai B3 oleh para pelajar Melayu IPT dalam konteks MFL (*Mandarin as a foreign language*) di Malaysia. Persoalannya, bagaimana hendak menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3 dengan berkesan ?

Menurut Schmitt (2009), salah satu cara untuk membantu agar dapat menjayakan penguasaan perbendaharaan kata B2/B3 dengan berkesan ialah melalui penggunaan strategi pembelajaran perbendaharaan kata (SPPK). Malahan, beberapa hasil kajian lepas (Gu dan Johnson 1996; Fan 2003) turut membuktikan bahawa SPPK mempunyai kaitan positif dengan hasil pembelajaran para pelajar. Hal ini bererti kajian tentang SPPK Mandarin adalah amat penting dalam usaha kita menjamin keberkesanan

University of Malaya

penguasaan perbendaharaan kata Mandarin dan hasil pembelajaran Mandarin secara keseluruhannya. Sungguhpun begitu, terdapat pengkaji yang menyatakan bahawa faktor kebolehan semula jadi (*aptitude*) juga merupakan salah satu faktor utama yang mampu menentukan kejayaan pembelajaran sesuatu bahasa sasaran baru (Dörnyei dan Skehan 2016). Namun, demi mendiskusikan isu kejayaan menguasai bahasa sasaran Mandarin sebagaimana diungkitkan di atas, topik "SPPK Mandarin" tetap akan dipilih untuk diteliti dalam kajian ini, kerana didapati beberapa kajian lepas (seperti Schmitt 1997/2009; O'Malley dan Chamot 1990) menunjukkan bahawa faktor kebolehan semula jadi (*aptitude*) adalah tidak mutlak dalam menjamin kejayaan pembelajaran sesuatu bahasa sasaran (B2/B3) baru. Sebaliknya, daya usaha individu melalui penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang sesuai akan menentukan kejayaan penguasaan sesuatu bahasa sasaran (B2/B3) yang dipelajari. Tambahan pula, lazimnya bilangan pelajar yang diberkati dengan kebolehan semula jadi (*aptitude*) ini tidak ramai, malahan hanya merupakan sebilangan kecil pelajar sahaja.

Walaupun demikian, daripada tinjauan literatur, didapati aspek kajian tentang penggunaan SPPK masih amat terbatas dalam bidang linguistik bahasa Cina (Mandarin), khasnya dalam konteks pembelajaran Mandarin sebagai B3 oleh para pelajar Melayu IPT [*The Malay MFL* (*Mandarin as a Foreign Language*) *learning context*] di Malaysia. Justeru itu, kajian ini adalah wajar dilakukan demi menampung jurang kosa ilmu ini (hal ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi di sub-bahagian **1.3** nanti). Walau bagaimanapun, sebelum membincangkan signifikan kajian ini, adalah wajar diterangkan latar belakang kajian ini terlebih dahulu melalui sub-bahagian **1.2** berikut.

University of Malaya

1.2 Latar Belakang Kajian

Sub-bahagian ini akan membincangkan latar belakang kajian ini dari tiga perspektif utama – (i) kemunculan bidang kajian SPPK dan kedudukannya dalam bidang Pembelajaran Bahasa Kedua (SLA – *Second Language Acquisition*)**;** (ii) sejarah ringkas perkembangan bahasa Cina (Mandarin); dan (iii) pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) di peringkat global dan di Malaysia.

1.2.1 Kemunculan Bidang Kajian SPPK Dan Kedudukannya Dalam Bidang SLA

Natijah daripada satu "anjakan paradigma" yang berlaku dalam bidang Pembelajaran Bahasa Kedua (SLA) sejak tahun 1970an, fokus pengajaran dan pembelajaran B2 /B3 mula beralih daripada aspek pengajaran (yang mementingkan produk ataupun hasil pembelajaran) kepada aspek pembelajaran (yang menumpukan perhatian kepada cara ataupun proses pembelajaran). Sehubungan ini, segelintir sarjana dalam bidang SLA (seperti Rubin 1975; Stern 1975, 1983; Tarone 1980; McLaughlin 1987; Wenden dan Rubin 1987; Ellis 2008) mula menitikberatkan kajian mereka tentang aspek "sifat-sifat pelajar" (*characteristics of the language learner*) dan salah satu sub-bidang penting berkaitan dengan "sifat-sifat pelajar" ini ialah "penggunaan strategi" dalam menjayakan proses pembelajaran sesuatu bahasa sasaran (B2/B3). Rata-rata hasil kajian mereka membuktikan bahawa sesungguhnya penguasaan B2/B3 tidak boleh bergantung kepada pendidik bahasa ataupun satu-satu kaedah pengajaran semata-mata. Sebaliknya, daya usaha dan inisiatif para pelajar sendiri merupakan salah satu "kuasa dalaman" yang amat penting untuk menjayakan penguasaan kecekapan komunikatif B2/B3 yang dipelajari (Schmitt 2009).

Sementara di satu pihak yang lain pula, sejak tahun 1990an, peranan "perbendaharaan kata" yang selama ini diketepikan dalam pengajaran B2/B3 secara tradisional, kini telah

University of Malaya

mula diberi perhatian kembali (Nyikos dan Fan 2007). Hal ini demikian kerana wujudnya kesedaran bahawa "perbendaharaan kata" merupakan komponen linguistik yang paling asas bagi menjamin kejayaan seseorang pelajar menguasai kemahiran-kemahiran bahasa (seperti bertutur, mendengar, membaca, dan menulis) ketika mempelajari sesuatu B2/B3 yang lain.

Menurut Schmitt (2009:199), berikutan daripada perkembangan kedua-dua komponen linguistik ini – penggunaan SPB dalam pembelajaran B2/B3 di satu pihak; dan kesedaran tentang kepentingan peranan "perbendaharaan kata" dalam menguasai B2/B3 di satu pihak yang lain, maka satu titik pertembungan antara kedua-dua komponen linguistik ini telah mengaktifkan kembali satu bidang penyelidikan baru – strategi pembelajaran perbendaharaan kata (SPPK), sebagaimana ditunjukkan dalam **Rajah 1.1** berikut.



Rajah 1.1 : Konsep Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata (SPPK)

Rajah 1.1 di atas jelas menunjukkan SPPK merupakan satu "bidang gabungan" antara bidang strategi pembelajaran bahasa (SPB) dengan komponen linguistik perbendaharaan kata. Ia merupakan satu topik kajian dalam bidang SLA yang banyak mendapat tumpuan sejak tahun 1990an di Barat (Schmitt 2009). Secara tuntasnya, Gu (1994) merumuskan bahawa SPPK merupakan tindakan-tindakan tertentu yang diambil oleh para pelajar untuk membantu diri mereka ketika mempelajari dan menguasai perkataan-perkataan baru dalam sesuatu bahasa sasaran (B2/B3). Demi memberi satu gambaran

University of Malaya

yang lebih jelas tentang konsep SPPK, Nation (2001) menerangkan sesungguhnya SPPK mempunyai kaitan rapat dengan strategi pembelajaran bahasa (SPB) dan strategi pembelajaran (SP), seperti ditunjukkan dalam **Rajah 1.2** berikut.



Rajah 1.2 : Hubungan Antara Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata (SPPK), Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) dan Strategi Pembelajaran (SP)

Rajah 1.2 di atas menunjukkan bahawa SPPK ialah "subset" kepada strategi pembelajaran bahasa (SPB), manakala SPB pula merupakan salah satu sub-bidang daripada strategi pembelajaran (SP) yang lebih umum. Hal ini bererti SPPK adalah merupakan satu aspek khusus dalam bidang strategi pembelajaran bahasa yang mengkaji strategi-strategi pembelajaran yang berkesan untuk menguasai perbendaharaan kata dengan jayanya. Justeru itu, apabila kita mengkaji SPPK Mandarin dalam kajian ini, ia sesungguhnya bererti meneliti "tindakan-tindakan tertentu yang diambil oleh para pelajar Melayu IPT untuk membantu diri mereka dalam proses mempelajari dan menguasai perkataan-perkataan baru Mandarin sebagai B3" Walau bagaimanpun, sekiranya topik kajian SPPK dilihat dari perspektif yang lebih luas, iaitu dari perspektif faktor-faktor mempengaruhi kejayaan menguasai sesuatu bahasa sasaran (B2/B3) dalam bidang SLA, kedudukan topik kajian SPPK adalah seperti ditunjukkan dalam **Rajah 1.3** (sila rujuk mukasurat berikutnya).

University of Malaya



(Dibentuk berdasarkan Cohen dan Dörnyei 2002)

Rajah 1.3: Kedudukan SPPK Dalam Bidang Pembelajaran Bahasa Kedua

Berpandukan **Rajah 1.3** di atas, jelas bahawa topik kajian SPPK Mandarin yang akan diteliti dalam kajian ini adalah merupakan salah satu cabang kecil yang dikembangkan daripada faktor "sifat-sifat pelajar bahasa" [ataupun dalam sesetengah artikel, ia dikenali

sebagai “perbezaan individu pelajar” (*learner differences / learner individual differences*)] yang dipercayai boleh mempengaruhi kejayaan menguasai sesuatu bahasa sasaran (B2/B3) dalam bidang Pembelajaran Bahasa Kedua / SLA (Cohen dan Dörnyei 2002). Sebagaimana yang pernah disentuh di sub-bahagian **1.1** tadi, Cohen dan Dörnyei (2002) telah mengenal pasti 7 faktor yang dibuktikan boleh mempengaruhi kejayaan pelajar untuk menguasai sesuatu bahasa sasaran (B2/B3), dan salah satu daripadanya ialah faktor “sifat-sifat pelajar”. Sesungguhnya, faktor “sifat-sifat pelajar” yang dimaksudkan di sini boleh dibahagikan kepada dua komponen besar – (i) sifat-sifat pelajar boleh dikawal (seperti motivasi, gaya pembelajaran, dan strategi pelajar); serta (ii) ciri-ciri pelajar di luar kawalan (seperti umur, jantina, dan kebolehan semula jadi). Manakala di bawah sub-kategori "strategi pelajar" pula, ia dibahagikan lagi kepada 3 jenis penggunaan dari tiga perspektif yang berlainan : strategi pembelajaran bahasa; strategi penggunaan bahasa; dan strategi motivasi diri. Ketiga-tiga jenis "strategi pelajar" tersebut masing-masing boleh dibahagikan lagi kepada sub-strateginya yang tersendiri. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan salah satu cabang kecil daripada “strategi pembelajaran bahasa” (SPB) – strategi pembelajaran perbendaharaan kata (SPPK), yang dikembangkan secara khusus daripada bidang SPB untuk meneliti segala tindakan tertentu yang diambil oleh para pelajar bagi mempelajari dan menguasai kemahiran perbendaharaan kata B2/B3 secara berkesan. Selanjutnya, perbincangan latar belakang kajian ini akan ditumpukan kepada dua sub-topik lagi yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian ini seperti berikut.

1.2.2 Sejarah Ringkas Perkembangan Bahasa Cina (Mandarin)

Menurut Zhu (1988:128), bahasa Cina adalah salah satu bahasa tertua di dunia. Ia telah wujud hampir 6,000 tahun dahulu. Dalam *The Cambidge Encyclopedia of Language*, Crystal (1992:310) telah mengklasifikasikan bahasa Cina ke dalam rumpun bahasa “Sino-Tibetan”. Perkataan “Sino” (ataupun *Sintic*) bererti pelbagai variasi bahasa Cina, iaitu

University of Malaya

dialek-dialek Cina; manakala perkataan "Tibetan" pula merujuk kepada jenis-jenis bahasa yang terdapat di Tibet, Burma dan kawasan-kawasan di sekitarnya. Walau bagaimanapun, menurut Campbell (1991:306), bahasa Cina merupakan bahasa yang paling penting dalam rumpun bahasa "Sino-Tibetan" ini, memandangkan ia dituturkan oleh sekurang-kurangnya 1,200 million penduduk di Negeri China, Taiwan, negara-negara di rantau Asia Tenggara (termasuk Malaysia), serta komuniti-komuniti Cina yang bertaburan di seluruh dunia. Malahan dewasa ini dianggarkan jumlah penduduk dunia yang mempelajari bahasa Cina (Mandarin) telah melebihi 4000 juta orang (Xinhua Wang 新华网 2009). Justeru itu, boleh dikatakan bahawa bahasa Cina (Mandarin) kini mempunyai statusnya yang agak penting di mata dunia.

Munurut Crystal (1992:312), pada dasarnya bahasa Cina hanya mempunyai satu bentuk tulisan, iaitu aksara Cina (汉字/ H satu sumber sejarah kebudayaan dan kesusasteraan Cina kuno yang sama. Namun demikian, dari segi pertuturan pula, ia boleh dibahagikan kepada lapan jenis dialek utama – Kantonis, Hakka, Hsiang, Kan, Mandarin, Min Utara, Min Selatan dan Wu. Menurut Crystal (1992) lagi, antaranya dialek Mandarin merupakan rumpun dialek yang terbesar dan dituturkan oleh kira-kira 70% daripada penduduk di Negeri China. Sekiranya dilihat dari segi "saling kebolehfahaman" (*mutual intelligibility*) pula, kelapan-lapan jenis dialek tersebut boleh dianggap sebagai lapan jenis bahasa yang berlainan, kerana penutur setiap jenis dialek tertentu tidak memahami apa yang dipertuturkan oleh penutur dialek yang lain. Misalnya, penutur dialek Kantonis tidak memahami apa yang dituturkan oleh penutur dialek Hakka, walaupun mereka menggunakan satu bentuk tulisan aksara Cina (汉字) yang sama. Sila lihat **Jadual 1.1** di mukasurat berikut.

University of Malaya

Jadual 1.1: Dialek-Dialek Utama Dalam Bahasa Cina dan Kawasan Penyebarannya

Bil.	Dialek	Kawasan Penyebaran
1.	Kantonis (*Yueh*)	Dituturkan di kawasan selatan Negeri China, terutama sekali di Guangdong, daerah-daerah di selatan Guangxi, Macau, dan Hong Kong.
2.	Hakka	Dituturkan secara meluas di daerah-daerah antara Fujian dan Guangxi.
3.	Hsiang (Hunan)	Dituturkan di bahagian tengah selatan Negeri China, iaitu di sekitar Hunan.
4.	Kan	Dituturkan di sekitar Shanxi dan daerah-daerah di barat-selatan Hebei.
5.	**Mandarin**	Dituturkan secara meluas dan dalam pelbagai ragam di kawasan-kawasan bahagian utara, tengah, dan barat Negeri China. Dialek Mandarin Utara, seperti yang dituturkan di Beijing, telah dijadikan sebagai asas dalam pembentukan bahasa Cina baku moden.
6.	Min Utara (*Min Pei*)	Dituturkan di sekitar kawasan barat-utara Fujian.
7.	Min Selatan (*Min Nan*)	Dituturkan di kawasan timur-selatan Negeri China, terutama sekali di daerah-daerah Zhejiang, Fujian, Pulau Hainan, dan Taiwan.
8.	Wu	Dituturkan di sebahagian kawasan sekitar Anhui, Zhejiang, dan Jiangsu.

(**Sumber**: Diadaptasi daripada *The Cambidge Encyclopedia of Language*,1992:310)

Sesungguhnya, pelbagai masalah telah timbul natijah daripada penggunaan pelbagai jenis dialek Cina ini, misalnya sukar untuk menyatupadukan rakyat Negeri China serta mengantarabangsakan bahasa Cina ke peringkat global. Oleh hal yang demikian, maka suatu "Revolusi Linguistik Cina" telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di Negeri China mulai abad ke-20 (Crystal 1992). Revolusi ini bertujuan untuk melaksanakan pembaharuan secara besar-besaran melalui program perancangan bahasa Cina di Negeri Cina. Secara tuntasnya, revolusi tersebut bertujuan untuk mencapai tiga matlamat utama seperti berikut :

University of Malaya

(i) Meringkaskan penulisan dalam Bahasa Cina klasik, serta mengurangkan coret-coret (*strokes*) aksara Cina yang sedia ada.

(ii) Menetapkan hanya satu bentuk komunikasi bahasa Cina dari segi pertuturan untuk semua rakyat di Negeri China tanpa mengira tempat asalnya. Dalam hal ini, dialek Mandarin telah dinaikkan statusnya sebagai bahasa Cina baku (dari segi pertuturan) untuk semua rakyat di Negeri China.

(iii) Memperkenalkan satu sistem fonetik yang menggunakan 26 huruf Latin untuk mengeja perkataan-perkataan bahasa Cina, dengan tujuan sistem fonetik ini boleh menggantikan penggunaan aksara Cina (汉字) dalam aktiviti kehidupan harian secara beransur-ansur.

Demi memastikan tiga matlamat Revolusi Linguistik Cina ini tercapai, beberapa pembaharuan telah dilaksanakan ke atas kurikulum Bahasa Cina di Negeri China sepanjang abad ke-20. Antara beberapa pembaharuan penting tersebut adalah seperti berikut:

(i) Pada tahun 1922, bahasa Cina moden yang berteraskan kemahiran komunikasi – "Bai-hua" (白话文) telah diisytiharkan sebagai bahasa Kebangsaan Negeri China, bagi menggantikan Bahasa Cina Klasik – "Wen-yan" (文言文). Pembaharuan ini berlaku akibat daripada penerimaan ide seorang sarjana Cina yang bernama Hu Shih (胡适) melalui "Gerakan 4 Mei" (*May Fourth Movement*) yang dilancarkan pada 4 Mei 1919 di Negeri China.

University of Malaya

(ii) Bentuk "aksara Cina mudah" (简体字) telah diperkenalkan untuk menggantikan bentuk "aksara Cina kompleks" (繁体字) yang sedia ada, iaitu mengurangkan bilangan coret-coret (strokes) ketika menulis aksara Cina.

(iii) Berikutan daripada penubuhan kerajaan "*The People's Republic of China*" pada tahun 1949, maka istilah "Putonghua" (*common language*) yang merujuk kepada "Bahasa Cina Baku Moden" telah diisytiharkan sebagai bahasa rasmi di Negeri China dan penggunaannya telah disebarkan ke keseluruhan Negeri China sehingga hari ini. Kini ia dikenali sebagai Bahasa Cina (Mandarin) di peringkat antarabangsa.

(iv) Pada 11 Februari 1958, Skema Hanyu Pinyin (汉语拼音方案) telah diperkenalkan dan dilaksanakan di Negeri China, iaitu menggunakan satu set sistem fonetik yang menggunakan 26 huruf Latin untuk mengeja perkataan Cina dalam bentuk aksara Cina (Chen, 1989: iii). Pelaksanaan Skema Hanyu Pinyin ini adalah sejajar dengan matlamat (iii) Revolusi Linguistik Cina yang disebutkan di atas.

Sesungguhnya, pengisytiharaan "Putonghua" sebagai bahasa rasmi standard di Negeri China sejak tahun 1949, telah meletakkan batu asas yang kukuh untuk perkembangan bahasa Cina (Mandarin) yang digunakan di seluruh dunia pada hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana sistem linguistik bahasa Cina (Mandarin) (sama ada dari segi fonologi, morfologi, ataupun sintaksis) telah dipermudahkan. Malahan, dengan adanya Skema Hanyu Pinyin tersebut, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) sebagai B2/B3 telah menjadi semakin mudah, khasnya dalam kalangan pelajar bukan penutur natif. Menurut Zhou Enlai (周恩来) (dalam Xu, 1983：17-18), pelaksanaan Skema Hanyu Pinyin ini bukan sahaja merupakan satu perkara yang amat

University of Malaya

penting dalam kehidupan masyarakat di Negeri China, bahkan ia juga telah menjamin masa depan Negeri China di peringkat global pada masa akan datang.

Namun demikian, ingin ditekankan di sini bahawa sehingga hari ini, matlamat (iii) dalam Revolusi Linguistik Cina (seperti ditunjukkan di atas) masih belum tercapai sepenuhnya. Hal ini bermakna Skema Hanyu Pinyin masih tidak menggantikan penggunaan aksara Cina (汉字) dengan sepenuhnya. Walau bagaimanpun, didapati pembaharuan memperkenalkan Skema Hanyu Pinyin dalam Sistem Linguistik Bahasa Cina (Mandarin) tersebut sememangnya telah terbukti dapat memberi implikasi positif kepada perkembangan pendidikan bahasa Cina (Mandarin) di peringkat global dan di negara kita pada hari ini. Pendek kata, Skema Hanyu Pinyin telah memudahkan ramai pelajar bukan penutur natif untuk mempelajari Mandarin sebagai B2/B3 di seluruh dunia.

1.2.3 Pembelajaran Bahasa Cina (Mandarin) Di Peringkat Global dan Di Malaysia

Menurut Zulkifli (2011:56), minat dan kecenderungan untuk mempelajari bahasa Cina (Mandarin) sebagai B2/B3 di peringkat global kini telah mencapai kemuncaknya di seluruh dunia. Hal ini berlaku kerana dijangka kepesatan perkembangan Negeri China dalam abad ke-21 akan menggerhanakan Amerika Syarikat sebagai kuasa ekonomi terbesar di dunia pada tahun 2027 (Zulkifli 2011). Di samping itu, Negeri China juga turut menonjolkan cita-cita besarnya untuk memperkukuhkan dan memperluaskan kuasa ketenteraannya demi menyaingi Amerika Syarikat di rantau Pasifik Barat. Tambahan pula, berikutan daripada pelancaran strategi ekonomi *"One Belt, One Road"* oleh Presiden Xi Jinping (习近平) di Negeri China sejak tahun 2013 (Zhang 2013), nilai ekonomi bahasa Cina (Mandarin) telah dipertingkatkan lagi di mata dunia. Natijahnya, pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) begitu rancak dijalankan di seluruh dunia.

University of Malaya

Sebagai buktinya, menurut satu laporan oleh Xinhua Wang /新华网(2009), dianggarkan dewasa ini sejumlah penduduk dunia yang mempelajari bahasa Cina (Mandarin) telah melebihi 4000 juta orang. Selain itu, didapati bilangan pelajar dari luar negeri yang memilih untuk melanjutkan pelajaran mereka di Negeri China juga turut meningkat sebanyak lima kali ganda dari tahun 1990 hingga 2004 (Liu 2004). Hal ini membuktikan pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) semakin menjadi satu trend dunia sejagat.

Selain itu, Graddol (2004) dalam satu terbitan berkala *Science*, telah menganggar bahawa menjelang tahun 2050, sebanyak 166 juta golongan muda antara umur 15-24 tahun akan merupakan penutur natif bahasa Cina (Mandarin) (laporan *Sunday Star*, 7 Mac 2004 : 44). Malahan, Graddol (2004) turut menjelaskan bahawa "… *in the next 10 years, the Chinese language would become a foreign language that the global community would want to learn*". (laporan *The Star*, 1 Mac 2004 : 23). Pernyataan Graddol (2004) ini telah diperkukuhkan lagi oleh satu laporan statistik dalam *Sin Chew Jit Poh* (16 Jan 2004 : 13) yang menunjukkan bahawa terdapat 2,027 buah universiti di 85 buah negara telah menawarkan Kursus Mandarin sebagai B2/B3. Pada masa yang sama, dianggarkan juga terdapat seramai 2.5 juta pelajar bukan penutur natif sedang belajar Mandarin di seluruh dunia. Antaranya 30,000 pelajar tersebut sedang mengikuti Kursus Mandarin di Beijing.

Beralih ke Amerika Syarikat pula, pelajar-pelajar IPT yang mengkhusus dalam pengajian bahasa Cina (Mandarin) telah meningkat sebanyak 36% dari tahun 1990 hingga 1995 (*Sin Chew Jit Poh*, 16 Jan 2004 : 13). Selain itu, menurut satu laporan yang dibuat oleh *Center for Applied Linguistics* di Amerika Syarikat pada awal tahun 2010, dianggarkan 1,600 buah sekolah awam dan swasta di Amerika Syarikat mengajar Mandarin sebagai B2 / B3, berbanding dengan hanya kira-kira 300 buah pada dekad

University of Malaya

sebelumnya (Zulkifli, 2011:56-57). Lebih-lebih lagi, di New York City sahaja, didapati kira-kira 80 buah sekolah telah menambahkan Kursus Mandarin ke dalam kurikulum mereka, malahan beberapa program telah bermula sejak di peringkat tadika (Zulkifli, 2011:57) lagi. Kesemua perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Cina (Mandarin) telah menjadi semakin penting di Amerika Syarikat.

Sementara di Jepun, sebanyak 95% universiti di negara tersebut telah menjadikan bahasa Cina (Mandarin) sebagai bahasa asing kedua (B2). Di satu pihak yang lain pula, bilangan pelajar Korea Selatan yang belajar Mandarin telah meningkat sebanyak 66% sejak 5 tahun kebelakangan ini, iaitu seramai 160,000 pelajar sekolah menengah dan universiti sedang mempelajari Mandarin sebagai B2 (Sin Chew Jit Poh, 16 Jan 2004 : 13). Keadaan ini jelas mencerminkan bahawa minat terhadap pembelajaran Mandarin bukan saja berkembang pesat di negara-negara Barat, bahkan negara-negara di benua Asia turut mementingkan penguasaan bahasa Cina (Mandarin) sebagai B2/B3, atas nilai kepergunaannya yang tinggi pada era ini.

Di rantau Asia Tenggara pula, didapati kerajaan Indonesia yang pada suatu ketika dahulu pernah mengharamkan pembelajaran bahasa Cina secara formal di sekolah, kini bukan sahaja telah mengizinkan penubuhan sekolah-sekolah Cina, bahkan penerbitan suratkhabar bahasa Cina serta penyiaran berita bahasa Cina (Mandarin) melalui televisyen (Guoxi 2005) turut dibenarkan. Sementara di Negeri Thai, pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) juga semakin mendapat sambutan baik. Umpamanya, sebanyak 430 buah sekolah di bawah kawalan Majlis Perbandaran Bangkok telah mula mengadakan kelas-kelas bahasa Cina (Mandarin) untuk para pelajar mereka (Guoxi 2005). Begitu juga di Filipina, sejak kebelakangan ini Kementerian Pendidikan mereka telah membenarkan bahasa Cina (Mandarin) dijadikan sebagai bahasa pengantar di

University of Malaya

sesetengah sekolah di sana (Guoxi 2005). Pendek kata, pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) semakin dititikberatkan oleh majoriti negara di rantau Asia Tenggara. Hal ini demikian kerana Mandarin mempunyai "nilai ekonomi"nya yang semakin meningkat.

Di Malaysia, keadaannya adalah berbeza daripada negara-negara lain seperti di atas. Peluang pembelajaran bahasa Cina **(**Mandarin) di Malaysia boleh dikatakan adalah antara yang paling "lengkap" dalam peringkat global (selain daripada Negeri China, Taiwan dan Hong Kong) kerana bahasa Cina **(**Mandarin) di sini boleh dipelajari melalui satu sistem pendidkan formal seperti ditunjukkan dalam **Rajah 1.4** berikut.

Rajah 1.4 : Pembelajaran Bahasa Cina (Mandarin) Melalui Sistem Pendidikan Formal Di Malaysia

Berpandukan **Rajah 1.4** di atas, didapati pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) di Malaysia adalah disokong oleh satu sistem pendidikan formal bermula dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK C) hingga ke peringkat universiti. Dalam konteks Malaysia, sesesorang pelajar boleh memilih untuk mempelajari Bahasa Cina (Mandarin)

sebagai B1 sejak kecil; ataupun sebagai B3 sejak kecil ataupun ketika dewasa. Ringkasnya, dalam konteks Malaysia, seseorang pelajar boleh mempelajari Bahasa Cina (Mandarin) melalui 3 saluran utama seperti berikut :

(i) Di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK C). Melalui saluran ini, bahasa Cina (Mandarin) adalah diajar sebagai B1 melalui aksara Cina (汉字) dahulu dan disusuli dengan Hanyu Pinyin (汉语拼音) demi menjamin sebutan bahasa Cina (Mandarin) yang tepat. Dalam konteks ini, pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) adalah dilakukan pada setiap hari dan ia merupakan satu mata pelajaran utama. Penekanan pengajaran dan pembelajarannya adalah diberi kepada kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Para pelajar lepasan sekolah rendah ini boleh menyambung pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) mereka ke Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK C); Sekolah Menengah Cina Persendirian; ataupun Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) tertentu yang ada menawarkan kelas Bahasa Cina. Malahan, mereka boleh menyambung pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) sehingga ke peringkat universiti / maktab perguruan sebagai satu bidang pengkhususan dalam pengajian bahasa Cina (Mandarin), seperti di Jabatan Pengajian Tionghua, Universiti Malaya.

(ii) Di Sekolah Rendah Kebangsaan (SK). Melalui saluran ini, bahasa Cina (Mandarin) adalah diajar sebagai B3, tetapi juga melalui aksara Cina (汉字) dahulu dan disusuli dengan Hanyu Pinyin (汉语拼音) demi menjamin sebutan bahasa Cina (Mandarin) yang tepat. Namun demikian, kandungan silabus dan bahan pengajarannya adalah lebih mudah dan tidak sekompleks

University of Malaya

yang terdapat di SRJK C, memandangkan bahasa Cina (Mandarin) dalam konteks ini hanya dipelajari sebagai satu mata pelajaran elektif dan tidak dilakukan setiap hari. Penekanan pengajaran dan pembelajarannya adalah lebih kepada kemahiran mendengar dan bertutur, walaupun kemahiran membaca dan menulis juga diperkenalkan secara serentak.

(iii) Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ataupun di Institusi Kerajaan tertentu (seperti INTAN). Melalui saluran ini, Mandarin adalah diajar sebagai B3 di bawah satu "kursus" yang digubal khas untuk para pelajar sendiri. Hal ini bererti setiap institusi mempunyai kandungan kursusnya yang tersendiri yang bergantung kepada matlamat kursus tersebut ditawarkan. Dalam konteks ini, Mandarin adalah diajar melalui Hanyu Pinyin (汉语拼音) terlebih dahulu, dan disusuli dengan pengajaran untuk mengenali sebilangan aksara Cina (汉字) yang dianggap penting. Lazimnya, Kursus Mandarin yang ditawarkan sebagai B3 ataupun dikenali sebagai konteks pembelajaran MFL (*Mandarin as a Foreign Language*) ini adalah lebih mementingkan aspek kecekapan berkomunikasi (iaitu lebih menekankan kemahiran mendengar dan bertutur, walaupun kemahiran membaca dan menulis juga diperkenalkan secara serentak.)

Berlandaskan maklumat di atas, boleh dirumuskan bahawa para pelajar yang mempelajari bahasa Cina (Mandarin) melalui saluran (i) dan (ii) adalah merupakan golongan pelajar kanak-kanak. Manakala para pelajar yang mempelajari bahasa Cina (Mandarin) melalui saluran (iii) adalah merupakan golongan pelajar dewasa. Walau bagaimanapun, fokus kajian ini hanya akan tertumpu kepada golongan pelajar daripada saluran (iii) – pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) sebagai B3 dalam kalangan pelajar Melayu IPT dalam konteks MFL di Malaysia, khasnya meneliti apakah strategi

University of Malaya

pembelajaran perbendaharaan kata (SPPK) yang digunakan oleh mereka untuk menguasai perbendaharaan kata Mandarin (dalam bentuk Pinyin) sebagai B3. Topik kajian ini dipilih kerana didapati wujudnya satu jurang kosa ilmu berkaitan dengan bidang penyelidikan SPPK Mandarin, terutama sekali dalam konteks pembelajaran Mandarin sebagai B3 oleh para pelajar Melayu [*The Malay MFL* (*Mandarin as a Foreign Language*) *learning context*] di Malaysia. Rasional mengapa kajian ini wajar dilakukan akan dibincangkan dengan lebih terperinci lagi di sub-bahagian **1.3** berikut.

1.3 Penyataan Masalah dan Jurang Kajian

Sebagaimana yang pernah dinyatakan dalam sub-bahagian **1.1** di atas, salah satu masalah utama yang sering dihadapi oleh para pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa sasaran (B2 / B3) yang terletak di luar persekitaran input bahasa sasaran tersebut, seperti mempelajari Mandarin sebagai B3 dalam konteks MFL oleh para pelajar Melayu IPT, ialah ketidakupayaan para pelajar menguasai kecekapan komunikatif dalam bahasa sasaran tersebut. Sebagai contohnya, hasil kajian terdahulu oleh Naimah (2005) jelas menunjukkan bahawa rata-rata pelajarnya masih menghadapi masalah kurang menguasai kecekapan berkomunikasi dalam B3 (termasuk Mandarin) yang dipelajari. Begitu juga, kajian Lee *et al*. (2004) turut membuktikan majoriti pelajar Kursus Mandarin di UiTM masih menghadapi masalah penguasaan perbendaharaan kata Mandarin, terutama sekali dari aspek "nada" yang bersifat fonemik sehingga boleh menjejaskan kecekapan berkomunikasi mereka dalam Mandarin.

Permasalahan ketidakcekapan untuk berkomunikasi dalam B3 ini mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor, namun salah satu faktor yang paling dasar untuk mengatasi masalah ini ialah : menguasai perbendaharaan kata Mandarin dengan baik dan berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana Nunan (1991) (dalam Ng *et al.* 2011) secara jelas

University of Malaya

menunjukkan bahawa penguasaan perbendaharaan kata yang memadai adalah penting bagi menjamin kejayaan dalam penggunaan bahasa. Tanpa perbendaharaan kata, sesuatu bahasa (B2/B3) adalah sukar untuk difahami. Kenyataan ini turut disokong oleh Wilkins (1972) (dalam Zhou *et al.* 2011:43) yang menegaskan bahawa : "*Provided one knows the appropriate vocabulary without much knowledge of grammar, communicating in a foreign language may not be very difficult, but it is next to impossible without vocabulary.*" Kedua-dua pendapat ini jelas menunjukkan bahawa dalam proses mempelajari sesuatu bahasa sasaran (B2/B3) – perbendaharaan kata Mandarin dalam konteks kajian ini, seseorang pelajar hendaklah terlebih dahulu menguasai dimensi perbendaharaan kata, kerana kecekapan komunikatif sesuatu bahasa sasaran (B2/B3) adalah dibina atas pengetahuan leksikal (iaitu perbendaharaan kata) yang kukuh.

Demi menguasai pengetahuan leksikal (perbendaharaan kata) sesuatu B2/B3 dengan baik dan berkesan, Schmitt (2009 : 199) mencadangkan salah satu caranya ialah melalui penggunaan strategi pembelajaran perbendaharaan kata (SPPK), dan beberapa hasil kajian lepas (Gu & Johnson 1996; Schmitt 2009; Fan 2003) turut menunjukkan bahawa SPPK mempunyai kaitan positif dengan hasil pembelajaran pelajar. Hal ini memberi interpretasi bahawa demi mengatasi masalah ketidakupayaan menguasai kecekapan berkomunikasi Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT, seseorang pelajar harus menguasai dimensi perbendaharaan kata Mandarin dengan baik. Demi menguasai perbendaharaan kata Mandarin secara berkesan pula, penggunaan SPPK Mandarin yang sesuai harus diaplikasikan dalam proses mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin. Namun demikian, daripada tinjauan literatur, didapati hasil penyelidikan tentang SPPK Mandarin dalam konteks pembelajaran Mandarin sebagai B3 oleh para

University of Malaya

pelajar Melayu IPT di Malaysia masih amat terbatas dan wujud beberapa kekurangan sebagaimana ditunjukkan dalam **Rajah 1.5** di muka surat berikut.

Rajah 1.5 : Rumusan Jurang Kosa Ilmu dalam bidang penyelidikan SPPK Mandarin

Berdasarkan **Rajah 1.5** di atas, didapati jurang kosa ilmu dalam bidang penyelidikan SPPK Mandarin di Malaysia boleh diulas dari tiga perspektif. Pertama, daripada tinjauan kajian lepas, didapati majoriti kajian tentang penggunaan SPPK adalah dalam bidang pembelajaran bahasa Inggeris sebagai B2 / B3. Umpamanya, kajian-kajian SPPK yang dilakukan oleh Porte (1988), Gu & Johnson (1996), Schmitt (1997; 2009), Nation (2001), dan Fan (2003). Boleh dikatakan kajian tentang penggunaan SPPK terhadap pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3 dalam konteks MFL (*Mandarin as a foreign language*) dan berpaksikan para pelajar Melayu IPT di Malaysia masih amat terbatas. Malahan, masih belum dijumpai tesis peringkat doktor falsafah di Malaysia yang meneliti aspek penggunaan SPPK Mandarin sebagai B3 dan faktor-faktor yang mempengaruhi

University of Malaya

penggunaannya dalam kalangan pelajar Melayu IPT (sebagaimana yang bakal dilakukan melalui kajian ini).

Walaupun didapati satu cebisan kajian lepas dalam bentuk kertas kerja persidangan yang amat releven dengan topik kajian ini – kajian tentang SPPK Mandarin sebagai B3 yang berpaksikan para pelajar Melayu IPT di UiTM oleh Tan dan Hoe (2009), namun didapati kajian tersebut hanya memfokuskan penggunaan SPPK Mandarin dan kaitannya dengan variabel jantina sahaja, tanpa mempertimbangkan variabel tahap pencapaian perbendaharaan kata para pelajar secara spesifik. Tambahan pula, didapati rata-rata kajian lepas tentang SPPK Mandarin jarang memfokuskan aspek faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin berpandukan data kualitatif.

Kedua, didapati metodologi kajian yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan SPPK masih kurang komprehensif, kerana rata-rata kajian lepas tentang penggunaan SPPK (Gu & Johnson 1996; Schmitt 1997, 2009; Tan & Hoe 2010; Fan 2003; Wan Nazri 2006; Mohd. Sahandri Gani Hamzah *et al*. 2009; Asgari & Ghazali 2011) hanya berdasarkan kaedah kajian kuantitatif sahaja, terutama sekali menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul data kajian, tanpa disusuli pengumpulan data kualitatif bagi mewajarkan argumen-argumen pengkaji terhadap dapatan kuantitatif mereka.

Sebagai contohnya, dalam kajian Tan dan Hoe (2010), walaupun mereka ada mengutarakan tiga faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh responden (iaitu bahan pengajaran yang kurang komprehensif, kaedah pengajaran pendidik yang berorientasikan kaedah pengajaran traditional dan kekurangan jam kontak), namun argumen tersebut hanya berdasarkan jangkaan pengkaji semata-mata tanpa berpandukan bukti data kualitatif yang kukuh. Padahal menurut Ni *et al.* (2008), kajian tentang penggunaan strategi

University of Malaya

dalam pembelajaran bahasa sebaik-baiknya dilakukan melalui kaedah campuran dengan mengumpulkan data kuantitatif dan data kualitatif sekaligus, agar dapatan kajian yang dihasilkan nanti adalah lebih komprehensif dan meyakinkan.

Akhir sekali, didapati setakat ini teori pengklasifikasian SPPK masih belum mencapai satu konsensus yang memuaskan (Nyikos dan Fan 2007:245). Hal ini dikatakan demikian kerana didapati sebilangan kajian SPPK masih menggunakan kerangka teoretikal ataupun taksonomi strategi pembelajaran bahasa (SPB) seperti yang dikemukakan oleh Oxford (1990) untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan hasil kajian SPPK mereka. Sebagai contohnya, Tan dan Hoe (2010) telah menggunakan kerangka soal selidik SILL (1990) dan taksonomi SPB saranan Oxford (1990) untuk melaksanakan kajian dan membincangkan hasil kajian SPPK Mandarin mereka. Walaupun tidak dapat dinafikan Oxford (1990) telah mengemukakan satu taksonomi SPB yang agak lengkap untuk memerihalkan bagaimana para pelajar memperoleh, menyimpan, mendapatkan semula, dan seterusnya menggunakan B2/B3 yang dipelajari, namun taksonomi SPB beliau adalah lebih sesuai untuk menghuraikan strategi pembelajaran bahasa secara umum, dan bukannya strategi mempelajari perbendaharaan kata. Dalam erti kata lain, taksonomi SPB Oxford masih kurang rapi jika digunakan untuk memerihalkan dapatan kajian SPPK, memandangkan item-item SPB yang dikemukakan oleh Oxford (1990) tidak secara spesifik mendeskripsikan strategi-strategi yang digunakan untuk menguasai perbendaharaan kata.

Dalam pada itu, didapati majoriti daripada model pengklasifikasian SPPK yang telah dilakukan setakat ini adalah berlandaskan pembelajaran perbendaharaan kata bahasa Inggeris sebagai B2/B3 dalam konteks di luar negeri. Umpamanya, Gu & Johnson (1996) telah mengklasifikasikan 91 jenis SPPK bahasa Inggeris yang digunakan oleh pelajar-pelajar unversiti di Negeri China kepada dua katogari utama : strategi metakognitif dan

University of Malaya

strategi kognitif. Memang tidak dapat disangkalkan bahawa pengklasifikasian SPPK sedemikian dapat memanfaatkan perkembangan SPPK secara keseluruhannya, namun ia kurang sesuai diaplikasikan dalam penyelidikan berkaitan SPPK Mandarin sebagai B3 dalam konteks MFL di Malaysia secara khusus.

Justeru itu, demi menampung jurang kosa ilmu seperti dipaparkan di atas, kajian ini akan dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian campuran penerangan (*Mixed Methods Research* : *Explanatory design*) dan ditunjangi oleh satu kerangka konseptual kajian sebagaimana ditunjukkan melalui sub-bahagian **1.4** berikut.

1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini telah memilih model pemprosesan maklumat – *Active Control of Thought* (ACT) cadangan Anderson (1983,1985; Mitchell dan Myles 2004) serta kerangka dapatan tinjauan tentang "faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK" saranan Nyikos dan Fan (2007) untuk membentuk satu kerangka konseptual bagi menunjangi kajian ini (kedua-dua kerangka dasar ini akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab 2 nanti).

Rasional model ACT Anderson (1983,1985) dipilih untuk mendasari kajian ini adalah terletak pada faktor kesesuaian pengaplikasian teori kognitif dalam bidang SLA (O′Malley dan Chamot 1990). Sesungguhnya, daripada tinjauan literatur didapati model ACT Anderson (1983,1985) ini adalah antara model kognitif yang lebih kemas dan rapi dalam memerihalkan proses-proses kognitif tentang pemprosesan maklumat minda menusia (akan diterangkan dengan lebih lanjut di Bab 2 nanti). Dikatakan model ACT Anderson (1983,1985) ini lebih kemas dan rapi kerana Anderson (1983,1985) telah mengemaskinikan model ACT (1983) sendiri dengan menambahkan tiga konsep (terminologi) baru dalam model ACT (1985) beliau. Ketiga-tiga konsep tersebut ialah (i)

University of Malaya

pengetahuan deklaratif dan pengetahuan prosedural; (ii) tiga bentuk memori (memori jangka pendek/memori kerja, memori jangka panjang deklaratif, memori jangka panjang procedural); serta (iii) tiga peringkat pemprosesan maklumat (peringkat kognitif, peringkat asosiatif, peringkat autonomi). Walaupun didapati pada tahun 2004, Anderson telah bekerjasama dengan rakan-rakannya untuk menjana satu model baru yang digelar sebagai *Adaptive Control of Thought-Rational* (ACT-R)(2004), namun didapati model ACT-R (2004) tersebut adalah kurang sesuai digunakan untuk kajian ini. Hal ini demikian kerana model ACT-R (2004) adalah merupakan satu model pemprosesan maklumat yang melihat bagaimana korteks otak berfungsi untuk memproses maklumat berlandaskan aspek kognitif-psikologi. Dalam erti kata lain, ia kurang releven dengan bidang kajian tesis ini.

Pada masa yang sama, didapati McLaughlin (1987,1990) juga turut mengutarakan satu model pemprosesan maklumat yang memfokuskan konsep-konsep pengautomatikan (*automatization*) dan penyusunan semula (*restructuring*) dalam teori kognitif. Pengkaji tidak memilih model McLaughlin (1987,1990) untuk mendasari kerangka teoretikal kajian ini kerana didapati ia kurang kemas dalam memerihalkan proses pembelajaran bahasa secara berperingkat, terutama sekali berkaitan dengan input perbendaharaan kata baru B3 sebagaimana yang akan diteliti dalam kajian ini. Menurut Mitchell & Myles (2004), konsep "penyusunan semula" oleh McLaughlin (1987,1990) tersebut adalah lebih releven kepada kajian dalam bidang strategi komunikasi ataupun analisis kesalahan yang membabitkan aspek "antara bahasa" (*interlanguage*) (Hal ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut lagi di Bab 2).

Sementara kerangka dapatan tinjauan tentang "faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK" saranan Nyikos dan Fan (2007) dipilih untuk mendasari kajian ini adalah disebabkan daripada tinjauan literatur ia merupakan satu-satunya kerangka yang didapati

University of Malaya

lebih lengkap dalam memerihalkan faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK dengan berdasarkan bukti pelbagai dapatan kajian SPPK yang ditinjau oleh mereka secara spesifik (Hal ini akan diterangkan dengan lebih terperinci lagi di Bab 2).

Justeru itu, dengan berorientasi model ACT Anderson (1983,1985) dan disokong oleh kerangka dapatan tinjauan tentang "faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK" oleh Nyikos dan Fan (2007) ini sebagai dasar kerangka teoretikal, pengkaji telah membentuk satu kerangka konseptual bagi melaksanakan kajian ini. Sila lihat **Rajah 1.6** di muka surat berikut.



Rajah 1.6 : Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.6 di atas jelas menunjukkan seseorang pelajar akan melalui tiga peringkat pemprosesan maklumat ketika mereka hendak mempelajari dan menguasai sesuatu input baru, iaitu bermula dari peringkat kognitif, diikuti oleh peringkat asosiatif dan diakhiri

University of Malaya

dengan peringkat autonomi. Dalam konteks kajian ini, input baru tersebut adalah merujuk kepada perbendaharaan kata Mandarin yang baru dipelajari. Hal ini bermakna kajian ini akan meneliti sepanjang proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin melalui tiga peringkat pemprosesan maklumat tersebut, bagaimana SPPK Mandarin tertentu diaplikasikan oleh para pelajar Melayu IPT untuk membantu mereka menguasai perbendaharaan kata Mandarin secara berkesan (iaitu menukarkan pengetahuan deklaratif kepada pengetahuan prosedural), serta apakah faktor-faktor yang boleh mempengaruhi mereka ketika memilih SPPK Mandarin tertentu. Kesemua perkara ini akan diteliti melalui kajian ini dengan berpandukan 5 objektif kajian seperti ditunjukkan dalam sub-bahagian **1.5** berikut.

1.5 Tujuan Dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti fenomena penggunaan SPPK Mandarin serta menerokai faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin sebagai B3 dalam konteks pembelajaran MFL [*The Malay MFL* (*Mandarin as a Foreign Language*) *learning context*] di Malaysia. Secara spesifiknya, kajian ini bertujuan untuk mencapai lima objektif kajian seperti berikut:

(i) Mengenal pasti tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh pelajar-pelajar Melayu IPT dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing.

(ii) Meneliti korelasi antara penggunaan SPPK Mandarin dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar Melayu IPT.

University of Malaya

(iii) Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan penggunaan SPPK Mandarin antara kumpulan pelajar Melayu berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) dan kumpulan pelajar Melayu berkemahiran rendah (kumpulan PMKR) dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing.

(iv) Membandingkan tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan pelajar Melayu berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) dan kumpulan pelajar Melayu berkemahiran rendah (kumpulan PMKR) dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing.

(v) Menerokai faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan pelajar Melayu berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) dan kumpulan pelajar Melayu berkemahiran rendah (kumpulan PMKR) dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing.

Demi mencapai lima objektif kajian seperti di atas, soalan-soalan kajian seperti berikut perlu dijawab melalui kajian ini.

University of Malaya

1.6 Soalan Kajian

Soalan-soalan kajian yang perlu dijawab melalui kajian ini adalah seperti berikut:

(i) Sejauh manakah tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh pelajar-pelajar Melayu IPT dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing ?

(ii) Sejauh manakah penggunaan SPPK Mandarin mempengaruhi tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar Melayu IPT ?

(iii) Sejauh manakah perbezaan penggunan SPPK Mandarin antara kumpulan pelajar Melayu berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) dan kumpulan pelajar Melayu berkemahiran rendah (kumpulan PMKR) dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing ?

(iv) Sejauh manakah tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan pelajar Melayu berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) dan kumpulan pelajar Melayu berkemahiran rendah (kumpulan PMKR) dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing ?

(v) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan pelajar Melayu berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) dan kumpulan pelajar Melayu berkemahiran rendah (kumpulan PMKR) dalam

University of Malaya

proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing?

Dengan menjawab lima soalan kajian seperti di atas, kajian ini dijangka mempunyai signifikan dan kepentingan seperti berikut.

1.7 Signifikan Kajian

Kajian ini penting kerana dijangka ia dapat memberi beberapa sumbangan seperti berikut :

Pertama, hasil kajian ini boleh dijadikan panduan kepada para pelajar IPT bukan penutur natif Mandarin yang lain bagi mempelbagaikan penggunaan SPPK Mandarin mereka dalam proses mereka berusaha menguasai perbendaharaan kata Mandarin bentuk Pinyin. Hal ini penting kerana secara lumrahnya para pelajar mahir bahasa jarang akan berkongsi pengalaman ataupun menceritakan strategi-strategi pembelajaran yang digunakan oleh mereka kepada para pelajar lain. Hal ini mungkin disebabkan mereka tidak sedar akan jenis-jenis strategi yang digunakan oleh mereka sebenarnya boleh membantu pelajar-pelajar lain, khasnya yang berkaitan dengan SPPK Mandarin. Manakala para pelajar kurang berkemahiran pula biasanya bersikap pasif dan segan bertanya kepada kawan mereka yang berkemahiran tinggi. Justeru itu, melalui kajian ini, SPPK Mandarin yang digunakan oleh dua kumpulan pelajar ini dapat dipaparkan dan dibandingkan antara satu sama lain demi memanfaatkan pengajaran dan pembelajaran Mandarin sebagai B3 pada masa akan datang.

Kedua, dapatan kajian ini dijangka boleh dijadikan sebagai bahan panduan yang berperanan sebagai alat prognosis bagi meyakinkan para pendidik Mandarin supaya mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka dalam kelas. Hal ini penting supaya para

University of Malaya

pendidik Mandarin tidak hanya bergantung kepada kaedah pengajaran bahasa yang bersifat input sehala sahaja, seperti mengaplikasikan Kaedah Nahu Terjemahan ataupun Kaedah Terus ketika mengajar perbendaharaan kata Mandarin di dalam kelas mereka. Sebaliknya, para pendidik Mandarin boleh mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka dengan menerapkan konsep penggunaan SPPK Mandarin. Namun secara lumrahnya, para pendidik tidak akan menerapkan "sesuatu yang baru" secara sembarangan dalam pengajaran mereka tanpa bukti yang kukuh, melainkan mereka benar-benar berasa yakin akan keupayaan "sesuatu yang baru" (iaitu penggunaan SPPK Mandarin dalam konteks kajian ini). Justeru itu, hasil kajian yang berdasarkan data kuantitatif dan data kualitatif yang bersifat empirik ini dijangka dapat meyakinkan lagi para pendidik Mandarin demi mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka dengan menerapkan konsep penggunaan SPPK ke dalam aktiviti pengajaran mereka.

Ketiga, hasil kajian ini juga dijangka penting kepada pihak penggubal kurikulum dan panel penulis buku teks Mandarin sebagai B3. Dengan berpandukan maklum balas para pelajar secara empirik yang dikumpul melalui temu bual dalam kajian ini, sesuatu kandungan kurikulum ataupun bahan pembelajaran Mandarin yang lebih berorientasikan keperluan pelajar dan bersesuaian dengan konteks pembelajaran MFL di Malaysia dapat dihasilkan, agar dapat memanfaatkan para pelajar sepenuhnya. Hal ini penting kerana didapati hasil penyelidikan tentang SPPK Mandarin sebagai B3 berlandaskan konteks pembelajaran MFL dalam kalangan pelajar Melayu IPT di Malaysia masih amat terbatas. Oleh itu, dapatan hasil kajian ini dijangka dapat menampung kekurangan ini dan dijadikan sebagai panduan untuk pihak penggubal kurikulum dan panel penulis buku teks Mandarin sebagai B3.

University of Malaya

Keempat, kajian ini juga penting dari segi memberi sumbangan teoretikal. Dijangka kerangka konseptual kajian ini yang dibentuk berlandaskan model ACT Anderson (1983, 1985) dan kerangka dapatan tinjauan Nyikos dan Fan (2007) yang lebih komprehensif boleh memberi sumbangan dalam erti kata ia boleh digunakan oleh pengkaji lain untuk menunjangi penyelidikan SPPK Mandarin mereka pada masa akan datang.

Akhir sekali, kajian ini juga penting dari segi memberi panduan untuk menggunakan metodologi kajian yang lebih komprehensif untuk melaksanakan kajian SPPK Mandarin pada masa akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini telah menggunakan kaedah campuran penerangan (*Mixed Methods Research* : *Explanatory design*) yang terdiri daripada dua fasa pengumpulan data (kuantitatif dan kualitatif) untuk melaksanakan kajian SPPK. Hal ini boleh dijadikan sebagai panduan untuk para pengkaji lain yang ingin melanjutkan kajian dalam bidang SPPK Mandarin yang sama pada masa akan datang. Walaupun kajian ini dijangka mempunyai signifikan seperti yang dinyatakan di atas, namun ia juga dijalankan berdasarkan skop dan batasan tertentu seperti berikut.

1.8 Skop Dan Batasan Kajian

Dalam usaha menyelidiki SPPK Mandarin sebagai B3 dalam kalangan pelajar Melayu IPT serta menerokai faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin, kajian ini mempunyai beberapa limitasi dan batasan seperti berikut:

Pertama, kajian ini hanya tertumpu kepada para pelajar Melayu dewasa yang mempelajari Mandarin sebagai B3 di sebuah IPT di Malaysia. Justeru itu, kajian ini hanya memfokuskan skop pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin dalam bentuk Pinyin (拼音) sahaja, tanpa membabitkan aksara Cina (汉字). Sebagai contohnya,

University of Malaya

pengkaji akan meneliti bagaimana SPPK digunakan untuk menguasai perbendaharaan kata “māma” (bentuk Pinyin) dan bukannya “妈妈” (bentuk aksara Cina). Rasionalnya adalah kerana lebih kurang 90% pengajaran dan pembelajaran Kursus Mandarin di IPT yang dipilih sebagai tempat kajian adalah melalui Sistem Hanyu Pinyin, dan bukannya melalui aksara Cina (汉字), sebagaimana yang berlaku di SRJK C.

Kedua, kajian ini juga hanya terbatas kepada konteks pembelajaran MFL (Mandarin sebagai bahasa asing) oleh para pelajar Melayu IPT di Malaysia sahaja. Subjek kajian ini pula adalah berpaksikan pelajar-pelajar berbangsa Melayu sahaja. Hal ini dilakukan kerana bilangan kajian SPPK ke atas subjek kajian dan konteks pembelajaran kajian sedemikian masih amat terbatas.

Ketiga, lokasi kajian ini juga adalah terbatas kepada 3 kampus sebuah IPT awam di negeri Selangor sahaja. Antara rasionalnya adalah kerana bilangan pelajar Melayu yang mempelajari Mandarin sebagai B3 di IPT tersebut adalah paling ramai dan cukup komprehensif (sekurang-kurangnya para pelajar daripada 20 fakulti akan terlibat) berbanding dengan IPT lain di Malaysia. Hal ini penting memandangkan ia dapat menjamin satu pangkalan data yang kaya demi memenuhi tujuan kajian ini (Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih teliti lagi di Bab 3 nanti).

Akhir sekali, kajian ini hanya mengaitkan variabel bebas penggunaan SPPK Mandarin oleh pelajar Melayu IPT dengan satu variabel bersandar, iaitu tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin pelajar sahaja. Hal ini dilakukan sedemikian kerana hasil kajian yang melihat variabel tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin pelajar akan lebih bernilai dari segi pedagogi. Dalam erti kata lain, hasil kajian ini akan membantu para pendidik dan para pelajar untuk mengatasi masalah pengajaran dan

University of Malaya

pembelajaran yang dihadapi oleh mereka ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Selanjutnya, tumpuan perbincangan dalam bab ini akan difokuskan kepada definisi beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini.

1.9 Definisi Istilah Yang Berkaitan

Sub-bahagian ini akan menerangkan konsep beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini.

1.9.1 Bahasa Pertama (B1), Bahasa Kedua (B2) dan Bahasa Asing (B3)

Konsep bahasa pertama (B1), bahasa kedua (B2) dan bahasa asing (B3) mempunyai pelbagai definisi berdasarkan perspektif yang berlainan. Lazimnya, ia boleh didefinisikan dari segi urutan masa pembelajaran, ataupun berdasarkan fungsi bahasa dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, kajian ini akan mendefinisikan konsep B1, B2, dan B3 berdasarkan perspektif fungsi bahasa dalam masyarakat. Dari segi fungsi bahasa dalam masyarakat dalam konteks Malaysia, B1 ialah “bahasa ibunda” [iaitu “bahasa kepunyaaan sesuatu bangsa” (Lu, 2007:1-3)]. Manakala B2 pula berperanan sebagai "bahasa perantaraan" yang mempunyai fungsi-fungsi sosial dalam komuniti. Ia memainkan peranan hampir sama dengan bahasa kebangsaan (Littlewood, 1984:2); dan B3 biasanya merujuk kepada bahasa yang dipelajari untuk memenuhi tujuan-tujuan khusus (Zulkifley, 2006:166), ataupun ia hanya merupakan bahasa yang diajar sebagai salah satu subjek / kursus dalam sesuatu sistem pendidikan, sama ada di sekolah, IPT ataupun dipelajari secara individu (Asmah, 1984:34-40). Oleh itu, dalam konteks Malaysia, seseorang pelajar Melayu biasanya akan memperoleh bahasa Melayu sebagai B1; bahasa Inggeris sebagai B2 dan mungkin bahasa Cina (Mandarin) (ataupun bahasa-bahasa lain) sebagai B3 dia.

University of Malaya

1.9.2 Konteks Pembelajaran MFL *(Mandarin as a Foreign Language)*

Konteks pembelajaran MFL merujuk kepada satu konteks pembelajaran bahasa Cina (Mandarin), yang mana Mandarin dipelajari sebagai satu bahasa asing (B3), dalam persekitaran pembelajaran di luar input bahasa sasaran (Mandarin) tersebut. Dalam kajian ini, ia merujuk kepada keadaan yang subjek kajiannya rata-rata berbahasa Melayu sebagai B1, malahan mereka juga pernah mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2, sebelum mempelajari Mandarin sebagai B3. Mereka juga mempelajari Mandarin di sebuah IPT awam yang majoriti pelajarnya adalah terdiri daripada kaum Melayu.

1.9.3 Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata (SPPK) Mandarin

SPPK Mandarin merujuk kepada tindakan-tindakan ataupun teknik-teknik tertentu yang diambil oleh para pelajar Melayu IPT dalam kajian ini untuk membantu diri mereka mempelajari dan seterusnya menguasai perkataan-perkataan baru Mandarin sebagai B3 dengan berkesan.

1.9.4 Bahasa Cina (Mandarin)

Dalam konteks Malaysia, istilah "bahasa Cina (Mandarin)", "bahasa Cina", dan "Mandarin" telah dibezakan antara satu sama lain. Munurut Lu (1984:43-46), istilah "Huayu" (华语) biasanya merujuk kepada bahasa pengantar yang digunakan oleh etnik Cina di Malaysia dalam situasi formal, misalnya di sekolah ataupun seminar.

Walau bagaimanapun, dalam sistem pendidikan Cina di Malaysia hari ini, istilah "Huayu" (华语) telah dibezakan daripada istilah "Huawen" (华文). Istilah "Huawen" (华文) ini telah digunakan untuk merujuk kepada mata pelajaran Bahasa Cina dalam sistem pendidikan di peringkat sekolah yang sukatan pelajarannya adalah berteraskan tulisan aksara Cina (汉字). Namun demikian, dalam hal penterjemahan (untuk

University of Malaya

membezakan kedua-dua istilah ini) ke dalam bahasa Melayu, biasanya istilah "bahasa Cina" digunakan untuk merujuk kepada "Huawen" (华文); manakala istilah "Mandarin" pula digunakan untuk merujuk kepada "Huayu" (华语). Hal ini bererti apabila "Huayu" (华语) / Mandarin digunakan, kandungan silibus kursusnya adalah lebih menitikberatkan aspek lisan ataupun kemahiran bertutur, misalnya "Kursus **Mandarin**" yang ditawarkan di UiTM. Justeru itu, bertitik-tolakkan konsep penterjemahan ini, maka adalah dianggap kurang tepat sekiranya perkataan "**bahasa**" diletakkan di depan perkataan "Mandarin", memandangkan "Mandarin" kurang sesuai digelar sebagai "bahasa" kerana ia merupakan dialek pada asalnya. Pendek kata, ia lebih sesuai digelar sebagai "bahasa Cina (Mandarin) ataupun "Mandarin" sahaja. Oleh itu, dalam kajian ini, istilah "Mandarin" ataupun "bahasa Cina (Mandarin)" digunakan secara bersilih-ganti.

1.9.5 Hanyu Pinyin

Hanyu Pinyin ataupun Pinyin ialah satu set sistem fonetik dalam bahasa Cina (Mandarin) yang menggunakan 26 huruf Latin untuk mengeja perkataan-perkataan dalam tulisan aksara Cina （汉字）(**Chen**, 1989 : iii). Sistem fonetik (Pinyin) ini mengandungi 23 fonem awal (terdiri daripada konsonan), 38 fonem akhir (terdiri daripada vokal), serta 4 nada utama yang ditandai oleh 4 jenis tanda diakritik yang berlainan (-, /, √, \). Kini Hanyu Pinyin telah digunakan secara meluas demi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) sebagai B2/B3 di seluruh dunia.

1.9.6 Pelajar Melayu Berkemahiran Tinggi (PMKT)

Pelajar Melayu berkemahiran tinggi dalam kajian ini adalah merujuk kepada 89 orang pelajar Melayu IPT berkemahiran tinggi yang skor mereka dalam Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin (PPKM) adalah terletak dalam lingkungan kuartil atasan (*Upper Quartile*). Kuartil atasan merupakan 27% skor tertinggi daripada

University of Malaya

keseluruhan keputusan dalam Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin (PPKM) yang diadakan khas untuk tujuan pengumpulan data kajian ini. Mereka digelar sebagai "kumpulan PMKT" (1n=89) dalam kajian ini.

1.9.7 Pelajar Melayu Berkemahiran Rendah (PMKR)

Pelajar Melayu berkemahiran rendah dalam kajian ini adalah merujuk kepada 89 orang pelajar Melayu IPT berkemahiran rendah yang skor mereka dalam Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin (PPKM) adalah terletak dalam lingkungan kuartil bawahan (*Lower Quartile*). Kuartil bawahan merupakan 27% skor paling rendah daripada keseluruhan keputusan dalam Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin (PPKM) yang diadakan khas untuk tujuan pengumpulan data kajian ini. Mereka digelar sebagai "kumpulan PMKR" (2n=89) dalam kajian ini.

1.10 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab ini telah berbincang tentang latar belakang kajian, penyataan masalah dan jurang kajian, kerangka konseptual kajian, tujuan dan objektif kajian, soalan kajian, signifikan kajian, skop dan batasan kajian, serta definisi beberapa istilah yang kerap digunakan dalam kajian ini. Berlandaskan perbincangan di atas, dirumuskan bahawa kajian ini adalah wajar dilakukan memandangkan ia boleh menampung jurang kosa ilmu yang wujud dalam bidang penyelidikan strategi pembelajaran perbendaharaan kata (SPPK), terutama sekali dalam konteks pembelajaran Mandarin sebagai bahasa asing oleh para pelajar Melayu [*The Malay MFL* (*Mandarin as a Foreign Language*) *learning context*] di Malaysia. Bab 2 seterusnya akan mengupas dengan lebih lanjut lagi tentang beberapa hasil kajian lepas berkaitan dengan penggunaan SPPK dan SPPK Mandarin yang releven. Di samping itu, perkara-perkara seperti : konsep asas berkaitan dengan pembelajaran perbendaharaan kata; latar sejarah tentang kewujudan SPPK;

University of Malaya

pemerihalan tentang pengklasifikasian taksonomi SPPK oleh beberapa tokoh yang terkenal; serta kerangka teoretikal yang mendasari kajian juga akan turut dibincangkan.

University of Malaya

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR DAN JURANG KOSA ILMU

2.1 Pendahuluan

Kajian ini dilakukan untuk menampung jurang kosa ilmu yang wujud dalam bidang penyelidikan strategi pembelajaran perbendaharaan kata (SPPK), terutama sekali dalam konteks pembelajaran Mandarin sebagai bahasa asing (B3) oleh para pelajar Melayu di Malaysia. Bab ini akan menumpukan perhatian kepada tinjauan kajian lepas SPPK serta mengupas sejauh manakah jurang kosa ilmu yang wujud dalam bidang kajian ini. Di samping itu, beberapa topik penting seperti konsep penguasaan perbendaharaan kata dari perspektif linguistik, pelbagai dimensi pengklasifikasian SPPK, serta mengapa model tertentu telah dipilih untuk menunjangi kerangka teoretikal kajian ini juga turut dibincangkan dalam bab ini.

2.2 Dua Konsep Penting Perbendaharaan Kata Dari Perspektif Linguistik

Seperti diterangkan di atas, kajian tentang perbendaharaan kata mula diberi perhatian kembali sejak akhir tahun 1970an dan awal tahun 1980an dengan terbitnya beberapa artikel (seperti oleh Levenston 1979; Meara 1982) yang membincangkan isu "pengabaian pemerolehan leksikal / perbendaharaan kata" dalam pembelajaran B2. Sejak itu, ramai penyelidik (misalnya Schmitt dan McCarthy 1997; Coady dan Huckin 1997; Carter 1998; Nation 1990, 001; Singleton 1999,2000; Schmitt 2000; Aitchison 2003; Hiebert dan Kamil 2005) telah melakukan penyelidikan mereka berkaitan perbendaharaan kata dari pelbagai aspek. Daripada tinjauan literatur, didapati antara aspek yang agak kerap dikaji adalah seperti: (i) pendefinisian perbendaharaan kata; (ii) penguasaan pengetahuan perbendaharaan kata; (iii) saiz perbendaharaan kata dan kekerapan penggunaannya; (iv) keberkesanan pengajaran perbendaharaan kata, misalnya pengujian keberkesanan pendekatan nemonik (khasnya kaedah kata kunci) dalam penguasaan perbendaharaan kata; (v) perbandingan leksikon mental dan sumber input linguistik antara pembelajaran bahasa pertama (B1) dan B2/B3; (vi) perbezaan individu (misalnya dari segi motivasi, sikap, kepercayaan, jantina)

University of Malaya

dalam pembelajaran perbendaharaan kata. Walau bagaimanapun, antara pelbagai aspek penyelidikan ini, didapati aspek (i) dan (ii) seperti ditunjukkan di atas adalah lebih releven dengan kajian ini dan perlu diperincikan perbincangannya melalui sub-bahagian **2.2.1** dan **2.2.2** berikut, agar dapat membekalkan pengetahuan latar demi memahami kajian SPPK Mandarin dalam tesis ini.

2.2.1 Definisi Perbendaharaan Kata Dari Perspektif Linguistik

Suatu persoalan yang sering dipertikaikan dalam kajian "perbendaharaan kata" (*vocabulary*) ialah dari segi pendefinisiannya – Apakah "perbendaharaan kata" boleh disamaertikan dengan "perkataan" (*word*)? Pada dasarnya, "perbendaharaan kata" boleh difahamkan sebagai satu ataupun serangkaian perkataan dalam sesuatu bahasa, berpandukan bidang ataupun jangka masa tertentu (Bussmann 1998, Soanes & Hawker 2005). Sehubungan ini, apa pula maksudnya "perkataan"? Sesungguhnya, ramai ahli linguistik (seperti Bussmann 1998; Carter 1998; Schmitt 2000; Nation 2001; dan Takač 2008) telah cuba mencari jalan keluar untuk mendefinisikan "perkataan" dengan sewajarnya, namun sehingga kini masih belum ditemui satu pendefinisian tentang "perkataan" yang boleh diterima pakai secara umum dalam semua bidang.

Dalam hal ini, Bussmann (1998:521) menjelaskan bahawa "*A word is characterized by different, often contradictory traits depending on the theoretical background and descriptive context.*" Sementara Nation (2001:23) menerangkan bahawa "*Words are not isolated units of language, but fit into many interlocking systems and levels.*" Walau bagaimanapun, pada pandangan pengkaji, demi memahami definisi "perkataan" ataupun "perbendaharaan kata" dengan lebih menyeluruh, saranan Carter (1998) harus dipertimbangkan. Carter (1998) mencadangkan bahawa dari perspektif linguistik,

University of Malaya

"perkataan" boleh dihuraikan dan harus difahami berlandaskan beberapa tahap yang berlainan seperti ditunjukkan dalam **Jadual 2.1** berikut.

Jadual 2.1: Pelbagai Tahap Pendefinisian Perkataan Dari Perspektif Linguistik

TAHAP	PENDEFINISIAN / HURAIAN
Ortografik (*Orthographic*)	Tahap ini melihat perkataan dari segi bentuk tulisannya. Satu perkataan didefinisikan sebagai satu bentuk urutan huruf / simbol yang disempadani kedua-dua belahnya oleh ruangan kosong ataupun tanda bacaan (Carter, 1998:4). Contohnya dalam Mandarin : *N h o ma*? (Apa khabar?) terdiri daripada tiga perkataan.
Leksikal-Semantik (*lexical-semantic*)	Tahap ini melihat perkataan dari segi maknanya. Satu perkataan boleh didefinisikan sebagai satu unit minimal yang bermakna dalam sesuatu bahasa (Carter, 1998:5). Dalam hal ini, Schmitt (2000:1) menjelaskan bahawa simpulan bahasa (*idioms*) yang biasanya terdiri daripada sederetan perkataan yang bermakna juga dianggap sebagai satu perkataan. Lantaran itu, contohnya dalam Mandarin: *w* (saya); (pusat beli-belah); (tunggu sehingga datang), masing-masing dianggap sebagai satu perkataan.
Secara Morfologi (*morphological*)	Tahap ini melihat perkataan dari segi fungsinya. Satu perkataan boleh didefinisikan sebagai satu bentuk minimal yang boleh berfungsi secara bebas. Ia boleh berdiri sendiri sebagai satu respon kepada pertanyaan; ataupun sebagai satu pernyataan, dan ia tidak boleh dibahagi-bahagikan (Carter, 1998:5). Contohnya dalam Mandarin : Jawapan "H ode" (Baiklah) untuk ayat tanya "W ma? (Apa kata kita pergi makan?), semuanya boleh dianggap sebagai satu perkataan.

Berdasarkan pendefinisian tentang "perkataan" yang dibincangkan dalam **Jadual 2.1** di atas, didapati pendefinisian istilah "perkataan" adalah sesuatu yang agak kompleks, memandangkan ia boleh dilihat dari pelbagai perspektif. Oleh itu, Richards dan Schmitt (2002) cuba mencari jalan keluar kepada permasalahan isu pendefinisian "perkataan" ini dengan mengemukakan istilah "lexeme" (juga dikenali sebagai unit leksikal / item leksikal). Menurut mereka, *"....A lexeme is an abstract unit. It can occur in many different forms in actual spoken or written sentences, and is regarded as the same lexeme even when inflected.*" (Richards dan Schmitt, 2002:303). Bertitik-tolakkan huraian ini, dapat disimpulkan bahawa sama ada isitlah "*lexeme*" / unit leksikal / item leksikal / perkataan

digunakan, semuanya boleh merujuk kepada maksud "perbendaharaan kata". Namun demikian, dalam kajian ini, istilah "lexeme" / unit leksikal / item leksikal jarang digunakan kerana ia merupakan istilah linguistik yang mungkin dirasai janggal untuk responden kajian. Sebaliknya, istilah "perkataan" atau "perbendaharaan kata" akan digunakan secara bersilih-ganti dalam kajian ini, memandangkan ia digunapakai dalam inventori soal selidik yang diadaptasi untuk kajian ini. Malahan, menurut Carter (1998:8), "***word*** *or* ***vocabulary*** *have a general common-sense validity and are serviceable when there is no need to be precise*." Hal ini bermakna dalam konteks kajian ini, istilah "perkataan" dan "perbendaharaan kata" boleh disamaertikan. Namun demikian, istilah "perkataan" adalah digunakan secara meluas dalam sesi temu bual, disebabkan ia lebih senang difahami dan disebut oleh informan kajian.

Setelah memahami definisi "perbendaharaan kata" yang kompleks sebagaimana dijelaskan tadi, persoalan seterusnya ialah apa pula yang dimaksudkan dengan "menguasai perbendaharaan kata?" ataupun lebih dikenali sebagai "penguasaan pengetahuan perkataan (*word knowledge*)?" Hal ini akan dibincangkan dengan lebih lebih terperinci melalui sub-bahagian berikut.

2.2.2 Penguasaan Pengetahuan Perbendaharaan Kata

Beberapa fenomena lumrah yang biasa berlaku dalam proses pembelajaran sesuatu bahasa sasaran baru (B2/B3) ialah perkataan-perkataan tertentu mungkin kerap disebut dalam kehidupan harian, tetapi ia tidak dapat ditulis dengan betul; ataupun ia mungkin dikenali bentuknya dalam petikan bacaan, namun terlupa maknanya. Malahan, kadang-kadang sesuatu perkataan dirasai biasa didengar, tetapi tidak tahu menyebut dan mengejanya secara betul, apatah lagi mengaplikasikannya dalam konteks penggunaan secara tepat. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat tahap penguasaan pengetahuan perbendaharaan kata yang berbeza-beza, dan situasi ini adalah berlainan berdasarkan individu.

University of Malaya

Pada dasarnya, Nation (2001) cuba menerangkan hal berkaitan penguasaan pengetahuan perbendaharaan kata ini melalui konsep "pengetahuan produktif" (P) dan "pengetahuan reseptif" (R). Pengetahuan produktif (P) (ataupun dikenali sebagai "pengetahuan aktif") yang dimaksudkan di sini ialah **keupayaan menjana** sesuatu perkataan, seperti ketika bertutur dan menulis; manakala pengetahuan reseptif (ataupun "pengetahuan pasif") pula merujuk kepada **kebolehan menerima (memahami)** sesuatu perkataan, seperti ketika membaca dan mendengar. Menurut Nation (2001), demi menguasai pengetahuan perbendaharaan kata sepenuhnya, seseorang pelajar harus menguasai pengetahuan produktif (P) dan reseptif (R) secara menyeluruh.

Namun demikian, Schmitt (2000) kurang bersetuju dengan cara menerangkan penguasaan pengetahuan perbendaharaan kata dengan hanya mengaitkannya dengan dua jenis pengetahuan (R & P) sahaja sebagaimana disebutkan tadi. Rasionalnya ialah proses pembelajaran bahasa adalah sesuatu yang kompleks, dan bukan hanya sekadar dijelaskan melalui "pengetahuan menerima"(R) dan "pengetahuan menjana"(P) sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang yang pandai bertutur mungkin lemah dari segi menulis, namun kedua-dua kemahiran bahasa ini adalah merupakan "pengetahuan menjana" (P). Lantaran menyedari akan kekurangan ini, Nation (2001:24-27) sekali lagi berusaha memperincikan konsep pengetahuan perbendaharaan kata ini dengan mengemukakan tiga kriteria utama dari aspek bentuk (*form*), makna (*meaning*), dan penggunaan (*use*). Dalam hal ini, beliau telah menggabungkan kedua-dua jenis pengetahuan produktif (P) dan pengetahuan reseptif (R) secara serentak, seperti ditunjukkan dalam **Jadual 2.2** di bawah.

University of Malaya

Jadual 2.2: Tiga Kriteria Utama Dalam Penguasaan Perbendaharaan Kata
(Diubahsuai daripada Nation, 2001:27)

Bentuk	bertutur	R Apakah bunyi perkataan itu ? P Bagaimana perkataan itu disebut ?
	menulis	R Apakah bentuk perkataan itu ? P Bagaimana perkataan itu ditulis dan dieja ?
	segmen perkataan	R Apakah segmen yang boleh dikenal pasti dalam perkataan ? P Apakah segmen perkataan yang diperlukan untuk mendapatkan makna perkataan?
Makna	bentuk & makna	R Apakah makna yang ditandai (dibawa) oleh bentuk sesuatu perkataan tertentu ? P Apakah bentuk perkataan yang boleh digunakan untuk menandai (menggambarkan) makna perkataan tertentu ?
	konsep & referen	R Apakah yang terkandung di dalam sesuatu konsep ? P Apakah item-item yang boleh dirujuk melalui sesuatu konsep ?
	perhubungan	R Apakah perkataan lain yang boleh dikaitkan dengan sesuatu perkataan ? P Apakah perkataan lain yang boleh digunakan untuk menggantikan sesuatu perkataan ?
Penggunaan	fungsi tatabahasa	R Dalam pola ayat apakah sesuatu perkataan itu wujud ? P Dalam pola ayat apakah sesuatu perkataan itu harus digunakan ?
	kolokasi	R Apakah jenis-jenis perkataan yang biasanya wujud bersama-sama dengan sesuatu perkataan ? P Apakah jenis-jenis perkataan yang harus digunakan bersama-sama dengan sesuatu perkataan ?
	kekangan penggunaan	R Di mana, bila dan berapa kerap dijangka sesuatu perkataan akan ditemui ? P Di mana, bila dan berapa kerap sesuatu perkataan boleh digunakan ?

Berpandukan **Jadual 2.2** di atas, didapati proses menguasai sesuatu perkataan adalah merangkumi aspek-aspek bentuk, makna, dan penggunaan. Ingin ditekankan di sini bahawa walaupun ketiga-tiga aspek ini adalah disenaraikan secara berasingan dalam jadual bagi memudahkan pemahaman. Namun demikian, dalam keadaan sebenar (seperti dalam proses pembelajaran untuk menguasai sesuatu perbendaharaan kata), ketiga-tiga aspek ini adalah saling berhubung antara satu sama lain. Demi memberi satu gambaran yang lebih jelas tentang ide yang ingin disarankan oleh Nation (2001) seperti dalam jadual di atas, serta

University of Malaya

mengaitkannya dengan kajian ini, ketiga-tiga aspek tersebut akan dibincangkan satu persatu berserta dangan contoh-contoh yang releven dalam Mandarin seperti berikut.

Istilah "**bentuk**" dalam **Jadual 2.2** di atas adalah merujuk kepada bentuk perkataan secara lisan (bertutur) dan tulisan (menulis); serta segmen-segmen (suku kata) tertentu yang membentuk sesuatu perkataan. Hal ini bererti seseorang pelajar dikatakan menguasai "bentuk perkataan" sekiranya dia boleh mengenali perkataan tersebut ketika mendengar (seperti mendengar melalui siaran radio) dan membacanya (misalnya membaca dalam petikan); berkemampuan mengujarkan perkataan tersebut dengan sebutan (intonasi) yang tepat; serta berkeupayaan menulis perkataan tersebut dengan ejaan yang betul.

Menurut Nation (2001:42) lagi, beberapa kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa keserupaan pola fonologi antara bahasa pertama / bahasa ibunda (B1) dan bahasa sasaran (B2/B3) akan memudahkan pembelajaran perbendaharaan kata bahasa sasaran tersebut, kerana ia lebih senang disebut. Begitu juga, sistem tulisan yang sama juga akan meringankan beban penguasaan perbendaharaan kata B2/B3 berkenaan. Umpamanya dalam kajian ini, para pelajar Melayu mungkin berasa lebih sukar untuk menguasai perbendaharaan kata Mandarin berbanding dengan perkataan bahasa Inggeris, disebabkan Mandarin merupakan bahasa bertona-empat, dan tona (nada/intonasi) dalam setiap perkataan Mandarin adalah bersifat fonemik yang boleh membezakan makna perkataan. Sebagai contohnya, "mai" apabila disebut pada nada ketiga [mǎi] (买) bermaksud "beli", sekiranya disebut pada nada keeempat [mài] (卖) akan membawa maksud "jual". Ciri-ciri unik perkataan Mandarin sebegini – perlu membezakan sebutan nada dan menandakan tanda nada ketika menulis (dalam bentuk *Pinyin*), telah menjadikan perbendaharaan kata Mandarin sukar dikuasai, khasnya dalam kalangan pelajar bukan penutur natif, yang B1 mereka merupakan bahasa silabik, bertona tanpa fonemik, seperti bahasa Melayu. Justeru

University of Malaya

itu, strategi-strategi tertentu mungkin diperlukan dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin, demi mempertingkatkan tahap penguasaannya.

Di samping itu, kemahiran untuk mengenal pasti dan memancangkan (memenggalkan) segmen-segmen tertentu dalam perkataan dan mengaitkannya dengan makna sesuatu perbendaharaan kata yang dipelajari, juga akan memudahkan proses menguasai sesuatu perbendaharaan kata (Nation 2001). Misalnya, adalah lebih senang untuk meguasai perkataan "hóngsè" (warna merah), sekiranya ia dipenggalkan kepada segmen-segmen tertentu, iaitu "hóng" (merah) dan "sè" (warna) terlebih dahulu, demi memperkukuhkan pemahaman makna yang dibawa oleh perkataan "hóngsè" secara keseluruhannya. Menurut Bauer & Nation (1993), kemahiran memancangkan segmen-segmen perkataan ini akan berubah berdasarkan peningkatan penguasaan bahasa (kemahiran berbahasa) seseorang pelajar.

Selain itu, aspek "**makna**" yang ditunjukkan dalam jadual di atas pula merujuk kepada keupayaan seseorang pelajar untuk menghubungkaitkan kedua-dua bentuk (pertuturan & tulisan) dengan makna sesuatu perbendaharaan kata. Baddeley (1990) menjelaskan bahawa kemahiran untuk mendapatkan semula makna sesuatu perkataan (ketika mendengar / membacanya) adalah dipengaruhi oleh kekuatan hubungan antara "bentuk" – "makna". Kekuatan hubungan ini akan meningkat setiap kali makna sesuatu perkataan berjaya didapatkan semula. Lantaran itu, latihan untuk mengaitkan "bentuk" – "makna" dan seterusnya mendapatkan semula makna sesuatu perkataan tertentu akan membantu para pelajar untuk menguasai pengetahuan perbendaharaan kata dengan berkesan.

Tambahan pula, sekiranya perbendaharaan kata B2/B3 yang dipelajari tersebut merupakan kata pinjaman / kognat kepada B1 para pelajar, maka perbendaharaan kata tersebut sudah

University of Malaya

semestinya lebih senang dikuasai (Nation 2001). Sebagai contohnya, pasangan perkataan pinjaman bahasa Melayu – Mandarin (yang mirip dari segi bentuk bunyi sebutan) seperti : sate – "shādiē" ; kari – "gālí" ; Karaoke – "kǎlā OK" adalah lebih senang dikuasai oleh para pelajar Melayu berbanding dengan perkataan Mandarin lain yang langsung tiada kaitan sebutan bunyi seperti : masjid – "huíjiàotáng"; sembahyang – "dǎogào" . Namun demikian, menurut Richard dan Schmidt (2002), keadaan ini akan terjadi sebaliknya jika perbendaharaan kata tersebut merupakan "pasangan palsu" (*false friend*) antara B1 dan B2/B3, iaitu satu perkataan yang mempunyai ciri-ciri keserupaan antara B1 dan B2/B3, tetapi maknanya adalah berbeza sekali. Umpamanya, perkataan Mandarin "lāchá" sering disalahertikan sebagai "laksa" dalam bahasa Melayu, memandangkan bentuk bunyi sebutan kedua-dua perkataan ini adalah lebih kurang sama; walhal perkataan Mandarin "lāchá" bermaksud "teh tarik", manakala perkataan "laksa" dalam bahasa Melayu pula bererti "sejenis makanan". Situasi sebegini bukan sahaja tidak membantu para pelajar Melayu dalam proses menguasai perbendaharaan kata Mandarin, bahkan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan mereka.

Selain melihat hubungan "bentuk – makna" seperti yang dibincangkan di atas, aspek makna sesuatu perkataan juga harus diberi perhatian dari segi "konsep dan referen" yang melihat kemungkinan wujudnya pelbagai jenis makna, iaitu mengetahui konsep-konsep yang mendasari referen perkataan tertentu. Sebagai contohnya, seseorang pelajar diajar membezakan perkataan jenis polisim (*polysemy*) dan homonim (*homonym*). Istilah "polisim" merujuk kepada perkataan yang mempunyai banyak makna disebabkan oleh konteks dan juga keadaan semula jadinya. Lazimnya di dalam sebuah kamus, ia diletakkan di bawah satu masukan sahaja, tetapi mempunyai satu senarai makna yang berlainan (Abdullah Hassan, 2007:231), misalnya, perkataan Mandarin "kàn" (看) mempunyai senarai makna : 1. mengunjungi [cth: kàn péngyou (mengunjungi kawan)]; 2. menonton [cth:

University of Malaya

(menonton televisyen)]; 3. jumpa [cth: kàn yīshēng (jumpa doktor)]; 4. membaca [cth: kàn shū (membaca buku). Dalam erti kata lain, perkataan-perkataan polisim ini ada kaitan antara satu sama lain dan biasanya didasari oleh satu konsep makna asas. Misalnya, perkataan "kàn" tadi, ia didasari oleh satu konsep makna asas, iaitu satu perbuatan yang melibatkan penglihatan / organ mata. Sementara "homonim" pula merupakan perkataan-perkataan yang kebetulan sama dari segi sebutan atau ejaan sahaja, namun tiada kaitan dari segi konsep maknanya (Abdullah Hassan, 2007:231-232). Umpamanya perkataan Mandarin "zàī" (再) membawa maksud "lagi / berulang sekali lagi" [cth: zài lái (datang lagi)]; manakala "zài" (在) bererti "di" [cth: zài jiā (di rumah)]). Justeru itu, perkataan-perkataan homonim biasanya diletakkan sebagai dua masukan yang berlainan di dalam kamus.

Di samping itu, makna sesuatu perkataan juga boleh diberi dengan melihat perhubungan antara unsur-unsur yang membentuk makna perkataan (Abdullah Hassan, 2007:226), ataupun dikenali oleh Nation (2001:49) sebagai perhubungan semantik antara perkataan, seperti melalui "sinonim" (*synonymy*), "antonim" (*antonymy*) dan "hiponim" (*hyponymy*). Istilah "sinonim" merujuk kepada perkataan-perkataan yang bentuknya berlainan, tetapi mempunyai makna yang sama / hampir sama [cth: māma – mǔqīn (emak)]; manakala "antonim" ialah perkataan-perkataan yang berlawanan makna [cth: gāo (tinggi) – ǎi (rendah)]; dan "hiponim" pula adalah perkataan yang maknanya boleh terangkum dalam satu perkataan lain secara bertatatingkat (Abdullah Hassan, 2007; Nation 2001). Contohnya, dalam Mandarin perkataan "yánsè" (warna) ialah hiperonim (*hyperonym*), manakala "hóngsè" (merah), "lánsè" (biru), "qīngsè" (hijau) merupakan hiponim, seperti ditunjukkan dalam **Rajah 2.1** berikut.

University of Malaya



Rajah 2.1 : Contoh Tatatingkat Hiponim Satu Perkataan Mandarin

Rajah 2.1 di atas menunjukkan satu contoh perhubungan atau struktur tatatingkat makna perkataan hiponim dalam Mandarin. Perkataan Mandarin "yánsè" (warna) merupakan satu nama umum dan mempunyai makna yang luas. Ia mencakupi satu golongan perkataan tertentu yang memerihalkan warna-warna yang berlainan secara khusus, seperti "hóngsè" (merah), "lánsè" (biru), "qīngsè" (hijau) dan sebagainya. Dalam hal ini, perkataan "yánsè" (warna) ialah hiperonim (*hyperonym*), manakala "hóngsè" (merah), "lánsè" (biru), "qīngsè" (hijau) merupakan hiponimnya. Berkaitan dengan kriteria perhubungan dalam aspek makna ini, Nation (2001:52) menerangkan bahawa "*understanding these relations is useful for explaining the meanings of words and for creating activities to enrich learners' understanding of words*." Dalam erti kata lain, pemahaman para pelajar terhadap perhubungan semantik antara perkataan sebagaimana yang dibincangkan di atas tadi akan membantu mereka dalam proses untuk menguasai perbendaharaan kata sesuatu B2/B3 yang dipelajari dengan lebih cepat dan berkesan. Namun demikian, proses menguasai pengetahuan perbendaharaan kata masih belum memadai dengan hanya menitikberatkan kedua-dua aspek bentuk dan makna sahaja, tetapi aspek penggunaan juga harus diberi perhatian dengan sewajarnya.

Penguasaan pengetahuan perbendaharaan kata turut mengambil kira aspek "**penggunaan**". Aspek penggunaan di sini membabitkan kriteria fungsi tatabahasa, kolokasi, dan kekangan penggunaan. Pada dasarnya, demi menguasai pengetahuan perbendaharaan kata, fungsi

University of Malaya

tatabahasa iaitu bagaimana perkataan-perkataan tertentu harus disusun bagi membentuk struktur ayat yang betul adalah perlu diberi perhatian. Tanpa pengetahuan tentang fungsi tatabahasa ini, seseorang pelajar mungkin akan mengaplikasikan perbendaharaan kata B2 / B3 yang dipelajari dalam bentuk ayat yang janggal sehingga barangkali mesej sebenarnya tidak dapat disampaikan dengan berkesan. Sebagai contohnya, daripada pemerhatian didapati pelajar IPT Melayu yang mempelajari Mandarin sebagai B3 sering mengujar / menulis ayat seperti berikut :

* *Māma wǒ gōngzuò zài Jílóngpō.*
(Emak saya bekerja di Kuala Lumpur.)

Berdasarkan contoh ayat di atas, didapati bentuk dan makna perkataan Mandarin yang digunakan adalah betul, namun ia salah dari segi penggunaannya, kerana ayat tersebut tidak menepati fungsi tatabahasa Mandarin. Ia hanya dibentuk berpandukan peraturan tatabahasa B1 para pelajar (iaitu bahasa Melayu) dengan cara menterjemahkan perkataan-demi-perkataan. Sesungguhnya, peraturan tatabahasa Mandarin adalah berlainan daripada bahasa Melayu. Dalam Mandarin, kata ganti nama "*wǒ*" (saya) yang menerangkan kata nama "*māma*" (emak) seharusnya didahulukan, iaitu frasa nama pelaku "emak saya" harus disebut / ditulis sebagai "*wǒ de māma*" (saya punya emak) ataupun diringkaskan sebagai "*wǒ māma*". Manakala kata kerja "*gōngzuò*" (bekerja) sepatutnya wujud selepas frasa tempat "*zài Jílóngpō*" (di Kuala Lumpur), iaitu frasa "bekerja di Kuala Lumpur" harus disebut / ditulis sebagai "*zài Jílóngpō gōngzuò*". Dalam hal ini, jelas dilihat bahawa pengetahuan perbendaharaan kata dari segi fungsi tatabahasa adalah penting agar pelajar dapat menggunakan perkataan yang dipelajari secara tepat bagi menyampaikan mesej yang dihajati.

University of Malaya

Selain itu, aspek penggunaan perbendaharaan kata juga melibatkan pengetahuan tentang kolokasi. Yang dimaksudkan dengan kolokasi di sini ialah kaedah bagaimana perkataan-perkataan tertentu harus digunakan bersama dengan perkataan lain (Nation 2001). Misalnya perkataan "*èr*" dan "*liăng*" dalam Mandarin – walaupun kedua-dua perkataan tersebut membawa maksud yang sama, iaitu "dua", namun kaedah penggunaannya adalah berbeza. Dalam Mandarin, apabila perkataan "dua" diikuti oleh penjodoh bilangan, perkataan "*liăng*" digunakan, misalnya "*liăng ge dìdi*" (dua orang adik). Sementara "*èr*" pula digunakan untuk membilang / membaca nombor, seperti "*yī, èr, sān…*" (satu, dua, tiga…). Walau bagaimanapun, untuk nombor yang lebih besar daripada sepuluh, perkataan "dua" ini tetap disebut sebagai "*èr*" walaupun diikuti oleh penjodoh bilangan, umpamanya "duabelas orang adik" tetap disebut / ditulis sebagai "*shí' **èr** ge dìdi*" (duabelas orang adik lelaki) dalam Mandarin.

Dalam pada itu, aspek penggunaan perbendaharaan kata juga turut menyentuh tentang kekangan penggunaan, seperti isu-isu sama ada sesuatu perkataan berfrekuensi tinggi (selalu digunakan) / rendah (jarang digunakan); ataupun bagaimana menggunakan perkataan yang sesuai. Berkenaan isu pertama, sekiranya terlalu banyak perkataan berfrekuensi rendah diajar dalam kelas, dan perkataan berfrekuensi tinggi pula diabaikan, maka ini akan menjejaskan keupayaan para pelajar menguasai pengetahuan perbendaharaan kata dari segi penggunaan sehingga apa yang dipelajari adalah kurang praktikal untuk diaplikasikan dalam kehidupan harian (Nation 2001:57). Sementara berkaitan isu kedua pula, para pelajar harus disarankan bahawa kesesuaian penggunaan perkataan adalah bergantung kepada konteks dan budaya. Contohnya, dalam Mandarin perkataan "*piàoliang*" (cantik) hanya sesuai untuk konteks kaum wanita dan bukannya lelaki. Begitu juga, perkataan "*nín*" (ganti nama diri kedua – awak) adalah lebih sesuai digunakan dalam

University of Malaya

konteks hormat dan sopan, berbanding dengan perkataan "*nǐ* " (ganti nama diri kedua – awak).

Selain itu, satu contoh lagi berkaitan dengan kekangan penggunaan dari segi perbezaan budaya ialah nama-nama jolokan seperti "*ā gǒu*" (si anjing), "ā *zhū* " (si babi) adalah sesuatu yang biasa dalam Mandarin, namun ia dianggap kurang sopan mengikut budaya Melayu. Sesungguhnya, kedua-dua perkara ini adalah amat penting bagi menjamin penguasaan pengetahuan perbendaharaan kata dengan sewajarnya, seperti mana yang dikemukakan oleh Nation (2001) bahawa menguasai sesuatu perbendaharaan kata bukan sekadar mengenali bentuk dan maknanya, tetapi aspek penggunaan perkataan tersebut, iaitu bagaimana ia dapat diaplikasikan ke dalam konteks yang sesuai juga harus diambil kira.

Lantaran itu, berpandukan segala maklumat yang dibincangkan di atas, boleh dikatakan bahawa proses menguasai pengetahuan perbendaharaan kata sesungguhnya merupakan suatu proses pembelajaran yang kompleks. Sejajar ini, Schmitt (2000:5-6) berpendapat bahawa "…*the different types of knowledge are not necessarily learned at the same time. Each of the word-knowledge types is likely to be learned in a gradual manner, but some may develop later than others and at different rates…the different word knowledges will exist at various degree of mastery*." Hal ini bererti disebabkan pengetahuan perbendaharaan kata merangkumi elemen-elemen pengetahuan dari pelbagai aspek, seperti bentuk, makna dan penggunaan sebagaimana yang dibincangkan tadi, maka proses untuk menguasai pengetahuan perbendaharaan kata adalah berlaku secara beransur-ansur dan kadar penguasaannya juga berbeza-beza berdasarkan individu yang berlainan. Keadaan ini memberi implikasi bahawa dalam proses menguasai perbendaharaan kata sesuatu B2/B3 yang dipelajari, akan wujud golongan pelajar berkemahiran tinggi dan berkemahiran rendah. Barangkali mereka akan menggunakan strategi-strategi tersendiri untuk menguasai

University of Malaya

pengetahuan perbendaharaan kata yang kompleks ini. Justeru itu, kajian ini yang memfokus penggunaan strategi pembelajaran untuk menguasai perbandaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing (B3) dalam kalangan pelajar Melayu IPT adalah penting dan wajar dilakukan, agar satu repertoir strategi pembelajaran perbendaharaan kata (SPPK) Mandarin berteraskan konteks Malaysia dapat dihasilkan nanti demi membantu para pelajar lain dalam proses menguasai perbendaharaan kata Mandarin kelak.

Walau bagaimanapun, sebelum berganjak lebih jauh lagi untuk membincangkan tinjauan hasil kajian lepas berkaitan bidang SPPK ini, adalah wajar untuk kita menyingkap kembali secara sepintas lalu tentang latar sejarah yang menjurus kepada kemunculan kajian SPPK terlebih dahulu. Hal ini dianggap penting bagi membentuk suatu latar pengetahuan yang lebih mantap untuk memahami konsep SPPK yang merupakan teras penyelidikan ini.

2.3 Pelbagai Dimensi Pengklasifikasian SPPK

Walaupun secara relatifnya bidang kajian SPPK masih agak baru berbanding dengan bidang kajian SPB seperti mana yang telah diterangkan di atas, namun daripada tinjauan literatur didapati tidak kurang juga sarjana-sarjana dalam bidang penyelidikan SPPK telah berusaha untuk mengkonsepsikan dan seterusnya mengklasifikasikan SPPK dari pelbagai dimensi. Secara umumnya, dimensi-dimensi SPPK yang sempat ditinjau setakat ini boleh dikategorikan kepada dua kumpulan besar, iaitu (i) dimensi SPPK yang dibentuk secara induktif berpandukan hasil kajian empirik para pengkaji; dan (ii) dimensi SPPK yang dibentuk secara deduktif bertunjangkan model SPB yang terkenal, seperti SILL oleh Oxford (1990) ataupun berlandaskan sub-teori kognitif [misalnya Model Pemprosesan Maklumat oleh Anderson (1983,1985)]. Kesemua dimensi SPPK yang telah diklasifikasikan oleh sarjana tertentu akan dibincangkan satu persatu seperti berikut.

University of Malaya

2.3.1 Dimensi Pengklasifikasian SPPK Ahmed

Menurut Schmitt (1997/2009) dan Nation (2001), hasil kajian Ahmed (1989) ke atas 300 orang pelajar Sudan yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2 telah berjaya membentuk satu skim pengklasifikasian SPPK yang agak teratur buat pertama kalinya dalam bidang penyelidikan SPPK. Dengan berpandukan data kajian yang dikumpul daripada 300 orang responden tersebut, Ahmed (1989) telah mengklasifikasikan SPPK kepada dua tahap utama, iaitu "tahap-makro" (juga dikenali sebagai "strategi-strategi makro") dan "tahap-mikro" (juga dikenali sebagai "strategi-strategi mikro") seperti ditunjukkan dalam **Jadual 2.3** di berikut.

Jadual 2.3 : Pengklasifikasian SPPK "Tahap-Makro" dan SPPK "Tahap-Mikro" Ahmed
(Diadaptasi daripada Ahmed, 1989:10-11)

SPPK Tahap Makro	SPPK Tahap Mikro
SUMBER MAKLUMAT	1.bertanyakan kawan sekelas
	2.meneka
	3.bertanyakan guru
	4.mengabaikan perkataan tidak diketahui makna buat sementara waktu
	5.meminta parafrasa / keterangan dalam B2
	6.meminta persamaan dalam B1
	7.meminta contoh penggunaan (perkataan)
	8.melakukan kerja kumpulan
	9.menggunakan kamus
PENGGUNAAN KAMUS	10.(mengguna) kamus ekabahasa
	11.(mengguna) kamus dwibahasa
	12.mencari makna (perkataan)
	13.mencari kata akar / proses penerbitan kata
	14.mencari kelas perkataan
	15.mendapatkan contoh penggunaan (perkataan)
MEMORI	16.menulis dan menyebut berulang kali secara lantang
	17.menyebut berulang kali secara lantang
	18.menulis, menyebut berulang kali bersama-sama dengan sinonim dalam B2
	19.menulis, menyebut berulang kali bersama-sama dengan perkataan sama makna dalam B1
LATIHAN	20.berlatih perkataan baru dalam situasi sebenar
	21.berlatih perkataan baru dalam situasi imaginasi
	22.meminta diuji
	23.meminta orang lain untuk mengesahkan penguasaan pengetahuan (perkataan)
	24.menggunakan sumber bertulis untuk mengesahkan penguasaan pengetahuan (perkataan)
	25.menguji diri sendiri

University of Malaya

SUMBER MAKLUMAT DIGEMARI	26.bertanya orang tertentu (yang boleh dipercayai)
	27.melakukan kerja kumpulan
	28.menggunakan kamus
PENYEDIAAN NOTA	29.menyalin nota di ruang kosong buku teks
	30.menyalin nota di pinggir muka surat perkataan berkaitan wujud
	31.menyediakan buku nota kosa kata
	32.menyusun semula perkataan baru dipelajari mengikut urutan huruf A – Z
	33.menggolongkan perkataan-perkataan berdasarkan medan makna
	34.mencatatkan informasi berkaitan ejaan perkataan
	35. mencatatkan perkataan sama makna dalam bahasa ibunda (B1)
	36. mencatatkan sinonim dalam B2
	37. mencatatkan perkataan sama makna dalam B1 dan sinonim dalam B2 sekaligus
	38. mencatatkan kata dasar dan proses penerbitan kata
	39. mencatatkan informasi berkaitan hukum tatabahasa

Daripada **Jadual 2.3** di atas, didapati hasil kajian Ahmed (1989) telah berjaya mengenal pasti sejumlah 39 jenis SPPK yang digunakan oleh pelajar-pelajar Sudan untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris. Kesemua 39 jenis SPPK yang dikenal pasti tersebut telah diklasifikasikan kepada 6 kumpulan SPPK "tahap-makro". Menurut Ahmed (1989:4), SPPK "tahap-makro" merujuk kepada pendekatan pembelajaran bersifat lebih umum yang digunakan untuk menguasai perbendaharaan kata; sementara SPPK "tahap-mikro" pula bererti perlakuan / tindakan lebih khusus yang diambil oleh para pelajar untuk menguasai perbendaharaan kata. Demi membezakan konsep kedua-dua kumpulan SPPK ini, Ahmed (1989:4) telah memberi satu contoh bahawa : SPPK "latihan" adalah dikategorikan sebagai salah satu SPPK "tahap-makro" kerana ia mencakupi skop yang lebih luas; manakala SPPK jenis "menguji diri sendiri" adalah diklasifikasikan sebagai SPPK "tahap-mikro" memandangkan ia merupakan salah satu sub-strategi yang digunakan ketika menjalankan "latihan".

Berpandukan **Jadual 2.3** di atas, boleh dirumuskan bahawa kumpulan SPPK "penyediaan nota" mempunyai paling banyak sub-strateginya, iaitu sebanyak 11 jenis strategi-strategi mikro telah dikenal pasti. Sementara kumpulan SPPK "sumber maklumat digemari" adalah mempunyai paling sedikit sub-strategi, iaitu hanya terdiri daripada 3 jenis strategi-strategi mikro sahaja. Dalam erti kata lain, boleh dikatakan dalam proses mempelajari dan

University of Malaya

menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris, para pelajar Sudan lebih cenderung untuk menelaah (memproseduralkan) input bahasa yang diajar oleh guru, berbanding dengan mencari sumber maklumat bahasa yang digemari secara kendiri.

2.3.2 Dimensi Pengklasifikasian SPPK Sanaoui

Hasil kajian Sanaoui (1992,1995) yang menggunakan instrumen-instrumen kajian seperti penulisan diari pembelajaran bahasa, temu bual, rekod pengkaji (pada fasa pertama pengumpulan data) dan soal selidik (pada fasa kedua pengumpulan data) memaparkan bahawa pendekataan (SPPK) yang digunakan oleh para pelajar untuk mempelajari perbendaharaan kata secara umumnya boleh diklasifikasikan kepada dua kategori utama : (i) pendekatan berstruktur (*structured* / *organized approach*), dan (ii) pendekatan tidak-berstruktur (*unstructured* / *unorganized* a*pproach*) dengan mengambil kira lima aspek pembelajaran seperti berikut :

(a) setakat mana pelajar melibatkan diri dalam pembelajaran perbendaharaan kata (peluang mempelajari perbendaharaan kata);

(b) setakat mana pelajar melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran perbendaharaan kata secara kendiri (penglibatan aktiviti pembelajaran kendiri);

(c) setakat mana pelajar merekod item-item perbendaharaan kata yang telah dipelajari (rekod item-item leksikal / perbendaharaan kata);

(d) setakat mana pelajar mengulang kaji rekod item-item perbendaharaan kata yang telah dipelajari (kekerapan mengulang kaji item-item leksikal / perbendaharaan kata)

(e) setakat mana pelajar berlatih menggunakan perbendaharaan kata yang telah dipelajari (berlatih menggunakan item-item leksikal / perbendaharaan kata)

Menurut Sanaoui (1992,1995), pelajar-pelajar yang diklasifkasikan sebagai pengguna pendekatan (SPPK) berstruktur dan pengguna pendekatan (SPPK) tidak-berstruktur masing-masing mempunyai ciri-ciri seperti ditunjukkan dalam **Jadual 2.4** berikut.

University of Malaya

Jadual 2.4 : Ciri-Ciri Pengguna Pendekatan (SPPK) Berstruktur dan Tidak-Berstruktur
(Diadaptasi daripada Sanaoui, 1995:24)

Lima Aspek Pembelajaran	Pendekatan Berstruktur	Pendekatan Tidak-Berstruktur
Peluang Mempelajari Perbendaharaan Kata	1.mengambil kesempatan mencipta peluang secara kendiri 2.menjalankan pembelajaran secara kendiri	1.bergantung kepada kandungan (silabus) kursus 2.jarang menjalankan pembelajaran secara kendiri
Penglibatan Diri Dalam Aktiviti-aktiviti Pembelajaran Kendiri	3. secara meluas	3. secara terbatas
Rekod Item-Item Leksikal / Perbendaharaan Kata	4.secara meluas (dan bersifat sistematik)	4.secara terhad (dan bersifat *ad hoc*)
Kekerapan Mengulang kaji Item-Item Leksikal / Perbendaharaan Kata	5. berulang-ulang kali dan terperinci	5. jarang ataupun langsung tidak
Berlatih Menggunakan Item-Item Leksikal / Perbendaharaan Kata	6. mencari peluang di dalam dan di luar kelas	6. terbatas kepada kandungan (silabus) kursus

Berdasarkan **Jadual 2.4** di atas, Sanaoui (1992,1995) menyarankan bahawa para pelajar yang menggunakan pendekatan berstruktur adalah lebih bersifat kendiri dan lebih pandai mentadbir pembelajaran perbendaharaan kata secara teratur. Mereka tidak semata-mata bergantung kepada kandungan kursus bahasa sasaran yang diikuti. Sebaliknya, mereka lebih kerap mengambil inisiatif untuk menjalankan aktiviti yang boleh mempertingkatkan penguasaan perbendaharaan kata mereka, seperti mendengar radio dan menonton video dalam bahasa sasaran; bertutur bahasa sasaran dengan kawan. Di samping itu, mereka juga menyimpan rekod item-item leksikal secara bersistematik dan mengulang kajinya secara kerap dan terperinci. Di satu pihak yang lain pula, para pelajar yang diklasifikasikan sebagai pengguna pendekatan tidak-berstruktur adalah lebih suka bergantung kepada kandungan kursus bahasa sasaran yang diikuti semata-mata, dan jarang melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata mereka. Begitu juga, rekod item-

University of Malaya

item leksikal mereka juga disimpan pada tahap minima dan bersifat *ad hoc*, di samping mereka jarang ataupun tidak pernah mengulang kajinya.

2.3.3 Dimensi Pengklasifikasian SPPK Stoffer

Stoffer (1995) turut mengetengahkan satu dimensi SPPK berdasarkan data kajian yang dikumpul daripada 707 orang responden untuk kajian tesis doktor falsafah beliau di Universiti Alabama, Amerika Syarikat. Dimensi SPPK yang dicadangkan oleh Stoffer (1995) ini sesungguhnya merupakan satu inventori SPPK saranan beliau – *Vocabulary Learning Strategy Inventory* (VOLSI). Tujuan pembentukan inventori VOLSI ini adalah untuk dijadikan sebagai soal selidik, iaitu salah satu instrumen dalam kajian tesis beliau.

Dengan menggunakan reka bentuk kajian teori beralas (*grounded theory design*), yang mana dua kajian rintis telah dilaksanakan terlebih dahulu bagi mengumpul data kajian, item-item SPPK dalam inventori VOLSI tersebut telah dibina. Keputusan analisis statistik daripada kajian Stoffer (1995) mengesahkan bahawa (sama ada dari segi kesahan konstruk ataupun kesahan kandungan) kesemua 53 item yang dikenal pasti untuk membentuk inventori VOLSI adalah sah. Penganalisaan data melalui analisis faktor telah mengklasifikasikan item-item SPPK tersebut kepada 9 komponen utama – (I) strategi-strategi membabitkan penggunaan bahasa dalam situasi sebenar (*authentic language use*); (II) strategi-strategi membabitkan aktiviti-aktiviti kreatif (*creative activities*); (III) strategi-strategi digunakan untuk memotivasikan diri (*self-motivation*); (IV) strategi-strategi digunakan untuk mereka perkaitan mental (*create mental linkages*); (V) strategi-strategi memori (*memory*); (VI) strategi-strategi visual / auditori (*visual /auditory*); (VII) Strategi-strategi membabitkan aksi fizikal (*physical action*); (VIII) strategi-strategi digunakan untuk mengatasi kebimbangan (*overcome anxiety*); (IX) strategi-strategi digunakan untuk mentadbir perkataan (*organize*

University of Malaya

words). Kesemua item dan pengklasifikasian komponen SPPK ini adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 2.5** berikut.

Jadual 2.5 : Inventori Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata Stoffer
(Diadaptasi daripada Stoffer 1995:121-128)

Komponen	Substrategi
(I) Strategi-strategi membabitkan penggunaan bahasa dalam situasi sebenar (*authentic language use*)	1.membaca suratkhabar dan majalah dalam B2
	2.membaca karya sastera dan puisi/sajak dalam B2
	3.menonton wayang gambar B2
	4.mendengar program radio B2
	5.mengambil kesempatan berbual-bual dengan penutur B2
	6.berlatih perbualan dengan penutur B2
	7.menulis surat dengan menggunakan perkataan-perkataan baru dipelajari
	8.membentuk kolaj (collages) dengan perkataan-perkataan releven
	9.menggabungkan perkataan-perkataan dalam senarai (perbendaharaan kata) untuk mereka satu cerita
	10.menulis puisi/sajak dengan menggunakan perkataan-perkataan baru dipelajari
	11.menggambarkan seseorang menggunakan perkataan dalam situasi sebenar
	12.membina ayat menggunakan setiap perkataan baru dipelajari
(II) Strategi-strategi membabitkan aktiviti-aktiviti kreatif (*creative activities*)	13.menggunakan program komputer melatih (penggunaan) perkataan
	14.merakamkan perkataan dalam pita dan mendengarnya
	15.mentadbir perkataan-perkataan baru dalam pemproses kata (*word processor*)
	16.menonton video dicipta khas untuk para pelajar B2
	17.menulis puisi/sajak dengan menggunakan perkataan-perkataan baru dipelajari
	18.melakonkan perkataan-perkataan baru secara fizikal
	19.menggunakan kad-kad imbasan dikodkan warna (cth: jantina)
	20.menggabungkan perkataan-perkataan dalam senarai (perbendaharaan kata) untuk mereka satu cerita.
	21.menulis surat dengan menggunakan perkataan-perkataan baru dipelajari
	22.membentuk kolaj (collages) dengan perkataan-perkataan releven
	23.menggunakan pantomin (*pantomime*) dan gerak isyarat (*gesture*) untuk melatih perkataan *
	24.menggunakan cara pemerahan otak (*brainstorming*) untuk mengingat kembali perkataan
	25.melatih perkataan dengan menggunakan objek-objek sebenar
(III) Strategi-strategi digunakan untuk memotivasikan diri (*self-motivation*)	26.merasa suka mempelajari perbendaharaan kata baru
	27.merasa berjaya ketika mempelajari perkataan-perkataan baru
	28.memberi dorongan kepada diri ketika berasa takut melakukan kesalahan
	29.menumpukan perhatian ketika bertutur
	30.menyedari akan penggunaan (perkataan) yang salah
	31.menguji diri sendiri atau meminta orang lain menguji diri
	32.membina ayat menggunakan setiap perkataan baru dipelajari
	33.menggambarkan diri sendiri menggunakan perkataan dalam situasi sebenar
	34.cuba melegakan diri ketika berasa takut untuk menggunakan perkataan
	35.menggunakan cara pemerahan otak (*brainstorming*) untuk mengingat kembali perkataan
(IV) Strategi-strategi digunakan untuk mereka perkaitan mental (*create mental linkages*)	36.mengaitkan perkataan (baru) dengan perkataan B1 yang sama ejaannya
	37.mengaitkan perkataan (baru) dengan perkataan B1 yang sama bunyinya
	38.mengaitkan perkataan (baru) dengan perkataan yang telah diketahui
	39.mempelajari (perkataan daripada) topik yang berkaitan pada masa yang sama

	40.mengaitkan perkataan baru kepada diri sendiri
	41.mempelajari perkataan senang dahulu **
	42.menggolongkan perkataan baru mengikut topik
	43.menggunakan perkaitan semula jadi (cth: pasangan perkataan antonim)
(V) Strategi-strategi memori (*memory*)	44.menggunakan kad-kad imbasan
	45.menyebut perkataan baru secara lantang beulang kali
	46.menulis perkataan baru berulang kali
	47.mengulang kaji (perbendaharaan kata) secara kerap
	48.menumpukan perhatian (ketika mempelajari perkataan baru) demi mengelakkan gangguan
	49. menguji diri sendiri atau meminta orang lain menguji diri
	50.membahagikan senarai (perbendaharaan kata) kepada bahagian-bahagian kecil
	51. mempelajari perkataan senang dahulu **
	52.menggunakan puisi berirama (rhymes) untuk mengingati perkataan baru
(VI) Strategi-strategi visual / auditori (*visual/ auditory*)	53.menyusun perkataan-perkataan dalam sesuatu muka surat untuk membentuk pola-pola tertentu
	54.menyanyikan perkataan atau paradigma tatabahasa (*grammar paradigms*)
	55.melukis gambar-gambar mewakili perkataan baru
	56.menggunakan puisi berirama (rhymes) untuk mengingati perkataan baru
	57.memberi ganjaran kepada diri sendiri
	58.memberitahu seseorang tentang perasaan diri (ketika mempelajari perkataan)
	59.mengaitkan (perkataan baru) dengan perkataan-perkataan sebelum dan selepasnya
	60. menggunakan kad-kad imbasan dikodkan warna (cth: jantina)
(VII) Strategi-strategi membabitkan aksi fizikal (*physical action*)	**61.menggunakan pantomin (*pantomime*) dan gerak isyarat (*gesture*) untuk melatih perkataan***
	62.melatih perkataan dengan menggunakan objek-objek sebenar
	63.melakonkan perkataan-perkataan baru secara fizikal
	64.membayangkan perkataan baru
	65.mengaitkan perkataan baru dengan (kegiatan) diri sendiri
	66.melukis gambar-gambar mewakili perkataan baru
	67.menyebut perkataan baru secara lantang berulang kali
	68.menggunakan puisi berirama (rhymes) untuk mengingati perkataan baru
(VIII) Strategi-strategi digunakan untuk mengatasi kebimbangan (*overcome anxiety*)	69.mampu mengesan tekanan atau ketakutan
	70.cuba melegakan diri ketika berasa takut untuk menggunakan perkataan
	71.memberi dorongan kepada diri ketika berasa takut melakukan kesalahan
	72.memberitahu seseorang tentang perasaan diri (ketika mempelajari perkataan)
	73.mempelajari perkataan senang dahulu **
	74. memberi ganjaran kepada diri sendiri
(IX) Strategi-strategi digunakan untuk mentadbir perkataan (*organize words*)	75.menggolongkan perkataan berdasarkan kelas / kategori tatabahasa
	76.membahagikan perkataan kepada segmen-segmen tertentu (cth: awalan, akar)
	77.menggolongkan perkataan baru mengikut topik
	78.menggunakan perkaitan semula jadi (cth: pasangan perkataan antonim)
	79.membahagikan senarai (perbendaharaan kata) kepada bahagian-bahagian kecil
	80.menggunakan kad-kad imbasan

* diulangi 2 kali
** diulangi 3 kali

Universiti Malaya

Daripada **Jadual 2.5** di atas, didapati Inventori Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata yang dikemukakan oleh Stoffer (1995) adalah terdiri daripada sembilan komponen SPPK utama dengan 80 sub-strateginya. Namun demikian, sesungguhnya kesembilan komponen SPPK tersebut pada dasarnya hanya mengandungi 53 item SPPK yang berbeza, dan bukannya 80 substrategi sebagaimana dipaparkan dalam jadual di atas. Hal ini demikian kerana antaranya terdapat item-item SPPK yang memainkan peranan "dwi-status" ataupun "tri-status", iaitu satu-satu item SPPK telah diulangi dalam dua ataupun tiga komponen SPPK yang berlainan, memandangkan item tersebut dapat memenuhi fungsi yang berlainan dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata. Umpamanya item "menggunakan pantomin (*pantomime*) dan gerak isyarat (*gesture*) untuk melatih perkataan" telah diklasifikasikan kepada komponen SPPK (II) [Strategi-strategi membabitkan aktiviti-aktiviti kreatif sebagai Item 23] dan komponen SPPK (VII) [Strategi-strategi membabitkan aksi fizikal sebagai Item 61]. Perkara ini berlaku kerana item tersebut boleh dilihat sebagai suatu strategi pembelajaran yang bersifat kreatif, dan pada masa yang sama ia juga membabitkan aksi fizikal. Begitu juga, item "mempelajari perkataan senang dahulu" telah diulangi dalam tiga komponen SPPK – komponen SPPK (IV) [Strategi-strategi digunakan untuk mereka perkaitan mental sebagai Item 41; komponen SPPK (V) [Strategi-strategi memori sebagai Item 51]; dan komponen SPPK (VIII) [Strategi-strategi digunakan untuk mengatasi kebimbangan sebagai Item 73], memandangkan ia boleh memainkan peranan sebagai salah satu strategi untuk mencipta perkaitan mental, memudahkan ingatan (memori), dan juga membantu setengah-setengah pelajar untuk mengatasi masalah rasa bimbang sekiranya mereka dapat menguasai perkataan-perkataan senang dahulu.

Keadaan ini boleh dirumuskan bahawa pengklasifikasian item-item SPPK dalam VOLSI oleh Stoffer (1995) masih kurang mantap dan banyak bergantung kepada justifikasi pengkaji secara subjektif. Walau bagaimanapun, menurut Oxford (1990) fenomena sebegini tidak

University of Malaya

dapat dielakkan dalam bidang penyelidikan penggunaan strategi, dan salah satu cara penyelesaiannya adalah melalui usaha meneruskan pereplikasian penyelidikan berkaitan penggunaan strategi pembelajaran bagi mendapatkan lebih banyak maklumat yang konsisten daripada pelbagai golongan pelajar, serta berlandaskan konteks pembelajaran dan latar budaya yang berbeza, seperti mana yang akan dilaksanakan melalui kajian ini.

2.3.4 Dimensi Pengklasifikasian SPPK Hatch dan Brown

Pada masa yang sama, didapati Hatch dan Brown (1995/2000) turut menyumbangkan satu bab daripada buku mereka yang berjudul *Vacabulary, Semantics and Language Education* untuk membincangkan SPPK secara umum tanpa membabitkan penyelidikan empirik. Dengan berpandukan kerangka proses pembelajaran yang disarankan oleh Brown dan Payne (1994), Hatch dan Brown (1995/2000) telah mengemukakan lima langkah penting untuk mempelajari perbendaharaan kata seperti berikut :

(i) menemui perkataan baru;
(ii) mengenali bentuk perkataan;
(iii) memahami makna perkataan;
(iv) memperkukuhkan bentuk dan makna perkataan dalam memori; dan
(v) menggunakan perkataan.

Menurut Hatch dan Brown (1995/2000:373), kelima-lima langkah yang dipaparkan di atas adalah penting dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata dan berfungsi sebagai penyaring (*sieves*). Hal ini bererti sekiranya seseorang pelajar atau pengajar berjaya "memasukkan" lebih banyak perkataan ke dalam mana-mana satu langkah seperti yang dinyatakan di atas, maka lebih banyak pengetahuan perbendaharaan kata akan dikuasai. Apa yang dimaksudkan sebagai langkah pertama – "menemui perkataan baru", adalah merujuk kepada sebarang usaha untuk mendapatkan sumber pengetahuan perbendaharaan kata, misalnya melalui cara membaca buku, suratkhabar dan majalah; menonton rancangan

University of Malaya

televisyen dan mendengar radio; menelaah buku teks (terutama sekali bahagian senarai kosa kata / glosari); menyemak kamus; serta mencari peluang bertutur dengan penutur natif.

Sementara langkah kedua – "mengenali bentuk perkataan" pula bermaksud mendapatkan satu gambaran visual / audio yang jelas dalam bentuk tulisan dan lisan. Langkah ini boleh dilaksanakan seperti dengan mengaitkan sebutan perkataan baru dengan sebutan perkataan yang telah diketahui seperti bunyi perkataan dalam bahasa ibunda; ataupun menghubungkaitkan bentuk perkataan baru dangan bentuk perkataan bahasa lain yang sedia diketahui oleh pelajar.

Selanjutnya, langkah ketiga – "memahami makna perkataan" adalah satu peringkat yang memastikan maksud sesuatu perkataan tertentu. Maksud sesuatu perkataan boleh ditentukan melalui strategi-strategi seperti bertanya kepada orang lain yang mahir dalam bahasa sasaran yang dipelajari; meneka maksud berdasarkan konteks perkataan wujud; ataupun menggunakan kamus. Setelah bentuk dan makna perkataan diketahui, langkah keempat yang seterusnya ialah "memperkukuhkan bentuk dan makna perkataan dalam memori", iaitu sesorang pelajar harus berusaha agar pengetahuan perbendaharaan kata yang telah dipelajari kekal dalam ingatannya dengan mencipta kaitan antara "bentuk" dan "makna" secara kerap, umpamanya melakukan ulangkaji dari semasa ke semasa; menyediakan kad imbasan; ataupun membuat nota.

Akhir sekali, langkah kelima – "menggunakan perkataan" adalah langkah yang paling signifikan dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata, terutama sekali jika matlamat pembelajaran tersebut ialah menguasai pengetahuan perbendaharaan kata secara produktif, iaitu berkeupayaan mengaplikasikan perkataan-perkataan tertentu yang pernah dipelajari

University of Malaya

ketika bertutur dan menulis. Dalam hal ini, Hatch dan Brown (1995/2000) turut menekankan bahawa kemampuan seseorang menggunakan perkataan yang pernah dipelajari juga merupakan salah satu kaedah bagi memastikan langkah-langkah pembelajaran pengetahuan perbendaharaan kata yang dipraktikkan selama ini adalah tepat dan ia dapat membantu agar sesuatu perkataan dipelajari kekal dalam ingatan. Walaupun perbincangan Hatch dan Brown (1995/2000) tentang SPPK tidak disusuli dengan kajian empirik, namun ia dapat memberi satu gambaran yang jelas kepada kita bagaimana sesuatu pengetahuan perbendaharaan kata boleh dikuasai secara bersistematik. Dalam erti kata lain, penerangan 5-langkah Hatch dan Brown (1995/2000) ini secara tidak langsung turut memahamkan kita bagaimana seseorang pelajar boleh berjaya dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata.

2.3.5 Dimensi Pengklasifikasian SPPK Schmitt

Selanjutnya, didapati Schmitt (1997/2009) telah mendorong bidang penyelidikan SPPK ke satu tahap yang baru dengan menghasilkan satu taksonomi SPPK yang agak komprehensif. Schmitt (1997/2009) merupakan salah seorang sarjana yang dianggap berpengaruh dalam bidang penyelidikan SPPK, memandangkan beliau telah mengemukakan satu taksonomi SPPK mengandungi 58 item yang dikenali sebagai *A Taxonomy of Vocabulary Learning Strategies* (Schmitt, 1997/2009:207-208)]. Taksonomi tersebut pernah diibaratkan oleh Takač (2008:67) sabagai "*the most comprehensive typology of vocabulary learning strategies*" buat masa kini. Hal ini demikian kerana pada dasarnya pembentukan item-item dalam taksonomi ini adalah ditunjangi oleh sumber-sumber literatur berkredibiliti tinggi dalam bidang kajian strategi pembelajaran bahasa. Sebagai contohnya, dengan berpandukan konsep penemuan (*discovery*) dan pengukuhan (*consolidation*) yang diterapkan daripada sumber literatur Cook & Mayer (1983) serta Nation (1990), Schmitt (1997/2009) telah membahagikan taksonomi SPPK beliau kepada dua kategori utama. Kategori pertama ialah "strategi-strategi penemuan" (*discovery strategies*) yang merupakan strategi-strategi

University of Malaya

digunakan untuk mencungkil segala informasi awal ketika bertemu perbendaharaan kata baru; manakala kategori kedua pula ialah "strategi-strategi pengukuhan" (*consolidation strategies*) yang terdiri daripada strategi-strategi untuk memperkukuhkan ingatan dan seterusnya menguasai perbendaharaan kata baru setelah maknanya diketahui.

Selain itu, Schmitt (1997/2009) juga mengambil kira konsep pengklasifikasian strategi pembelajaran bahasa oleh Oxford (1990) demi memperhalusi pembahagian kategori SPPK dalam taksonomi beliau. Schmitt (1997/2009) selanjutnya telah memperincikan lagi kedua-dua kategori utama yang disebutkan tadi dengan membahagikan mereka kepada enam subkumpulan kecil. Natijahnya, kategori "strategi-strategi penemuan" disubbahagikan kepada: strategi penentuan (*determination*) dan strategi sosial[1] (*social[1]*); sementara kategori "strategi-strategi pengukuhan" (*consolidation strategies*) pula diwujudkan empat subkumpulan : strategi sosial[2] (*social[2]*), strategi memori (*memory*), strategi kognitif (*cognitive*), dan strategi metakognitif (*metacognitive*) sebagaimana ditunjukkan dalam **Jadual 2.6** berikut.

Jadual 2.6 : Taksonomi Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata Schmitt
(Diadaptasi daripada Schmitt , 1997/2009 : 207-208)

KATEGORI PERTAMA : **PENEMUAN** (*DISCOVERY*)
Strategi-strategi Penentuan 1. Menganalisis kategori perkataan (spt. kata nama, kata adjektif). 2. Menganalisis imbuhan kata dan kata dasar. 3. Mencari hubung kait perkataan dalam bahasa ibunda. 4. Menganalisis gambar-gambar yang disediakan. 5. Meneka maksud perkataan berdasarkan konteks ayat. 6. Menggunakan kamus dwibahasa. 7. Menggunakan kamus ekabahasa. 8. Merujuk kepada senarai kosa kata /glosari. 9. Menggunakan kad-kad imbasan (bentuk huruf / bergambar).
Strategi-strategi Sosial[1] 10. Meminta guru menterjemahkan perkataan baru ke dalam bahasa ibunda (B1). 11. Meminta guru guna perkataan lain untuk menerang / memberi sinonim kepada perkataan baru. 12. Meminta guru memberikan contoh ayat yang menggunakan perkataan baru dipelajari. 13. Mendapatkan maksud perkataan daripada rakan sekelas. 14. Mendapat tahu maksud perkataan baru melalui aktiviti berkumpulan.
KATEGORI KEDUA : **PENGUKUHAN** (*CONSOLIDATION*)
Strategi-strategi Sosial[2] 15. Mengulang kaji maksud perkataan dalam kumpulan. 16. Guru menyemak ketepatan maksud perkataan dalam kad imbasan dan senarai kosa kata pelajar. 17. Bertutur dengan penutur natif (dalam komuniti) bahasa sasaran yang dipelajari.

University of Malaya

Strategi-strategi Memori

18. Mempelajari maksud perkataan dengan bantuan gambar.
19. Membayangkan imej (objek) yang mewakili maksud perkataan dalam minda.
20. Mengaitkan perkataan dengan pengalaman peribadi.
21. Mengaitkan perkataan baru dengan perkataan-perkataan lain yang sama kategori dengannya.
22. Mengaitkan perkataan baru dengan perkataan-perkataan sinonim dan antonim.
23. Menggunakan peta minda (*semantic maps*).
24. Mengkategorikan perkataan adjektif mengikut skalanya (cth: raksasa / besar / kecil / kerdil).
25. Menggunakan "kaedah Peg" (*Peg Method*) untuk mempelajari perkataan baru.
26. Menggunakan "kaedah Loci" (*Loci Method*) untuk mempelajari perkataan baru.
27. Mengumpulkan perkataan-perkataan sama jenis (cth:perkataan senang lupa) untuk mempelajarinya.
28. Mengumpulkan perkataan-perkataan sama jenis dalam ruang satu muka surat.
29. Menggunakan perkataan baru dalam ayat.
30. Mengumpulkan perkataan-perkataan mengikut jalan cerita.
31. Mengkaji (meneliti) ejaan perkataan.
32. Mengkaji (meneliti) sebutan perkataan.
33. Melafaz (menyebut) perkataan baru ketika mempelajarinya.
34. Membayangkan bentuk perkataan.
35. Menggariskan huruf pertama dalam perkataan.
36. Menggunakan tatarajah (*Configuration*).
37. Menggunakan "kaedah kata kunci" (*Keyword Method*).
38. Mengingati kata dasar dan imbuhan.
39. Mengingati kategori perkataan (spt. kata nama, kata adjektif).
40. Menggunakan perkataan lain untuk menerangkan maksud perkataan.
41. Mengaitkan maksud perkataan dengan asal-usulnya (cth: information – informasi)
42. Mempelajari peribahasa (frasa kata) secara serentak.
43. Menggunakan aksi fizikal ketika mempelajari perkataan baru.
44. Menggunakan grid-grid berciri semantik (*semantic feature grids*).

Strategi-strategi Kognitif

45. Menyebut perkataan berulang kali.
46. Menulis perkataan berulang kali.
47. Menggunakan senarai kosa kata /glosari.
48. Menggunakan kad-kad imbasan (bentuk huruf / bergambar).
49. Mengambil nota di dalam kelas.
50. Merujuk kepada bahagian perbendaharaan kata dalam buku teks.
51. Mendengar pita terdiri daripada senarai kosa kata / glosari.
52. Melabelkan objek dalam bahasa Inggeris.
53. Menyimpan buku nota perbendaharaan kata.

Strategi-strategi Metakognitif

54. Menggunakan / mendampingi media bahasa Inggeris (spt. lagu, tayangan gambar, berita).
55. Menguji diri sendiri dengan ujian perbendaharaan kata.
56. Melatih perkataan dengan menulis semula di ruangan kosong (*spaced word practice*).
57. Mengabaikan perkataan baru (yang tidak faham).
58. Mengulang kaji perkataan (yang dipelajari) dari semasa ke semasa.

Menurut Schmitt (1997/2009), rasional membahagikan dua kategori SPPK utama dan enam subkumpulannya seperti ditunjukkan dalam jadual di atas adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, "strategi-strategi penentuan" diwujudkan kerana ia lebih spesifik untuk pembelajaran perbendaharaan kata, yang mana Schmitt (1997/2009: 205-206) mendefinisikannya sebagai "strategi-strategi yang digunakan oleh para pelajar untuk mencungkil makna perkataan baru yang buat pertama kali ditemui pelajar berdasarkan

University of Malaya

konteks, pengetahuan bahasa sedia ada, ataupun bahan-bahan rujukan, tanpa merujuk kepada sumber kepakaran orang lain."

Kedua, sebahagian "strategi-strategi sosial[1]" yang diletakkan di bawah kategori SPPK penemuan adalah merujuk kepada "strategi-strategi yang digunakan oleh pelajar-pelajar untuk mengetahui makna perkataan baru melalui cara bertanya kepada orang lain." Ketiga, walaupun dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata terdapat beberapa perkara lain berkaitan pengetahuan perbendaharaan kata, seperti ejaan, laras, dan kolokasi perkataan perlu juga dipelajari, namun Schmitt (1997/2009) menegaskan bahawa menentukan "makna perbendaharaan kata" tetap merupakan perkara yang paling asas. Justeru itu, kategori penemuan yang merangkumi "strategi-strategi penentuan" dan "strategi-strategi sosial[1]" adalah didahulukan. Akhir sekali, setelah makna perkataan baru dikenal pasti, barulah wajar para pelajar berusaha untuk mengingati dan menguasai perkataan baru tersebut melalui SPPK kategori pengukuhan seperti: strategi-strategi sosial[2], strategi-strategi memori, strategi-strategi kognitif, dan strategi-strategi metakognitif.

Menyentuh tentang definisi strategi-strategi dalam kategori SPPK kedua (pengukuhan) pula, sesungguhnya "strategi-strategi sosial[2]" yang diletakkan di bawah kategori SPPK pengukuhan adalah berbeza daripada "strategi-strategi sosial[1]" di bawah kategori SPPK penemuan, yang mana strategi-strategi sosial[2] ini mengikut Schmitt (1997/2009:205) adalah merupakan "strategi-strategi yang digunakan oleh pelajar-pelajar bagi mengaplikasikan perkataan-perkataan yang telah diketahui maksudnya untuk berinteraksi dengan orang lain agar dapat mempertingkatkan penguasaan perbendaharaan kata." Dalam pada itu, Schmitt (1997/2009:205-206) juga membezakan strategi-strategi memori dan strategi-strategi kognitif yang pada dasarnya berfungsi hampir sama – untuk mengingat kembali perbendaharaan kata melalui manipulasi pelbagai bentuk aktiviti bahasa. Namun Schmitt

University of Malaya

(1997/2009) membezakan antara mereka dengan menerangkan bahawa aktiviti bahasa yang kurang membabitkan pemanipulasian mental, seperti pengulangan, adalah lebih sesuai dikategorikan di bawah strategi-strategi kognitif, manakala aktiviti bahasa yang lebih melibatkan teknik-teknik nemonik (*mnemonic techniques*) bagi membantu ingatan mental, seperti menghubung-kaitkan atau membayang sesuatu, adalah lebih wajar dikategorikan sebagai strategi-strategi memori. Selain itu, Schmitt (1997/2009) juga menyarankan bahawa strategi-strategi metakognitif adalah strategi-strategi yang digunakan untuk mengatur, merancang, mengawal dan menilai pembelajaran perbendaharaan kata.

2.3.6 Dimensi Pengklasifikasian SPPK Nation

Taksonomi SPPK yang dikemukakan oleh Nation (2001) adalah satu taksonomi yang cuba mengasingkan tiga aspek – pengetahuan perbendaharaan kata (iaitu apa yang dibabitkan untuk mengetahui sesuatu perkataan); sumber pengetahuan perbendaharaan kata, dan proses pembelajaran perbendaharaan kata, sebagaimana ditunjukkan dalam **Jadual 2.8** berikut.

Jadual 2.7: Taksonomi Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata Nation (2001)

Kategori SPPK	Jenis-jenis SPPK
Perancangan (*planning*) : Memilih apa difokus dan bila untuk memfokuskannya.	Memilih perkataan. Memilih aspek-aspek pengetahuan perkataan. Memilih strategi-strategi. Merancang pengulangan.
Sumber (*source*) : Mencari maklumat berkaitan dengan perkataan.	Menganalisis perkataan. Menggunakan konteks Merujuk sumber rujukan sama ada dalam B1 atau B2. Menggunakan persamaan dalam B1dan B2.
Proses (*processes*) : Memantapkan pengetahuan perkataan.	Memerhati perkataan. Mendapatkan semula perkataan. Menjana perkataan.

(Sumber: Diadaptasi daripada Nation, 2001: 218)

Jadual 2.8 di atas menunjukkan bahawa Nation (2001) telah membahagikan strategi-strategi untuk mempelajari perbendaharaan kata kepada tiga kumpulan utama : perancangan, sumber,

University of Malaya

dan proses. Kumpulan pertama – "perancangan" membabitkan strategi-strategi untuk membuat keputusan berkenaan perkataan "apa" atau "mana" yang harus difokuskan; "bagaimana" untuk memfokuskannya; dan "berapa kerap" perkataan tersebut harus difokus. Menurut Nation (2001: 218), perkara ini amat penting pada peringkat awal pembelajaran perbendaharaan kata kerana skop pengetahuan perbendaharaan kata adalah komprehensif (umpamanya sama ada ia merupakan perkataan berfrekuensi tinggi / rendah; bertujuan akademik / teknikal), dan mencakupi pelbagai aspek. Justeru itu, demi menguasai pengetahuan perbendaharaan kata secara berkesan, seseorang pelajar harus terlebih dahulu mempunyai kesedaran yang tinggi akan matlamat pembelajaran perbendaharaan kata untuk program yang diikuti, kemudian dengan berpandukan matlamat tersebut, barulah pelajar dapat memilih perkataan apa yang harus difokuskan.

Selain itu, pelajar tersebut juga harus memilih strategi yang paling sesuai untuk membantunya mencapai matlamat pembelajaran perbendaharaan kata. Dalam usaha memilih strategi pula, pelajar tersebut juga perlu mengetahui bila sesuatu strategi boleh diteruskan penggunaannya, dan sebaliknya bila pula perlu dialihkan ke penggunaan strategi-strategi lain yang lebih sesuai sejajar dengan tugasan yang dilaksanakan. Namun demikian, menurut Nation (2001: 219) lagi, dengan hanya mengetahui apa yang harus difokuskan dan bagaimana memilih strategi yang sesuai masih belum memadai untuk menguasai pengetahuan perbendaharaan kata dengan berkesan. Untuk menguasai pengetahuan perbendaharaan kata secara efektif, seseorang pelajar juga harus tahu membuat perancangan untuk mengulang kaji perbendaharaan kata yang telah dipelajari, misalnya menetap jadual waktu secara kendiri bagi menelaah perbendaharaan kata baru yang telah dipelajari dari semasa ke semasa bagaikan satu proses kitar semula secara automatik.

University of Malaya

Kumpulan kedua – "sumber" pula bermaksud mencari maklumat berkenaan dengan perkataan baru. Menurut Nation (2001: 219-221), maklumat perkataan boleh diperoleh daripada pelbagai sumber – misalnya daripada perkataan sasaran itu sendiri (dengan menganalisis kategori perkataan tersebut); daripada konteks perkataan itu wujud; daripada kamus ekabahasa / dwibahasa; bertanya kepada orang lain (seperti guru, kawan, penutur natif); ataupun menggunakan persamaan dalam bahasa B1 atau B2 yang pernah dipelajari. Walau bagaimanapun, sumber ini boleh merupakan semua ataupun sebahagian daripada pengetahuan perbendaharaan kata berlandaskan matlamat pembelajaran perbendaharaan kata yang ditetapkan. Setelah sumber (maklumat perkataan) dikenal pasti, pengetahuan perbendaharaan kata selanjutnya harus dimantapkan melalui satu "proses" demi menjamin keberkesanan pembelajarannya, sebagaimana yang akan dibincangkan seperti berikut.

Kumpulan ketiga dalam taksonomi ialah "proses", yang merujuk kepada satu proses memantapkan pengetahuan perbendaharaan kata. Nation (2001: 221-222) menyarankan bahawa ketiga-tiga strategi dalam kumpulan ini – memerhati (*noticing*); mendapatkan semula (*retrieving*); dan menjana (*generating*), sesungguhnya memainkan peranan yang amat signifikan untuk meningkatkan ingatan pelajar terhadap perkataan-perkataan yang pernah dipelajari. Strategi pertama dalam kumpulan ketiga – "memerhati", bererti melihat perkataan sebagai satu item yang perlu dipelajari dan kemudian mencatatkannya (seperti dalam buku nota / senarai kosa kata / kad imbasan), ataupun melihat dan menyebutnya berulang kali. Nation (2001: 221) mejelaskan bahawa walaupun strategi ini kelihatan seolah-olah menyimpan rekod sahaja, ia amat berguna sebagai langkah awal untuk memproses pengetahuan perbendaharaan kata secara mendalam melalui dua lagi strategi yang akan dibincangkan selanjutnya.

University of Malaya

Strategi kedua dalam kumpulan ketiga – "mendapatkan semula" pula bermaksud mengingat kembali item (pengetahuan perkataan) yang pernah dipelajari sebelum ini. Dalam usaha melakukan proses "mendapatkan semula", dua perkara akan terlibat, iaitu "tanda" (*cue*) dan "pengetahuan" (*knowledge*) yang ingin diingatkan kembali. Berkenaan hal ini, Nation (2001: 221) menegaskan bahawa setiap kali "mendapatkan semula" dilakukan, hubungan antara "tanda" dan "pengetahuan" akan diperkukuhkan lagi. Beliau memperincikan hal ini dengan berhujah bahawa "*A word may be noticed and its meaning comprehended in the textual input to the task, through teacher explanation or dictionary use. If that work is subsequently retrieved during the task then the memory of that word will be strengthened.* " (Nation, 2001:66-67). Ini bererti strategi "mendapatkan semula" ini sesungguhnya merupakan satu proses yang signifikan untuk mempertingkatkan ingatan pelajar terhadap sesuatu perkataan yang dipelajari, seperti apa yang ditegaskan oleh Baddeley (1990:156) bahawa kepentingan "pengulangan" (*repetition*) dalam pembelajaran sebenarnya adalah tertakluk kepada kesempatan melakukan proses "mendapatkan semula" berulang kali.

Akhir sekali, strategi ketiga dalam kumpulan ketiga – "menjana" adalah merupakan satu proses yang mengaitkan aspek baru dalam pengetahuan (perkataan) dengan apa yang telah diketahui, iaitu mendapatkan sesuatu yang baru berdasarkan pengetahuan yang lama (tersedia maklum). Nation (2001 : 222) menerangkan strategi ini dapat memanfaatkan pembelajaran dengan mengibaratkannya sebagai "*rich instruction*". Strategi ini boleh dilakukan melalui aktiviti seperti : membayangkan contoh perkataan digunakan; menganalisis perkataan; menggunakan perkataan dalam konteks berlainan; membuat pemetaan semantik dan sebagainya.

University of Malaya

2.4 Hasil Kajian Lepas SPPK

Daripada tinjauan kajian lepas, didapati secara relatifnya bidang kajian SPPK masih dianggap baru berbanding dengan bidang penyelidikan strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang lebih umum. Hal ini dikatakan demikian kerana bibit-bibit awal kajian SPB telah dimulakan sejak tahun 1960an dan dipergiatkan mulai pertengahan tahun 1970an natijah terbitnya dua buah artikel yang berjudul "*What the Good Language Learner Can Teach Us* " oleh Rubin (1975) dan "*What Can We Learn From the Good Language Learner*" oleh Stern (1975); manakala bidang kajian SPPK hanya dipergiatkan mulai akhir tahun 1980an akibat wujudnya pemerhatian kembali terhadap kepentingan peranan perbendaharaan kata dalam bidang pengajaran dan pembelajaran B2/B3 sejak awal tahun 1980an (Schmitt 1997/2009; Nation 2001). Sesungguhnya, pada peringkat awal, kajian SPPK adalah dimulakan dengan tujuan untuk menerokai penggunaan SPPK oleh pelajar-pelajar lemah bahasa dan seterusnya dibandingkan dengan penggunaan SPPK oleh pelajar-pelajar cemerlang bahasa sebagaimana dilakukan oleh Porte (1988).

Porte (1988) buat pertama kalinya telah meneliti penggunaan SPPK ke atas 15 orang pelajar lemah bahasa yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2. Melalui kaedah temu bual, beliau telah membandingkan penggunaan SPPK oleh pelajar-pelajar lemah bahasa Inggeris dengan SPPK yang digunakan oleh para pelajar cemerlang bahasa Inggeris yang telah dikenal pasti sebelum ini. Hasil kajian Porte (1988:167) menunjukkan bahawa para pelajar lemah bahasa Inggeris tersebut sesungguhnya menggunakan jenis-jenis strategi yang lebih kurang sama dengan pelajar-pelajar cemerlang bahasa untuk menguasai perbendaharaan kata baru bahasa Inggeris.

Namun, perkara yang membezakan para pelajar lemah bahasa daripada para pelajar cemerlang bahasa adalah terletak pada kekerapan (kuantiti) dan kemahiran (kualiti)

University of Malaya

mengaplikasikan SPPK – para pelajar lemah bahasa tidak begitu kerap dan kurang mahir menggunakan SPPK dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Bahasa Inggeris mereka, berbanding dengan para pelajar cemerlang bahasa.

Justeru bertitik-tolakkan dapatan kajian ini, Porte (1988:171) menyarankan bahawa tanggungjawab para pendidik bahasa adalah untuk membantu pelajar-pelajar lemah bahasa memperhalusi repertoir SPPK yang sedia ada pada mereka. Di samping itu, pendidik bahasa juga perlu membimbing mereka mengenal pasti dan menggunakan SPPK yang sesuai dengan keupayaan masing-masing. Hal ini turut memberi implikasi bahawa para pendidik bahasa tidak seharusnya memaksa pelajar-pelajar mereka mengguna pakai "strategi-strategi model" yang biasa digunakan oleh pelajar-pelajar cemerlang bahasa tanpa memberi bimbingan yang kritis.

Berbeza daripada Porte (1988), Ahmed (1989) telah menggunakan tiga jenis instrumen kajian – temu bual berstruktur, pemerhatian dan perlantangan fikiran (*think-aloud protocol*) untuk mengumpul data kajian dengan tujuan bagi mengenal pasti dan membandingkan SPPK yang digunakan oleh para pelajar cemerlang bahasa dan lemah bahasa. Berpandukan data kajian yang dikumpul daripada 300 orang pelajar Sudan yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2, dapatan kajian Ahmed (1989) ini menunjukkan bahawa dalam proses mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris sebagai B2, para pelajar Sudan paling banyak menggunakan pelbagai strategi untuk "menyediakan nota", seperti menyalin nota di ruang kosong buku teks dan pinggir muka surat perkataan berkaitan wujud, menyediakan buku nota kosa kata, menyusun semula perkataan baru dipelajari mengikut urutan huruf A – Z, menggolongkan perkataan-perkataan berdasarkan medan makna, mencatatkan pelbagai informasi berkaitan dengan perkataan tertentu, seperti ejaan, perkataan sama makna dalam bahasa ibunda (B1), sinonim dalam B2, kedua-dua perkataan

University of Malaya

sama makna dalam bahasa ibunda (B1) dan sinonim dalam B2 sekaligus, kata dasar dan proses penerbitan kata, serta informasi berkaitan hukum tatabahasa.

Hal ini bermakna golongan pelajar Sudan yang dikaji tersebut lebih cenderung menggunakan SPPK berorientasikan mengulang kaji perbendaharaan kata yang pernah dipelajari dalam erti kata memproseduralkan input bahasa (perkataan-perkataan baru) yang diajar oleh guru bahasa Inggeris mereka, berbanding dengan SPPK berorientasikan mencari maklumat bahasa daripada sumber-sumber digemari secara kendiri, umpamanya bertanyakan orang lain, melakukan kerja kumpulan, dan menggunakan kamus. Menurut Ahmed (1989) lagi, fenomena seperti ini agak lumrah berlaku dalam persekitaran pembelajaran sesuatu bahasa sasaran B2 / B3 yang diajar dalam komuniti bukan penutur natif, seperti pembelajaran bahasa Inggeris sebagai B2 dalam komuniti para pelajar Sudan, memandangkan segala sumber maklumat berkenaan dengan pembelajaran bahasa Inggeris mungkin agak terbatas, tidak terkini dan agak sukar didapati dalam komuniti setempat di Sudan.

Di samping itu, hasil kajian Ahmed (1989) juga turut membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penggunaan SPPK antara kumpulan pelajar cemerlang bahasa dengan kumpulan pelajar lemah bahasa. Didapati secara relatifnya tiga kumpulan pelajar cemerlang bahasa yang dikaji tersebut menggunakan pelbagai jenis SPPK ketika mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris. Mereka juga menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap apa yang boleh dilakukan ketika mempelajari perbendaharaan kata baru; mengetahui kepentingan mengaplikasikan perbendaharaan kata yang telah dipelajari ke dalam konteks penggunaan sebenar (situasi autentik); serta dapat mengaitkan perkataan baru dipelajari dengan perkataan-perkataan yang telah dipelajari sebelumnya. Dalam pada

University of Malaya

itu, didapati pelajar-pelajar cemerlang tersebut juga rajin menggunakan kamus sama ada berbentuk ekabahasa ataupun dwibahasa untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki.

Manakala secara kontrasnya, didapati dua kumpulan pelajar lemah bahasa yang dikaji pula hanya mengaplikasikan beberapa jenis SPPK tertentu sahaja ketika mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris. Mereka juga kurang berminat untuk mengaplikasikan perbendaharaan kata yang telah dipelajari ke dalam konteks penggunaan autentik; dan tidak tahu mengaitkan perkataan baru dipelajari dengan perkataan-perkataan yang telah dipelajari sebelumnya.

Selain Ahmed (1989), Sanaoui (1992,1995) juga mengendalikan beberapa kajian kes yang agak mendalam bagi menerokai pendekatan yang digunakan oleh para pelajar ketika mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris dan bahasa Perancis sebagai bahasa B2. Sesungguhnya, Sanaoui (1992:22) tidak menggunakan istilah "*vocabulary learning strategies*" (strategi pembelajaran perbendaharaan kata – SPPK) dalam kajian beliau, tetapi istilah "*learner's approach*" (pendekataan pelajar) telah digunakan bagi merujuk kepada "perlakuan pembelajaran pelajar untuk mempelajari perbendaharaan kata" (*a learner's study habits for learning vocabulary*) yang boleh disamaertikan sebagai "strategi pembelajaran perbendaharaan kata" (SPPK) dalam kajian ini.

Sementara di satu pihak yang lain pula, Stoffer (1995) turut mengetengahkan satu kajian penggunaan SPPK berskala besar-besaran yang melibatkan 707 orang responden. Kajian Stoffer mempunyai dua tujuan utama : (i) mengesahkan kebolehgunaan item-item dalam soal selidik VOLSI; dan (ii) mengenal pasti kekerapan penggunaan SPPK dan hubungannya dengan beberapa variabel perbezaan individu seperti pengalaman pembelajaran bahasa terdahulu, tahap kursus, jenis-jenis bahasa dipelajari (misalnya bahasa-bahasa Perancis,

University of Malaya

Jerman, Jepun, Sepanyol, dan Rusia), SPPK yang pernah diajar terdahulu, umur dan jantina. Para responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tahap satu yang mengikuti pelbagai kursus bahasa sasaran (B3) di Universiti Alabama.

Kajian Stoffer (1995) ini nyata berbeza daripada kajian-kajian yang dikemukakan sebelum ini, khasnya dari segi metodologi kajiannya. Stoffer (1995) telah menggunakan reka bentuk kajian teori beralas (*grounded theory design*), yang mana dua kajian rintis telah dilaksanakan terlebih dahulu bagi mengumpul data kajian untuk membentuk item-item SPPK dalam satu inventori saranan beliau – *Vocabulary Learning Strategy Inventory* (VOLSI). Tujuan pembentukan inventori VOLSI ini adalah untuk dijadikan sebagai soal selidik, iaitu salah satu instrumen dalam kajian tesis beliau. Di samping itu, hasil kajian Stoffer (1995) turut menunjukkan bahawa para pelajar paling kerap menggunakan "strategi-strategi mereka perkaitan mental" (komponen SPPK IV), terutama sekali item "mengaitkan perkataan (baru) dengan perkataan B1 yang sama ejaannya"; dan paling jarang menggunakan "strategi-strategi membabitkan aktiviti-aktiviti kreatif " (SPPK komponen II), khasnya item "menggunakan program komputer melatih (penggunaan) perkataan".

Selain itu, Stoffer (1995) juga mendapati bahawa para pelajar yang pernah mempelajari bahasa asing (B3) lebih kerap menggunakan SPPK berbanding dengan pelajar-pelajar yang tidak mempunyai sebarang pengalaman dalam pembelajaran B3. Walau bagaimanapun, didapati para pelajar tahap rendah (tahap permulaaan) pula secara relatifnya menunjukkan kekerapan penggunaan SPPK yang lebih tinggi berbanding dengan penggunaan SPPK dalam kalangan pelajar tahap tinggi. Menurut Stoffer (1995), hal ini berlaku kerana mereka yang baru mempelajari B3 masih berada dalam keadaan mencuba-cuba untuk mengaplikasikan pelbagai jenis SPPK yang boleh membantu mereka menguasai perbendaharaan kata, manakala para pelajar tahap tinggi pula mungkin telah "matang" dari segi penggunaan SPPK,

University of Malaya

dalam erti kata mereka lebih mengetahui SPPK mana yang berkesan untuk menguasai perbendaharaan kata.

Begitu juga, hasil kajian juga menyarankan bahawa para pelajar yang pernah menerima latihan penggunaan strategi pembelajaran adalah lebih kerap menggunakan SPPK untuk menguasai pengetahuan perbendaharaan kata. Berpandukan hasil kajian ini, Stoffer (1995:154) menekankan bahawa program latihan penggunaan strategi adalah salah satu elemen yang amat penting dan perlu diserapkan dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran B2/B3.

Selain itu, hasil kajian Stoffer (1995) juga memaparkan variabel jenis-jenis bahasa asing yang dipelajari turut mempengaruhi kekerapan penggunaan SPPK, yang mana para pelajar mengikuti kursus bahasa asing (B3) yang "lebih susah" (berdasarkan skala kesukaran penguasaan bahasa asing cadangan Liskin-Gasparro, 1982) seperti bahasa Jepun dan bahasa Rusia, adalah lebih kerap menggunakan SPPK untuk menguasai perbendaharaan kata B3 tertentu berbanding dengan penggunaan SPPK dalam kalangan pelajar yang mengikuti kursus B3 "lebih senang", misalnya bahasa-bahasa Perancis, Sepanyol, dan Jerman. Dalam pada itu, didapati dua variabel lain, iaitu umur dan jantina turut menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam penggunaan SPPK, yang mana para pelajar yang lebih tua lebih kerap menggunakan SPPK; dan kekerapan penggunaan SPPK dalam kalangan pelajar perempuan pula adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar lelaki dalam proses mereka menguasai perkataan-perkataan baru. Stoffer (1995) menerangkan antara sebab fenomena ini berlaku adalah kerana mungkin golongan pelajar yang lebih tua beranggapan bahawa mereka tidak setanding dengan golongan muda dalam ingatan, justeru itu mereka akan mencuba sebarang "kaedah" yang dianggap berkesan bagi membantu mereka mengatasi kekurangan ini. Sementara itu, keadaan para pelajar perempuan lebih kerap mengaplikasikan SPPK dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata mereka pula boleh dijelaskan bahawa ia

University of Malaya

bersecocokan dengan perlakuan rata-rata pelajar peremuan yang secara relatifnya dianggap lebih teliti.

Selain itu, didapati Gu dan Johnson (1996) juga menyelidiki bidang SPPK melalui satu kajian kuantitatif yang membabitkan 850 orang pelajar IPT Tahun Dua (bukan-pengkhususan bahasa Inggeris) yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa asing di *Beijing Normal University*. Kajian mereka yang menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul data kuantitatif daripada responden; serta dua bentuk kertas ujian untuk menentukan tahap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Inggeris para pelajar. Tujuan kajian tersebut ialah : (i) mencungkil maklumat tentang tanggapan-tanggapan (*beliefs*) para pelajar terhadap pembelajaran perbendaharaan kata dan SPPK yang digunakan oleh mereka; serta (ii) mengenal pasti hubungan antara penggunaan SPPK dengan dua variabel – saiz perbendaharaan kata dan tahap pencapaian bahasa Inggeris para pelajar tersebut.

Demi melakukan kajian ini, Gu dan Johnson (1996) telah berusaha membentuk satu set soal selidik yang dikenali sebagai *Vocabulary Learning Questionnaire* (VLQ). Soal selidik tersebut mengandungi sejumlah 113 item dan dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama VLQ mengandungi item-item yang bertanya tentang tanggapan-tanggapan pelajar bagaimana pengetahuan perbendaharaan kata harus dipelajari dari tiga dimensi, iaitu sama ada sesuatu perbendaharaan kata harus dihafal (*memorized*); diperoleh berdasarkan konteks (*acquired in context*); ataupun dipelajari dan digunakan (*studied and put to use*). Para responden adalah diminta untuk menilai setiap item dalam bahagian ini berdasarkan 7-skala bermula dari "langsung tidak setuju – 1" kepada "sangat setuju – 7". Sementara bahagian kedua VLQ pula terdiri daripada item-item yang bertanya tentang penggunaan SPPK pelajar dari beberapa dimensi seperti berikut :

University of Malaya

(a) pengawalan metakognitif (*metacognitive regulation*)
[cth: pemerhatian terpilih (*selective attention*), inisiatif kendiri (*self-initiation*)] ;

(b) strategi-strategi penekaan (*guessing strategies*)
[cth: menggunakan pengetahuan latar / konteks meluas (*using background knowledge /wider context*), menggunakan tanda-tanda linguistik / konteks terdekat (*using linguictic cues / immediate context*);

(c) strategi-strategi penggunaan kamus (*dictionary use strategies*);

(d) strategi-strategi penyediaan nota (*note-taking strategies*)
[cth: sama ada berlandaskan makna (*meaning-oriented*) atau penggunaan (*usage-oriented*)];

(e) strategi-strategi memori / pengulangan (*memory / rehearsal strategies*)
[cth: sama ada menggunakan senarai kosa kata (*using word lists*), pengulangan secara lisan (*oral repetition*), nemonik/penghafazan (*mnemonic/rote repetition*) atau pengulangan secara melihat (*visual repetition*)];

(f) strategi-strategi pengekodan (*coding strategies*)
[cth: secara hubungan / huraian (*association / elaboration*), pengekodan semantik (*semantic encoding*), pengekodan penglihatan (*visual encoding*), pengekodan pendengaran (*auditory encoding*), menggunakan struktur perkataan (*using word-structure*), pengekodan berdasarkan konteks (*contextual encoding*)];

(g) strategi-strategi pengaktifan (*activation strategies*)
[cth: secara sengaja menggunakan perkataan yang pernah dipelajari (*deliberately using the vocabulary that has been studied*)].

Bahagian ini juga memerlukan responden menjawab soalan berpandukan 7-skala bermula dari "sangat tidak benar mengenai diri saya – 1" hingga "sangat benar mengenai diri saya – 7". Hasil penganalisaan statistik berpandukan maklumat lapor-diri para responden melalui soal selidik VLQ menunjukkan bahawa rata-rata pelajar Cina bertanggapan perbendaharaan kata bahasa Inggeris harus dipelajari secara teliti serta diaplikasikan ke dalam situasi sebenar, dan bukannya secara menghafal sahaja. Keputusan kajian ini amat berkontras dengan tanggapan stereotaip orang ramai terhadap pelajar-pelajar Timur, iaitu pendominasian "budaya menghafal" dalam kaedah pembelajaran mereka. Mereka juga tidak suka menggunakan strategi memori secara menghafaz (*rote memory*) ketika mempelajari perkataan baru bahasa Inggeris. Sebaliknya, mereka lebih kerap menggunakan strategi-strategi

University of Malaya

penyediaan nota berlandaskan makna, penekaan berdasarkan konteks, serta menggunakan kamus untuk mempelajari / memahami sesuatu perkataan bahasa Inggeris.

Selain itu, hasil kajian mereka turut menunjukkan bahawa hubungan antara saiz perbendaharaan kata dengan tahap pencapaian bahasa Inggeris para pelajar adalah secara positif. Sementara itu, saiz perbendaharaan kata juga didapati adalah berkorelasi secara positif dengan penggunaan SPPK seperti strategi pengaktifan, strategi penggunaan kamus, strategi pengekodan semantik, pemerhatian terpilih, inisiatif kendiri, dan strategi penyediaan nota berlandaskan makna. Namun demikian, saiz perbendaharaan kata adalah berkorelasi secara negatif dengan strategi memori jenis pengulangan secara melihat. Sementara menyentuh tentang variabel tahap pencapaian bahasa Inggeris pula, didapati strategi memori jenis nemonik tidak berkorelasi secara positif dengan pencapaian bahasa Inggeris para pelajar. Ia hanya dilaporkan berguna untuk mengembangkan saiz perbendaharaan kata sahaja.

Secara tuntasnya, berdasarkan data soal selidik yang dikumpul, Gu dan Johnson (1996) telah mengklasifikasikan para pelajar kepada 5 jenis utama dalam proses mereka mempelajari bahasa Inggeris : (i) pembaca (*readers*), (ii) pengguna strategi yang aktif (*active strategy users*), (iii) bukan pengekod / tidak suka mengekod (*non-encoders*), (iv) pengekod / suka mengekod (*encoders*), dan (v) pengguna strategi yang pasif (*passive strategy users*). Natijah daripada pengklasifikasian ini, Gu dan Johnson (1996) merumuskan bahawa pelajar-pelajar jenis pembaca (*readers*) dan pengguna strategi yang aktif (*active strategy users*) adalah merupakan golongan pelajar yang berjaya dari segi penguasaan saiz perbendaharaan kata dan pencapaian bahasa Inggeris. Sebaliknya, pelajar-pelajar yang kurang berjaya dari segi penguasaan saiz perbendaharaan kata dan pencapaian bahasa Inggeris adalah terdiri daripada para pelajar jenis pengguna strategi yang pasif (*passive strategy users*) dan mereka yang kerap menggunakan strategi-strategi memori. Bertitik-tolakkan dapatan kajian ini, Gu dan

University of Malaya

Johnson (1996) menyarankan bahawa pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata tidak seharusnya berdasarkan penghafalan tanpa konteks (*decontextualized*), tetapi perlu dilengkapi dengan pengajaran penggunaan SPPK yang melibatkan konteks (*contextualized*), dan dicadangkan bahawa pembelajaran perbendaharaan kata sebaik-baiknya berserta dengan kemahiran-kemahiran bahasa.

Berbeza daripada Gu dan Johnson (1996), Lawson dan Hogben (1996) telah menjalankan satu kajian secara mendalam berbentuk eksperimental yang hanya melibatkan 15 orang pelajar di sebuah universiti Australia sebagai subjek kajian mereka. Sejajar dengan tujuan kajian, subjek kajian tersebut diminta mempelajari serta menguasai 12 patah perkataan baru bahasa Itali yang langsung tidak diketahui maknanya. Pada masa yang sama, mereka turut didedahkan penggunaan setiap perkataan tersebut melalui ayat-ayat dalam bahasa Itali, serta definisi makna bahasa Inggeris (seperti dalam kamus) untuk setiap perkataan baru Itali tersebut turut dibekalkan. Kemudian melalui prosedur perlantangan fikiran (*think-aloud procedure*), Lawson dan Hogben (1996) memerhatikan apakah strategi yang digunakan oleh setiap pelajar untuk mempelajari 12 patah perkataan baru tersebut. Selepas itu, setiap pelajar akan diuji setakat manakah mereka mengingati makna setiap perkataan yang telah dipelajari, dan melakukan korelasi antara penggunaan SPPK tertentu dengan kekerapan ingatan pelajar terhadap makna perkataan-perkataan bahasa Itali yang telah dipelajari.

Daripada kajian Lawson dan Hogben (1996), didapati bahawa pelajar yang dapat mengingati lebih banyak makna perkataan bahasa Itali yang telah dipelajari adalah merupakan pelajar yang menggunakan pelbagai jenis SPPK dan pada masa yang sama dilaporkan lebih kerap menggunakan SPPK, berbanding dengan pelajar yang hanya mampu mengingati sebilangan kecil makna perkataan bahasa Itali yang telah dipelajari. Dalam pada itu, Lawson dan Hogben (1996) juga mendapati bahawa SPPK jenis "pengulangan" adalah paling kerap digunakan oleh

University of Malaya

para pelajar, berbanding dengan SPPK yang melibatkan pemprosesan informasi secara mendalam, seperti "menganalisis kategori perkataan" , "menganalisis imbuhan dan kata dasar" , "melakukan parafrasa", dan "menggunakan konteks semantik", adalah tidak kerap digunakan oleh para pelajar.

Selain itu, hasil kajian mereka juga tidak menunjukkan kaitan positif antara penggunaan konteks dengan ingatan kembali (*recall*) makna perkataan, walhal beberapa kajian lepas (seperti yang dilakukan oleh Nation 1990, 2001; Nagy 1997) jelas menyarankan kepentingan penggunaan konteks untuk membantu ingatan kembali makna perkataan. Dalam hal ini, Lawson dan Hogben (1996) menerangkan bahawa penggunaan konteks harus dilihat dari dua segi – penggunaan konteks untuk menjana (*generate*) makna perkataan baru yang tidak diketahui, dan penggunaan konteks untuk mendapat semula (*retrive*) makna perkataan dalam tempoh jangka panjang. Menurut Lawson dan Hogben (1996), penggunaan konteks biasanya akan membantu pelajar dalam hal untuk menjana makna perkataan yang tidak diketahui, tetapi tidak semestinya untuk mendapat semula makna perkataan dalam tempoh jangka panjang. Hal ini dikatakan demikian kerana secara lumrahnya dalam proses pembelajaran jangka panjang, para pelajar jarang memumpukan perhatian secara spesifik terhadap sepatah atau dua patah perkataan tertentu (berdasarkan konteks yang ada), selagi mereka dapat memahami mesej yang ingin disampaikan oleh keseluruhan teks. Justeru itu, Lawson dan Hogben (1996) mencadangkan bahawa SPPK "penggunaan konteks" harus diperincikan sebagaimana yang dibincangkan tadi, iaitu sama ada untuk tujuan menjana makna perkataan baru, ataupun mendapatkan semula makna perkataan.

Dengan menggunakan taksonomi yang dibentuk, Schmitt (1997/2009) telah menjalankan satu kajian tentang penggunaan SPPK ke atas 600 orang pelajar Jepun (daripada golongan pelajar sekolah tinggi peringkat rendah; pelajar sekolah tinggi; pelajar universiti; dan pelajar dewasa)

University of Malaya

yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Kajian tersebut bertujuan untuk meninjau SPPK apakah yang sebenarnya digunakan oleh para pelajar; dan apakah SPPK yang para pelajar menganggap akan membantu mereka ketika mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi "menggunakan kamus dwibahasa" merupakan SPPK yang paling kerap digunakan dan mereka juga mempercayai strategi ini paling membantu mereka ketika mempelajari perbendaharaan kata baru bahasa Inggeris pada tahap penemuan. Sementara dari segi pengukuhan perbendaharaan kata pula, didapati strategi "menghafaz perkataan berulang kali (*rote repetition*)" adalah paling kerap digunakan dan dipercayai dapat membantu mereka untuk memperkukuhkan ingatan terhadap perbendaharaan kata bahasa Inggeris yang telah dipelajari. Sebaliknya, dapatan kajian menunjukkan bahawa SPPK yang membabitkan aktiviti pemprosesan mental secara mendalam, seperti "menganalisis imbuhan dan kata dasar", "mencari hubung kait perkataan dalam bahasa ibunda", dan "menggunakan peta minda" adalah antara strategi paling jarang digunakan oleh pelajar dan mereka menganggap SPPK jenis ini adalah kurang membantu mereka dalam menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris. Dapatan kajian Schmitt (1997/2009) ini adalah lebih kurang sama dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Lawson dan Hogben (1996) sebagaimana yang akan dibincangkan selanjutnya.

Selain itu, Nation (2001) turut mengemukakan satu taksonomi yang penting dalam bidang kajian SPPK melalui bukunya yang berjudul *Learning Vocabulary in Another Language*. Menurut Nation (2001 : 219), dengan hanya mengetahui apa yang harus difokuskan dan bagaimana memilih strategi yang sesuai masih belum memadai untuk menguasai pengetahuan perbendaharaan kata dengan berkesan. Untuk menguasai pengetahuan perbendaharaan secara efektif, seseorang pelajar juga harus tahu membuat perancangan untuk mengulang kaji perbendaharaan kata yang telah dipelajari, misalnya menetap jadual waktu secara kendiri bagi

University of Malaya

menelaah perbendaharaan kata baru yang telah dipelajari dari semasa ke semasa bagaikan satu proses kitar semula secara automatik.

Di satu pihak yang lain, Fan (2003) juga turut menjalankan satu kajian tentang penggunaan SPPK dalam kalangan pelajar universiti di Hong Kong yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2 melalui kaedah kuantitatif. Beliau telah menggunakan soal selidik yang diadaptasi daripada *Vocabulary Learning Questionnaire* (*VLS Version 3*) oleh Gu dan Johnson (1996) untuk mengumpul data kajian. Seramai 1067 orang pelajar Cina yang berbahasa ibunda Kantonis dari 7 Institusi Pengajian Tinggi di Hong Kong telah dibabitkan dalam kajian beliau. Rata-rata responden dalam kajian Fan (2003) adalah terdiri daripada golongan pelajar yang pernah mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2 sebelum mereka memasuki universiti. Dapatan kajian Fan (2003: 231-232) menunjukkan bahawa golongan pelajar yang berkemahiran tinggi adalah lebih kerap menggunakan SPPK untuk mempelajari perbendaharaan kata baru bahasa Inggeris berbanding dengan mereka yang kurang berkemahiran (kumpulan pelajar berpencapaian sederhana dan rendah) dalam proses mereka mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris. Dalam pada itu, beliau turut mengemukakan para pelajar universiti berkemahiran tinggi tersebut adalah secara signifikannya lebih kerap menggunakan 6 bentuk SPPK – pentadbiran, sumber, meneka, penggunaan kamus, ulang kaji perkataan diketahui, dan penganalisaan, dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris. Antaranya, mereka paling kerap menggunakan jenis SPPK mengingat kembali bagi membantu mereka menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris sebagai B2. Sebaliknya, golongan pelajar yang berkemahiran rendah hanya cenderung menggunakan bentuk SPPK pengulangan dan kaitan sahaja ketika mereka mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris. Selain itu, Fan (2003) juga mendapati majoriti pelajar Hong Kong dalam kajian beliau tidak suka menggunakan SPPK bentuk mekanikal, seperti menghafal perkataan yang membabitkan teknik memori.

University of Malaya

Dapatan kajian sedemikian agak tidak dijangka, kerana ramai beranggapan bahawa rata-rata pelajar Cina yang telah sedia mempunyai kemahiran memori tinggi hasil daripada proses pembelajaran B1 mereka, sudah tentu akan lebih kerap menggunakan strategi memori untuk menguasai pengetahuan leksikal dalm B2. Namun, andaian ini tidak disokong oleh hasil kajian Fan (2003).

Selain itu, dapatan kajian Fan (2003) juga memaparkan para pelajar Hong Kong (termasuk mereka yang berkemahiran tinggi) tidak cenderung menggunakan SPPK jenis "kaitan" (*association*) ketika mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris sebagai B2. Didapati hasil kajian Fan (2003) ini adalah sejajar dengan dapatan kajian Schmitt (1997) ke atas para pelajar Jepun, dan hasil kajian Gu dan Johnson (1996) ke atas pelajar-pelajar Negeri China, Didapati ketiga-tiga cebisan hasil kajian tersebut (Fan 2003; Schmitt 1997; Gu dan Johnson 1996) turut menyokong hasil kajian O'Malley *et. al* (1985) yang mendapati bahawa majoriti para pelajar Asia tidak gemar menggunakan strategi "gambaran" (*imagery*) dan "pembentukan kumpulan" (*grouping*) untuk mempelajari perbendaharaan kata.

Selain Fan (2003), Takač (2008) juga turut menceburi bidang penyelidikan SPPK dengan memuatkan tiga cebisan kajian dalam buku terbitan beliau yang berjudul *Vocabulary Learning Strategies and Foreign Language Acquisition*. Pada dasarnya, hasil kajian SPPK Takač (2008) adalah berlainan sedikit daripada pengkaji-pengkaji yang dibincangkan sebelum ini, yang mana subjek kajian yang difokuskan dalam kajian beliau adalah terdiri daripada golongan pelajar sekolah rendah. Walaupun subjek kajian Takač (2008) adalah berbeza daripada subjek kajian dalam tesis ini, namun ia tetap dianggap releven sebagai salah satu pangkalan literatur di sini, memandangkan latar belakang kajian – konteks pembelajaran subjek kajian tersebut (yang mempelajari sesuatu bahasa sasaran baru sebagai B3) adalah lebih kurang sama dengan kajian ini. Yang dimaksudkan sebagai konteks pembelajaran B3 ialah satu situasi yang mana

University of Malaya

pembelajaran bahasa sasaran oleh para pelajar adalah amat bergantung kepada guru bahasa mereka di dalam kelas, disebabkan kurang pendedahan penggunaan bahasa sasaran tersebut di sekeliling mereka, melainkan para pelajar sendiri mengambil inisiatif untuk mencari peluang pendedahan kepada bahasa sasaran di luar kelas.

Kajian pertama Takač (2008) adalah berkaitan dengan pembinaan satu soal selidik yang dikenali sebagai VOLSQES (*Vocabulary Learning Strategy Questionnaire*). Soal selidik ini berjaya dibina setelah beberapa ujian, modifikasi, dan fakor analisis dilakukan berdasarkan data yang dipungut daripada pelajar-pelajar sekolah rendah. Soal selidik tersebut adalah dibentuk khas untuk mengukur kekerapan penggunaan SPPK oleh golongan pelajar sekolah rendah (berumur 10-14 tahun) yang mempelajari bahasa-bahasa selain bahasa ibunda (B1), seperti bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (B2); manakala bahasa Jerman dan bahasa Rusia sebagai bahasa asing (B3) di Croatia. Takač (2008) telah mengklasifikasikan keseluruhan 27 item SPPK yang dikenal pasti kepada 3 kumpulan utama : (i) SPPK untuk pembelajaran formal dan latihan, (ii) SPPK untuk pembelajaran kendiri, dan (iii) SPPK untuk pembelajaran spontan (*spontaneous*) / sampingan (*incidental*). Strategi-strategi dalam kumpulan (i)(SPPK untuk pembelajaran formal dan latihan) kebanyakannya melibatkan aspek-aspek seperti : latihan dan ingatan melalui cara menghafaz (*rote memorization*); metakognitif yang merangkumi perancangan dan penilaian pembelajaran; serta pergantungan kepada B1. Sementara kumpulan (ii) (SPPK untuk pembelajaran kendiri) pula terdiri daripada strategi-strategi yang menggunakan pendekatan huraian (*elaborated approach*) untuk mempelajari perbendaharaan kata; serta strategi-strategi untuk mencari pendedahan kepada bahasa sasaran. Akhir sekali, didapati strategi-strategi dalam kumpulan (iii) (SPPK untuk pembelajaran spontan / sampingan) rata-ratanya membabitkan strategi-strategi mempelajari perbendaharaan kata secara spontan dalam keadaan semula jadi yang biasanya berlaku dalam aktiviti-aktiviti kehidupan harian.

University of Malaya

Selanjutnya, dengan berpandukan instrumen soal selidik VOLSQES yang dibentuk ini, Takač (2008) turut menjalankan dua cebisan kajian lagi. Kajian kedua beliau adalah bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan SPPK dengan strategi pengajaran perbendaharaan kata oleh guru. Ide tujuan kajian ini sesungguh adalah ditunaskan oleh satu hipotesis yang pernah disyorkan oleh O'Malley dan Chamot (1990) bahawa strategi pengajaran guru akan mempengaruhi pemilihan SPPK para pelajar. Demi menguji hipotesis kajian ini, seramai 350 orang pelajar sekolah rendah di Croatia dan guru mereka telah dibabitkan dalam kajian tersebut. Sehubungan ini, Takač (2008) membahagikan subjek kajian kepada dua kumpulan – satu kumpulan yang guru mereka menggunakan strategi pengajaran perbendaharaan kata padanan (*corresponding vocabulary teaching strategies*); manakala satu kumpulan lagi yang gurunya tidak mengaplikasikan strategi pengajaran sedemikian. Hasil kajian berdasarkan soal selidik, pemerhatian, dan rakaman video melaporkan bahawa penggunaan SPPK rata-rata subjek kajian adalah bebas daripada pengaruh strategi pengajaran guru. Hal ini bererti para pelajar adalah lebih gemar menggunakan SPPK yang mereka anggap lebih mudah dan biasa digunakan oleh mereka, tanpa dipengaruhi oleh strategi pengajaran guru. Namun demikian, dalam keadaan tertentu, sekiraanya strategi pengajaran guru mereka dianggap sesuai dan memudahkan proses pembelajaran perbendaharaan kata mereka, strategi pengajaran guru tersebut akan diterima dan ditambahkan sebagai SPPK baru mereka. Sebagai contohnya, apabila guru mengajar para pelajar menyemak makna perbendaharaan kata daripada kamus, biasanya pelajar-pelajar akan menggunakan ia sebagai SPPK mereka sebagai salah satu sumber untuk mempelajari perkataan baru, memandangkan ia merupakan satu strategi yang mudah. Begitu juga, apabila guru memperkenalkan makna sesuatu perkataan baru melalui imej gambar di dalam kelas, maka rata-rata pelajar akan menggunakan SPPK mengaitkan perkataan dengan imej apabila mereka hendak mengingat kembali makna perkataan tersebut.

University of Malaya

Justeru dengan berpandukan hasil kajian ini, Takač (2008:133) merumuskan bahawa latihan SPPK harus dimulakan seawal mungkin, agar dapat membantu para pelajar untuk menguasai satu inventori SPPK yang lengkap bagi mempertingkatkan hasil pembelajaran perbendaharaan kata mereka. Hal ini turut memberi implikasi bahawa demi menjayakan program latihan SPPK, kerjasama yang mantap antara para pelajar dengan guru untuk berkongsi pengalaman dan menyelesaikan masalah bersama adalah amat diperlukan.

Akhir sekali, kajian ketiga Takač (2008) pula adalah satu tinjauan berbentuk antara-linguistik yang bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan kekerapan antara penggunaan SPPK mempelajari perkataan bahasa Inggeris (sebagai B2) dengan perkataan bahasa Jerman (sebagai B3). Seramai 322 orang pelajar Bahasa Inggeris dan 353 orang pelajar bahasa Jerman di sekolah rendah Croatia telah dibabitkan dalam kajian ini. Hasil kajian daripada soal selidik VOLSQES menyarankan bahawa kedua-dua kumpulan pelajar bahasa Inggeris dan bahasa Jerman menggunakan pelbagai SPPK, namun kekerapan penggunaan SPPK mereka berbeza dari segi kumpulan SPPK sebagaimana dicadangkan dalam soal selidik. Hasil kajian melaporkan pelajar-pelajar bahasa Inggeris adalah lebih kerap menggunakan kumpulan SPPK (iii), iaitu SPPK untuk pembelajaran spontan / sampingan, seperti mengingati perkataan daripada buku (selain buku teks) dan majalah, mengingati perkataan daripada internet, menggunakan sinonim dalam perbualan, mengingati perkataan daripada filem dan rancangan televisyen, menggunakan pelbagai bentuk perkataan untuk menyatakan ide, dan mendengar lagu dalam bahasa sasaran.

Sementara itu, pelajar-pelajar bahasa Jerman pula lebih kerap menggunakan kumpulan SPPK (i) – SPPK untuk pembelajaran formal dan latihan; serta kumpulan SPPK (ii) – SPPK untuk pembelajaran kendiri. Sebagai contohnya, para pelajar Jerman paling kerap menggunakan SPPK seperti mengulang kaji secara kerap di luar kelas, melakukan uji diri, menguji diri

University of Malaya

dengan menggunakan senarai kosa kata, mengingati perkataan jika ia dicatatkan, melatih perkataan dengan menulis semula di ruang kosong, membayangkan makna perkataan, membayangkan bentuk ortografik perkataan, menggolongkan perkataan (sama jenis) untuk membacanya, dan mengaitkan perkataan dengan objek fizikal.

Berlandaskan hasil kajian ini, Takač (2008) berhujah bahawa perbezaan kekerapan antara penggunaan SPPK oleh para pelajar bahasa Inggeris dan bahasa Jerman adalah disebabkan oleh faktor pendedahan para pelajar kepada kedua-dua bahasa sasaran tersebut. Didapati para pelajar bahasa Inggeris di Croatia adalah mempunyai lebih banyak peluang didedahkan kepada penggunaan bahasa Inggeris sebenar (*auhtentic English*) dalam kehidupan harian, misalnya mereka boleh memanfaatkan rancangan televisyen bahasa Inggeris yang rata-ratanya masih dikekalkan dalam bahasa asal tanpa dialih suara, dengan hanya memberi sari kata dalam bahasa ibunda mereka. Hal ini telah menyebabkan para pelajar bahasa Inggeris berpeluang menerima lebih banyak input daripada persekitaran pembelajaran B2. Justeru itu, para pelajar bahasa Inggeris boleh menggunakan pelbagai jenis SPPK yang mereka rasa lebih menarik dan tidak terbatas kepada pembelajaran formal sahaja. Sebaliknya, konteks pembelajaran sebegini tidak berlaku dalam pembelajaran bahasa Jerman sebagai B3 di Croatia. Didapati para pelajar Croatia yang mempelajari bahasa Jerman sebagai B3 terpaksa memilih SPPK yang lebih berorientasikan pembelajaran formal dan latihan kendiri. Bertitik-tolakkan dapatan kajian ini, Takač (2008) menyimpulkan bahawa persekitaran pembelajaran sesuatu bahasa sasaran boleh mempengaruhi pemilihan atau penggunaan SPPK para pelajar.

Selain itu, didapati majoriti penyelidikan SPPK di Negeri Chian adalah dalam bidang pembelajaran bahasa Inggeris sebagai B2, seperti yang pernah dilakukan oleh: Wen 1995; Wu 2006; Chen 2008; Cheng 2008; Dong 2007; He 2006; Li 2008; Liu 2009; Lu 2007. Walau bagaimanapun, terdapat satu kajian yang agak terkini dan agak releven dengan kajian ini

University of Malaya

adalah seperti yang dilakukan oleh Liu (2010). Liu (2010) telah menggunakan soal selidik untuk mengumpul data ke atas 300 orang pelajar kolej persendirian bukan-pengkhususan bahasa Inggeris (daripada pelbagai disiplin pengajian) yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B3 di Universiti Beihang Negeri China. Kajian beliau bertujuan menyelidiki pola SPPK bahasa Inggeris yang digunakan oleh golongan pelajar tersebut. Hasil kajian Liu (2010) melaporkan bahawa rata-rata responden mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran perbendaharaan kata, dan mereka sedar akan kepentingan hubungan antara pencapaian bahasa Inggeris dengan perbendaharaan kata. Umpamanya, keputusan analisis statistik memaparkan bahawa semua (100%) pelajar bersetuju dan sangat bersetuju penguasaan perbendaharaan kata adalah amat penting dalam proses pembelajaran bahasa Inggeris. Malahan didapati 88% daripada mereka bersetuju dan sangat bersetuju pencapaian bahasa Inggeris akan dipertingkatkan sekiranya mereka menguasai lebih banyak perbendaharaan kata bahasa Inggeris.

Dalam pada itu, Liu (2010) turut melaporkan bahawa demi memperoleh makna sesuatu perkataan baru, SPPK yang paling kerap digunakan adalah seperti: menggunakan kamus dwibahasa, menggunakan sanarai kosa kata dalam buku teks, meneka makna perkataan berdasarkan konteks, menyemak semula kamus untuk perkataan yang kurang pasti maknanya, serta bertanya kepada guru bagi mendapatkan contoh ayat yang mengandungi perkataan baru dipelajari. Sementara bagi mengukuhkan ingatan makna perkataan pula, para pelajar paling kerap menggunakan SPPK seperti: menulis perbendaharaan kata berulang kali, menyebut perbendaharaan kata berulang kali, membaca sambil menulis perbendaharaan kata ketika mengulang kaji, menggunakan perbendaharaan kata yang telah dipelajari dan mengaitkannya dengan perkataan lain daripada kategori yang sama (*coordinates*). Sebaliknya, hasil kajian Liu (2010) mendapati bahawa SPPK yang paling jarang digunakan oleh para pelajar untuk memperoleh makna sesuatu perkataan baru adalah seperti : bertanya kawan tentang makna

University of Malaya

sesuatu perkataan, menganalisis kategori perkataan, bertanya guru tentang penterjemahan perkataan dalam bahasa Cina, menggunakan kamus bahasa Inggeris, dan menganalisis awalan dan kata dasar perkataan. Demi mengukuhkan ingatan makna perkataan pula, para pelajar paling jarang menggunakan SPPK seperti: memperdalami pemahaman dan memperkukuhkan memori perkataan melalui bacaan meluas, membaca artikel dan mengulangi kandungannya secara terperinci untuk mendapatkan perkataan baru, melakukan latihan bertutur, mengaplikasikan perkataan dalam ayat, mempelajari makna perkataan melalui petua, serta mengulang kaji perkataan secara kerap.

Begitu juga, tinjauan literatur turut mendapati bahawa rata-rata kajian tentang SPPK di Malaysia adalah berkaitan dengan bidang pembelajaran perbendaharaan kata bahasa Inggeris, seperti yang dilakukan oleh: Azedah Asgari dan Ghazali (2011); Mohd Sahandri, Reza Kafipour dan Saifuddin Kumar (2009); Ahmad Azman Mokhtar (2009); Peyman Seyfaddini (2010); Reza Kafipour (2010); Chuah, Ang Shiou (2008); Suraya Zainal Abidin (2007); Tuluhong (2006); dan Wan Nazri Wan Mohd Salleh (2006). Kesemua hasil kajian lepas ini tidak akan dibincangkan secara mendalam di sini, kerana ia kurang releven dengan topik kajian ini.

Sementara dalam bidang pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) di Malaysia pula, didapati majoriti kajian yang dilakukan masih jarang menyentuh tentang topik SPPK Mandarin secara spesifik. Sebaliknya, didapati rata-rata kajian dalam bidang pembelajaran bahasa Cina (Mandarin) dalam konteks MFL di Malaysia adalah berkaitan dengan topik-topik lain, seperti kesalahan tatabahasa (Chua 1998); penguasaan sistem fonetik Mandarin (Lee *et.al* 2004); kesilapan sintaksis (Saw 1997); penggunaan penjodoh bilangan (Teo); ataupun penguasaan aksara Cina (Lee). Namun demikian, didapati satu kajian lepas tentang SPPK yang dilakukan dalam konteks MFL di Malaysia oleh Tan dan Hoe (2009) adalah amat releven dengan kajian ini. Tan dan Hoe (2009) telah menjalankan satu kajian tentang penggunaan SPPK Mandarin

University of Malaya

dalam kalangan pelajar Melayu IPT di lokasi dan konteks pembelajaran yang lebih kurang sama dengan kajian ini.

Dengan berpandukan soal selidik SILL, Oxford (1990), Tan dan Hoe (2009) telah mengumpuldata daripada 86 orang responden yang mengikuti program diploma di sebuah fakulti. Dapatan kajian Tan & Hoe (2009) mengemukakan bahawa secara keseluruhannya, tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh responden kajian mereka adalah pada tahap sederhana (M = 3.37). Hal ini bermakna para pelajar Melayu IPT tidak begitu kerap menggunakan SPPK Mandarin untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin. Menurut Tan dan Hoe (2009), fenomena ini berlaku adalah disebabkan oleh tiga faktor yang diperhatikan – (i) kekurangan bahan pengajaran kursus Mandarin yang komprehensif kerana kandungan buku teks yang digunakan oleh para pelajar hanya berteraskan petikan dialog pendek; (ii) kaedah pengajaran oleh rata-rata pensyarah Mandarin yang masih berorientasikan kaedah pengajaran traditional : terjemahan B1-B3; serta (iii) sikap pelajar yang majoritinya mempelajari Mandarin untuk "lulus peperiksaan" sahaja. Selain itu, dapatan kajian Tan dan Hoe (2009) turut mengemukakan bahawa para pelajar Melayu IPT paling kerap menggunakan strategi-strategi "kognitif" (bersamaan dengan SPPK Mandarin Kategori B–strategi-strategi mengulang kaji dalam kajian ini). Sebaliknya, didapati responden dalam kajian mereka adalah paling jarang menggunakan strategi-strategi metakognitif (bersamaan dengan SPPK Mandarin Kategori C – strategi-strategi mengingat kembali dalam kajian ini). Akhir sekali, demi menyorot semua kajian lepas yang telah dibincangkan di atas, satu kupasan hasil kajian lepas tentang SPPK akan dibincangkan seperti berikut.

2.5 Kupasan Hasil kajian Lepas SPPK

Daripada tinjauan kajian lepas, boleh dirumuskan bahawa kajian tentang penggunaan SPPK terhadap pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3 dalam konteks MFL

University of Malaya

(*Mandarin as a foreign language*) dan berpaksikan para pelajar Melayu IPT di Malaysia masih amat terbatas. Boleh dikatakan masih belum dijumpai sebuah tesis doktor falsafah di Malaysia yang meneliti penggunaan SPPK Mandarin sebagai B3 dalam kalangan pelajar Melayu IPT serta faktor-faktor mempengaruhi penggunaannya. Justeru itu, kajian tesis ini adalah wajar dilakukan atas beberapa kekurangan yang wujud seperti berikut.

Pertama, didapati majoriti kajian tentang penggunaan SPPK adalah berkaitan dengan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai B2/B3 sama ada di Malaysia ataupun di luar negeri, seperti yang pernah dilakukan oleh Porte (1988), Gu dan Johnson (1996), Schmitt (1997/2009), Nation (2001), dan Fan (2003). Walaupun Tan dan Hoe (2009) pernah melakukan kajian tentang penggunaan SPPK Mandarin dalam konteks Malaysia dan didapati amat berkaitan dengan kajian ini, namun skop kajiannya masih amat terbatas dengan hanya meneliti hubungan antara penggunaan SPPK Mandarin dengan variabel jantina sahaja. Tambahan pula, kajian mereka hanya ke atas 86 orang responden sahaja, tanpa menerokai faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar secara empirik.

Kedua, dari segi metodologi kajian pula, didapati rata-rata kaedah kajian yang digunakan untuk melaksanakan kajian SPPK masih kurang komprehensif, kerana rata-rata kajian lepas tentang penggunaan SPPK (seperti Schmitt 1997/2009; Gu dan Johnson 1996; Tan dan Hoe 2010; Fan 2003) adalah hanya menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengumpul data kajian sahaja. Umpamanya, didapati majoriti pengkaji hanya menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul data kajian, tanpa dilengkapi dengan pengumpulan data kualitatif bagi menerangkan dapatan kuantitatif mereka. Menurut Ni *et al.* (2008), kajian tentang penggunaan strategi dalam pembelajaran bahasa sebaik-baiknya dilakukan melalui kaedah

University of Malaya

campuran dengan mengumpulkan data kuantitatif dan data kualitatif sekaligus, agar dapatan kajian yang dihasilkan nanti adalah lebih komprehensif dan meyakinkan.

Akhir sekali, dari aspek teoretikal pula, didapati setakat ini teori pengklasifikasian SPPK masih belum mencapai satu konsensus yang memuaskan (Nyikos & Fan 2007:245). Rata-rata daripadanya dibentuk hanya untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan hasil kajian SPPK sendiri, ataupun menggunakan SILL, Oxford (1990) sebagai kerangka teori mereka. Misalnya, Schmitt telah menggunakan SILL untuk membentuk taksonomi SPPK beliau. Begitu juga, Tan dan Hoe (2009) telah mengaplikasikan soal selidik SILL (1990) dan taksonomi SPB saranan Oxford (1990) untuk menjalankan kajian mereka. Walaupun tidak dapat dinafikan Oxford (1990) telah mengemukakan satu taksonomi SPB yang agak mantap, namun taksonomi SPB beliau adalah lebih sesuai untuk mengkaji SPB secara umum, dan bukannya untuk meneliti SPPK secara spesifik. Hal ini bererti taksonomi SPB Oxford dianggap kurang kemas jika digunakan untuk memerihalkan hasil kajian SPPK, kerana item-item SPB yang dikemukakan oleh Oxford (1990) tidak secara spesifik mendeskripsikan strategi-strategi yang digunakan untuk mempelajari perbendaharaan kata.

Demi menampung jurang kosa ilmu sebagaimana dibincangkan di atas, kajian ini adalah wajar dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian campuran penerangan. Dalam kajian ini, satu kerangka konseptual yang didasari oleh dua kerangka teoretikal, iaitu model pemprosesan maklumat – *Active Control of Thought* (ACT) cadangan Anderson (1983,1985), serta kerangka dapatan tinjauan tentang "faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK" saranan Nyikos dan Fan (2007) akan dibentuk. Sub-bahagian **2.6** berikut akan membincangkan dua kerangka teoretikal ini.

University of Malaya

2.6 Kerangka Teoretikal Kajian

Kajian ini bertujuan untuk: (i) meneliti fenomena penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT, serta (ii) menerokai faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin tersebut. Justeru itu, dua bentuk kerangka teoretikal telah dipilih untuk menunjangi kajian ini. Kesemua ini akan dibincangkan melalui sub-bahagian **2.6.1** dan **2.6.2** seperti berikut.

2.6.1 Model "*Active Control of Thought* " (ACT)

Model ACT telah dipilih sebagai kerangka teoretikal untuk menunjangi kajian ini atas sebab faktor kesesuaian pengaplikasian teori kognitif dalam bidang SLA. Menurut O′Malley dan Chamot (1990) (dalam Mitchell & Myles, 2004:107), pembelajaran merupakan satu proses aktif dan dinamik dalam erti kata seseorang individu akan menggunakan pelbagai jenis maklumat dan mod-mod pemprosesan maklumat yang strategik. Sementara bahasa boleh dianggap sebagai satu kemahiran kognitif yang kompleks dan cara untuk menyimpan dan mempelajarinya adalah sama seperti mempelajari kemahiran-kemahiran lain yang bersifat kompleks juga. Justeru itu, pembelajaran sesuatu pengetahuan B2/B3 sebagai satu kemahiran baru akan melibatkan kemajuan berperingkat-peringkat juga, iaitu proses pembelajaran bahasa akan bermula daripada pemanipulasian maklumat secara sedar dan aktif kepada penggunaan bahasa secara automatik. Kesemua ini adalah selaras dengan saranan teori kognitif yang akan melihat bagaimana seseorang pelajar memperoleh maklumat baru, menyimpan, memanggil semula dan menggunakan maklumat tersebut secara automatik.

Walau bagaimanapun, untuk tujuan kajian ini, pengkaji hanya memilih salah satu subteori (model) daripada teori kognitif, iaitu salah satu model pemprosesan maklumat yang disarankan oleh Anderson (1983,1985) – *Active Control of Thought* (ACT) sebagai kerangka teoretikal kajian ini, memandangkan model ACT ini dianggap lebih kemas dan

University of Malaya

sesuai untuk memerihalkan pengaplikasian SPPK dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing, berbanding dengan model pemprosesan maklumat yang lain (Mitchell & Myles, 2004:102). Dikatakan model ACT lebih kemas kerana Anderson (1983,1985) telah mengemaskini dan memperincikan model pemprosesan maklumatnya dengan menambahkan tiga konsep (terminologi) baru dalam memperincikan proses pembelajaran B2/B3 melalui Model Pemprosesan Maklumat - *Active Control of Thought* (ACT) cadangan beliau. Ketiga-tiga konsep tersebut ialah (i) pengetahuan deklaratif dan pengetahuan prosedural; (ii) tiga jenis memori; dan (iii) tiga peringkat pemprosesan maklumat.

Sementelahan model ACT juga dikatakan sesuai diterapkan sebagai kerangka teoretikal untuk menjalankan kajian ini, memandangkan ia boleh menampung jurang kosa ilmu yang didapati dalam bidang kajian SPPK, iaitu rata-rata pengklasifikasian SPPK masih belum mencapai satu konsensus yang memuaskan (Nyikos dan Fan, 2007); malahan sebilangan kajian SPPK (seperti Chuah 2008; Tan dan Hoe 2009) masih dipengaruhi oleh taksonomi strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang bersifat lebih umum dan kurang spesifik sekiranya diaplikasikan untuk memerihalkan SPPK.

Walau bagaimanapun, sebelum membincangkan model ACT ini secara khusus, adalah wajar dijelaskan konsep asas bagaimana sesuatu maklumat (misalnya perbendaharaan kata baru Mandarin) diproses dalam teori kognitif serta model pemprosesan maklumat McLaughlin (1987,1990) terlebih dahulu, agar model ACT dapat difahami dengan lebih sempurna, memandangkan model ACT adalah didasari oleh teori kognitif dan mempunyai sedikit persamaan dengan model pemprosesan maklumat McLaughlin.

University of Malaya

Secara dasarnya, teori kognitif menganggap pembelajaran sebagai suatu proses yang aktif dan dinamik, iaitu pelajar akan melaksanakan pemprosesan maklumat secara aktif seperti ditunjukkan dalam **Rajah 2.2** berikut:



Rajah 2.2: Model Pemprosesan Maklumat
(Diubahsuai daripada Gagne 1985; Woolfolk 1990, dalam Kamarul Shukri & Mohamed Amin 2010:21)

Berpandukan model pemprosesan maklumat dalam **Rajah 2.3** di atas, setiap pelajar akan didedahkan kepada persekitaran dan mendapat pelbagai jenis rangsangan, sama ada secara sedar (sengaja) ataupun tidak sedar (tidak sengaja). Rangsangan-rangsangan tersebut akan dirasai melalui deria, dan seterusnya akan diproses melalui sistem saraf untuk dikenali. Pada kebiasaannya, sebahagian maklumat yang telah dikenali tersebut akan dihantar ke stor ingatan jangka pendek (juga dikenali sebagai "memori bekerja") untuk dikodkan bagi mendapat makna tertentu, sementara sebahagiannya akan hilang begitu sahaja jika tidak dikodkan kerana stor ingatan jangka pendek mempunyai ruangan muatan yang terbatas. Jika maklumat di dalamnya tidak digunakan, ia akan hilang ataupun lupa begitu sahaja.

Kemudian maklumat yang telah dikodkan tersebut akan disimpan ke dalam stor ingatan jangka panjang yang mempunyai muatan yang lebih besar. Walau bagaimanapun, maklumat yang telah disimpan ini boleh didapatkan semula ketika diperlukan dan disusun oleh

University of Malaya

penggerak tindak balas untuk mengarah pelaksana melakukan susunan tindakan tersebut (Gagne 1985; Woolfolk 1990; Slavin 1997, dalam Kamarul Shukri & Mohamed Amin 2010:20). Ini merupakan konsep asas bagaimana proses kognitif dalam pemprosesan maklumat (termasuk pengetahuan B2/B3 ataupun dalam kajian ini merujuk kepada perbendaharaan kata baru Mandarin) berlaku.

Walau bagaimanapun, demi menjamin kejayaan sesuatu proses pembelajaran secara kognitif dicapai, satu lagi unsur penting dalam pemprosesan maklumat, iaitu komponen metakognisi perlu diambil kira. Komponen ini akan berperanan sebagai "pengawal eksekutif" sepanjang proses pembelajaran (kognitif) ini. Menurut Flavell (1976) (dalam Kamarul Shukri & Mohamed Amin 2010:25), metakognisi merujuk kepada kesedaran pengetahuan seseorang terhadap proses kognitifnya. Ia menghubungkaitkan proses berfikir dengan komponen strategi pembelajaran, cara memantau, dan mengarah pembelajaran. Di sinilah SPPK memainkan peranannya dalam memudahkan proses pembelajaran perbendaharaan kata baru ketika seseorang pelajar mempelajari B2 / B3.

Dalam pada itu, secara khususnya dalam usaha membincangkan proses pembelajaran B2/B3 berpandukan kerangka kerja pemprosesan maklumat ini, McLaughlin (1987, 1990) turut mengutarakan dua konsep utama dalam teori kognitif – pengautomatikan (*automatization*) dan penyusunan semula (*restructuring*)[1]. Menurut beliau, dalam proses pembelajaran, maklumat akan diproses bermula daripada sumber terkawal (*controlled processing*) dan akan berakhir dengan pemprosesan maklumat secara automatik (*automatic processing*), iaitu maklumat tersebut telah dikuasai oleh pelajar, melalui latihan bertubi-tubi (*repeated activation*)(Mitchell & Myles, 2004). Sila lihat **Rajah 2.3** berikut.

[1] Konsep penyusunan semula (*restructuring*) tidak akan dibincangkan di sini kerana ia kurang berkaitan dengan kajian ini. Ia lebih releven dengan aspek "antara bahasa" (*interlanguage*) dalam bidang strategi komunikasi ataupun analisis kesalahan.

University of Malaya



Rajah 2.3: Kerangka Kerja Pengautomatikan (*automatization*) Maklumat Dalam Model Pemprosesan Maklumat McLaughlin (1987, 1990)

Rajah 2.4 di atas menunjukkan pada tahap permulaan pembelajaran, para pelajar akan memberi perhatian secara sedar kepada unsur bahasa sasaran (B2/B3) yang dipelajari. Penguasaan maklumat baru pada tahap ini memerlukan perhatian sepenuhnya dan sering dikekang oleh limitasi muatan ingatan jangka pendek yang amat terhad. Namun setelah latihan berulang kali dan berterusan dilakukan, pelajar akan membentuk kebolehan memproses bahasa sasaran tersebut secara automatik dan penumpuan secara sedar terhadap maklumat tersebut akan semakin berkurangan. Akhirnya, maklumat tersebut akan diproses secara automatik dan disimpan sebagai salah satu unit dalam ingatan jangka panjang. Maklumat (misalnya pengetahuan tentang perbendaharaan kata baru) tersebut akan diaplikasikan secara automatik berdasarkan konteks yang memerlukannya. Ini bermakna seseorang pelajar tersebut telah berjaya menguasai pengetahuan B2/B3 yang dipelajari. Justeru itu, walaupun muatan ingatan jangka pendek mempunyai ruangan yang terhad, namun ia tidak menghadapi masalah memperoleh maklumat baru (pengtahuan deklaratif pada tahap yang lebih tinggi) dari semasa ke semasa, memandangkan maklumat baru yang dipelajari tersebut akan diproseduralkan berperingkat-peringkat secara berterusan dan disimpan dalam stor ingatan jangka panjang prosedural (pengautomatikan maklumat berlaku).

University of Malaya

Walau bagaimanapun, model pemprosesan maklumat McLaughlin (1987, 1990) kurang sesuai dijadikan sebagai kerangka teoretikal kajian ini, memandangkan ia kurang spesifik untuk memerihalkan pengaplikasian SPPK dalam proses pembelajaran B2/B3 berbanding dengan model pemprosesan maklumat ACT Anderson (1983,1985) kerana sebahagian konsep yang diutarakan dalam model ini, iaitu penyusunan semula (*restructuring*), adalah lebih releven dengan aspek "antara bahasa" (*interlanguage*) dalam bidang strategi komunikasi ataupun analisis kesalahan. Keperincian model ACT Anderson (1983,1985) akan diterangkan dalam sub-bahagian berikut.

Anderson (1983,1985) telah memperincikan model pemprosesan maklumat lama (1983) sendiri dengan menambahkan tiga konsep (terminologi) baru dalam memperincikan proses pembelajaran B2/B3 melalui Model Pemprosesan Maklumat – *Active Control of Thought* (ACT) cadangan beliau. Ketiga-tiga konsep tersebut ialah (i) pengetahuan deklaratif dan pengetahuan prosedural; (ii) tiga jenis memori; dan (iii) tiga peringkat pemprosesan maklumat. Model ACT ini mencakupi komponen-komponen yang lebih terperinci dengan mempostulatkan dua jenis pengetahuan : (a) pengetahuan deklaratif, yang bererti maklumat tentang mengetahui sesuatu – "*knowing that…*" , misalnya mengetahui makna sesuatu perbendaharaan kata baru Mandarin yang dipelajari; dan (b) pengetahuan procedural, yang merujuk kepada maklumat tentang cara melakukan sesuatu – "*know how to do…*" , umpamanya menggunakan perbendaharaan kata Mandarin yang dipelajari untuk membentuk ayat yang bermakna dan betul dari segi tatabahasa Mandarin.

Berpandukan dua jenis pengetahuan ini, maka Anderson mengutarakan lagi tiga jenis memori berkaitan dengan pengautomatikan maklumat dalam proses pembelajaran untuk mencapai matlamat proses pembelajaran – (i) memori jangka pendek ; (ii) memori jangka panjang deklaratif; dan (iii) memori jangka panjang prosedural. Pengautomatikan maklumat

University of Malaya

di sini bermaksud pengetahuan deklaratif telah berjaya diproseduralkan. Dalam erti kata lain, kemahiran-kemahiran baru B2 / B3 (misalnya perbendaharaan kata baru Mandarin) yang dipelajari telah berjaya dikuasai oleh seseorang pelajar dan berkeupayaan menggunakannya secara automatik.

Menurut Anderson lagi, untuk mencapai matlamat akhir pengautomatikan maklumat dalam proses pembelajaran, seseorang pelajar perlu melalui tiga peringkat pemprosesan maklumat seperti berikut :

(i) **Peringkat kognitif** – tahap memberitahu pelajar / pelajar mengetahui secara kendiri tentang prosedur-prosedur bagaimana melakukan sesuatu (memperoleh / mempelajari pengetahuan deklaratif). Segala aktiviti yang berlaku di peringkat ini adalah secara sedar dengan melibatkan memori jangka pendek yang amat terbatas.

(ii) **Peringkat asosiatif** – tahap mengaitkan pengetahuan deklaratif (prosedur-prosedur bagaimana melakukan sesuatu) dengan pengetahuan procedural (cara-cara melakukannya secara amali). Ini bererti pelajar akan cuba mempraktik pengetahuan deklaratif dalam bentuk amalan. Pelajar berusaha untuk mentranformasikan pengetahuan deklaratif kepada pengetahuan prosedural. Sebagai contohnya, pelajar secara sedar mengingat kembali pengetahuan deklaratif berkaitan dengan makna perbendaharaan kata sesuatu B2 / B3 yang dipelajari, agar dapat menggunakannya untuk membentuk ayat yang betul melalui latihan yang bertubi-tubi. Pada peringkat ini, pelajar akan bertambah fasih ketika bertutur B2 / B3 yang dipelajari. Ia merupakan

University of Malaya

satu tahap "pra-matang" yang akan melibatkan memori jangka panjang deklaratif.

(iii) **Peringkat autonomi** – tahap pelaksanaan pengetahuan yang telah dipelajari secara mudah, cepat dan menjadi automatik. Ini bermakna pengautomatikan maklumat telah dicapai pada peringkat ini. Ia merupakan satu tahap "matang" yang mana kebanyakan pengetahuan / kemahiran-kemahiran baru (termasuk perbendaharaan kata baru) yang dipelajari akan menjadi pengetahuan prosedural dan disimpan dalam memori jangka panjang prosedural untuk digunakan secara automatik (secara tidak sedar) ketika diperlukan. Umpamanya, seorang pelajar yang mempelajari sesuatu perbendaharaan kata baru Mandarin akan secara automatik menggunakannya dalam pertuturan Mandarin tanpa disedari ketika berdepan dengan orang Cina yang bertutur Mandarin dengannya.

Dengan berorientasi model pemprosesan maklumat – ACT Anderson (1983,1985) sebagai kerangka teoretikal, pengkaji menghubungkaitkan penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT dengan proses pembelajaran B2/B3 untuk membentuk satu kerangka konseptual (seperti telah dipaparkan dalam sub-bahagaian **1.4** di Bab 1) bagi mendasari perlaksanaan kajian ini.

2.6.2 Kerangka Dapatan Tinjauan Nyikos dan Fan (2007) Tentang Faktor-Faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK

Setelah mengupas hasil-hasil kajian lepas tentang penggunaan SPPK seperti di atas, seperkara lagi yang dianggap releven dengan kajian ini dan perlu ditinjau dalam kajian literatur ialah kajian-kajian tentang faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK dalam kalangan pelajar.

University of Malaya

Daripada tinjauan kajian lepas, didapati secara relatifnya kajian tentang faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK masih amat terbatas. Walau bagaimanapun, didapati Nyikos dan Fan (2007:255-259) telah berusaha memperincikan aspek ini dengan menggariskan empat faktor utama yang mempengaruhi penggunaan SPPK – (i) faktor tahap pencapaian kemahiran pelajar, (ii) faktor perkembangan tahap pembelajaran pelajar, (iii) faktor persekitaran pembelajaran dan (iv) faktor kelainan ciri individu dan perbezaan jantina. Kesemua perkara ini akan dibincangkan satu per satu berserta dengan contoh-contoh hasil kajian yang releven seperti berikut.

2.6.2.1 Faktor Tahap Kemahiran Pelajar

Menurut Nyikos dan Fan (2007: 255), faktor pertama yang dianggap dapat mempengaruhi penggunaan SPPK ialah "tahap kemahiran pelajar" , yang mana ia merujuk kepada "pelajar berkemahiran" berkontras dengan "pelajar kurang berkemahiran" (*proficient versus less proficient vocabulary learners*) dalam menguasai pengetahuan perbendaharaan kata. Daripada tinjauan kajian lepas, didapati rata-rata penyelidik SPPK telah menggunakan dikotomi (pembahagian) "pelajar berjaya" berkontras dengan "kurang berjaya" untuk mencirikan penggunaan SPPK. Faktor ini terbukti benar berpandukan beberapa hasil kajian lepas seperti dilakukan oleh Honsenfeld (1977), Ahmed (1989), Sanaoui (1995), Kojic-Sabo & Lightbown (1999), Gu dan Johnson (1996), serta Fan (2003).

Sebagai contohnya, dapatan kajian Hosenfeld (1977) jelas menunjukkan bahawa para pelajar yang berjaya menguasai kemahiran membaca akan membaca pada tahap frasa (*phrase level*), menyimpan makna petikan yang telah dibaca dalam minda, dan pada masa yang sama mengabaikan perkataan-perkataan kurang penting. Mereka juga lebih cenderung menggunakan strategi "meneka berdasarkan konteks" untuk mendapatkan

University of Malaya

makna sesuatu perkataan, berbanding dengan menggunakan glosari. Sebaliknya, didapati para pelajar yang lemah dari segi kemahiran membaca akan membaca secara "perkataan-demi-perkataan" (*word-by-word*) dan biasanya akan gagal menangkap makna sesuatu ayat dalam petikan. Meraka juga jarang mengabaikan perkataan, sebaliknya akan menggunakan glosari sebagai SPPK utama bagi mendapatkan makna setiap perkataan, dan jarang meneka makna perkataan berdasarkan konteks.

Begitu juga, Ahmed (1989) turut mengemukakan bahawa kumpulan pelajar cemerlang adalah berbeza daripada kumpulan pelajar lemah dalam erti kata mereka lebih kerap menggunakan SPPK ketegori "berlatih". Hal ini merangkumi pengaplikasian perkataan baru dipelajari dalam konteks sebenar dan konteks dibayangkan; meminta untuk diuji; meminta bantuan pihak ketiga; menggunakan sumber bertulis untuk mengesahkan pengetahuan perbendaharaan kata; serta mengadakan uji-diri. Secara kontras, didapati dua kumpulan pelajar lemah dalam kajian Ahmed (1989) memaparkan bahawa meraka hanya mempunyai sedikit kesedaran terhadap pembelajaran perbendaharaan kata baru, dan hampir tiada minat untuk mempelajari perkataan berdasarkan konteks. Bagi mereka, setiap perkataan baru dipelajari adalah tidak berkaitan dengan perkataan lama yang telah dipelajari. Ringkasnya, boleh dikatakan para pelajar lemah adalah tidak produktif dalam menggunakan SPPK; serta kekurangn repertoir SPPK berbanding dengan golongan pelajar cemerlang.

Dalam pada itu, hasil kajian Sanaoui (1995) melalui kaedah catatan diari dan temu bual ke atas 72 orang pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2 dan B3, turut mengemukakan bahawa para pelajar berjaya akan menggunakan SPPK berlandaskan pendekatan berstruktur yang membabitkan ciri-ciri disiplin, berdikari dan berkeupayaan mencipta tugasan untuk diri sendiri. Tambahan pula, golongan pelajar berjaya juga

University of Malaya

mengawasi dan mengulang kaji perkataan-perkataan yang dipelajari secara aktif, serta memanfaatkan masa lapang untuk melatih perbendaharaan kata yang baru dipelajari (sama ada secara sendirian ataupun dengan kawan) seperti ketika memandu, berjoging, atau menunggu bas. Manakala golongan pelajar kurang berjaya lebih cenderung menggunakan SPPK berteraskan pendekatan tidak-berstruktur, yang mana didapati mereka mempelajari perbendaharaan kata secara tidak bersistematik, kurang bermotivasi, tidak proaktif, dan jarang berdisiplin. Misalnya, mereka jarang meluangkan masa untuk mengulang kaji perbendaharaan kata yang baru dipelajari, serta jarang melakukan kerja tambahan yang tidak diwajibkan oleh kursus bahasa sasaran B2 yang diikuti.

Selain itu, hasil tinjauan Kojic-Sabo dan Lightbown (1999) ke atas 47 orang pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagi B2 (ESL) dan 43 orang pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B3 (EFL), juga menyarankan bahawa kekerapan penggunaan SPPK yang lebih tinggi dan berbentuk huraian (seperti melatih perbendaharaan kata di luar kelas), adalah berhubung rapat dengan pencapaian bahasa berkemahiran tinggi; sedangkan kekurangan ataupun ketidakupayaan melaporkan penggunaan SPPK secara kendiri adalah berhubung rapat dengan pencapaian bahasa lemah.

Di samping itu, hasil kajian Gu dan Johnson (1996), serta Fan (2003) masing-masing menyelidiki SPPK ke atas 850 orang pelajar universiti di Negeri China, dan 1,067 orang pelajar universiti di Hong Kong, yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2, turut memaparkan bahawa golongan pelajar yang berkemahiran tinggi adalah lebih kerap menggunakan SPPK dan mengaplikasikan pelbagai jenis SPPK untuk mempelajari perbendaharaan kata baru berbanding dengan golongan pelajar kurang berkemahiran. Umpamanya, Gu dan Johnson (1996) menyarankan bahawa SPPK jenis "inisiatif kendiri" (*self-initiative*) dan "pemerhatian selektif" (*selective attention*), seperti meneka

University of Malaya

berdasarkan konteks; menggunakan kamus secara mahir; menyediakan nota; menumpukan perhatian kepada pembentukan perkataan; mengekod berdasarkan konteks; dan menggunakan perkataan baru dipelajari dengan aktif, adalah mempunyai hubungan positif dengan pencapaian perbendaharaan kata bahasa Inggeris para pelajar.

Pada masa yang sama, dapatan kajian Fan (2003) turut mengesahkan hasil kajian Gu dan Johnson (1996) dengan melaporkan bahawa para pelajar yang lebih berkemahiran sering merancang pembelajaran perbendaharaan kata mereka sama ada di dalam ataupun di luar kelas. Seiringan dengan dapatan kajian Honsenfeld (1977), mereka juga didapati sering mengunakan SPPK kategori "meneka" berpandukan pengetahuan kenahuan dan morfologi yang sedia ada, serta mengaplikasikan SPPK kategori "penggunaan kamus" ketika mempelajari perbendaharaan kata, misalnya menyemak kamus bagi mengetahui definisi, sebutan, segmen pembentukan, dan penggunaan perkataan bahasa Inggeris yang sesuai.

Secara kesimpulannya, Nyikos dan Fan (2007: 256) berpendapat bahawa golongan pelajar berkemahiran tinggi lebih kerap menggunakan dan mencuba pelbagai SPPK, memandangkan mereka mempunyai lebih banyak pengetahuan yang diperlukan demi mengaplikasikan pelbagai SPPK secara berkesan berbanding dengan golongan pelajar kurang berkemahiran. Selain faktor tahap kemahiran pelajar, Nyikos dan Fan (2007) turut menggariskan faktor kelainan ciri individu (*individual variation*) dan perbezaan jantina (*gender differences*) sebagai satu lagi faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK, sebagaimana yang akan dibincangkan seperti berikut.

University of Malaya

2.6.2.2 Faktor Perkembangan Tahap Pembelajaran Pelajar

Selanjutnya, Nyikos dan Fan (2007:257) turut menyarankan penggunaan SPPK juga dipengaruhi oleh perkembangan tahap pembelajaran para pelajar. Dalam erti kata yang lain, penggunaan SPPK akan berubah sekiranya penguasaan bahasa sasaran yang dipelajari telah meningkat dari semasa ke semasa. Sebagai contohnya, kajian Schmitt (1997, 2009) yang membandingkan penggunaan SPPK oleh tiga kumpulan pelajar Jepun yang mempelajari bahasa Inggeris – antara pelajar-pelajar sekolah tinggi tahap 7-9; pelajar-pelajar sekolah tinggi tahap 10-12; dan pelajar-pelajar universiti dan orang dewasa, didapati bahawa semakin tinggi tahap pembelajaran bahasa mereka semakin kurang mereka menggunakan SPPK seperti: pengulangan bertulis, ejaan perkataan, glosari, aktiviti-aktiviti perbendaharaan kata dalam buku teks, dan kad imbasan, untuk mempelajari perbendaharaan kata. Sebaliknya, apabila tahap pembelajaran para pelajar semakin meningkat dan mereka menjadi semakin mahir, mereka lebih banyak mengaplikasikan SPPK seperti : penggunaan kamus dwibahasa, penekaan maksud perkataan berdasarkan konteks, bayangan maksud perkataan, pertanyaan kepada guru berkaitan parafrasa dan sinonim, pengabaian perkataan baru yang tidak difahami, serta perkaitan perbendaharaan kata dengan pengalaman sendiri.

Sehubungan ini, hasil kajian Harley dan Hart (2000) yang membandingkan dua kumpulan pelajar kelas bahasa Perancis – antara pelajar-pelajar kelas tahap 9 dengan kelas tahap 11, mengemukakan bahawa kumpulan pelajar dalam kelas tahap 9 berpendapat SPPK jenis "menghafaz senarai perkataan dengan penterjemahannya" adalah sangat bermanfaat bagi mempelajari perbendaharaan kata; namun SPPK jenis ini dianggap tidak bermanfaat oleh kumpulan pelajar dalam kelas tahap 11. Sebaliknya, pelajar-pelajar kelas tahap 11 yang secara relatifnya telah lebih mahir dalam penguasaan pengetahuan perbendaharaan kata B2 adalah lebih suka menggunakan SPPK yang mirip dengan strategi yang mereka gunakan

University of Malaya

ketika mempelajari perbendaharaan kata B1. Misalnya, mereka menganggap SPPK jenis "mempelajari perkataan baru melalui konteks pertuturan" adalah lebih bermanfaat berbanding dengan "mempelajari perkataan baru melalui konteks pembacaan", memandangkan penguasaan kemahiran komunikasi mereka telah semakin bertambah baik berikutan daripada peningkatan tahap pembelajaran mereka. Menurut Nyikos dan Fan (2007:258), situasi sedemikian biasa berlaku kerana hasil kajian lepas tentang SPPK telah membuktikan bahawa para pelajar berjaya biasanya suka mengamalkan satu profil metakognitif yang tahu memilih strategi mana yang lebih sesuai demi mencapai matlamat pembelajaran mereka. Dalam erti kata lain, apabila kecekapan komunikatif B2 seseorang pelajar telah meningkat berikutan daripada perkembangan tahap pembelajaran, trend penggunaan SPPK pelajar tersebut juga akan turut berubah bersesuaian dengan peningkatan kemahirannya. Selain faktor perkembangan tahap pembelajaran ini, perbincangan seterusnya akan menyentuh tentang satu lagi faktor yang didapati boleh mempengaruhi penggunaan SPPK dalam kalangan para pelajar, iaitu faktor persekitaran pembelajaran, dalam erti kata sama ada sesuatu bahasa sasaran dipelajari sebagai B2 (konteks pembelajaran bahasa kedua) ataupun sebagai B3 (konteks pembelajaran bahasa asing).

2.6.2.3 Faktor Persekitaran Pembelajaran

Dari perspektif pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa sasaran, didapati persekitaran pembelajaran bahasa sasaran sebagai bahasa kedua (B2) adalah berbeza daripada bahasa asing (B3), misalnya konteks pembelajran ESL dan EFL adalah berbeza. Hal ini disebabkan konteks pembelajaran B2 adalah lebih terdedah kepada persekitaran komunikatif sosial, manakala konteks pembelajaran B3 pula adalah lebih terbatas di dalam kelas bahasa sahaja. Bertitik-tolakkan fenomena ini, maka tidak hairan akan wujud perbezaan dalam penggunaan SPPK (Nyikos dan Fan, 2007:258). Dalam erti kata lain,

University of Malaya

persekitaran pembelajaran turut berperanan sebagai salah satu faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK para pelajar. Sesungguhnya, faktor yang digalurkan oleh Nyikos dan Fan (2007) ini adalah disokong oleh beberapa hasil kajian lepas, umpamanya Kojic-Sabo dan Lightbown (1999) mengemukakan bahawa para pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2 (iaitu pelajar-pelajar ESL) di Universiti Concordia, Montreal adalah lebih cenderung untuk menjalankan aktiviti-aktiviti di luar kurikulum bahasa Inggeris sebagai salah satu sumber untuk mempelajari perbendaharaan kata, misalnya mengambil peluang mengulang kaji perkataan bahasa Inggeris melalui perbualan harian dengan penutur natif dalam komuniti setempat. Sementara para pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B3 (iaitu pelajar-pelajar EFL) di Yugoslavia Utara pula adalah lebih suka menggunakan SPPK bentuk mengulang kaji, seperti melalui bacaan teks, senarai kosa kata, ataupun nota, sama ada secara sendirian ataupun dengan kawan sekelas, memandangkan mereka jarang mempunyai pendedahan persekitaran.

Hasil kajian Kojic-Sabo dan Lightbown (1999) ini juga disokong oleh dapatan kajian Fan (2003) yang mendapati bahawa para pelajar China ESL di Hong Kong (bekas tanah jajahan British), adalah lebih suka menggunakan SPPK seperti mempelajari perkataan melalui perbualan dengan komuniti persekitaran, termasuk SPPK meneka maksud perkataan; berbanding dengan strategi menggunakan senarai kosa kata dan hafalan yang biasanya digunakan oleh pelajar China EFL untuk mempelajari perkataan baru. Kecenderungan para pelajar B2 memanfaatkan aktiviti-aktiviti komunikatif secara *authentic* berdasarkan persekitaran ini turut dibuktikan benar oleh hasil kajian Leeke dan Shaw (2000). Hasil kajian mereka melaporkan dua per tiga daripada pelajar yang dikaji mengakui bahawa mereka tidak akan sambung menggunakan SPPK senarai kosa kata untuk mempelajari perkataan baru, sekiranya mereka berada dalam persekitaran B2 dan penguasaan kemahiran bahasa mereka telah semakin meningkat, melainkan perkataan tertentu yang

University of Malaya

sangat sukar dan harus diingati dengan serta-merta. Hal ini bererti SPPK senarai kosa kata hanya akan digunakan oleh para pelajar pada peringkat awal pembelajaran perbendaharaan kata dan dalam situasi kesuntukan masa; namun ia akan diketepikan oleh para pelajar sekiranya terdapat pilihan yang membolehkan mereka mengaplikasikan pengetahuan perkataan yang pernah dipelajari dalam situasi sebenar (berada dalam persekitaran B2) dan berkemahiran berbuat demikian.

2.6.2.4 Faktor Kelainan Ciri Individu dan Perbezaan Jantina

Menurut Nyikos dan Fan (2007:256), walaupun secara amnya dipersetujui bahawa para pelajar cemerlang biasanya berkongsi kecenderungan penggunaan SPPK yang sama, namun kepenggunaan SPPK mereka tetap juga dipengaruhi oleh faktor kelainan ciri individu (*individual variation*) tersendiri, seperti perbezaan jantina, fleksibiliti, metakognitif, keupayaan mentadbir dan mengawasi pembelajaran kendiri. Daripada tinjauan kajian lepas, didapati beberapa orang pengkaji telah membukti bahawa faktor kelainan ciri individu ini boleh mempengaruhi penggunaan SPPK melalui hasil kajian mereka. Umpamanya, kajian Ahmed (1989) selain daripada mengemukakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan SPPK antara kumpulan pelajar cemerlang dengan kumpulan pelajar lemah seperti yang telah dibincangkan di atas, kajian beliau (melalui analisis kluster) juga turut menyarankan bahawa wujudnya tiga sub-kumpulan yang berbeza dalam kalangan pelajar cemerlang itu sendiri, yang mana mereka menggunakan kombinasi SPPK yang berlainan untuk menguasai pembelajaran perkataan baru.

Di samping itu, didapati hasil kajian Lawson dan Hogben (1996) juga turut mengesahkan dapatan kajian Ahmed (1989) seperti dibincangkan di atas. Dalam satu kajian kes ke atas

University of Malaya

15 orang pelajar yang mempelajari bahasa Itali, Lawson dan Hogben (1996) melaporkan bahawa seorang daripada empat orang pelajar cemerlang banyak menggunakan SPPK jenis penggunaan konteks, mengambil nota, dan nemonik; sedangkan seorang lagi daripada kumpulan pelajar cemerlang yang sama hampir tidak menggunakan ketiga-tiga jenis SPPK ini. Menurut Nyikos dan Fan (2007:256), kedua-dua cebisan kajian ini jelas membuktikan bahawa sesungguhnya faktor kelainan ciri individu harus diberi pertimbangan yang sewajarnya dalam menyelidiki penggunaan SPPK para pelajar.

Berkenaan hal ini, Gu (2003) menambahkan penerangan lagi dengan menjelaskan bahawa sesungguhnya fenomena penggunaan SPPK dalam kalangan pelajar cemerlang bahasa masih tidak memadai dengan sekadar mencirikan mereka berdasarkan satu set penyatuan penggunaan SPPK tertentu. Sesungguhnya, pelaksanaan kombinasi pelbagai jenis SPPK secara fleksibel oleh individu berlainanlah yang menjayakan mereka dalam pembelajaran perbendaharaan kata bagi menyempurnakan tugasan yang diberi. Ini bererti faktor kelainan ciri individu dari segi kefleksibelan, serta keupayaan menjalankan aktiviti secara metakognitif (seperti pentadbiran dan pengawasan kendiri), adalah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penggunaan SPPK (Gu 1994). Berpandukan hasil kajian ini, Nyikos dan Fan (2007:257) mencadangkan satu implikasi pedagogi penting bahawa latihan / pengajaran SPPK jenis metakognitif, pentadbiran dan pengawasan kendiri harus dilaksanakan secara produktif dalam pembelajaran perbendaharaan kata tanpa mengira tahap pembelajaran para pelajar.

Selain itu, dari segi perbezaan jantina pula, didapati kajian Nyikos (1987) jelas membuktikan bahawa terdapat perbezaan dari segi penggunaan SPPK yang signifikan antara jantina. Beliau menyarankan para pelajar lelaki adalah lebih kerap menggunakan strategi jenis "kaitan visual dengan warna" (*visual and color association strategy*) untuk

University of Malaya

mempelajari perbendaharaan kata; manakala pelajar-pelajar perempuan pula lebih suka menggunakan SPPK "pengekodan warna ringkas" (*simple color coding*) dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Jerman.

Dalam pada itu, kajian Catalan (2003) juga menunjukkan secara relatifnya para pelajar perempuan lebih kerap menggunakan pelbagai jenis SPPK, seperti strategi-strategi pengukuhan, perancangan dan latihan, serta pemerolehan / elisitasi input (input elicitation). Begitu juga, Grace (2000) turut mendapati wujudnya perbezaan penggunaan SPPK antara para pelajar lelaki dengan pelajar-pelajar perempuan – pelajar-pelajar lelaki lebih gemar menggunakan SPPK jenis penterjemahan; sementara para pelajar perempuan pula lebih suka mengaplikasikan SPPK jenis penekaan berdasarkan konteks untuk mempelajari perkataan baru. Secara tuntasnya, boleh dikatakan perbezaan jantina juga merupakan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK para pelajar.

2.7 Kesimpulan

Bab ini telah menyorot tinjauan literatur yang merangkumi konsep penguasaan perbendaharaan kata dari perspektif linguistik, pelbagai dimensi pengklasifikasian SPPK, hasil kajian lepas SPPK, kupasan hasil kajian lepas SPPK dan kerangka teoretikal kajian. Pemerihalan tinjauan literatur yang dikemukakan dalam bab ini adalah penting kerana ia akan digunakan untuk perbincangan dalam Bab 4 dan Bab 5. Sementra Bab 3 seterusnya akan membincangkan perihal metodologi yang akan digunakan untuk menjalankan kajian ini.

University of Malaya

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Kajian ini merupakan satu kajian bukan eksperimental yang bertujuan untuk meneliti penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin sebagai B3 dari tiga aspek utama : (i) mengenal pasti tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT secara keseluruhan serta meneliti hubungannya dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar [untuk menjawab soalan kajian (1) dan (2)]; (ii) membandingkan pola penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR [untuk menjawab soalan kajian (3) dan (4)]; serta (iii) menerokai faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR.

Demi memastikan kajian ini dilakukan dengan lebih bersistematik mengikut urutan logikal yang mampu mengaitkan data kajian empirik tentang penggunaan SPPK Mandarin dengan lima soalan kajian yang digalurkan (seperti di sub-bahagian **1.6** dalam Bab 1) , maka kajian ini perlu ditunjangi oleh satu metodologi kajian yang bersifat saintifik. Sesungguhnya, metodologi kajian amat penting memandangkan ia merupakan suatu kerangka kerja yang berkaitan dengan keseluruhan proses untuk menjalankan penyelidikan (Creswell dan Clark, 2007 : 4). Ia juga sangat penting untuk menjamin kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) sesuatu hasil kajian. Justeru itu, bab ini akan membincangkan beberapa aspek utama berkaitan dengan metodologi kajian, iaitu reka bentuk kajian; populasi dan lokasi kajian; persampelan; instrumentasi; kajian rintis yang membabitkan persoalan kesahan dan pengujian kebolehpercayaan instrumen-instrumen kajian; prosedur pengumpulan data, serta tatacara penganalisisan data.

University of Malaya

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian boleh dianggap sebagai keseluruhan rangka projek penyelidikan yang menyatakan apakah corak kajian yang hendak dilaksanakan, jenis maklumat yang perlu dikumpul, daripada mana sumber maklumat boleh didapati dan dengan kaedah apa maklumat boleh diperolehi (Mohd. Majid Konting, 2000:19). Ia juga merupakan tindakan yang dirancang untuk menghubungkaitkan andaian falsafah / pandangan dunia (*philosophical / worldview assumptions*) dengan kaedah kajian yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data kajian (Creswell dan Clark, 2007:4). Sesungguhnya, tujuan untuk menetapkan reka bentuk kajian adalah untuk mengawal punca-punca *bias* yang boleh mencemarkan kejituan dapatan kajian. Hal ini bererti pemilihan reka bentuk kajian yang sesuai akan menjamin kebenaran sesuatu hasil kajian (Chua 2006 : 53-54). Creswell (2009:5) menyarankan bahawa reka bentuk kajian adalah merupakan "*the plan or proposal to conduct research*". Ia lazimnya akan membabitkan tiga komponen utama : (i) pandangan dunia / andaian falsafah (*philosophical worldview assumptions*)[2] yang menunjangi sesuatu kajian; (ii) kaedah kajian yang dipilih (sama ada ia berbentuk kuantitatif, kualitatif, ataupun campuran); serta (iii) prosedur kajian yang digunakan untuk mengumpul, menguji, menganalisis dan menginterpretasi data demi mencapai objektif-objektif kajian secara bersistematik. Sehubungan ini, reka bentuk kajian ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut berlandaskan tiga komponen utama tersebut melalui sub-bahagian **3.2.1**, **3.2.2**, dan **3.2.3** seperti berikut.

3.2.1 Pandangan Dunia Mendasari Reka Bentuk Kajian Ini

Kajian ini adalah berpegang pada pandangan dunia pragmatik / pragmatisme (*the pragmatic worldview / pragmatisme*) yang muncul hasil daripada tindakan (*actions*),

[2] Istilah "pandangan dunia" ini mempunyai pelbagai nama berdasarkan para penyelidik yang berbeza, seperti *worldview* (Guba 1990; Creswell 2009); *paradigms* (Lincoln & Guba 2000; Mertens 1998); *epistemologies* dan *ontologie*s (Crotty 1998); *broadly conceived research methodologies* (Neuman 2000).

University of Malaya

situasi (*situations*) dan akibat (*consequences*) dalam sesuatu keadaan tertentu (Creswell 2009:10). Dalam erti kata lain, pandangan dunia ini memberi penekanan yang lebih kepada aspek permasalahan kajian serta mengizinkan penggunaan pelbagai pendekatan (*pluralistic approaches*) untuk memahami dan mencari jawapan kepada sesuatu permasalahan kajian (Creswell 2009:10-11). Pandangan dunia pragmatisme ini dipilih kerana ia berandaian bahawa demi memahami sesuatu permasalahan kajian dengan lebih baik, data kajian harus dikumpul daripada pelbagai sumber kerana dunia ini tidak boleh dilihat secara bersepakat sepenuhnya. Konsep dasar ini adalah sejajar dengan tujuan kajian ini yang ingin meneliti fenomena penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT secara makro (meluas) dan mikro (mendalam).

Tambahan pula, konsep dasar pandangan dunia pragmatisme ini juga adalah selaras dengan apa yang diterangkan dalam model pemprosesan maklumat ACT Anderson (1983,1985) yang telah dipilih sebagai kerangka teoretikal kajian ini. Menurut model ACT Anderson (1983,1985), proses pembelajaran sesuatu ilmu, (termasuk pembelajaran B2/B3) adalah sesuatu yang kompleks, kerana ia merupakan satu proses kognitif yang membabitkan kemajuan berperingkat-peringkat – bermula daripada penerimaan maklumat secara sedar dan aktif kepada penggunaan bahasa secara automatik. Demi memerihalkan sesuatu perkara yang kompleks, ia memerlukan bukti data daripada pelbagai sumber. Justeru itu, pemilihan pandangan dunia pragmatisme untuk mendasari reka bentuk kajian ini adalah sesuai bagi merancang pemilihan kaedah kajian untuk menjalankan kajian ini.

Selanjutnya, dengan berpandukan pandangan dunia pragmatisme ini, pengkaji telah memilih kaedah kajian campuran (*Mixed Methods Research*) untuk melaksanakan kajian ini demi menjawab lima soalan kajian yang telah digalurkan (sila rujuk kembali

University of Malaya

sub-bahagian **1.6** di Bab 1). Hal ini bermakna pengkaji akan menggabungkan kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif untuk menjalankan kajian ini, agar pangkalan data yang dikumpul nanti lebih kaya dan komprehensif untuk memerihalkan fenomena penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT.

Namun demikian, ingin ditekankan di sini bahawa walaupun pada dasarnya kaedah kajian campuran ini membolehkan dua jenis kaedah yang berbeza – kaedah kajian kuantitatif dan kaedah kajian kualitatif, digabungkan ke dalam satu bentuk kajian untuk mengumpul, menganalisis dan menginterpretasi data kajian, namun ini tidak bermakna ia boleh dilakukan secara sembarangan (Creswell, 2009:230). Sebaliknya, pangkaji perlu menentukan sama ada data kajian tersebut perlu dikumpul secara serentak melalui satu fasa kajian (berlandaskan kaedah campuran triangulasi serentak); ataupun dikumpul secara berurutan melalui dua fasa kajian (berlandaskan kaedah campuran penerangan) (Creswell dan Clark, 2007:7). Hal ini amat bergantung kepada objektif kajian serta soalan kajian yang bakal dijawab melalui kajian tertentu. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah campuran penerangan (*Mixed Methods Research* : *Explanatory design*) bagi menunjangi reka bentuk kajian ini. Rasional pemilihannya akan diterangkan dengan lebih lanjut melalui sub-bahagian **3.2.2** berikut.

3.2.2 Kaedah Campuran Penerangan dan Rasional Pemilihannya

Menurut Creswell dan Clark (2007:1), secara relatifnya kaedah campuran[3] (*mixed methods research*) merupakan satu pendekatan penyelidikan yang baru berkembang sejak satu dekad yang lalu. Walau bagaimanapun, statusnya kini adalah setaraf dengan

[3]Menurut Creswell dan Clark (2007:1), sesungguhnya sejak 50 tahun yang lepas, banyak penulis telah menggunakan nama-nama yang berlainan untuk merujuk kepada "kaedah kajian campuran", umpamanya *multitrait / multimethod research* (Campbell & Fiske 1959); *quantitative and qualitative methods* (Fielding & Fielding 1986); *methological triangulation* (Morse 1991); *integrated / combined research* (Steckler, McLeroy, Goodman, Bird, & McCormick 1992); *combined research* (Creswell 1994); *mixed methodology* (Tashakkori & Teddlie 1998); *hybrids* (Ragin, Nagel & White 2004).

University of Malaya

jenis-jenis kaedah kajian yang lain (seperti kajian eksperimental, kajian tinjauan, kajian lapangan, dan kajian kes) dalam bidang penyelidikan sains sosial dan kemanusiaan. Fenomena ini berlaku kerana kaedah campuran yang membolehkan pengumpulan jenis-jenis data kajian yang berbeza adalah cara yang paling baik untuk memahami sesuatu permasalahan kajian (Creswell 2009:18). Sesungguhnya, kaedah campuran ini mempunyai beberapa bentuk yang berlainan berdasarkan prosedur pengumpulan data yang berbeza. Namun demikian, demi menjawab lima soalan kajian dalam kajian ini, kaedah campuran penerangan (*Mixed Methods Research* : *Explanatory design*) telah dipilih, memandangkan ia berkeupayaan untuk menghasilkan satu dapatan kajian yang mantap dan komprehensif sejajar dengan tujuan dan objektif kajian ini (sila rujuk kembali sub-bahagian **1.5** di Bab 1). Secara ringkasnya, konsep asas kerangka kerja kaedah campuran penerangan yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti ditunjukkan dalam **Rajah 3.1** berikut :



Rajah 3.1 Kerangka Kerja Kaedah Campuran Penerangan
(Diubahsuai daripada Rajah *Explanatory Design: Follow-up Explanations Model* cadangan Creswell dan Clark, 200:73)

Rajah 3.1 di atas menunjukkan terdapat dua fasa kajian dalam kaedah campuran penerangan. Fasa pertama dimulakan dengan menggunakan kaedah kuantitatif (KUAN) secara domain bagi mengumpul dan menganalisis data kuantitatif. Selanjutnya, dengan

University of Malaya

berpandukan dapatan kajian kuantitatif pada fasa pertama tadi, satu skedul temu bual telah dibentuk untuk mengumpul data kualitatif pada fasa kedua kajian. Data kualitatif tersebut akan dianalisis melalui kaedah kualitatif (kual). Akhirnya, hasil analisis data yang didapati melalui kaedah kualitatif pada fasa kedua ini adalah bertujuan untuk memberi penerangan ataupun interpretasi kepada hasil kajian kuantitatif yang telah diperolehi pada fasa pertama.

Dalam konteks kajian ini, kaedah campuran penerangan adalah sesuai digunakan untuk meneliti fenomena penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT secara makro (meluas) untuk menjawab soalan kajian (1)-(4) melalui kaedah kajian kuantitatif; dan secara mikro (mendalam) untuk menjawab soalan kajian (5) melalui kaedah kajian kualitatif. Hal ini penting agar suatu hasil kajian yang lebih mantap dapat dihasilkan. Ringkasnya, boleh disimpulkan bahawa reka bentuk kajian yang berkerangkakan kaedah campuran penerangan dan didasari oleh pandangan dunia pragmatisme adalah sesuai digunakan untuk menjalankan kajian ini. Selanjutnya, perbincangan tentang reka bentuk kajian ini akan dibincangkan dari segi keseluruhan prosedur menjalankan kajian ini.

3.2.3 Gambaran Keseluruhan Prosedur Manjalankan Kajian Ini

Keseluruhan prosedur menjalankan kajian ini akan digambarkan melalui satu carta aliran seperti ditunjukkan dalam **Rajah 3.2** berikut.

University of Malaya



Rajah 3.2: Carta Aliran Keseluruhan Prosedur Menjalankan Kajian Ini

University of Malaya

Rajah 3.2 di atas jelas menunjukkan bahawa kajian ini adalah menggunakan reka bentuk kajian kaedah campuran penerangan yang melibatkan dua fasa pengumpulan data bagi mencapai tujuan kajian ini. Fasa pertama akan melibatkan pengumpulan dan penganalisisan data kuantitatif (untuk menjawab soalan kajian 1-4); manakala fasa kedua membabitkan pengumpulan dan penganalisisan data kualitatif sebagai pelengkap untuk menerangkan dapatan kajian kuantitatif fasa pertama (untuk menjawab soalan kajian 5). Justeru itu, data kajian ini boleh ditriangulasikan dengan pengumpulan data kuantitatif melalui instrumen soal selidik dan pengumpulan data kualitatif melalui instrumen temu bual semi-struktur.

Sebagai langkah permulaan untuk melaksanakan kajian ini, lima objektif kajian dan lima soalan kajian telah digalurkan. Kemudian, pengkaji menentukan lokasi dan populasi kajian setelah mempertimbangkan faktor-faktor tertentu (akan dibincangkan dengan lebih terperinci di sub-bahagian **3.3** dan **3.4** berikut). Walau bagaimanapun, sebelum menjalankan kajian rintis dan kajian sebenar, pengkaji akan mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian di lokasi terpilih. Pada masa yang sama, pengkaji akan melakukan persampelan untuk menentukan bilangan responden dan informan yang akan dibabitkan dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji juga turut menyediakan dua jenis instrumen kajian, iaitu soal selidik dan kertas ujian (Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin / PPKM). Soal selidik tersebut akan digunakan untuk mengumpul data kuantitatif ; manakala kertas ujian PPKM pula akan digunakan untuk menentukan tahap pencapaian para pelajar bagi membahagikan responden kajian kepada 2 kumpulan : kumpulan PMKT (pelajar Melayu berkemahiran tinggi) dan kumpulan PMKR (pelajar Melayu berkemahiran rendah). Setelah data kuantitatif daripada soal selidik telah siap dianalisis, skedul temu bual semi-struktur pula akan dibentuk bagi mengumpul data kualitatif.

University of Malaya

Selanjutnya, kajian rintis akan dilakukan bagi memantapkan instrumen kajian serta memastikan kebolehlaksanaan kajian ini. Setelah semua instrumen kajian telah dimantapkan melalui kajian rintis (akan diterangkan dengan lebih lanjut di sub-bahagian **3.7** berikut), kajian sebenar pula akan dijalankan untuk mendapatkan keseluruhan dapatan kajian ini dengan menjawab lima soalan kajian yang telah digalurkan (sila rujuk kembali sub-bahagian **1.6** di Bab 1). Kesemua prosedur menjalankan kajian sebenar akan diterangkan dengan lebih terperinci di sub-bahagian **3.10** nanti. Walau bagaimanapun, sebelum berganjak lebih jauh lagi, aspek lokasi kajian akan dibincangkan seperti berikut.

3.3 Lokasi Kajian

Menurut Jorgensen (1989), pemilihan lokasi ataupun tempat kajian yang sesuai adalah amat penting untuk menjamin kejayaan sesuatu kajian. Perkara-perkara seperti tujuan kajian, kemudahcapaian ataupun kesederhanaan tempat, kebenaran dan kemasukan, kemudahan, peluang dan saiz tempat adalah antara perkara penting yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan sesuatu lokasi kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengambil keputusan untuk memilih sebuah IPT yang terletak di Shah Alam (kampus induk) serta dua kampus cawangannya di Puncak Perdana dan Puncak Alam sebagai lokasi untuk menjalankan kajian ini. Pemilihan lokasi kajian ini adalah atas beberapa rasional yang akan dibincangkan seperti berikut.

3.3.1 Rasional Pemilihan Lokasi Kajian

Lokasi kajian ini dipilih memandangkan ia merupakan satu-satunya IPT di Malaysia yang mempunyai paling ramai pelajar berbangsa Melayu yang mengikuti Kursus Mandarin sebagai bahasa asing (B3). Walaupun bukan semua pelajar di IPT tersebut terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu, namun majoriti daripada pelajar Bumiputera di

University of Malaya

situ adalah berbangsa Melayu. Hal ini penting kerana ia dapat menjamin satu pangkalan data yang kaya berbanding dengan IPT lain di Malaysia. Dalam erti kata lain, rata-rata subjek kajian yang dipilih dari IPT tersebut setidak-tidaknya adalah memenuhi salah satu syarat dasar kajian ini – mereka mesti merupakan pelajar IPT berbangsa Melayu yang mempelajari Mandarin sebagai B3. Pada masa yang sama, mereka adalah kali pertama mempelajari Mandarin sebagai B3 di IPT tersebut.

Memandangkan Kursus Mandarin di IPT tersebut ditawarkan sebagai salah satu kursus yang berstatus Keperluan Universiti – "Wajib Lulus" bagi semua pelajar mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian/Am), maka bilangan pelajar yang berdaftar untuk Kursus Mandarin adalah ramai dan konsisten pada setiap sesi pengajian. Sebagai contohnya, di kampus induk Shah Alam sahaja, secara puratanya sekurang-kurangnya 8 ribu orang pelajar sepenuh masa daripada Program Ijazah Sarjana Muda akan berdaftar untuk Kursus Mandarin pada setiap sesi pengajian. Malahan, mulai Sesi 2007/2008, didapati secara keseluruhannya bilangan pelajar sepenuh masa Program Ijazah Sarjana Muda yang berdaftar untuk Kursus Mandarin telah melebihi 10 ribu orang pelajar pada setiap sesi pengajian (Rekod Fail Meja Penyelaras Unit Mandarin, UiTM Shah Alam, 2012).

Di samping itu, rasional lokasi kajian ini hanya terbatas kepada 3 kampus IPT tersebut kerana kampus-kampus lain adalah lebih memberi tumpuan kepada penawaran Program Diploma, yang mana pelajar-pelajar di bawah Program Diploma tidak diwajibkan untuk mengambil kursus bahasa ketiga sebagai Kursus Keperluan Universiti. Hal ini bermakna sekiranya kampus-kampus lain dipilih sebagai lokasi kajian, maka pangkalan data untuk kajian ini secara relatifnya adalah kurang terjamin.

University of Malaya

Dalam pada itu, pemilihan 3 kampus IPT tersebut sebagai lokasi kajian ini juga adalah didorong oleh faktor-faktor kemudahcapaian, kebenaran dan kemasukan. Memandangkan pangkaji merupakan salah seorang pensyarah Unit Mandarin yang berkhidmat di kampus induknya sejak tahun 1998 dan pernah juga mengajar Kursus Mandarin di dua kampus yang lain, maka pengkaji telah biasa dengan keadaan di lokasi kajian terpilih ini. Dalam erti kata lain, pemilihan lokasi ini bukan sahaja akan memudahkan pengkaji berulang-alik ke lokasi kajian untuk mengumpul data, bahkan juga memberi kelebihan kepada pengkaji untuk berhubung dengan para pelajar (yang bakal menjadi responden dan informan kajian ini). Di samping itu, pengkaji juga mudah menghubungi para pensyarah, ketua kursus ataupun staf-staf bahagian pentadbirannya, sekiranya perlu untuk mendapatkan kebenaran bagi menjalankan kajian ke kelas-kelas Mandarin di fakulti tertentu. Selain itu, pengkaji juga lebih mudah memilih satu tempat yang sesuai untuk melakukan sesi temu bual dengan para pelajar terpilih.

3.4 Populasi Kajian

Selain lokasi kajian, populasi kajian juga perlu ditentukan pada peringkat awal pelaksanaan penyelidikan. Hal ini demikian disebabkan maklumat tentang populasi kajian penting untuk menentukan saiz sampel kajian (iaitu jumlah bilangan responden / informan) yang perlu diambil untuk tujuan pengumpulan data, agar hasil kajian nanti lebih bersifat representatif. Sehubungan dengan ini, pengkaji menentukan populasi kajian ini adalah terdiri daripada para pelajar Kursus Mandarin Tahap II di bawah Program Ijazah Sarjana Muda Sepenuh Masa, Semester I (September 2011 – Februari 2012), Sesi 2011/2012. Ia melibatkan 68 kelas Mandarin daripada 20 buah fakulti yang masing-masing bertempat di tiga kampus IPT terpilih. Taburan populasi terpilih mengikut fakultinya adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 3.1** di muka surat berikut.

University of Malaya

Jadual 3.1: Taburan Pelajar Kursus Mandarin Tahap II, Program Ijazah Sarjana Muda Sepenuh Masa, Semester I (September 2011 – Februari 2012) Sesi 2011 /2012 Mengikut Fakulti

Bil.	Nama Fakulti	Kod Fakulti	Bilangan Kelas	Jumlah Pelajar
1.	Fakulti Perakaunan	AC	4	109
2.	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka	AD	3	71
3.	Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi	AM	2	48
4.	Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur	AP	8	220
5.	Fakulti Sains Gunaan	AS/AT	7	183
6.	Fakulti Pengurusan Perniagaan	BM	2	47
7.	Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif	CS	6	125
8.	Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik	TEKA	1	30
9.	Fakulti Pergigian	DS	1	31
10.	Fakulti Kejuruteraan Awam	EC	3	94
11.	Fakulti Pendidikan	ED	2	64
12.	Fakulti Kejuruteraan Elektrikal	EE	5	141
13.	Fakulti Kejuruteraan Kimia	EH	2	62
14.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	EM	2	42
15.	Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu	HS	3	71
16.	Fakulti Pengurusan Maklumat	IM	2	50
17.	Akademi Pengajian Bahasa	LG	1	28
18.	Fakulti Undang-Undang	LW	2	60
19.	Fakulti Pentadbiran dan Teknologi Pejabat	OM	10	272
20.	Fakulti Komunikasi dan Pengajian Maklumat	MC	2	65
Jumlah Bilangan Kelas Kursus Mandarin Tahap II			**68**	-
Jumlah Pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Sepenuh Masa Yang Berdaftar Untuk Kursus Mandarin Tahap II				1 813
Bilangan Pelajar Bukan Melayu				*138* (ditolak)
Bilangan Pelajar Melayu Yang Pernah Mempelajari Mandarin				*17* (ditolak)
			POPULASI	**1 658**

Daripada **Jadual 3.1** di atas, didapati jumlah populasi untuk kajian ini adalah seramai 1,658 orang pelajar. Populasi ini terdiri daripada para pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Sepenuh Masa yang berdaftar untuk Kursus Mandarin Tahap II di IPT terpilih (lokasi kajian) pada Semester I (September 2011 – Februari 2012), Sesi 2011/2012. Populasi ini juga perlu memenuhi dua kriteria yang ditetapkan: (i) meraka mesti berbangsa Melayu; (ii) mereka tidak pernah mempelajari Mandarin dari mana-mana institusi sebelum berdaftar Kursus Mandarin sebagai bahasa asing di UiTM (misalnya

University of Malaya

mereka bukan bekas pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina – SRJK C). Kedua-dua kriteria ini penting demi meminimakan ciri-ciri ketidaksetaraan sampel kajian dari segi latar penguasaan bahasa. Dalam erti kata lain, populasi kajian ini didapati setelah menolak bilangan "Pelajar Bukan Melayu" (138 orang) dan "Pelajar Melayu Yang Pernah Mempelajari Mandarin" (17 orang) daripada "Jumlah pelajar yang berdaftar untuk Kursus Mandarin Tahap II" (iaitu 1813 orang – 138 orang – 17 orang = 1 658 orang pelajar Melayu).

3.4.1 Rasional Penentuan Populasi Kajian

Rasional penentuan populasi kajian ini boleh dibincangkan dari tiga perspektif: (i) mengapa hanya para pelajar IPT "berbangsa Melayu sahaja" dipilih; (ii) mengapa hanya para pelajar IPT Melayu Program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian/Am) sepenuh masa sahaja dipilih; dan (iii) mengapa hanya para pelajar IPT Melayu Program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian /Am) sepenuh masa dalam Kursus Mandarin "Tahap II" sahaja dipilih.

Dalam kajian ini, hanya para pelajar IPT "berbangsa Melayu sahaja" ditentukan sebagai populasi kajian kerana secara relatifnya golongan pelajar Melayu merupakan majoriti pelajar penutur bukan natif (bukan Cina) yang mempelajari Mandarin sebagai bahasa asing di Malaysia. Namun demikian, daripada tinjauan kajian lepas, didapati kajian dalam bidang penggunaan SPPK Mandarin sebagai bahasa asing ke atas golongan pelajar Melayu IPT ini pula masih amat terbatas. Justeru itu, pemilihan golongan pelajar IPT berbangsa Melayu sebagai populasi kajian ini adalah amat wajar untuk menampung jurang kosa ilmu ini.

Selain itu, hanya golongan pelajar IPT Melayu "Program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian/Am) sepenuh masa" sahaja dipilih sebagai populasi kajian ini

University of Malaya

memandangkan mereka merupakan bekalan sumber utama pelajar-pelajar yang berdaftar untuk Kursus Mandarin sebagai B3 di IPT pilihan tersebut. Hal ini demikian kerana golongan pelajar ini diwajibkan lulus satu bahasa ketiga (B3) demi melengkapkan Kursus Keperluan Universiti. Kebetulan Kursus Mandarin merupakan salah satu kursus B3 yang ditawarkan di IPT tersebut. Sebaliknya, golongan pelajar daripada program-program lain seperti Program Diploma, Program PLK, PJJ / E-PJJ , KKB dan PKB di IPT tersebut adalah tidak diwajibkan untuk lulus bahasa ketiga sebagai Kursus Keperluan Universiti. Oleh itu, bilangan pelajar daripada program lain bukan sahaja tidak ramai berdaftar untuk Kursus Mandarin, malahan pendaftaran pelajarnya dalam Kursus Mandarin juga tidak konsisten untuk menjamin satu pangkalan data kajian yang cukup meyakinkan. Tambahan pula, sekiranya golongan pelajar daripada Program PLK, PJJ / E-PJJ , KKB dan PKB dipilih sebagai populasi kajian ini, mereka juga agak sukar untuk ditemu bual kerana rata-rata mereka merupakan pelajar "separuh masa" yang biasanya sibuk dengan pekerjaan masing-masing.

Dalam pada itu, hanya para pelajar IPT Melayu Program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian/Am) sepenuh masa dalam Kursus Mandarin "Tahap II" sahaja dipilih sebagai populasi kajian ini, kerana didapati kelas-kelas Kursus Mandarin Tahap I sering menghadapi masalah seperti segelintir pelajarnya akan menggugurkan Kursus Mandarin selepas satu bulan mengikutinya kerana rasa sukar mempelajari bahasa tersebut; ataupun kelas-kelas Tahap I sering dirombak semula akibat daripada kemasukan pelajar-pelajar pengambilan kedua. Sekiranya golongan pelajar Tahap I ini diambil sebagai populasi kajian, ia sudah tentu akan menyukarkan prosedur persampelan dilakukan, misalnya dari segi penentuan saiz sampel dan pemilihan responden/informan kajian. Sementara sekiranya para pelajar Kursus Mandarin Tahap III dipilih sebagai populasi kajian, pengkaji mungkin akan menghadapi risiko kesuntukan masa untuk

University of Malaya

menemu bual pelajar bagi mengumpul data kualitatif kerana mereka merupakan pelajar tahap terakhir mengambil Kursus Mandarin. Oleh itu, pada pandangan pengkaji, hanya golongan pelajar Kursus Mandarin Tahap II sahaja paling sesuai dijadikan sebagai populasi kajian ini. Lagipun, kajian ini tidak bertujuan untuk membandingkan penggunaan SPPK Mandarin antara pelajar yang berlainan tahap pembelajaran.

Setelah lokasi dan populasi kajian telah dikenal pasti, langkah selanjutnya ialah melakukan persampelan, sebagaimana yang akan dibincangkan seperti berikut.

3.5 Persampelan

Persampelan merujuk kepada proses memilih sebilangan sampel daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden/informan kajian (Chua 2006). Sesungguhnya, persampelan merupakan salah satu aspek yang amat penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian (Chua 2006,2011). Malahan, menurut Chua (2011:203) lagi, selain faktor-faktor reka bentuk dan pengukuran, kualiti hasil penyelidikan juga bergantung pada persampelan kajian. Namun demikan, perancangan prosedur persampelan yang rapi adalah penting kerana ia bukan sahaja dapat memudahkan kerja-kerja pengumpulan data, bahkan ralat pengukuran juga dapat dikurangkan, serta menjimatkan masa dan perbelanjaan.

Memandangkan reka bentuk kajian ini adalah ditunjangi oleh kaedah campuran penerangan yang melibatkan dua fasa pengumpulan data, maka kajian ini membabitkan dua jenis persampelan yang berlainan – prosedur persampelan kebarangkalian (*probability sampling)* dan bukan kebarangkalian (*nonprobability sampling*), masing-masing untuk tujuan mengumpul data kuantitatif dan data kualitatif tentang penggunaan

University of Malaya

SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT. Kedua-dua jenis prosedur persampelan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di bahagian **3.5.1** dan bahagian **3.5.2** berikut.

3.5.1 Prosedur Persampelan Kebarangkalian Untuk Pengumpulan Data Kuantitatif

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, dalam kajian ini, prosedur persampelan kebarangkalian telah diaplikasikan untuk tujuan memilih responden kajian bagi mengumpul data kuantitatif. Prosedur persampelan kebarangkalian ini bermaksud setiap sampel adalah dipilih secara rawak daripada populasi, dan sampel tersebut mempunyai ciri-ciri yang terdapat dalam populasi kajian (Chua 2011:214). Pemilihan prosedur persampelan ini adalah bertitik-tolakkan rasioanl seperti dipaparkan berikut.

Menurut Ranjit Kumar (2011: 199), antara perkara penting dalam prosedur persampelan kebarangkalian ialah setiap elemen dalam populasi mempunyai peluang yang saksama (*equal*) dan bebas (*independent*) untuk dipilih sebagai sampel kajian. Konsep "saksama" di sini merujuk kepada kebarangkalian pemilihan setiap elemen sampel daripada populasi tidak dipengaruhi oleh apa-apa pertimbangan lain, seperti faktor kecenderungan peribadi. Manakala konsep "bebas" pula bererti pemilihan satu elemen sampel adalah tidak bergantung pada penerimaan / penolakan satu elemen sampel yang lain. Ini bermaksud keputusan pemilihan mana-mana sampel kajian daripada populasi adalah tidak saling mempengaruhi antara satu sama lain. Sejajar ini, Babbie (2010) menyarankan bahawa kelebihan penggunaan prosedur persampelan kebarangkalian dalam kajian adalah disebabkan ia dapat merealisasikan prinsip EPSEM *(equal probability of selection method)* dalam pemilihan sampel kajian. Prinsip ini menegaskan bahawa setiap anggota dalam populasi mempunyai peluang atau kebarangkalian yang sama untuk dipilih sebagai sampel kajian.

University of Malaya

Kesemua kekuatan persampelan kebarangkalian yang dikemukan di atas telah mendorong prosedur persampelan kebarangkalian dipilih untuk mendasari proses pengumpulan data kuantitatif, memandangkan sampel yang dipilih melalui prosedur persampelan keberangkalian ini nanti adalah lebih bersifat representatif untuk digeneralisasikan kepada populasi kajian. Tambahan pula, ia juga dapat mengelakkan *bias* yang mungkin wujud ketika memilih sampel kajian. Malahan menurut Babbie (2010:198) lagi, teori kebarangkalian yang mendasari prosedur persampelan kebarangkalian ini akan membolehkan kita menjangka ketepatan kadar representatif sampel kajian yang dipilih, agar hasil kajian nanti dapat digeneralisasikan dengan wajar.

Dalam membincangkan prosedur persampelan kebarangkalian ini, perkara-perkara seperti : prosedur penyediaan kerangka persampelan; teknik persampelan; serta penentuan saiz sampel dan pemilihan sampel kajian harus dipertimbangkan dengan sewajarnya dalam kajian ini. Kesemua ini akan dibincangkan satu persatu melalui tiga sub-topik **3.5.1.1**, **3.5.1.2**, dan **3.5.1.3** seperti berikut.

3.5.1.1 Prosedur Penyediaan Kerangka Persampelan

Kerangka persampelan merupakan satu senarai atau quasi senarai yang mengandungi unit-unit populasi dari mana sampel kajian akan dipilih (Babbie 2010:208). Dalam melaksanakan persampelan kebarangkalian, langkah pertamanya ialah menyediakan kerangka persampelan (*sampling frame*) daripada populasi kajian bersesuaian dengan tujuan kajian, serta sejajar dengan teknik persampelan yang bakal digunakan untuk kajian ini. Dalam kajian ini, memandangkan teknik persampelan rawak berlapis dirancang untuk diaplikasikan bagi memilih responden kajian untuk tujuan mengumpul data kuantitatif, maka kerangka persampelan perlu disediakan mengikut fakulti-fakulti yang berlainan berdasarkan populasi kajian yang telah ditentukan sebelum ini –

University of Malaya

berpandukan "Senarai Kelas-Kelas Kursus Mandarin Tahap II Untuk Pelajar-Pelajar Program Ijazah Sarjana Muda (Sepenuh Masa)", pada Semester I (September 2011– Februari 2012), Sesi 2011/2012 mengikut fakulti, di 3 kampus IPT terpilih itu. Senarai kelas tersebut telah diperolehi daripada simpanan fail Unit Mandarin tentang Rekod Pendaftaran Pelajar di kampus induk IPT terpilih itu.

Pada masa yang sama juga, untuk mendapatkan maklumat tentang kedua-dua kriteria "Pelajar Bukan Melayu" dan "Pelajar Melayu Yang Pernah Mempelajari Mandarin" ini, pengkaji telah memohon keizinan untuk menyemak simpanan fail Unit Mandarin tentang Rekod Analisa Keputusan Peperiksaan Kursus Mandarin pelajar di kampus induk IPT terpilih itu. Dari situ, pengkaji mengenal pasti "pelajar-pelajar bukan Melayu" berpandukan rekod nama-nama pelajar. Seterusnya, satu bancian dikendalikan ke setiap kelas Mandarin atas bantuan pensyarah kelas masing-masing untuk mengenal pasti bilangan "pelajar Melayu yang pernah mempelajari Mandarin" sebelum mengikuti Kursus Mandarin di IPT terpilih itu. Memandangkan keseluruhan kerangka persampelan yang disediakan oleh pengkaji adalah terlalu panjang, maka di sini cuma dipilih sebahagian daripada kerangka persampelan tersebut untuk dipaparkan dalam **Jadual 3.2** seperti berikut demi tujuan perbincangan dalam sub-topik ini nanti.

University of Malaya

Jadual 3.2 Contoh Sebahagian Kerangka Persampelan Untuk Kajian Ini

Bil.	Nama Fakulti / Kelas-Kelas Mandarin	Bilangan Pelajar / Kelas	Jumlah Sub-Populasi
A.	**Fakulti Perakaunan (AC)**		**104**
1.	ACB2MA	30	
2.	ACB2MB	23	
3.	ACB2MC	30	
4.	ACB2MD	26	
	Pelajar bukan Melayu (ditolak)	(3)	
	Pelajar pernah mempelajari Mandarin (ditolak)	(2)	
B.	**Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (AD)**		**62**
C.	**Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (AM)**		**41**
D.	**Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur (AP)**		**204**
E.	**Fakulti Sains Gunaan (AS / AT)**		**168**
F.	**Fakulti Pengurusan Perniagaan (BM)**		**41**
G.	**Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif (CS)**		**109**
H.	**Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik (TEKA)**		**30**
I.	**Fakulti Pergigian (DS)**		**31**
J.	**Fakulti Kejuruteraan Awam (EC)**		**84**
K.	**Fakulti Pendidikan (ED)**		**45**
L.	**Fakulti Kejuruteraan Elektrikal (EE)**		**135**
M.	**Fakulti Kejuruteraan Kimia (EH)**		**56**
N.	**Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (EM)**		**42**
O.	**Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu (HS)**		**61**
P.	**Fakulti Pengurusan Maklumat (IM)**		**40**
Q.	**Akademi Pengajian Bahasa (LG)**		**22**
R.	**Fakulti Undang-Undang (LW)**		**56**
S.	**Fakulti Pentadbiran dan Teknologi Pejabat (OM)**		**262**
T.	**Fakulti Komunikasi dan Pengajian Maklumat (MC)**		**65**
		JUMLAH POPULASI	**1 658**

Merujuk kepada **Jadual 3.2** di atas, pengkaji telah mengsegregasikan populasi kajian kepada 20 sub-populasi (strata) berdasarkan 20 fakulti pengajian para pelajar. Setiap sub-populasi ini dinomborkan dari **A** hingga **T**. Kemudian, setiap sub-populasi ini diberikan nama fakulti dan kod fakultinya. Hal ini dilakukan kerana populasi kajian ini adalah terdiri daripada sampel kajian yang bersifat heterogen, iaitu sampel kajian tidak homogenus dari segi latar pengajian mereka, disebabkan pelajar-pelajar yang mengambil Kursus Mandarin di IPT terpilih itu adalah berasal daripada 20 fakulti yang berlainan. Pengsegregasian sub-populasi mengikut fakulti ini adalah penting agar pelajar-pelajar daripada setiap fakulti mempunyai peluang (kebarangkalian) yang sama

University of Malaya

untuk dipilih sebagai sampel (responden) kajian, demi menjamin sampel kajian yang terpilih nanti bersifat representatif.

Kemudian setiap sub-populasi tersebut akan disenaraikan jumlah kelas Mandarin di bawahnya. Sebagai contohnya, sub-populasi A untuk Fakulti Perakaunan, kod fakultinya ialah AC, terdapat jumlah 4 kelas Mandarin (iaitu ACB2MA, ACB2MB, ACB2MA, & ACB2MA) di bawah sub-populasi ini. Selanjutnya, untuk mendapat "jumlah sub-populasi" di setiap fakulti, bilangan pelajar setiap kelas di bawah sub-populasi (fakulti) berkenaan perlu ditambahkan terlebih dahulu, kemudian ditolak bilangan "*Pelajar Bukan Melayu*" dan bilangan "Pelajar Melayu Yang Pernah Mempelajari Mandarin" yang telah dikenal pasti. Umpamanya jumlah pelajar 4 kelas di Fakulti Perakaunan (ACB2MA=30, ACB2MB=23, ACB2MA=10, dan ACB2MA=26) ialah seramai 109 orang pelajar (iaitu 30+23+30+26 =109). Untuk mendapat "jumlah sub-populasi" di fakulti AC, seramai 3 orang "Pelajar Bukan Melayu" dan 2 orang "Pelajar Melayu Yang Pernah Mempelajari Mandarin" yang telah dikenal pasti perlu ditolak daripada jumlah 109 orang pelajar daripada 4 kelas di fakulti tersebut (iaitu 109 orang – 2 orang – 3 orang = 104 orang pelajar Melayu yang tidak pernah mempelajari Mandarin sebelum ini). Jadi, jumlah sub-populasi sebenar di Fakulti Perakaunan (AC) ialah seramai 104 orang pelajar. Kemudian, jumlah sub-populasi berdasarkan fakulti (20 sub-populasi) ditambahkan semua sekali untuk mendapat "jumlah populasi kajian" (iaitu fakulti-fakulti AC:104 orang + AD**:**62 orang + AM:41 orang + AP:204 orang + AS/AT:168 orang + BM:41 orang + CS:109 orang + TEKA:30 orang + DS:31 orang + EC:84 orang + ED:45 orang + EE:135 orang + EH:56 orang + EM:42 orang + HS:61 orang + IM:40 orang + LG:22 orang + LW:56 orang + OM:262 orang + MC:65 orang = 1658 orang pelajar Melayu). Kerangka persampelan dengan memaparkan jumlah populasi ini adalah penting untuk digunakan dalam penentuan saiz sampel dan

University of Malaya

pemilihan sampel kajian yang akan dibincangkan di sub-topik **3.5.1.3** nanti. Walau bagaimanapun, adalah wajar diterangkan teknik persampelan dan rasional penggunaannya terlebih dahulu.

3.5.1.2 Teknik Persampelan Rawak Berlapis Dan Rasional Penggunaannya

Dengan mempertimbangkan bahawa populasi kajian ini adalah tidak bersifat homogenus, pengkaji telah mengambil keputusan untuk mengaplikasikan teknik (prosedur) persampelan rawak berlapis (*stratified random sampling*) dan tidak berdasarkan nisbah (*disproportionate stratified sampling*) untuk kajian ini – bagi memilih responden untuk menjawab soal selidik dan kertas ujian Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin (PPKM) dalam kajian ini. Menurut Chua (2006:194; 2011:219), persampelan rawak berlapis ini bererti melakukan pemilihan rawak secara berasingan bagi setiap sub-kumpulan (sub-populasi) dalam populasi; manakala "tidak berdasarkan nisbah" pula merujuk kepada bilangan sampel yang dipilih daripada setiap sub-populasi tersebut adalah tidak mengikut proposisinya (nisbah) dalam populasi. Ini bererti penentuan bilangan (saiz) sampel dalam setiap sub-populasi tidak akan mengambil kira kaitan (proposisi) antara saiz sub-populasi dengan saiz populasi keseluruhannya (Ranjit Kumar, 2011:203-204). Sesungguhnya, penggunaan teknik persampelan dalam kajian ini adalah didorang oleh beberapa rasional yang akan dibincangkan seperti berikut.

Menurut Chua (2011:219), teknik persampelan rawak berlapis mempunyai kelebihan untuk mengurangkan ralat persampelan menjadi lebih kecil berbanding dengan ralat yang wujud jika hanya teknik persampelan rawak sistematik atau persampelan rawak mudah sahaja digunakan dalam situasi di mana keheterogenan sampel kajian wujud. Dalam erti kata lain, penggunaan teknik persampelan rawak mudah / sistematik sahaja

University of Malaya

dalam keadaan populasi tidak homogenus (seperti dalam kajian ini) akan mengakibatkan ralat persampelan meningkat (Mohd Majid 1990). Justeru itu, memandnagkan populasi kajian ini adalah terdiri daripada 20 fakulti yang mempunyai latar pengajian yang berbeza-beza, jumlah bilangan pelajar daripada setiap fakulti tersebut juga tidak sama rata (berjulat antara 31 hingga 262 orang pelajar per fakulti), teknik persampelan rawak berlapis "tidak berdasarkan nisbah" adalah sesuai digunakan dalam kajian ini.

Sekiranya teknik persampelan rawak berlapis "tidak berdasarkan nisbah" ini tidak digunakan untuk memilih responden kajian, fakulti yang secara relatifnya mempunyai bilangan pelajar terlalu kecil berkemungkinan besar tidak mempunyai wakil sampel yang memadai dalam populasi untuk diguna pakai dalam kajian ini nanti. Kenyataan ini turut disokong oleh Sakeran (2007) yang berpendapat bahawa pemilihan sampel tidak berdasarkan nisbah (iaitu penentuan saiz sampel mengikut satu kadar yang sama banyak) adalah lebih sesuai digunakan, jika wujud populasi strata (sub-populasi) mempunyai bilangan pelajar yang terlalu besar ataupun terlalu kecil. Secara ringkasnya, boleh dikatakan bahawa teknik persampelan rawak berlapis tidak berdasarkan nisbah ini adalah wajar diaplikasikan untuk kajian ini, demi memastikan pelajar-pelajar daripada setiap fakulti mempunyai peluang untuk dipilih sebagai sampel kajian, dan setiap fakulti akan mempunyai wakil yang secukupnya dalam populasi, agar sampel yang dipilih lebih bersifat representatif.

Setelah teknik persampelan dipilih, langkah persampelan yang selanjutnya ialah menentukan berapa ramaikah sampel perlu diambil daripada populasi dan sub-populasi sebagai responden kajian untuk tujuan mengumpul data kuantitatif. Perkara ini akan

University of Malaya

membabitkan prosedur penentuan saiz sampel dan pemilihan sampel kajian sebagaimana yang akan dibincangkan melalui sub-bahagian berikut.

3.5.1.3 Prosedur Penentuan Saiz Sampel Dan Pemilihan Sampel Kajian

Sesungguhnya, prosedur penentuan saiz sampel bagi menentukan sampel mana yang harus dipilih bukan suatu perkara yang senang dilalukan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengambilan saiz sampel yang terlalu kecil akan menimbulkan ralat jenis I yang membabitkan isu aras kebolehpercayaan. Manakala penggunaan saiz sampel yang terlalu besar walaupun secara kasarnya difahamkan keputusan pengukurannya akan menjadi lebih tepat kerana aras kebolehpercayaan dipertingkatkan, namun sebenarnya ia akan meningkatkan ralat jenis II, iaitu kebarangkalian "kesilapan dalam pengukuran" tanpa disedari (Chua 2006; Sekaran 2007). Misalnya, dengan mengambil bilangan responden yang terlalu banyak untuk menjawab soal selidik, pengukuran yang mungkin dibuat pada tempat, masa dan situasi yang berlainan ini akan meningkatkan lagi ralat pengukuran.

Dalam pada itu, menurut Sekaran (2007:294-295), saiz sampel yang terlalu besar (biasanya melebihi 500) boleh menyebabkan keputusan kajian disalah tafsir, iaitu ia boleh menghasilkan kaitan (*relationships*) yang signifikan walhal kaitannya terlalu lemah dan tidak praktikal untuk mewakili keadaan sebenar. Malahan, Cohen (1977) (dalam Chua 2006 :187) berpendapat bahawa "memilih satu sampel yang mewakili populasi adalah lebih baik daripada memilih satu saiz sampel yang besar tetapi *bias*, yang akan membimbing pengkaji untuk memperoleh keputusan kajian yang tidak benar". Oleh itu, dalam hal menentukan saiz sampel ini, Chua (2006:180) menegaskan bahawa satu saiz sampel munasabah yang dapat mewakili ciri-ciri populasi kajian adalah lebih baik daripada saiz sampel yang terlalu besar ataupun terlalu kecil, yang

University of Malaya

tidak dapat mewakili ciri-ciri populasi kajian tertentu. Dalam erti kata yang lain, sesuatu sampel kajian yang baik mesti bersifat representatif (Ahmad 1983, Babbie 2010) dan bukan bergantung kepada kuantitinya yang banyak. Sehubungan ini, Roscoe (1975) (dalam Sakeran, 2007:295) pernah mencadangkan satu petunjuk penentuan saiz sampel kajian mengikut kebiasaan (*rules of thumb*) untuk rata-rata penyelidikan. Salah satu (daripada empat) *rules of thumb* yang ingin digunakan sebagai panduan untuk kajian ini adalah seperti berikut :

1. Saiz sampel yang melebihi 30 dan kurang daripada 500 adalah sesuai untuk rata-rata penyelidikan.
   (Sample sizes larger than 30 and less than 500 are appropriate for most research)

Ini bermakna dalam kajian ini, jumlah bilangan responden yang dipilih daripada 20 fakulti (sub-populasi) adalah tidak kurang daripada 30 orang dan tidak melebihi 500 orang pelajar.

Selain itu, dalam usaha menentukan saiz sampel kajian ini, pengkaji juga turut mengambil kira faktor aras kebolehpercayaan dan ralat (*error*) persampelan. Ralat persampelan di sini merujuk kepada Ralat Jenis I dan ia bermaksud perbezaan antara ciri-ciri sampel dan ciri-ciri populasi. Sebagai contohnya, jika ralat persampelan ialah 5%, maka aras kebolehpercayaannya ialah 95%. Jika ralat persampelan ialah 1%, maka aras kebolehpercayaannya ialah 99%. Hal ini penting agar bilangan sampel yang dipilih nanti adalah benar-benar memadai untuk mewakili setiap sub-populasi daripada setiap fakulti terlibat.

Setelah semua faktor yang dibincangkan di atas diambil kira serta berpandukan Jadual Saiz Sampel (pada aras kesignifikanan p = .05) cadangan Cohen, Manion & Morrison (2001) (diubahsuai daripada Chua, 2006:186-187), seperti ditunjukkan dalam **Jadual**

University of Malaya

3.3 berikut, pengkaji berusaha menentukan jumlah saiz sampel yang perlu diambil untuk mewakili keseluruhan populasi dan seterusnya kadar yang perlu diambil daripada setiap sub-populasi (fakulti) terbabit.

Jadual 3.3: Jadual Saiz Sampel cadangan Cohen, Manion & Morrison (2001) (pada aras kesignifikanan p = 0.05)

Saiz populasi (P)	**Ralat persampelan 5% dan aras kebolehpercayaan 95% (Aras kesignifikanan = .05)**
(P)	Saiz sampel (N)
50	44
100	79
200	132
500	**217**
1,000	278
2,000	322
5,000	357
10,000	**370**
20,000	377
50,000	381
100,000	383
1,000,000	384

Jadual 3.3 di atas menunjukkan bagi saiz populasi (P) = 1,000, bilangan sampel (N) yang perlu diambil ialah sebanyak 278; sementara bagi saiz populasi (P) = 2,000 pula, bilangan sampel (N) yang perlu diambil ialah sebanyak 322, pada aras kebolehpercayaan 95%. Oleh itu, untuk menentukan bilangan/saiz sampel untuk kajian ini, yang mana saiz populasinya (P) = 1,658, cara pengiraan berdasarkan kaedah *interpolate* seperti berikut telah digunakan :

Pengiraan saiz sampel (N) untuk populasi (P) = 1,658 melalui kaedah *interpolate*:

Saiz populasi (P)	**Saiz sampel (N) pada aras kebolehpercayaan 95% (Aras kesignifikanan = .05)**
P = 1000	N = 278
P = 1658	**N = ? (307)***
P = 2000	N = 322

Oleh itu, untuk mencari saiz sampel (N), jika saiz populasi (P) = 1,658, pada aras kebolehpercayaan 95% , cara pengiraannya adalah seperti berikut :

University of Malaya

Langkah 1:		**Langkah 2 :**
$\frac{(1658-1000)}{(2000-1000)} \times (322 - 278)$ $= \frac{658}{1000} \times 44$ $= 28.95$ ≈ 29		Oleh itu, saiz sampel (N) untuk populasi (P) = 1658 ialah N = 278 + 29 = **307 ***

Daripada pengiraan di atas, dapat dirumuskan bahawa untuk saiz populasi (P) = 1,658 orang, saiz sampel (N) yang dicadangkan ialah 307 orang, dengan berpandukan Jadual Saiz Sampel, pada aras kesignifikanan p = .05 ; ataupun aras kebolehpercayaan = 95%), cadangan Cohen, Manion & Morrison (2001).

Walau bagaimanapun, untuk menentukan kadar berapa banyakkah elemen sampel yang perlu dipilih daripada setiap sub-populasi (strata), pengiraannya adalah berpandukan satu formula yang disarankan oleh Ranjit Kumar (2011:204). Dalam hal ini, Ranjit Kumar (2011) telah menyarankan satu teknik (prosedur) persampelan rawak berlapis tidak berdasarkan nisbah. Kaedah pengiraannya adalah seperti ditunjukkan berikut :

$$\frac{\text{Jumlah saiz sampel [}\textit{sample saiz}\text{ (N)]}}{\text{Bilangan sub-populasi / strata}}$$

iaitu,

$$(307 \div 20)$$

$$= 15.35 .$$

Walaupun jawapannya ialah 15.35, namun pengkaji telah mengambil keputusan untuk membulatkan angka ini kepada 20 demi memudahkan kerja pengiraan dan pengambilan sampel ke atas setiap sub-populasi (fakulti), terutamanya bagi fakulti yang bilangan

University of Malaya

pelajarnya tidak ramai. Ini bermakna pengkaji akan mengambil 20% daripada jumlah pelajar daripada setiap fakulti (sub-populasi) sebagai responden kajian, dan sebanyak 20 fakulti (sub-populasi) terlibat dalam kajian ini.

Justeru itu, dengan berpandukan teknik persampelan rawak berlapis tidak berdasarkan nisbah, pengkaji telah memilih jumlah 330 orang pelajar sebagai responden/sampel kajian (N=330) untuk mewakili jumlah populasi seramai 1,658 orang pelajar dalam kajian ini. Jumlah sampel kajian ini (N=330) adalah diperolehi daripada hasil tambah bilangan sampel sebanyak 20% ke atas setiap sub-populasi (fakulti), iaitu sebanyak 20 fakulti terlibat, sebagaimana yang ditunjukkan dalam **Jadual 3.4** di muka surat berikut.

University of Malaya

Jadual 3.4 Bilangan Pelajar Terpilih Sebagai Responden Kajian Berdasarkan Sub-Populasi (Fakulti)

Bil.	Sub-Populasi :Jumlah Pelajar Dalam Fakulti	Bilangan Sampel Dipilih	Sampel Simpanan	Penerangan
A.	**Fakulti AC :** 104 pelajar	21	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **104** orang pelajar secara rawak mudah
B.	**Fakulti AD :** 62 pelajar	12	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **62** orang pelajar secara rawak mudah
C.	**Fakulti AM :** 41 pelajar	8	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **41** orang pelajar secara rawak mudah
D.	**Fakulti AP :** 204 pelajar	41	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **204** orang pelajar secara rawak mudah
E.	**Fakulti AS/AT:**168 pelajar	34	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **168** orang pelajar secara rawak mudah
F.	**Fakulti BM :** 41 pelajar	8	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **41** orang pelajar secara rawak mudah
G.	**Fakulti CS :** 109 pelajar	22	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **109** orang pelajar secara rawak mudah
H.	**Fakulti TEKA :** 30 pelajar	6	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **30** orang pelajar secara rawak mudah
I.	**Fakulti DS :** 31 pelajar	6	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **31** orang pelajar secara rawak mudah
J.	**Fakulti EC :** 84 pelajar	17	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **84** orang pelajar secara rawak mudah
K.	**Fakulti ED :** 45 pelajar	9	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **45** orang pelajar secara rawak mudah
L.	**Fakulti EE :** 135 pelajar	27	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **135** orang pelajar secara rawak mudah
M.	**Fakulti EH :** 56 pelajar	11	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **56** orang pelajar secara rawak mudah
N.	**Fakulti EM :** 42 pelajar	8	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **42** orang pelajar secara rawak mudah
O.	**Fakulti HS :** 61 pelajar	12	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **61** orang pelajar secara rawak mudah
P.	**Fakulti IM :** 40 pelajar	8	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **40** orang pelajar secara rawak mudah
Q.	**Fakulti LG :** 22 pelajar	4	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **22** orang pelajar secara rawak mudah
R.	**Fakulti LW :** 56 pelajar	11	5	Dipilih 2**0%** daripada jumlah **56** orang pelajar secara rawak mudah
S.	**Fakulti OM :** 262 pelajar	52	5	Dipilih **20%** daripada jumlah **262** orang pelajar secara rawak mudah
T.	**Fakulti MC :** 65 pelajar	13	5	Dipilih 2**0%** daripada jumlah **65** orang pelajar secara rawak mudah
	POPULASI = 1 658	**330**	100	

Berdasarkan **Jadual 3.4** di atas, pengkaji telah mengumpul data kuantitatif ke atas 330 sampel kajian daripada 20 sub-populasi (fakulti) masing-masing berdasarkan kadar penentuan saiz sampel yang telah ditetapkan sebelum ini (iaitu 20% ke atas setiap sub-

populasi). Namun demikian, secara praktikalnya pengkaji telah memungut data lebih daripada jumlah 330 orang responden, dengan meletakkan responden selebihnya, iaitu seramai 100 responden (5 orang per sub-populasi), sebagai responden simpanan. Hal ini dilakukan kerana daripada pengalaman lepas, didapati ada kes-kes di mana responden tidak melengkapkan soal selidik; hanya menjawab sebahagian kertas ujian; ataupun responden tertentu sudah bertukar ke kampus cawangan lain. Sesungguhnya, memungut lebih banyak data adalah lebih baik daripada menanggung risiko data tidak mencukupi.

Sehubungan ini, ingin dijelaskan di sini bahawa pemilihan elemen sampel (responden) tertentu dalam setiap sub-populasi tersebut adalah dilakukan secara rawak melalui prosedur persampelan rawak mudah berpandukan sebuah Jadual Angka Rawak (sila rujuk Babbie, 2011:504). Jadual Angka Rawak ini adalah sebuah jadual yang mengandungi angka-angka yang tidak disusun secara teratur, dan ia terdiri daripada beribu angka (Chua, 2011:215). Contoh jadual berikut dipaparkan sebahagian daripada Jadual Angka Rawak tersebut :

Contoh : Sebahagian Jadual Angka Rawak

	Lajur 1	**Lajur 2**	**Lajur 3**	**Lajur 4**	**Lajur 5**	**Lajur 6**	**Lajur 7**
Baris 1	10480	15011	01536	02011	81647	91646	69179
Baris 2	22368	46573	25595	85393	30995	89198	27982
Baris 3	24130	48360	22527	97265	76393	64809	15179
Baris 4	42167	93093	06243	61680	07856	16376	39440
Baris 5	37570	39975	81837	16656	06121	91782	60468

(Diubahsuai daripada *Babbie, 2011:504*)

Daripada contoh jadual di atas, angka dalam Jadual Angka Rawak boleh dibaca berdasarkan Lajur-n dan Baris-n. Umpamanya, angka Lajur 1, Baris 3 ialah "24130" . Memandangkan angka-angka dalam jadual mempunyai 5 digit, pengkaji boleh memutuskan untuk menggunakan 2 digit di bahagian awal (angka **24**130), atau di bahagian akhir (angka 241**30**), jika senarai nama responden hanya mempunyai 1 hingga

University of Malaya

99 orang pelajar. Sekiranya senarai nama responden tersebut mempunyai 100 pelajar ke atas, pengkaji boleh menggunakan 3 digit sama ada di bahagian awal (angka **241**30), ataupun bahagian akhir (angka 24**130**). Di samping itu, selepas angka pertama dipilih dengan lontaran anak batu kecil ke atas jadual, pengkaji juga perlu menetapkan arah pergerakan untuk memilih angka-angka selanjutnya, iaitu sama ada ke atas, bawah, kiri, penjuru, atau arah lain yang teratur (Chua, 2011:216). Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan asas prosedur untuk memilih sampel kajian adalah berdasarkan pemilihan 2 digit di bahagian akhir (ataupun 3 digit di bahagian akhir untuk sub-populasi yang senarai nama respondennya melebihi 100 orang pelajar); pergerakan secara menegak ke bawah, dari baris ke baris mengikut urutan. Sampel kajian yang terpilih dalam sub-populasi tertentu akan dibulatkan nombor bilangannya dalam senarai nama responden oleh pengkaji. Senarai nama responden untuk kajian ini telah dibentuk berdasarkan senarai nama kelas-kelas Mandarin (Tahap II), semester 1, sesi 2011/2012, yang didapati daripada simpanan fail Unit Mandarin, kampus induk IPT terpilih.

Sebagai contohnya, dalam kajian ini, didapati sub-populasi AD mempunyai jumlah 62 orang pelajar (daripada 3 kelas) dan jumlah 12 sampel (dan 5 sampel simpanan) perlu dipilih daripadanya. Ini bererti pengkaji akan memilih secara rawak 12 orang pelajar daripada nombor 1 hingga 62 dalam senarai responden sub-populasi tersebut sebagai responden kajian. Prosedur pemilihan sampel ini bermula dengan lontaran anak batu kecil dan terkena pada angka "150**11**" (Lajur 2, Baris 1) dalam Jadual Angka Rawak (seperti contoh dalam **Jadual 3.5** di atas). Ini bermakna responden pertama dipilih ialah pelajar bernombor bilangan ke-11 dalam senarai jadual responden. Kemudian dengan berpandukan asas prosedur pemilihan sampel secara rawak yang telah ditetapkan untuk kajian ini (iaitu "pemilihan 2 digit di bahagian akhir; pergerakan secara menegak ke bawah, dari baris ke baris mengikut urutan"), angka kedua dan seterusnya dipilih ialah

University of Malaya

465**73** (Lajur 2, Baris 2), 483**60** (Lajur 2, Baris 3), 930**93** (Lajur 2, Baris 4), 399**75** (Lajur 2, Baris 5), dan sebagainya. Dalam kes ini, angka 465**73**, 930**93**, 399**75** terpaksa diabaikan kerana angka-angka ini lebih besar daripada 62 (iaitu jumlah bilangan pelajar dalam populasi), dan hanya angka 483**60** dipilih. Hal ini bererti responden kedua dipilih ialah pelajar bernombor ke-60 dalam senarai jadual responden. Perbuatan prosedur persampelan rawak mudah ini akan dilakukan sehingga jumlah 12 sampel (dan 5 sampel simpanan) dipilih daripada sub-populasi ini. Perbuatan prosedur persampelan sedemikian akan diulangi untuk pemilihan sampel dalam semua sub-populasi yang lain, sehingga jumlah sampel yang diperlukan (N=330 dan 100 sampel simpanan) telah dipilih untuk tujuan pengumpulan data kuantitatif dalam kajian ini.

3.5.1.4 Latar Belakang Responden Kajian

Hasil kajian menunjukkan bahawa responden kajian yang menyumbangkan data kuantitatif untuk menjawab soalan kajian (1) hingga (4) adalah terdiri daripada jumlah 330 orang pelajar Melayu IPT yang mengikuti Kursus Mandarin (Tahap II) sebagai B3 di IPT terpilih. Latar belakang responden kajian ini adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 3.5** di muka surat berikut.

University of Malaya

Jadual 3.5 : Latar Belakang Responden Kajian

N = 330

Latar Belakang Responden		Frekuensi	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	101	30.6
	Perempuan	229	69.4
	Jumlah	**330**	**100.0**
Umur	di bawah 20 tahun	2	0.6
	20 – 22 tahun	243	73.6
	23 – 25 tahun	82	24.9
	25 tahun ke atas	3	0.9
	Jumlah	**330**	**100.0**
Pencapaian PPKM	Skor 0 – 10	16	4.8
	Skor 11 – 20	34	10.3
	Skor 21 – 30	35	10.6
	Skor 31 – 40	31	9.4
	Skor 41 – 50	45	13.6
	Skor 51 – 60	30	9.1
	Skor 61 – 70	22	6.7
	Skor 71 – 80	26	7.9
	Skor 81 – 90	73	22.1
	Skor 91 – 100	18	5.5
	Jumlah	**330**	**100.0**
Kumpulan Pelajar Berdasarkan Pencapaian PPKM	Pelajar Melayu Berkemahiran Tinggi (PMKT)	89	27.0
	Pelajar Melayu Berkemahiran Sederhana (PMKS)	152	46.0
	Pelajar Melayu Berkemahiran Rendah (PMKR)	89	27.0
	Jumlah	**330**	**100.0**

Daripada **Jadual 3.5** di atas, didapati 101 orang (30.6%) responden adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan selebihnya 229 orang (69.4%) merupakan pelajar perempuan. Dari segi umur, majoriti responden, iaitu 243 orang (73.6%), adalah berumur antara 20 hingga 22 tahun, 82 orang (24.9%) dalam lingkungan umur 23 hingga 25 tahun, hanya 2 orang (0.6%) dan 3 orang (0.9%) masing-masing berada dalam lingkungan umur di bawah 20 tahun dan 25 tahun ke atas. Pencapaian PPKM (Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin) pula menunjukkan seramai 116 orang (35.1%) responden mendapat skor 0 – 40 markah, 123 orang (37.3%) mendapat skor antara 41 hingga 80 markah, dan 91 orang (27.6%) mendapat skor 80 markah ke atas.

University of Malaya

Dengan berpandukan cadangan Hudges (1991:161), 27% responden (89 orang) yang mendapat skor tertinggi dalam PPKM dikategorikan ke dalam kumpulan pelajar Melayu berkemahiran tinggi (PMKT); manakala 27% responden (89 orang) lagi yang mendapat skor terendah dalam PPKM dikategorikan sebagai kumpulan pelajar Melayu berkemahiran rendah (PMKR); selebihnya 46% responden (152 orang) pula dikategorikan sebagai PMKS (pelajar Melayu berkemahiran sederhana). Walau bagaimanapun, demi menjawab soalan kajian (3) dan (4) dalam kajian ini, hanya penggunaan SPPK oleh kumpulan PMKT (n_1= 89) dan PMKR (n_2 = 89) diambil kira. Begitu juga, jumlah 30 orang informan yang menyertai temu bual semi-struktur kajian ini adalah dipilih daripada kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR masing-masing.

Sementara di satu pihak yang lain pula, memandangkan kajian ini adalah ditunjangi oleh kaedah campuran penerangan, prosedur persampelan untuk pengumpulan data kualitatif juga dilaksanakan dalam kajian ini. Sebagaimana yang pernah dinyatakan di sub-bahagian **3.5** di atas, pengkaji telah mengaplikasikan prosedur persampelan bukan kebarangkalian (*nonprobability sampling*) untuk memilih informan temu bual – sampel kajian bagi tujuan pengumpulan data kualitatif tentang faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kajian ini. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci di sub-bahagian **3.5.2** seperti berikut.

3.5.2 Prosedur Persampelan Bukan Kebarangkalian Untuk Pengumpulan Data Kualitatif

Berbeza dengan prosedur persampelan kebarangkalian untuk pengumpulan data kuantitatif yang dibincangkan di atas, dalam kajian ini prosedur persampelan bukan kebarangkalian telah digunakan untuk memilih informan temu bual bagi tujuan mengumpul data kualitatif. Prosedur persampelan bukan kebarangkalian yang

University of Malaya

dimaksudkan sini adalah merujuk kepada prosedur-prosedur persampelan yang mana setiap subjek dalam populasi tidak mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel kajian (Chua, 2011:225). Dalam erti kata yang lain, melalui prosedur persampelan ini, konsep "kerawakan" (*randomisation*) tidak akan diambil kira dalam proses pemilihan sampel kajian. Sebaliknya, hanya sampel kajian yang bersifat "kaya-informasi" (*information-rich*) yang dikehendaki sahaja akan dipilih sebagai sampel kajian (Ranjit Kumar, 2011:192). Walaupun terdapat beberapa jenis teknik persampelan bukan kebarangkalian, dalam kajian ini, pengkaji telah mengambil keputusan untuk mengaplikasikan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) untuk memilih informan temu bual setelah mengambil kira faktor kebolehlaksanaannya. Sub-bahagian seterusnya akan membincangkan dengan lebih lanjut lagi tentang teknik persampelan bertujuan dan rasional penggunaannya.

3.5.2.1 Teknik Persampelan Bertujuan Dan Rasional Penggunaannya

Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) ataupun dikenali sebagai persampelan pertimbangan (*judgemental sampling*) merujuk kepada prosedur persampelan yang mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai sampel kajian (Chua, 2011:226). Sementara menurut Ranjit Kumar (2011:207) pula, prinsip asas teknik persampelan ini ialah pemilihan sampel kajian adalah bergantung kepada keputusan (*judgement*) pengkaji bahawa subjek mana dalam populasi yang paling berkeupayaan membekalkan informasi yang kaya berkaitan dengan topik yang ingin dikaji. Hal ini bererti melalui teknik persampelan bertujuan ini, pengkaji hanya memilih sebilangan subjek daripada populasi yang memenuhi kriteria tertentu sebagai sampel kajian. Sebaliknya, subjek-subjek lain dalam populasi yang tidak mempunyai ciri-ciri tertentu dan dianggap kurang berkeupayaan membekalkan informasi yang dikehendaki tidak berpeluang untuk dipilih sebagai sampel kajian.

University of Malaya

Sehubungan ini, didapati teknik persampelan ini adalah sesuai digunakan dalam kajian ini, memandangkan hanya subjek-subjek (sampel) kajian dalam populasi yang memenuhi ciri-ciri tertentu – berkemahiran tinggi (PMKT) dan berkemahiran rendah (PMKR) berpandukan pencapaian (skor) mereka dalam Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin (PPKM) sahaja, akan dipilih sebagai informan untuk ditemu bual. Namun demikian, bukan semua pelajar daripada kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam kajian ini akan ditemu bual disebabkan beberapa kekangan tertentu. Hal ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di sub-topik **3.5.2.2** nanti.

Menurut Chua (2011:225-227), apabila satu sampel dipilih melalui prosedur persampelan bertujuan ini, ralat persampelannya tidak dapat dianggarkan kerana setiap subjek tidak dipilih secara rawak. Begitu juga, dapatan kajian yang berlandaskan prosedur persampelan sedemikian tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi kajian. Namun demikian, hasil kajiannya berkeupayaan memerihalkan sesuatu fenomena secara mendalam dan terperinci. Hal ini adalah selaras dengan tujuan kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini dan ia sebenarnya dapat memenuhi objektif (5) dalam kajian ini, iaitu menerokai faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara terperinci sehingga dapat menjanakan sub-tema dan tema induk untuk memerihalkan faktor-faktor pengaruhan SPPK Mandarin.

Setelah teknik persampelan ditetapkan, perkara seterusnya ialah menentukan berapa ramaikah sampel (saiz informan) yang perlu diambil daripada kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR masing-masing untuk ditemu bual. Hal ini akan diterangkan dengan lebih lanjut di sub-bahagian berikut.

University of Malaya

3.5.2.2 Penentuan Saiz Informan dan Pemilihan Informan Temu Bual

Daripada tinjauan kosa ilmu, didapati literatur yang menyentuh tentang isu penentuan saiz sampel dalam kajian kualitaitf masih amat terbatas (Creswell dan Clark, 2007:119-120). Namun demikian, Creswell dan Clark (2007:119) menyarankan bahawa saiz sampel untuk kajian kualitatif sudah semestinya tidak seramai saiz sampelnya dalam kajian kuantitatif. Malahan ditekankan bahawa sekiranya saiz sampel untuk kajian kualitatif ditingkatkan, ketelitian dan keperincian data kualitatif yang dikumpul berkemungkinan besar akan terjejas. Justeru dalam hal ini, Chua (2006:182) mengemukakan bahawa sehingga hari ini, masih belum dijumpai satu piawaian untuk menentukan saiz sampel dalam kajian kualitatif, namun dicadangkan bilangan sampel bagi kajian kualitatif biasanya kecil sehingga saiz sampel sekecil 5 subjek pun boleh diterima. Sementara itu, Ranjit Kumar (2011:212-213) berpendapat bahawa saiz sampel dalam kajian kualitatif adalah berkait rapat dengan titik/tahap tepu data (*data saturation point*) yang dikumpul. Hal ini bererti data kualitatif dicadangkan terus dikumpul sehingga satu tahap tepu, iaitu informan tidak lagi memberi informasi baru, ataupun menyumbangkan hanya sedikit (*negligible*) maklumat baru sahaja. Dalam erti kata lain, tahap tepu data kualitatif yang dikumpul akan menentukan berapa banyakkah saiz sampel yang perlu diambil dalam sesuatu kajian kualitatif.

Justeru dengan mempertimbangkan semua saranan seperti di atas, dalam kajian ini, pengkaji telah mengambil keputusan untuk memilih 15 orang PMKT dan 15 orang PMKR sebagai informan temu bual, setelah mengambil kira faktor kebolehlaksanaannya atas sebab kekangan masa – data kualitatif (jawapan temu bual) ini perlu dipungut secara individu dan mendalam. Tambahan pula, didapati saiz informan sedemikian (PMKT = 15; PMKR = 15) adalah lebih kurang 10% daripada jumlah responden untuk kajian kuantitatif (N=330) dalam kajian ini. Pada masa yang

University of Malaya

sama, dijangka tahap tepu data mungkin juga tercapai berdasarkan saiz informan yang ditentukan ini. Selain itu, bilangan informan daripada kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR juga sengaja disamakan demi mengelakkan jurang saiz yang mungkin wujud antara kedua-dua kumpulan pelajar ini semasa membuat perbandingan.

Berikutan ini, pemilihan informan temu bual untuk kajian ini adalah berdasarkan kriteria "bermula dari skor tertinggi dan terendah dalam ujian PPKM dan atas persetujuan pelajar". Di samping itu, sekiranya terdapat dua orang responden mendapat skor yang sama dalam ujian PPKM dan dikehendaki memilih satu daripadanya, kriteria "gred Mandarin semester lepas" akan dipertimbangkan. Hal ini bererti kesemua informan adalah pertama sekali dipilih berdasarkan pencapaian mereka dalam ujian PPKM, dan seterusnya dinilai berpandukan gred Kursus Mandarin Tahap I mereka pada semester lepas. Pada masa yang sama, mereka yang dipilih dan berjaya dihubungi oleh pengkaji perlu menandatangai satu Borang Kebenaran Informan (sila lihat **Lampiran 3.2**) sebagai tanda persetujuan responden tersebut untuk menyertai sesi temu bual yang bakal diadakan. Hal ini penting demi merealisasikan aspek "penyertaan sukarela" dari segi etika penyelidikan dalam kajian ini. Kesemua informan temu bual yang telah dipilih untuk kajian ini adalah seperti dipaparkan dalam **Jadual 3.6** seperti di muka surat berikut.

University of Malaya

Jadual 3.6 : Senarai Informan Terpilih Untuk Temu Bual Semi-Struktur

Kod Informan	Latar Fakulti Pengajian Informan	Jantina	Umur	Skor Ujian PPKM
KUMPULAN PMKT				
PMKT 01	Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu (HS)	P	21	100 markah
PMKT 02	Akademi Pengajian Bahasa (LG)	L	20	99 markah
PMKT 03	Fakulti Seni Bina Perancangan dan Ukur (AP)	L	19	99 markah
PMKT 04	Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu (HS)	P	22	97 markah
PMKT 05	Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu (HS)	P	23	96 markah
PMKT 06	Fakulti Kejuruteraan Awam (EC)	P	22	96 markah
PMKT 07	Fakulti Pengurusan Maklumat (IM)	P	22	95 markah
PMKT 08	Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu (HS)	P	22	95 markah
PMKT 09	Fakulti Perakaunan (AC)	P	23	95 markah
PMKT 10	Fakulti Sains Gunaan (AS /AT)	P	21	94 markah
PMKT 11	Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif (CS)	P	21	94 markah
PMKT 12	Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu (HS)	P	20	92 markah
PMKT 13	Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu (HS)	P	20	92 markah
PMKT 14	Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif (CS)	P	22	92 markah
PMKT 15	Fakulti Seni Bina Perancangan dan Ukur (AP)	P	23	92 markah
KUMPULAN PMKR				
PMKR 16	Fakulti Komunikasi dan Pengajian Maklumat (MC)	P	26	0 markah
PMKR 17	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (AD)	L	22	0 markah
PMKR 18	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (AD)	L	22	0 markah
PMKR 19	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (AD)	L	24	4 markah
PMKR 20	Fakulti Kejuruteraan Elektrikal (EE)	L	22	5 markah
PMKR 21	Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik (TEKA)	L	22	5 markah
PMKR 22	Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik (TEKA)	P	22	6 markah
PMKR 23	Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik (TEKA)	L	22	6 markah
PMKR 24	Fakulti Komunikasi dan Pengajian Maklumat (MC)	P	23	8 markah
PMKR 25	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (AD)	P	22	8 markah
PMKR 26	Fakulti Pentadbiran dan Teknologi Pejabat (OM)	P	23	9 markah
PMKR 27	Fakulti Pengurusan Perniagaan (BM)	L	20	9 markah
PMKR 28	Fakulti Seni Bina Perancangan dan Ukur (AP)	L	22	9 markah
PMKR 29	Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik (TEKA)	L	22	10 markah
PMKR 30	Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik (TEKA)	P	21	10 markah

Jadual 3.6 di atas memaparkan jumlah 30 informan temu bual telah dipilih daripada kumpulan PMKT (n_1 = 89) dan PMKR (n_2 = 89), iaitu masing-masing 15 orang informan dipilih dan diberi kod informan (misalnya PMKT 01 – PMKT 15 untuk informan daripada kumpulan PMKT; dan PMKR 16 – PMKR 30 bagi informan daripada kumpulan PMKR). Pengkaji sengaja tidak mengemukakan nama sebenar

informan terbabit demi menjamin ketanpanamaan (*anonymity*) dari segi etika penyelidikan (Chua, 2011:35). Daripada 15 informan PMKT yang dipilih dan bersetuju untuk ditemu bual, didapati 13 daripadanya merupakan pelajar perempuan dan hanya 2 orang ialah pelajar lelaki. Manakala 9 orang informan daripada kumpulan PMKR pula adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan selebihnya 6 orang ialah pelajar perempuan. Keadaan ini menunjukkan majoriti informan PMKT adalah pelajar perempuan dan rata-rata informan PMKR adalah pelajar lelaki. Walau bagaimanapun, hal ini tidak memberi sebarang kesan kepada hasil kajian memandangkan kajian ini tidak mengambil kira faktor jantina.

Di samping itu, didapati informan PMKT terpilih adalah berumur antara 19 hingga 23 tahun; sementara informan PMKR adalah dalam lingkungan umur 20 hingga 26 tahun. Selain itu, pencapaian (skor) PPKM bagi informan PMKT yang terpilih adalah antara 100 markah hingga 92 markah; manakala informan PMKR yang terbabit adalah mereka yang hanya mendapat skor PPKM antara 0 hingga 10 markah. Dalam hal mendapatkan informan kajian ini, pengkaji telah menghadapi sedikit masalah memandangkan pada permulaannya rata-rata informan berkemahiran rendah yang dihubungi enggan menyertai sesi temu bual. Namun demikian, masalah ini dapat diatasi setelah pengkaji meyakinkan mereka bahawa segala jawapan yang diberi adalah rahsia, dan tidak akan mempengaruhi gred / keputusan peperiksaan mereka.

Setelah prosedur persampelan untuk penentuan saiz dan pemilihan responden dan informan masing-masing untuk pengumpulan data kuantitatif dan data kualitatif dilakukan, sub-bahagian seterusnya akan menerangkan bagaimana tiga jenis instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini – soal selidik, kertas ujian Penilaian

University of Malaya

Perbendaharaan Kata Mandarin (PPKM) dan temu bual semi-struktur dibentuk serta pewajaran pembentukannya.

3.6 Instrumentasi

Kajian yang bertunjangkan reka bentuk kaedah campuran penerangan ini telah membabitkan tiga jenis instrumen kajian, iaitu (i) soal selidik untuk mengumpul data kuantitatif; (ii) kertas ujian PPKM bagi memperoleh skor (pencapaian) demi mengkategorikan kumpulan pelajar Melayu berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) dan kumpulan pelajar Melayu berkemahiran rendah (kumpulan PMKR) dalam kalangan pelajar Melayu IPT; dan (iii) temu bual semi-struktur untuk mencungkil data kualitatif yang lebih terperinci dan mendalam tentang faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR.

Secara rasionalnya, penggunaan soal selidik dalam kajian ini adalah bertitik-tolakkan rasional bahawa ia berkeupayaan membabitkan saiz sampel yang lebih besar, dan seterusnya dapatan kajian yang diproses melalui statistik deskriptif dan statistik inferensi membenarkan suatu generalisasi dibuat ke atas populasi kajian. Hal ini penting kerana ia dapat membekalkan suatu maklumat yang lebih meyakinkan tentang SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT ketika membincangkan implikasi kajian nanti.

Sementara itu, kertas ujian PPKM pula digunakan demi memastikan proses penentuan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT tersebut adalah dilakukan secara saksama dengan berpandukan satu kertas ujian yang sama.

University of Malaya

Akhir sekali, temu bual semi-struktur turut digunakan dalam kajian ini agar data kualitatif yang empirik dapat dicungkil daripada informan bagi memerihalkan faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara terperinci. Secara keseluruhannya, tiga jenis instrumen kajian ini telah dibentuk berdasarkan prosedur-prosedur atas rasional tertentu. Kesemua ini akan dijelaskan satu persatu seperti berikut.

3.6.1 Soal Selidik

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah dibahagikan kepada dua bahagian utama :

(i) **Bahagian (A) :** Untuk mengumpul data jenis norminal tentang latar belakang responden. Sebanyak 8 item perlu diisi oleh responden dalam bahagian ini. Kelapan-lapan item tersebut merangkumi : nama, umur, jantina, fakulti, kelas Mandarin, gred Mandarin semester lepas, suku kaum, dan nombor telefon bimbit (sila lihat soal selidik kajian di **Lampiran 3.3**). Walaupun kajian ini merealisasikan etika penyelidikan dari aspek ketanpanamaan (*anonymity*) dan rahsia peribadi (Chua 2011:34-35), namun maklumat peribadi responden seperti nama, nombor telefon bimbit, dan gred Mandarin semester lepas tetap perlu diisi oleh responden dalam kajian ini, demi memudahkan pengkaji menghubungi responden yang dipilih untuk ditemu bual. Walau bagaimanapun, para responden juga diberi alternatif agar tidak memberi jawapan kepada item-item tersebut, sekiranya mereka tidak berminat untuk menyertai sesi temu bual.

(ii) **Bahagian (B)** : Untuk mengumpul data jenis ordinal tentang penggunaan SPPK Mandarin. Ia terdiri daripada 4 kategori SPPK Mandarin dengan

University of Malaya

jumlah 32 item, iaitu 12 item untuk SPPK Mandarin Kategori A: Strategi-strategi mempelajari / mengingati perbendaharaan kata baru Mandarin; 7 item untuk SPPK Mandarin Kategori B: Strategi-strategi mengulang kaji perbendaharaan kata baru Mandarin; 8 item untuk SPPK Mandarin Kategori C: Strategi-strategi mengingat kembali perbendaharaan kata baru Mandarin; dan 5 item untuk SPPK Mandarin Kategori D: Strategi-strategi mengaplikasi/ menggunakan perbendaharaan kata baru Mandarin. Kesemua item dalam bahagian ini adalah wajib dijawab oleh responden kajian.

Sesungguhnya, item-item **Bahagain (B)** dalam soal selidik kajian ini adalah dibentuk dengan berteraskan soal selidik *Language Strategy Use Inventory-Vocabulary Strategy Use* yang dikemukakan oleh Cohen *et. al* (2001/2005) sebagai sumber asal utamanya. Di samping itu, soal selidik *Strategy Inventory For Language Learning* – SILL (Versi 7.0) (Oxford, 1990) dan *Taxonomy of Vocabulary Learning Strategies* (Schmitt, 1997, 2009) turut dijadikan sebagai sumber sekunder dengan mengimpot beberapa item SPPK yang dianggap penting dan releven daripadanya (akan dibincangkan dengan lebih lanjut di sub-bahagian **3.6.1.3** nanti).

Perbincangan selanjutnya akan ditumpukan kepada beberapa perkara lain yang berkaitan dengan pembentukan soal selidik SPPK Mandarin untuk kajian ini. Antaranya adalah seperti: (i) rasional mengapa soal selidik *Language Strategy Use Inventory-Vocabulary Strategy Use* dipilih sebagai sumber asal utama untuk menunjangi pembentukan soal selidik SPPK Mandarin kajian ini; (ii) prosedur pembentukan item-item soal selidik SPPK Mandarin untuk kajian ini; serta (iii) perkara-perkara yang diubahsuai dalam soal selidik sumber asal dan rasional pengubahsuaiannya bagi membina soal selidik SPPK Mandarin kajian ini. Kesemua hal ini akan dibincangkan di sub-bahagian **3.6.1.1, 3.6.1.2**, dan **3.6.1.3** masing-masing seperti berikut.

University of Malaya

3.6.1.1 Rasional Penggunaan *Language Strategy Use Inventory-Vocabulary Strategy Use* Sebagai Sumber Asal Soal Selidik SPPK Mandarin Kajian Ini

Dengan bertitik-tolakkan hujah Creswell (2008) yang berpendapat bahawa menggunakan satu instrumen kajian (di sini merujuk kepada soal selidik) yang sedia ada adalah kurang kompleks ataupun rumit berbanding dengan membentuk satu instrumen baru, maka dalam kajian ini pengkaji telah mengambil keputusan untuk menjadikan soal selidik *Language Strategy Use Inventory-Vocabulary Strategy Use* (Cohen *et. al* 2001/ 2005) sebagai sumber asal soal selidik kajian ini. Sesungguhnya, terdapat beberapa rasional mengapa soal selidik ini dianggap sesuai untuk menunjangi soal selidik SPPK Mandarin kajian ini. Sila lihat rasionalnya seperti berikut :

Pertama, didapati item-item SPPK yang dikemukakan oleh Cohen *et. al* (2001/2005) adalah lebih spesifik kepada strategi-strategi yang digunakan untuk menguasai perbendaharaan kata dan bilangan itemnya tidak terlalu banyak (iaitu 18 item disarankan). Hal ini penting kerana menurut Chua (2006:267), lazimnya responden hanya dapat menumpukan perhatian selama 10 hingga 20 minit sahaja untuk menjawab soal selidik yang diberi. Hal ini bererti bilangan item dalam soal selidik yang dibentuk perlu dikawal supaya ia tidak terlalu banyak sehingga membebankan responden ketika menjawab soal selidik. Tindakan ini penting agar ketepatan jawapan yang diberi oleh responden dalam soal selidik tersebut dapat dijamin.

Kedua, pada asalnya soal selidik Cohen *et. al* (2001/2005) ini adalah dibina untuk diaplikasikan kepada pembelajaran perbendaharaan kata dalam sebarang bahasa sasaran (B2/B3) baru. Hal ini dianggap penting kerana pengkaji tidak perlu banyak mengubahsuai item-item dalam sumber asal, berbanding dengan sekiranya soal selidik ini adalah dibentuk khas untuk melihat SPPK bahasa tertentu, misalnya *Taxonomy of*

University of Malaya

Vocabulary Learning Strategies oleh Schmitt (1997, 2009), ataupun *Vocabulary Learning Questionnaire* oleh Gu (2005) yang dibentuk khas untuk mengkaji pembelajaran perbendaharaan kata Inggeris. Tambahan pula, Cohen *et. al* (2001/2005) turut memberi kebenaran kepada penggunaan inventori ini untuk sebarang tujuan akademik dengan menyatakan di bawah inventori tersebut bahawa "….*Permission is granted to duplicate these materials for educational purposes*." Hal ini bererti pengkaji tidak perlu menulis kepada Cohen *et. al* (2001/2005) untuk memohon kebenaran daripada beliau bagi mengizinkan penggunaan inventorinya dalam kajian ini.

Akhir sekali, didapati pengklasifikasian 4-Kategori SPPK dalam soal selidik Cohen *et. al* (2001/2005) adalah selaras dan boleh dihubungkaitkan dengan tiga peringkat pemprosesan maklumat dalam proses pembelajaran bahasa sebagaimana yang diterangkan dalam model pemprosesan maklumat – *Active Control of Thought* (ACT) Anderson (1983,1985), yang mana model ACT Anderson telah digunakan sebagai kerangka teoretikal menunjangi kajian ini. Hal ini penting kerana penerapan Model ACT Anderson (1983,1985) sebagai kerangka teoretikal untuk menjalankan kajian ini adalah penting demi menampung jurang kosa ilmu yang didapati dalam bidang kajian SPPK. Hal ini dilakukan demikian kerana menurut Nyikos & Fan (2007:254), teori pengklasifikasian SPPK masih belum mencapai satu konsensus yang memuaskan, sebagaimana yang telah dibincangkan secara mendalam di **Bab 2** sebelum ini.

Keselarasan pengklasifikasian 4-Kategori SPPK dalam soal selidik sumber asal tersebut berbanding dengan tiga peringkat pemprosesan maklumat dalam Model *ACT* Anderson (1983,1985) adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 3.7** di muka surat berikut.

University of Malaya

Jadual 3.7: Keselarasan Pengklasifikasian 4-Kategori SPPK Dengan Tiga Peringkat Pemprosesan Maklumat Dalam Model ACT Anderson (1983,1985)

Empat Kategori SPPK Soal Selidik Cohen *et. al* (2001/2005)	**Tiga Peringkat Pemprosesan Maklumat Model ACT Anderson (1983,1985)**
Strategi SPPK Kategori A : Strategi-strategi mempelajari / mengingati	Peringkat kognitif
Strategi SPPK Kategori B : Strategi-strategi mengulang kaji	Peringkat asosiatif
Strategi SPPK Kategori C : Strategi-strategi mengingat kembali	
Strategi SPPK Kategori D : Strategi-strategi mengaplikasi / menggunakan	Peringkat autonomi

Daripada **Jadual 3.7** di atas, didapati item-item yang disarankan dalam SPPK Kategori A (strategi-strategi mempelajari/mengingati) adalah selaras dengan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh seseorang pelajar di peringkat kognitif mengikut Model ACT Anderson (1983,1985). Pada peringkat ini, para pelajar akan berusaha secara kendiri untuk memperoleh pengetahuan deklaratif (iaitu bagaimana mempelajari atau mengingati sesuatu maklumat baru) dengan melibatkan memori jangka pendek. Sementara item-item SPPK Kategori B (strategi-strategi mengulang kaji) dan Kategori C (strategi-strategi mengingat kembali) pula adalah lebih berkaitan dengan prosedur-prosedur yang berlaku di peringkat asosiatif, iaitu para pelajar cuba mentransformasikan pengetahuan deklaratif yang dipelajari pada peringkat kognitif tadi kepada pengetahuan prosedural (iaitu cara-cara melakukannya secara amali). Hal ini penting agar pengetahuan yang diperoleh oleh para pelajar akan memasuki satu tahap "pra-matang" dengan melibatkan memori jangka panjang deklaratif. Selanjutnya, item-item SPPK Kategori D (strategi-strategi mengaplikasi) adalah selaras dengan aktiviti pengautomatikan maklumat yang berlaku di peringkat autonomi, iaitu para pelajar mengaplikasi atau menggunakan

University of Malaya

pengetahuan yang diperolehi, supaya dijadikan sebagai pengetahuan prosedural dan disimpan dalam memori jangka panjang prosedural untuk diaplikasi secara automatik ketika memerlukannya.

Walau bagaimanapun, sebelum berganjak lebih jauh lagi untuk meneliti item-item SPPK yang diubahsuai daripada sumber asal, adalah wajar diterangkan prosedur pembentukan soal selidik SPPK Mandarin untuk kajian ini terlebih dahulu dalam sub-bahagian **3.6.1.2** seperti berikut.

3.6.1.2 Prosedur Pembentukan Item-Item Soal Selidik SPPK Mandarin

Bahagian ini akan memaparkan prosedur pembentukan item-item dalam soal selidik SPPK Mandarin untuk kajian ini, agar ia boleh diuji kesahan dan kebolehpercayaannya melalui kajian rintis sebelum kajian sebenar dijalankan. Prosedur tersebut adalah seperti berikut :

Langkah 1: Pengkaji menetapkan *Language Strategy Use Inventory-Vocabulary Strategy Use* oleh Cohen *et. al* (2001,2005) sebagai sumber asal, di samping *Strategy Inventory For Language Learning* – SILL (Versi 7.0) (Oxford, 1990) dan *Taxonomy of Vocabulary Learning Strategies* (Schmitt, 1997/2009) sebagai sumber sekunder, untuk pembentukan soal selidik SPPK Mandarin kajian ini.

Langkah 2: Item-item dalam soal selidik sumber asal diubahsuai oleh pengkaji demi membentuk soal selidik SPPK Mandarin, agar ia bersesuaian dengan tujuan dan objektif kajian ini.

Langkah 3: Kesahan kandungan item-item soal selidik SPPK Mandarin yang telah diubahsuai adalah dinilai oleh panel pakar daripada Unit Mandarin, IPT terpilih (sila lihat **Lampiran 3.4**). Panel pakar menilai sama ada item-item SPPK Mandarin yang diubahsuai tersebut rasional ataupun tidak. Dalam pada itu, panel pakar juga memastikan item-item tersebut adalah

University of Malaya

selaras dengan silabus Kursus Mandarin di IPT terpilih. Saranan penting daripada penilaian panel pakar ini akan dikemukakan di sub-bahagian **3.6.1.3** nanti. Namun demikian, penerangan secara terperinci tentang item-item SPPK mana yang diserap, diimport, dan diubahsuai daripada sumber asal serta rasionalnya berbuat demikian adalah ditunjukkan dalam **Lampiran 3.5**.

Langkah 4: Kesahan kandungan dinilai buat kali kedua oleh panel pakar dari luar Unit Mandarin, IPT terpilih (sila lihat **Lampiran 3.5**), demi memantapkan dan mengesahkan lagi item-item soal selidik SPPK Mandarin sama ada memadai ataupun tidak. Cadangan dan saranan panel pakar kali kedua ini juga akan dijelaskan di sub-bahagian **3.6.1.3** nanti.

Langkah 5: Memperbaiki kandungan soal selidik SPPK Mandarin untuk kajian ini berdasarkan cadangan dan saranan oleh dua kumpulan panel pakar hasil daripada penilaian kesahan kandungan tadi.

Langkah 6: Menterjemahkan item-item SPPK Mandarin yang ditulis dalam bahasa Inggeris dalam soal selidik asal ke dalam bahasa Melayu oleh pengkaji, kerana soal selidik kajian ini nanti akan ditanya dalam bahasa Melayu (iaitu bahasa ibunda responden), agar para reponden tidak menghadapi masalah ketidakfahaman bahasa ketika menjawab soal selidik.

Langkah 7: Melakukan "*Back Translation*", iaitu dua orang penterjemah yang pakar dalam bahasa Malayu dan bahasa Inggeris akan menterjemahkan item-item SPPK Mandarin dalam bahasa Melayu (yang telah diterjemahkan oleh pengkaji terlebih dahulu) kembali ke dalam bahasa Inggeris. Hal ini bertujuan untuk menjamin ketepatan makna asal item-item SPPK Mandarin dalam soal selidik.

Langkah 8: Membandingkan hasil terjemahan "*Back Translation*" dengan terjemahan soal selidik SPPK Mandarin oleh pengkaji, agar dapat menambahbaikkan penggunaan bahasa Melayu dalam soal selidik.

University of Malaya

Langkah 9: Menyemak sekali lagi penggunaan bahasa Melayu dalam soal selidik SPPK Mandarin oleh panel pakar yang mahir dalam bidang linguistik Melayu. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan kesalahan penggunaan bahasa Melayu dalam soal selidik.

Setelah melalui sembilan langkah dalam prosedur pembentukan item-item soal selidik SPPK Mandarin seperti di atas, satu soal selidik SPPK Mandarin telah dihasilkan untuk diuji kesahan muka dan kebolehpercayaannya dalam kajian rintis. Walau bagaimanpun, sebelum membincangkan kajian rintis di sub-bahagian **3.7**, adalah wajar disentuh serba sedikit tentang perkara-perkara yang diubahsuai daripada soal selidik asal dan rasional pengubahsuaiannya dalam sub-bahagian **3.6.1.3** seperti berikut.

3.6.1.3 Perkara-Perkara Diubahsuai Dalam Soal Selidik Sumber Asal Dan Rasional Pengubahsuaiannya

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, setelah menetapkan inventori sumber asal utama dan sekunder untuk membantu dalam pembentukan soal selidik SPPK Mandarin kajian ini, beberapa perkara dalam sumber asal tersebut telah diubahsuai berpandukan candangan dan saranan panel pakar yang dilakukan melalui proses penilaian kesahan kandungan soal selidik seperti yang ditunjukkan di atas.

Secara tuntasnya, didapati bahawa sebanyak 14 item SPPK telah diserap dan 6 item SPPK telah diubahsuai daripada sumber asal utama – *Language Strategy Use Inventory-Vocabulary Strategy Use* oleh Cohen *et. al* (2001/2005). Di samping itu, sejumlah 10 item SPPK yang dianggap penting dan releven dengan proses penguasaan perbendaharaan kata Mandarin (bentuk Pinyin) telah diimpot dan seterusnya diubahsuai masing-masing daripada sumber asal sekunder, iaitu *Strategy Inventory For Language Learning* – SILL (Versi 7.0) (5 item) (Oxford 1990) dan *Taxonomy of Vocabulary Learning Strategies* (5 item) (Schmitt 1997/2009). Selain itu, 2 item lagi ditambah hasil

University of Malaya

daripada cadangan panel pakar melalui penilaian kesahan kandungan soal selidik kali kedua. Ini bererti sejumlah 32 item telah dibentuk untuk soal selidik SPPK Mandarin kajian ini (sila lihat **Lampiran 3.3**). Antara perkara penting yang telah diubahsuai dan rasional pengubahsuaiannya berlandaskan item-item SPPK daripada inventori sumber asal adalah seperti berikut :

	Perkara Penting Diubahsuai	**Rasional Pengubahsuaian**
(i)	Skala pilihan jawapan dalam inventori sumber asal utama diubahsuai kepada skala Likert 5-pangkatan : 1- Tidak benar mengenai diri saya 2- Hampir tidak benar mengenai diri saya 3- Kadang kala benar mengenai diri saya 4- Hampir selalu benar mengenai diri saya 5- Sentiasa benar mengenai diri saya	Perkara ini perlu diubahsuai kerana pada dasarnya soal selidik ini hanya bertujuan untuk memberi kesedaran kepada para pelajar apakah jenis-jenis SPPK yang boleh digunakan dalam proses menguasai perbendaharaan kata sesuatu bahasa sasaran baru. Ini bererti skala pilihan jawapan dalam sumber asal utama tidak sesuai untuk pengiraan "min" penggunaan item-item SPPK Mandarin, padahal pengiraan "min" ini penting bagi tujuan membandingkan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin antara PMKT dan PMKR. Justeru itu, pengubahsuaian ini telah membolehkan data ordinal dapat dikumpul, serta boleh dikira tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin dengan menggunakan nilai "min". Hal ini penting demi memudahkan perbincangan hasil analisis kajian ini nanti.
(ii)	Setiap item SPPK daripada sumber asal utama diubahsuai dengan menambahkan ganti nama diri pertama "*I* " (saya) pada permulaan ayat.	Perkara ini dilakukan demi memudahkan pemahaman responden bahawa setiap item SPPK Mandarin yang ditanya dalam soal selidik kajian ini adalah merujuk kepada perkara yang benar-benar berlaku pada diri mereka. **Contoh :** **Item sumber asal utama :** *Pay attention to the structure of the new word.* **Item Diubahsuai :** **I** pay attention to the structure of the new word.
iii.	Perkataan "*word* " (perbendaharaan kata) daripada sumber asal utama akan digantikan dengan "*Mandarin word* "	Perkara ini dilakukan supaya item-item SPPK Mandarin yang ditanya dalam soal selidik adalah merujuk secara khusus

University of Malaya

(perbendaharaan kata Mandarin).	kepada proses menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing. **Contoh :** **Item sumber asal :** *Pay attention to the structure of the new **word**.* **Item Diubahsuai :** Pay attention to the structure of the new **Mandarin word**.

Walau bagaimanapun, demi memahami secara terperinci dan mendapat satu gambaran jelas tentang item-item SPPK Mandarin mana yang diserap dan diubahsuai daripada sumber asal utama / diimport dan diubahsuai daripada sumber sekunder, serta rasional-rasional mengapa ia dibuat demikian, sila merujuk ke **Lampiran 3.5**. Perbincangan dalam bahagian selanjutnya akan menyentuh tentang instrumen kajian kedua – kertas ujian Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin (PPKM), yang digunakan dalam kajian ini.

3.6.2 Kertas Ujian Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin

Selain soal selidik yang dibincangkan di atas, kertas ujian Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin **(**PPKM) turut digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar dalam perbendaharaan kata Mandarin bagi mengkategorikan para pelajar kepada kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Kandungan kertas ujian ini adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 3.8** berikut :

Jadual 3.8 : Jumlah Item-Item Diuji, Bilangan Soalan Dan Skor Setiap Item PPKM

Item Diuji	Bilangan Soalan	Skor Setiap Item
I – Tiwen (Pilih Kata Tanya Untuk Membina Ayat Tanya)	4 soalan	20 markah
II – Tianchong (Pilih Perkataan Untuk Mengisi Tempat Kosong)	5 soalan	20 markah
III – Zaoju (Pilih Perkataan Untuk Membina Ayat)	4 soalan	20 markah
IV – Fanyi (Menterjemah Perkataan Ke Dalam Mandarin)	10 soalan	40 markah
	23 soalan	**100 markah**

University of Malaya

Berdasarkan **Jadual 3.8** di atas, didapati kertas ujian PPKM ini terdiri daripada 4 item yang diuji. Ia mengandungi jumlah 23 soalan untuk dijawab oleh responden, dan jumlah skor penuhnya ialah 100 markah (sila lihat **Lampiran 3.6**). Soalan-soalan dalam kertas ujian PPKM ini adalah dibentuk dengan merujuk kepada bahagian soalan-soalan tertentu yang berkaitan dengan penilaian perbendaharaan kata Mandarin dalam Kertas Ujian (Quiz) Bertulis Mandarin Berterusan, Tahap I – BMD401, April 2011 (Set A & B).

Rasional menggunakan soalan-soalan daripada kertas ujian lepas untuk membentuk soalan-soalan dalam instrumen kajian ini adalah supaya kualiti soalan-soalan dalam instrumen ini lebih terjamin, memandangkan semua soalan dalam Kertas Ujian (Quiz) Bertulis Mandarin Berterusan adalah dinilai dengan ketat oleh satu Jawatankuasa Penilaian Kertas Ujian yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah berpengalaman daripada Unit Mandarin di IPT terpilih, sebelum ia dicetak sebagai kertas ujian bertulis yang sah. Walau bagaimanpun, demi menjamin kesahan kandungan instrumen kertas ujian PPKM ini, ia juga turut disemak oleh panel pakar dari Unit Mandarin IPT terpilih, yang mana ia terdiri daripada seorang Profesor Madya dan dua orang pensyarah kanan (sila rujuk **Lampiran 3.4**). Hal ini penting demi memastikan perbendaharaan kata Mandarin yang diuji tersebut benar-benar wujud dalam Senarai Kosa Kata berdasarkan silabus Tahap I Kursus Mandarin di IPT terpilih.

Selain daripada dua jenis instrumen kajian yang dibincangkan di atas, temu bual semi-struktur (seperti yang akan dibincangkan di sub-topik **3.6.3** berikut) turut digunakan sebagai instrumen kajian ketiga. Ia digunakan untuk memungut data kualitatif yang lebih terperinci tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin yang digunakan oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR.

University of Malaya

3.6.3 Temu Bual Semi-Struktur

Demi menerangkan dapatan kajian kuantitatif yang diperoleh melalui soal selidik, temu bual semi-struktur turut digunakan dalam kajian ini untuk memungut data kualitatif tentang apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Rasional menggunakan temu bual jenis semi-struktur dalam kajian ini adalah disebabkan melalui temu bual jenis ini, pengkaji akan mempunyai panduan untuk bertanya soalan berdasarkan satu skedul temu bual yang telah disediakan sebelum sesi temu bual dijalankan.

Walaupun soalan-soalan temu bual telah disediakan lebih awal, namun temu bual semi-struktur ini adalah berbeza daripada temu bual berstruktur, penemubual tidak semata-mata terikat kepada soalan-soalan dalam skedul temu bual yang disediakan terlebih dahalu. Sebaliknya, penemubual mempunyai kebebasan untuk menyoal dan menerokai dengan lebih mendalam tentang jawapan informan yang diberi bergantung kepada respon informan pada ketika temu bual dijalankan (Chua 2006). Pada masa yang sama, informan juga turut diberi ruang untuk meluahkan perasaan dan mengutarakan pendapat mereka. Maklumat tambahan ini penting kerana ia dapat membantu pengkaji untuk memahami dan menerokai dengan lebih mendalam apakah faktor-faktor sebenar yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam proses mereka menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Di samping itu, melalui temu bual jenis semi-struktur ini, pengkaji juga mempunyai fleksibiliti untuk memanipulasikan penggunaan bahasa ketika sesi temu bual dijalankan berdasarkan respon informan terhadap soalan yang ditanya. Hal ini penting agar pemilihan perkataan yang bersesuaian dengan tahap pemahaman informan digunakan, khasnya ketika menemu bual informan daripada kumpulan PMKR.

University of Malaya

Ingin ditekankan di sini bahawa soalan-soalan dalam skedul temu bual semi-struktur kajian ini adalah disediakan berdasarkan hasil kajian kuantitatif yang diperolehi. Hal ini bererti ketika bertanya soalan kepada informan, pengkaji akan merujuk kepada soal selidik yang telah dijawab oleh informan tersebut. Hal ini dilakukan demikian kerana tujuan temu bual semi-struktur ini dilakukan adalah untuk menerokai apakah faktor-faktor (sebab-musabab) tentang mengapa sesuatu SPPK Mandarin tertentu digunakan. Contohnya: **Jawapan dalam soal selidik ini menunjukkan anda selalu menggunakan strategi menyebut sesuatu perkataan berulang kali, mengapa anda berbuat demikian?** Sehubungan ini, jumlah 10 soalan dasar telah dibentuk dalam skedul temu bual semi-struktur kajian ini, dengan berpandukan keputusan analisis data kuantitatif tentang 5-item SPPK Mandarin yang paling kerap dan paling jarang digunakan oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR (sila lihat **Lampiran 3.7**). Walau bagaimanapun, semua soalan yang dibentuk ini telah dibawa berbincang dan disemak oleh penyelia tentang kesahan kandungannya sebelum ia diuji kesahan mukanya melalui kajian rintis yang bakal dilaksanakan sebagaimana yang akan dibincangkan di sub-bahagian **3.7** seperti berikut.

3.7 Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan mulai 10 Oktober 2011 hingga 24 Oktober 2011, sebelum kajian sebenar dilakukan. Tujuan pelaksanaan kajian rintis ini adalah untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen-instrumen kajian yang dibentuk, dan seterusnya melihat sejauh manakah kebolehlaksanaan soalan-soalan kajian yang telah digalurkan untuk kajian ini. Pengumpulan data dalam kajian rintis ini telah dijalankan mengikut prosedur-prosedur tertentu seperti ditunjukkan dalam **Rajah 3.2** seperti berikut.

University of Malaya



Rajah 3.3: Prosedur Menjalankan Kajian Rintis

Setelah mendapat kebenaran daripada pensyarah kelas yang terpilih, pengkaji telah mentadbir secara sendiri kajian rintis ini. Pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengumpul data kuantitatif terlebih dahulu, kemudian diikuti oleh kaedah kualitatif untuk mengumpul data kualitatif. Ia dimulakan dengan memilih segelintir pelajar Kursus Mandarin Tahap III sebagai responden bagi menjawab soal selidik yang disediakan. Pada masa yang sama, para responden tersebut juga dikehendaki menjawab kertas ujian

University of Malaya

Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin (PPKM) buat kali pertama. Setelah menjawab kedua-dua instrumen kajian ini, para responden juga diminta untuk mengisi satu "borang maklum balas responden" untuk tujuan menilai kesahan instrumen kajian.

Seterusnya, ujian PPKM juga dilakukan buat kali kedua untuk tujuan menguji kebolehpercayaan instrumen kertas ujian melalui Kaedah Ujian Pra-Pasca. Manakala berpandukan jawapan item-item dalam soal selidik yang dikutip tadi, kebolehpercayaan instrumen soal selidik juga turut diuji melalui Kaedah Konsistensi Dalaman – program *Cronbrach Alpha* (Kesemua ini akan dibincangkan secara terperinci di sub-bahagian **3.8** nanti).

Setelah data kuantitatif telah siap dianalisis, data kualitatif baru bermula dikumpul dengan berpandukan hasil kajian kuantitatif dan keputusan ujian PPKM. Dalam hal ini, dua orang pelajar yang mendapat skor tertinggi dan dua orang pelajar yang mendapat skor terendah dalam ujian PPKM telah dipilih sebagai informan untuk mewakili kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR masing-masing.

Walau bagaimanapun, ingin ditekankan di sini bahawa sebelum menemu bual informan, isu etika penyelidikan turut diambil kira dengan bertanya secara lisan sama ada mereka bersetuju ataupun tidak untuk menyertai sesi temu bual. Tujuan menjalankan temu bual peringkat awal ini adalah untuk menambahbaikkan instrumen temu bual semi-struktur dengan mengambil kira persoalan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Kesahan soalan-soalan dalam skedul temu bual semi-struktur dinilai berdasarkan respon informan terhadap soalan-soalan temu bual yang ditanya. Manakala kebolehpercayaan instrumen ini pula dinilai melalui penaksiran (*rating*) nilai Kappa antara pengkaji dengan

University of Malaya

dua orang pakar/ penilai (digelar sebagai pengekod 1, 2, dan 3). Kesemua ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di sub-bahagian **3.9.3**.

Secara keseluruhannya, seramai 186 orang pelajar telah terlibat dalam kajian rintis ini. Mereka merupakan para pelajar daripada Kursus Mandarin Tahap III, Program Ijazah Sarjana Muda Sepenuh Masa, Semester I (September 2011 – Februari 2012), Sesi 2011/2012, di IPT terpilih. Sila rujuk **Jadual 3.9** berikut:

Jadual 3.9: Kelas Mandarin Dan Bilangan Pelajar Terlibat Dalam Kajian Rintis

Bil.	Kod Fakulti	Kod Kelas Mandarin	Jumlah Pelajar
1.	EH	(a) EHB3MA	25
2.	PH	(b) PHB3MA	15
3.	LG	(c) LGB3MA	18
4.	AD	(d) ADB3MA (e) ADB3MB	20 14 34
5.	AC	(f) ACB3MA (g) ACB3MB	20 19 39
6.	OM	(h) OMB3MD (i) OMB3MG	28 27 55
		JUMLAH	**186**

Jadual 3.9 di atas menunjukkan subjek kajian rintis ini adalah daripada 9 kelas Kursus Mandarin Tahap III di 6 buah fakulti berbeza. Keenam-enam fakulti ini merupakan wakil daripada tiga gugusan pengajian yang wujud di IPT terpilih – fakulti EH dan PH daripada Gugusan Sains & Teknologi; fakulti LG dan AD daripada Gugusan Sains Sosial & Kemanusiaan; fakulti AC dan OM daripada Gugusan Pengurusan & Perniagaan. Pemilihan kelas-kelas Mandarin tertentu di setiap fakulti pula adalah secara rawak dan atas persetujuan pensyarah-pensyarah kelas Mandarin berkenaan untuk memberi kerjasama ketika kerja-kerja pengumpulan data dijalankan.

Sementara itu, rasional golongan pelajar "Tahap III" dipilih sebagai subjek kajian rintis ini adalah disebabkan mereka mempunyai ciri-ciri identikal dengan subjek kajian

University of Malaya

sebenar. Pengkaji tidak melibatkan para pelajar "Tahap II" (iaitu populasi kajian sebenar) dalam kajian rintis. Hal ini penting agar masalah pencemaran kajian rintis (*contamination of pilot study*) tidak berlaku dalam kajian ini (Chua, 2006:260). Selain itu, dengan berpandukan keputusan ujian PPKM, 2 orang pelajar yang mewakili kumpulan PMKT; dan 2 orang pelajar yang mewakili kumpulan PMKR, telah dipilih sebagai informan untuk menjawab soalan-soalan temu bual peringkat awal.

Pengumpulan data kuantitatif dalam kajian rintis ini telah dimulakan dengan menerangkan tujuan kajian serta membacakan "Panduan Menjawab" soal selidik kepada responden, dengan memberi penekanan bahawa kajian ini hanya untuk tujuan penyelidikan akedemik sahaja, dan sebarang jawapan yang diberi adalah "rahsia" serta tidak akan mempengaruhi keputusan peperiksaan Kursus Mandarin mereka. Kemudian para pelajar tersebut dikehendaki menjawab satu set soal selidik yang mengandungi 32 item dan kertas ujian Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin (PPKM) yang merangkumi 4 item (dengan sejumlah 23 soalan). Daripada pemerhatian pengkaji, secara puratanya setiap responden mengambil kira-kira 12 hingga 14 minit untuk menjawab soal selidik; dan lebih kurang 15 minit untuk menjawab kertas ujian PPKM.

Setelah menjawab kedua-dua instrumen kajian ini, pengkaji telah mengadakan satu sesi perbincangan (kira-kira 25 minit) dengan responden. Mereka diminta memberi komen, menyalurkan cadangan dan mengemukakan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka ketika menjawab soal selidik dan kertas ujian PPKM tadi. Kesemua hasil perbincangan ini telah dicatatkan oleh pengkaji secara kertas-pensil. Pada masa yang sama, mereka juga diminta mengisi satu "Borang Maklum Balas Responden" (sila lihat **Lampiran 3.8**) yang akan dikumpul selepas sesi perbincangan.

University of Malaya

Walau bagaimanapun, sesi perbincangan sebegini hanya sempat dikendalikan ke atas 2 kelas sahaja (iaitu kelas-kelas PHB3MA & OMB3MG), kerana bukan semua pensyarah sudi meluangkan masa kuliahnya untuk pengkaji melengkapkan kerja-kerja pengumpulan data sedemikian.

Selanjutnya, pada 15 & 17 November 2011 (iaitu kira-kira selepas 4 minggu kajian rintis pertama dijalankan), pengkaji kembali semula ke kelas-kelas PHB3MA & OMB3MG untuk meminta para pelajar menjawab kertas ujian PPKM buat kali kedua. Tindakan ini bertujuan untuk membekalkan data bagi menjalankan Ujian Pra-Pasca (*test-retest reliability*), untuk menguji kebolehpercayaan instrumen kertas ujian PPKM. Hanya 32 orang pelajar terlibat kerana ada pelajar yang tidak menghadiri kuliah pada hari ujian PPKM tersebut dijalankan. Hasil ujian kebolehpercayaan instrumen ini akan dibincangkan di sub-bahagian **3.9.2** nanti.

Di samping itu, pengkaji juga telah menghabiskan masa seminggu untuk menyemak kertas ujian PPKM. Dengan berpandukan keputusan skor PPKM, seramai 4 orang pelajar, iaitu 2 orang pelajar yang mendapat skor tertinggi (mewakili kumpulan PMKT); dan 2 orang pelajar yang mendapat skor terendah (mewakili kumpulan PMKR), telah dipilih sebagai informan untuk ditemu bual. Semua jawapan temu bual semi-struktur peringkat awal ini telah dirakamkan, kemudian ditranskrip secara verbatim. Hasil transkripsi tersebut telah dibawa berbincang dan disemak oleh penyelia. Selain itu, pengkaji juga turut memerhatikan dan mencatatkan reaksi informan terhadap soalan-soalan temu bual semi-struktur yang ditanya, supaya soalan-soalan yang kurang mendapat respon dapat ditambahbaikkan.

University of Malaya

Kesemua tindakan yang dikemukakan di atas adalah untuk tujuan menilai kesahan muka serta menguji kebolehpercayaan instrumen-instrumen kajian ini. Kesemua perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di sub-bahagian **3.8** dan **3.9** seperti berikut.

3.8 Kesahan Instrumen Kajian

Tiga jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini diuji kesahannya melalui kesahan kandungan (*content validity*) dan kesahan muka (*face validity*). Kesahan kandungan telah dinilai melalui penyemakan panel pakar dan dijamin nilai kesahannya melalui prosedur-prosedur pembentukan yang rapi (seperti yang telah dibincangkan di **3.6.1.2**, **3.6.1.3**, **3.6.2**, dan **3.6.3** sebelum ini). Sementara kesahan muka pula boleh dicapai dengan meminta komen atau cadangan daripada subjek kajian (Mujis 2004). Hasil daripada kajian rintis ini, kesahan muka yang dimantapkan ke atas tiga jenis instrumen kajian ini adalah seperti dipaparkan di sub-bahagian **3.8.1**, **3.8.2**, dan **3.8.3** berikut.

3.8.1 Kesahan Item-Item Soal Selidik

Berpandukan maklum balas responden dan catatan pengkaji, beberapa tindakan seperti berikut telah diambil bagi penambahbaikan item-item soal selidik:

(i) Menggugurkan skala "4 = **hampir selalu** benar", tetapi mengekalkan skala "5 = **sentiasa** benar" dalam soal selidik kajian sebenar, kerana majoriti responden berasa sukar untuk membezakan skala Likert "4 = **hampir selalu** benar" dan "5 = **sentiasa** benar" dalam soal selidik kajian rintis.

(ii) Menukarkan frasa "**perbendaharaan kata**" kepada "**perkataan**" dalam soal selidik demi memudahkan pemahaman pelajar, kerana sebahagian responden tidak faham maksud **"perbendaharaan kata"** yang digunakan dalam soal selidik.

University of Malaya

(iii) Memberi contoh-contoh yang releven dengan pengalaman para pelajar, ataupun menambahkan penerangan kepada frasa-frasa tertentu untuk item-item 1, 2, 3, 6, 7, 10, 11, 20, 28, 29, 30, 31, dan 32 dalam soal selidik untuk kajian sebenar, kerana sebahagian responden menyatakan mereka tidak faham maksud frasa-frasa tertentu dalam item-item tersebut (sila lihat item-item yang ditandai (*) dalam **Lampiran 3.3**).

3.8.2 Kesahan Soalan-Soalan Kertas Ujian

Responden tidak menghadapi masalah ketika menjawab instrumen kertas ujian PPKM. Walau bagaimanapun, pengkaji mengambil keputusan untuk menterjemahkan "panduan menjawab soalan" ke dalam bahasa Melayu bagi setiap keempat-empat item ujian. Hal ini dilakukan kerana daripada pemerhatian pengkaji, didapati ketika menjawab soalan, ada pelajar yang kurang pasti akan kehendak soalan tertentu, kerana panduannya hanya ditulis dalam bahasa Cina (Mandarin) sahaja (sila lihat **Lampiran 3.6**).

3.8.3 Kesahan Soalan-Soalan Temu Bual Semi-Struktur

Berdasarkan hasil temu bual peringkat awal dengan 2 orang informan daripada kumpulan PMKT dan 2 orang informan daripada kumpulan PMKR, serta cadangan daripada 2 orang penilai, didapati beberapa perkara seperti berikut perlu ditambahbaikkan dalam skedul temu bual semi-struktur:

(i) Menukarkan semua frasa **"perbendaharaan kata"** kepada "**perkataan**", kerana didapati informan kurang fasih menyebut frasa **"perbendaharaan kata"** ketika menjawab soalan-soalan temu bual.

University of Malaya

(ii) Menambahkan frasa "Bolehkah anda jelaskan dengan contoh?" ataupun "Sila berikan satu contoh." di bahagian akhir soalan-soalan yang ditanya. Hal ini penting agar data yang lebih kaya dapat dicungkil daripada informan.

Setelah kesahan muka instrumen-instrumen kajian ini dilakukan, kebolehpercayaan ketiga-tiga instrumen ini juga turut diuji berdasarkan data kajian rintis yang dikumpul. Hal ini akan dibincangkan secara terperinci di sub-bahagian 3.9.1, 3.9.2, dan 3.9.3 seperti berikut.

3.9 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan soal selidik telah diuji melalui Kaedah Konsistensi Dalaman (*Internal Consistency Approach*) dengan mengira pekali kebolehpercayaan *Alfa Cronbach*. Manakala tahap kebolehpercayaan kertas ujian PPKM telah dinilai melalui Kaedah Ujian Pra-Pasca (*test-retest reliability*) dengan menggunakan Ujian Korelasi Pearson bagi mencari nilai korelasi (r). Selain itu, kebolehpercayaan soalan-soalan temu bual semi-struktur akan dinilai dengan menaksir nilai Kappa (*rating*) untuk membandingkan tahap kebolehpercayaan soalan-soalan temu-bual antara pengkaji (digelar pengekod 1) dengan dua orang panel pakar/penilai (digelar pengekod 2 dan pengekod 3). Kesemua ini akan diterangkan dengan lebih lanjut lagi melalui tiga sub-bahagian (**3.9.1**, **3.9.2**, dan **3.9.3**) seperti berikut.

3.9.1 Kebolehpercayaan Item-Item Soal Selidik

Keputusan ujian kebolehpercayaan item-item soal selidik SPPK Mandarin dengan menggunakan Kaedah Konsistensi Dalaman (*Internal Consistency Approach*) bagi mengira pekali kebolehpercayaan *Alfa Cronbach* adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 3.10** di muka surat berikut.

University of Malaya

Jadual 3.10 :

Keputusan Ujian Statistik Kebolehpercayaan Item-Item Soal Selidik SPPK Mandarin

Statistik Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik (*Reliability Statistics*)

Cronbach's Alpha	N of Items
.762	32

Statistik Keseluruhan Item SPPK Mandarin Dalam Instrumen Soal Selidik (*Item-Total Statistics*)

Item-Item SPPK Mandarin	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
Item 1	86.07	94.573	.284	.755
Item 2	85.66	93.935	.316	.753
Item 3	85.91	94.408	.261	.756
Item 4	85.90	95.335	.176	.761
Item 5	86.62	96.897	.110	.764
Item 6	85.66	93.784	.272	.755
Item 7	86.11	93.236	.326	.753
Item 8	86.05	94.321	.302	.754
Item 9	86.26	93.244	.285	.755
Item 10	86.98	96.800	.166	.760
Item 11	86.02	93.773	.318	.753
Item 12	85.53	94.283	.285	.755
Item 13	85.27	94.198	.349	.753
Item 14	85.74	95.741	.190	.760
Item 15	86.63	94.903	.277	.755
Item 16	85.42	94.192	.286	.755
Item 17	86.01	95.476	.185	.760
Item 18	86.10	93.093	.296	.754
Item 19	85.62	96.841	.120	.763
Item 20	86.02	96.156	.180	.760
Item 21	85.92	94.319	.317	.754
Item 22	86.54	96.650	.109	.765
Item 23	85.70	93.636	.306	.754
Item 24	85.48	94.067	.324	.753
Item 25	85.69	92.248	.323	.753
Item 26	85.61	93.179	.307	.754
Item 27	85.55	91.697	.401	.749
Item 28	86.05	94.803	.231	.758
Item 29	86.25	93.466	.360	.752
Item 30	86.48	94.489	.269	.756
Item 31	85.93	95.395	.225	.758
Item 32	85.88	92.574	.317	.753

Berdasarkan **Jadual 3.10**, didapati pekali (indeks) kebolehpercayaan alfa bagi keseluruhan 32 item dalam soal selidik SPPK Mandarin adalah 0.76, manakala pelaki-pekali kebolehpercayaan alfa bagi setiap item secara individu pula berada dalam julat indeks 0.75 – 0.77. Menurut Chua (2006:84), dalam statistik kebolehpercayaan instrumen kajian menggunakan pekali (indeks) alfa Cronbach, nilai alfa 0.65 hingga 0.95 dianggap

University of Malaya

memuaskan. Oleh itu, indeks kebolehpercayaan item-item soal selidik SPPK Mandarin dalam kajian ini adalah memuaskan dan boleh diterima pakai.

Walaupun keputusan ujian statistik di atas turut mencadangkan Item 22 (Saya berusaha untuk mengingat kembali muka surat di mana sesuatu perbendaharaan kata Mandarin tertentu wujud) boleh dikeluarkan demi menjana satu nilai pekali alfa secara keseluruhan yang lebih tinggi, iaitu 0.77 (berbanding dengan pekali alfa asal = 0.76 jika ia tidak dikeluarkan), namun pengkaji mengambil keputusan tidak mengeluarkan item ini disebabkan peningkatan nilai pekali alfa adalah tidak banyak, iaitu hanya 0.01 sahaja. Lagipun Item 22 ini merupakan salah satu "strategi mengingat kembali perbendaharaan kata" yang dicadangkan dalam soal selidik sumber asal.

3.9.2 Kebolehpercayaan Soalan-Soalan Kertas Ujian

Selain itu, Ujian Pra-Pasca (*test-retest reliability*) turut digunakan untuk mengukur tahap kebolehpercayaan kertas ujian PPKM. Ujian ini menggunakan Ujian Korelasi Pearson bagi mencari nilai korelasi (r). Keputusan ujian tersebut adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 3.11** di muka surat berikut.

University of Malaya

Jadual 3.11: Keputusan Ujian Pra-Pasca Untuk Kebolehpercayaan Kertas Ujian PPKM

N = 32

		Pra_Skor Item I (Tiwen)	Pra_Skor Item II (Tianchong)	Pra_Skor Item III (Zaoju)	Pra_Skor Item IV (Fanyi)	Pasca_ Skor Item I (Tiwen)	Pasca_ Skor Item II (Tianchong)	Pasca_ Skor Item III (Zaoju)	Pasca_ Skor Item IV (Fanyi)
Pra_Skor Item I (*Tiwen*)	Pearson Correlation	1	.643(**)	.569(**)	.760(**)	**.894(**)**	.641(**)	.621(**)	.779(**)
	Sig. (2-tailed)	.	.000	.001	.000	.000	.000	.000	.000
	N	32	32	32	32	32	32	32	32
Pra_Skor Item II (*Tianchong*)	Pearson Correlation	.643(**)	1	.758(**)	.707(**)	.607(**)	**.986(**)**	.797(**)	.682(**)
	Sig. (2-tailed)	.000	.	.000	.000	.000	.000	.000	.000
	N	32	32	32	32	32	32	32	32
Pra_Skor Item III (*Zaoju*)	Pearson Correlation	.569(**)	.758(**)	1	.676(**)	.605(**)	.760(**)	**.977(**)**	.645(**)
	Sig. (2-tailed)	.001	.000	.	.000	.000	.000	.000	.000
	N	32	32	32	32	32	32	32	32
Pra_Skor Item IV (*Fanyi*)	Pearson Correlation	.760(**)	.707(**)	.676(**)	1	.713(**)	.688(**)	.711(**)	**.980(**)**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.	.000	.000	.000	.000
	N	32	32	32	32	32	32	32	32

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

Keputusan Ujian Korelasi Pearson (r) dalam **Jadual 3.11** di atas menunjukkan bagi kumpulan subjek (responden) kajian ini (N = 32), nilai korelasi ujian pra-pasca bagi keempat-empat item yang diuji dalam kertas soalan PPKM ialah: "Tiwen" (Membina ayat tanya) = 0.89, "Tianchong" (Isi tempat kosong) = 0.99, "Zaoju" (Membina ayat) = 0.98, dan "Fanyi" (Terjemahan) = 0.98 pada aras kesignifikanan $p < 0.05$. Menurut Chua (2006:77), instrumen kajian dianggap bolehpercaya jika nilai korelasi (r) bersamaan dengan 0.70 ke atas. Ini bermakna kertas ujian PPKM ini adalah sesuai dan boleh dipercayai untuk memperolehi skor ujian yang stabil daripada responden lain yang mempunyai ciri-ciri identikal dengan kumpulan subjek kajian ini.

University of Malaya

Selain menguji kebolehpercayaan dua jenis instrumen kajian untuk mengumpul data kuantitatif seperti yang dibincangkan di atas, instrumen temu bual semi-struktur untuk mengumpul data kualitatif dalam kajian ini juga turut diteliti kebolehpercayaannya seperti berikut.

3.9.3 Kebolehpercayaan Soalan-Soalan Temu Bual Semi-Struktur

Demi menguji tahap kebolehpercayaan soalan-soalan temu bual semi-struktur, nilai pekali kappa (k) digunakan untuk mengenal pasti sama ada soalan-soalan temu bual semi-struktur dalam kajian ini bolehpercaya ataupun tidak.

Perkara ini dilaksanakan dengan meminta dua orang pakar/penilai daripada Senarai Panel Pakar (digelar sebagai pengekod 2 dan pengekod 3) untuk menaksir kesesuaian soalan-soalan temu bual yang ditanya kepada informan berdasarkan transkrip jawapan temu bual yang dikumpul melalui kajian rintis. Mereka menilai setiap soalan dalam skedul temu bual semi-struktur secara individu berpandukan data kualitatif (jawapan temu bual) yang dikumpul daripada informan. Kemudian hasil penaksiran setiap penilai tersebut akan dibandingkan dengan pentafsian pengkaji (digelar sebagai pengekod 1). Hal ini bermakna dengan merujuk kepada nilai pekali kappa (k) bagi setiap soalan dalam sekedul temu-bual semi struktur, pengkaji boleh menentukan soalan yang sesuai dikekalkan dan soalan mana yang perlu diubahsuai ataupun disingkirkan. Kesemua ini adalah dilakukan dengan berpandukan Interpretasi Kebolehpercayaan Nilai Kappa (k) seperti dalam **Jadual 3.12** berikut.

University of Malaya

Jadual 3.12 : Interpretasi Kebolehpercayaan Nilai Kappa (k) Berdasarkan Jadual Kebolehpercayaan Antara-Pengekod

Nilai Kappa (k)	**Kebolehpercayaan**
0.80 hingga 1.00	Tinggi dan sangat memuaskan
0.70 hingga 0.79	Memuaskan
0.35 hingga 0.69	Rendah dan kurang memuaskan
Di bawah 0.35	Terlalu rendah dan kurang memuaskan

(Dipetik daripada Chua, 2012:94)

Dengan berpandukan interpretasi skor dalam **Jadual 3.12** di atas, Chua (2012:94,104) mencadangkan soalan temu bual tertentu perlu diubahsuai jika nilai kappanya (k) = 0.35 hingga 0.69; manakala sesuatu soalan temu bual harus disingkirkan jika nilai kappanya (k) rendah daripada 0.35; sekiranya nilai kappanya (k) adalah 0.70 dan ke atas, soalan temu bual tersebut adalah dianggap memuaskan dan perlu dikekalkan dalam skedul.

Jadual 3.13 dan **Jadual 3.14** berikut menunjukkan rumusan kebolehpercayaan antara-pengekod yang telah dilakukan untuk menguji tahap kebolehpercayaan soalan-soalan temu bual semi-struktur dalam kajian ini. Ingin dijelaskan di sini bahawa **Jadual 3.13** mengemukakan keputu

Jadual 3.13 : Keputusan Penaksiran Kebolehpercayaan Soalan-Soalan Temu Bual Antara Pengkaji Dengan Penilai 1

Keputusan Analisis *Crosstabulation*: Pengekod 1/Pengkaji * Pengekod 2/Penilai 1
Count

		Pengekod 2					Total
		Paling Kurang Sesuai	Kurang Sesuai	Agak Sesuai	Sesuai	Paling Sesuai	
Pengekod 1	Paling Kurang Sesuai	2	0	0	0	0	2
	Kurang Sesuai	0	1	0	0	0	1
	Agak Sesuai	0	0	5	0	0	5
	Sesuai	0	0	0	5	2	7
	Paling Sesuai	0	0	0	0	2	2
Total		2	1	5	5	4	17

***Symmetric Measures* (Pengekod 1/Pengkaji * Pengekod 2 / Penilai 1)**

University of Malaya

		Value	Asymp. Std. Error(a)	Approx. T(b)	Approx. Sig.
Measure of Agreement	Kappa	**.843***	.103	6.362	.000
N of Valid Cases		17			

a Not assuming the null hypothesis.
b Using the asymptotic standard error assuming the null hypothesis.

Jadual 3.14 : Keputusan Pentaksiran Kebolehpercayaan Soalan-Soalan Temu Bual Antara Pengkaji Dengan Penilai 2

Keputusan Analisis *Crosstabulation*: Pengekod 1/Pengkaji * Pengekod 3/Penilai 2
Count

		Pengekod 3 (Penilai 2)					Total
		Paling Kurang Sesuai	Kurang Sesuai	Agak Sesuai	Sesuai	Paling Sesuai	
Pengekod 1 (Pengkaji)	Paling Kurang Sesuai	1	1	0	0	0	2
	Kurang Sesuai	0	0	1	0	0	1
	Agak Sesuai	0	0	5	0	0	5
	Sesuai	0	0	0	6	1	7
	Paling Sesuai	0	0	0	0	2	2
Total		1	1	6	6	3	17

***Symmetric Measures* (Pengekod 1/Pengkaji * Pengekod 3/Penilai 2)**

		Value	Asymp. Std. Error(a)	Approx. T(b)	Approx. Sig.
Measure of Agreement	Kappa	**.755****	.120	5.388	.000
N of Valid Cases		17			

a Not assuming the null hypothesis.
b Using the asymptotic standard error assuming the null hypothesis.

Kesemua keputusan ujian yang digolongkan sebagai **Jadual 3.13** dan **Jadual 3.14** di atas menunjukkan rumusan kebolehpercayaan antara-pengekod (*Inter-Rater Reliability*). Secara keseluruhannya, didapati keputusan analisis di atas menunjukkan nilai kappa bagi dua orang pakar (pengekod 2/penilai 1 dan pengekod 3/penilai 2) berbanding dengan pengkaji (pengekod 1) adalah memuaskan (iaitu k >0.70). Nilai kappa bagi pengekod 1 - pengekod 2 adalah pada tahap kebolehpercayaan sangat memuaskan (iaitu kappa = 0.84*); manakala nilai kappa bagi pengekod 1 - pengekod 3 adalah pada tahap

University of Malaya

kebolehpercayaan memuaskan (kappa = 0.76**). Semua keputusan ini memberi interpretasi bahawa tahap kebolehpercayaan soalan-soalan dalam skedul temu bual semi-struktur adalah tinggi dan memuaskan. Hal ini menunjukkan soalan-soalan temu bual semi-struktur yang telah disediakan oleh pengkaji adalah sesuai dijadikan sebagai panduan untuk menemu bual informan dalam kajian ini.

3.10 Prosedur Menjalankan Kajian Sebenar

Setelah tiga jenis instrumen kajian ini telah diperbaiki berpandukan hasil kajian rintis, maka kajian sebenar akan dilakukan dengan menggunakan instrument-instrumen kajian yang telah dimantapkan. Pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif kajian ini adalah dilakukan secara bersistematik berdasarkan prosedur-prosedur tertentu seperti ditunjukkan dalam **Rajah 3.4** di muka surat berikut.

University of Malaya



Rajah 3.4 : Prosedur Menjalankan Kajian Sebenar Berdasarkan Kaedah Campuran Penerangan

Rajah 3.4 di atas menunjukkan prosedur bagaimana kajian ini dijalankan secara bersistematik untuk mengumpul dan menganalisis data kajian kuantitatif dan kualitatif. Sebelum memulakan kerja pengumpulan data di lokasi kajian terpilih, pengkaji terlebih dahulu memohon kebenaran untuk menjalankan penyelidikan daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor–Akademik & Antarabangsa IPT terpilih. Setelah mendapat surat kebenaran (sila lihat **Lampiran 3.1**), pengkaji telah mentadbir secara sendiri

University of Malaya

(dengan kerjasama daripada pensyarah kelas Mandarin terbabit) untuk mengumpul data kajian sebenar bermula dari bulan Disember 2011 hingga awal bulan Januari 2012.

Setelah populasi kajian sebenar ditentukan, pengkaji terus melakukan persampelan bagi memilih responden dan informan kajian sebenar ini. Dua jenis persampelan yang berbeza telah digunakan dalam kajian ini – (i) "persampelan rawak berlapis" untuk memilih responden bagi mengumpul data kuantitatif; dan (ii) "persampelan bertujuan" untuk memilih informan temu bual bagi memungut data kualitatif. Seramai 330 orang pelajar telah dipilih sebagai responden untuk menjawab soal selidik dan kertas ujian PPKM (prosedur pemilihan dan penentuan saiz sampel telah diterangkan secara terperinci di bahagian **3.5**). Manakala sejumlah 30 orang pelajar (15 PMKT dan 15 PMKR) turut dipilih sebagai informan temu bual dalam kajian sebenar. Ingin ditekankan di sini bahawa dalam pemilihan informan kajian sebenar ini, isu etika penyelidikan turut dipertimbangkan sebelum sesi temu bual sebenar diadakan. Ini bererti setiap informan diberi peluang menentukan sama ada beliau bersetuju ataupun tidak untuk menyertai sesi temu bual dengan menandatangani satu "borang kebenaran informan" (sila lihat **Lampiran 3.2**).

Data kuantitatif yang dikumpul melalui soal selidik turut disemak kebolehpercayaannya sekali lagi demi menjamin kesesuaian penggunaan instrumen soal selidik yang telah diperbaiki. Dalam pada itu, ujian normaliti taburan skor ordinal tentang penggunaan SPPK Mandarin dan taburan skor PPKM juga turut dilakukan, agar dapat menentukan jenis analisis statistik (sama ada ujian statistik inferensi ataupun ujian bukan-parametrik) yang lebih sesuai digunakan bagi menganalisis data kuantitatif kajian ini melalui program SPSS. Keputusan analisis statistik ini adalah untuk menjawab soalan kajian (1) dan (2) (akan dibincangkan dengan lebih terperinci di **Bab 4**).

University of Malaya

Pada masa yang sama, dengan berpandukan keputusan skor (pencapaian) PPKM, yang diperolehi, para responden tersebut telah dikategorikan kepada dua kumpulan – pelajar Melayu berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) yang menduduki kuartil atasan; dan pelajar Melayu berkemahiran rendah (kumpulan PMKR) yang menduduki kuartil bawahan, iaitu 27% skor tertinggi dan 27% skor terendah cadangan Hudges (1991 : 161). Selebihnya 46% daripada keseluruhan responden adalah dianggap sebagai pelajar sederhana yang tidak menjadi fokus kajian ini. Hal ini bererti dalam kajian ini, bilangan kumpulan PMKT (n_1) dan PMKR (n_2) adalah masing-masing seramai 89 orang. Kumpulan PMKT (n_1= 89) adalah terdiri daripada mereka yang mendapat skor PPKM antara 82 markah hingga 100 markah ; manakala kumpulan PMKR (n_2= 89) pula terdiri daripada mereka yang mendapat skor PPKM antara 0 hingga 32 markah. Hasil analisis statistik data kuantitatif ke atas kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR ini pula boleh digunakan untuk menjawab soalan kajian (3) dan (4).

Selain itu, data kualitatif yang dikumpul melalui temu bual semi-struktur adalah dirakamkan dan seterusnya ditrankrip. Setelah data tersebut telah siap ditranskrip, proses penyemakan semula data transkrip oleh informan telah dilakukan dari semasa ke semasa. Hal ini bererti pengkaji akan berhubung balik informan (sama ada berjumpa secara peribadi ataupun menelefon) untuk menyemak balik transkrip temu bual mereka. Hal ini dilakukan agar kekaburan yang wujud dalam transkrip temu bual dapat dijelaskan dengan mengubahsuai / menambah / membatalkan data temu bual yang dianggap tidak releven.

Seterusnya, data temu bual tersebut akan dianalisis dengan mengekodkan data kepada sub-tema berdasarkan maklumat dalam transkrip temu bual. Selanjutnya, pengkaji akan mengenal pasti dan menggolongkan beberapa sub-tema berkaitan di bawah satu tema

University of Malaya

induk yang diwujudkan. Dalam pada itu, definisi operasi juga diberi kepada sub-tema dan tema induk yang diwujudkan demi memerihal faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR (sila lihat **Lampiran 3.10**).

Walau bagaimanapun, ingin ditekankan di sini bahawa hasil analisis data kualitatif ini akan melalui satu proses penilaian oleh dua orang panel pakar / penilai. Hal ini penting untuk memantapkan kebolehpercayaan sub-tema dan tema induk yang dijanakan oleh pengkaji. Kadangkala tema-tema tersebut akan diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan komen-komen membina yang disarankan oleh panel pakar (sila rujuk **Lampiran 3.9**). Akhir sekali, sub-tema dan tema induk tersebut akan disemak semula oleh informan demi memastikan kesahihannya. Pendek kata, hasil kajian kualitatif ini adalah untuk menjawab soalan kajian (5). Seterusnya, prosedur menganalisis data akan diterangkan dalam sub-bahagian seperti berikut.

3.11 Prosedur Penganalisisan Data Kajian

Prosedur penganalisisan data kajian ini akan dibincangkan dari dua perspektif : (i) prosedur penganalisisan data kuantitatif; dan (ii) prosedur penganalisisan data kualitatif seperti berikut.

3.11.1 Prosedur Penganalisisan Data Kuantitatif

Demi menganalisis data kuantitatif dalam kajian ini, dua jenis analisis statistik digunakan, iaitu analisis deskriptif [untuk menjawab soalan kajian (1) dan (3)], serta analisis inferensi [untuk menjawab soalan kajian (2) dan (4). Analisis deskriptif yang mengira frekuensi dan peratusan telah digunakan untuk memerihal latar belakang responden kajian (seperti dalam **Jadual 3.5** di sub-bahagian **3.5.1.4**). Sementara itu,

University of Malaya

analisis deskriptif Min (M), Sisihan Piawai (SP), dan Min Pangkatan (MP) (atau median) pula digunakan untuk mengenal pasti tahap penggunaan dan kekerapan penggunaan jenis-jenis SPPK Mandarin, bagi menjawab soalan kajian (1) dan (3). Ingin ditekankan di sini bahawa dalam hal menentukan tahap penggunaan SPPK Mandarin berdasarkan nilai Min (M) untuk kedua-dua soalan kajian ini, Interpretasi Skor Min SPB cadangan Oxford (1990) yang telah diubahsuai akan diaplikasikan dalam kajian ini. Skala (jurang) skor min yang telah diubahsuai untuk menentukan tahap penggunaan SPPK Mandarin kajian ini adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 3.15** berikut :

Jadual 3.15: Interpretasi Skor Min Untuk Penentuan Tahap Penggunaan SPPK Mandarin

Interpretasi Skor Min		**Skor Min (*M*)**
Tahap Penggunaan Tinggi	(T)	3.00 – 4.00
Tahap Penggunaan Sederhana	(S)	2.10 – 2.99
Tahap Penggunaan Rendah	(R)	1.00 – 2.09

[Diubahsuai daripada Jadual Interpretasi Skor Min SPB Oxford (1990:300)]

Jadual 3.15di atas menunjukkan skor min 3.00 hingga 4.00 adalah dianggap tahap tinggi (T) dalam penggunaan SPPK Mandarin; skor min 2.10 hingga 2.99 adalah dikategorikan sebagai tahap penggunaan SPPK Mandarin secara sederhana (S); manakala skor min 1.00 hingga 2.09 adalah dianggap sebagai tahap penggunaan SPPK Mandarin rendah (R). Interpretasi Skor Min ini akan digunakan sebagai panduan untuk menentukan tahap penggunaan SPPK Mandarin ketika menjawab soalan-soalan kajian ini di bahagian seterusnya.

Sementara itu, analisis inferensi digunakan untuk menjawab soalan kajian (2) dan (3). Untuk menjawab soalan kajian (2), ujian korelasi Pearson *Product-Moment* digunakan untuk mencari saiz korelasi yang diwakili pekali korelasi jenis Biserial (r), dan nilai varians (r^2), bagi mengenal pasti kaitan sejauh manakah variabel bebas (SPPK Mandarin) memberi kesan kepada variabel bersandar (pencapaian PPKM). Ujian korelasi ini

University of Malaya

dipilih kerana jenis skala pengukuran untuk kedua-dua variabel yang hendak diuji kaitannya [dalam soalan kajian (2)] adalah memenuhi syarat untuk mencari nilai salah satu jenis pekali korelasi (iaitu pekali Biserial) yang menggunakan ujian statistik ini. Syarat tersebut ialah salah satu variabel adalah diukur dalam skala selang / nisbah (iaitu skor pencapaian PPKM), manakala satu lagi variabel adalah dalam bentuk skala ordinal (iaitu skor ordinal SPPK Mandarin) (Chua, 2006:159).

Demi menjawab soalan kajian (3) pula, ujian Mann-Whitney U diaplikasikan dengan menganalisis perbezaan penggunaan SPPK Mandarin antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Ujian Mann-Whitney U ini dipilih kerana data kuantitatif tentang penggunaan SPPK Mandarin yang dikumpul dalam kajian ini merupakan data skala ordinal, maka ia harus dianalisis dengan menggunakan ujian bukan-parametrik. Menurut Chua (2008:12) data skala ordinal yang dikumpul daripada responden kajian biasanya adalah tidak bertaburan normal, justeru ujian statistik ini akan dikira berdasarkan pada pangkatan data skala ordinal. Sesungguhnya, terdapat pelbagai jenis ujian bukan-parametrik seperti ujian Mann-Whitney U, ujian Kruskal-Wallis H, ujian Wilcoxon T ataupun ujian Friedman, namun untuk menjawab soalan kajian (4) ini hanya ujian Mann-Whitney U dipilih, kerana kehendak soalan kajian ini memenuhi syarat-syarat untuk menggunakan ujian statistik tersebut.

Menurut Chua (2008:12), ujian Mann-Whitney U adalah sesuai untuk menganalisis perbezaan antara dua sampel bebas, yang variabel bersandarnya merupakan data skala ordinal. Hal ini berpadanan dengan kehendak soalan kajian (3) ini, iaitu menguji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan SPPK Mandarin (sebagai variabel bersandar) oleh dua kategori variabel bebasnya, iaitu antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR.

University of Malaya

3.11.2 Prosedur Penganalisisan Data Kualitatif

Menurut Chua (2012:61), pada hakikatnya tidak terdapat satu kaedah menganalisis data kualitatif yang diterima sebulat suara oleh semua pengkaji kualitatif, walhal para penyelidik yang berlainan akan mempunyai cara menganalisis data kualitatif yang berbeza. Menurut Chua (2012:61-66) lagi, sesungguhnya terdapat pelbagai bentuk kaedah analisis data kualitatif yang boleh gunakan oleh para penyelidik untuk menganalisis data kualitatif, seperti kaedah analisis tipologi; kaedah analisis domain; kaedah analisis pembentukan teori; kaedah analisis statistik kuasi; kaedah analisis peristiwa; kaedah analisis hermeneutikal; dan kaedah analisis kandungan, bergantung kepada kesesuaian jenis data dikumpul dan kehendak penyelidikan yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini "kaedah analisis domain" telah dipilih untuk menganalisis data kualitatif dalam bentuk transkrip temu bual.

Melalui "kaedah analisis domain", ataupun dikenali sebagai "kaedah analisis taksonomi" (*taxonomy analysis*) ini, data transkrip yang mempunyai konsep pengaruhan (faktor) yang sama akan dikumpulkan sekali, dan seterusnya diberi tajuk-tajuk sub-tema tertentu bagi menerangkan apakah faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam menggunakan SPPK Mandarin. Akhir sekali, sesuatu tema induk turut dijanakan bagi mewakili beberapa sub-tema tertentu yang mempunyai ciri-ciri persamaan dari segi konsep pengaruhan (faktor). Hal ini boleh dijelaskan dengan menggunakan salah satu contoh tema induk yang telah dijanakan dalam kajian ini seperti ditunjukkan melalui **Rajah 3.5** berikut.

University of Malaya



Rajah 3.5 : Contoh Salah Satu Tema Induk Dan Sub-temanya Tentang Faktor-faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin

Rasional pemilihan "kaedah analisis domain" untuk menganalisis data kualitatif dalam kajian ini adalah disebabkan ia dapat memberi satu gambaran yang lebih jelas tentang kaitan antara tema induk dan sub-tema yang diwujudkan. Tambahan pula, data yang dianalisis akan dikupas secara terperinci sebelum sesuatu tema dijanakan (sila lihat **Lampiran 3.9**).

3.12 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab ini telah menerangkan dengan terperinci tentang aspek-aspek penting yang berkaitan dengan metodologi kajian ini yang berteraskan kaedah campuran penerangan. Memandangkan setiap kaedah kajian akan mempunyai kekuatan dan kekurangannya yang tersendiri, maka dipercayai adalah wajar kaedah campuran penerangan yang merangkumi dua jenis kaedah kajian – kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif ini digunakan dalam kajian ini. Hal ini setidak-tidaknya dapat menjamin dapatan kajian nanti adalah bersifat lebih komprehensif dan bersifat lebih empirik. Kekomprehensifan kaedah campuran penerangan yang bersifat eklektik ini akan dibuktikan melalui dapatan kajian dalam Bab 4 dan Bab 5 nanti.

University of Malaya

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN KUANTITATIF DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk meneliti fenomena penggunaan SPPK Mandarin serta menerokai faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin sebagai B3 [*The Malay MFL* (*Mandarin as a Foreign Language*) *learning context*] di Malaysia. Setelah menerangkan reka bentuk dan prosedur metodologi kajian untuk kajian ini yang berpaksikan kaedah campuran penerangan untuk menjalankan kajian ini di Bab 3, bab ini dan Bab 5 seterusnya akan memfokuskan laporan dan perbincangan dapatan kajian bagi menjawab lima soalan kajian yang telah digalurkan untuk mencapai tujuan kajian ini.

Sebagaimana yang telah dikemukakan dalam Bab 1 (sila rujuk sub-bahagian **1.5**), lima soalan kajian tersebut ialah : (1) Sejauh manakah tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh pelajar-pelajar Melayu IPT dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing? (2) Sejauh manakah penggunaan SPPK Mandarin mempengaruhi tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar Melayu IPT? (3) Sejauh manakah perbezaan penggunaan SPPK Mandarin antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing? (4) Sejauh manakah tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing? dan (5) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing? Walau bagaimanapun,

University of Malaya

ingin ditekankan di sini bahawa bab ini hanya akan menjawab 4 soalan kajian yang membabitkan hasil kajian kuantitatif, iaitu soalan kajian (1) hingga (4); sementara soalan kajian (5) yang melibatkan pemerihalan hasil kajian kualitatif akan dibincangkan dalam Bab 5.

Dalam bab ini, laporan dan perbincangan dapatan kajian kuantitatif tentang penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT akan dikemukakan mengikut urutan empat soalan kajian seperti di atas. Keempat-empat soalan kajian ini akan meneliti fenomena penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT bermula dari aspek makro hingga ke aspek mikro. Dalam kajian ini, aspek makro bererti fenomena penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT akan diteliti secara meluas dengan membabitkan 330 orang responden (N = 330). Melalui soalan kajian (1) dan (2), tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT (N = 330) akan dikenal pasti. Di samping itu, hubungan penggunaan SPPK Mandarin dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin oleh 330 orang responden tersebut juga akan turut diteliti.

Sementara aspek mikro pula bermaksud fokus kajian ini seterusnya akan ditumpukan secara mendalam ke atas pola penggunaan SPPK Mandarin oleh dua kumpulan pelajar yang berbeza dari segi tahap penguasaan perbendaharaan kata Mandarin – 89 orang responden (n_1 = 89) mewakili kumpulan pelajar Melayu berkemahiran tinggi (digelar "kumpulan PMKT" selepas ini); dan 89 orang responden lagi (n_2 = 89) mewakili kumpulan pelajar Melayu berkemahiran rendah (digelar "kumpulan PMKR" selepas ini). Hasil kajian dari aspek mikro ini adalah untuk menjawab soalan kajian (3) dan (4). Melalui soalan kajian (3) dan (4), pola penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR akan dikenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang

University of Malaya

signifikan ataupun tidak; dan seterusnya tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh kedua-dua kumpulan pelajar tersebut akan dikenal pasti secara spesifik dan dibuat perbandingan antara satu sama lain. Hasil kajian untuk kedua-dua soalan kajian ini akan dikemukakan melalui sub-topik **4.4.1** dan **4.4.2** secara berasingan. Perbincangan hasil kajian untuk kedua-dua sub-topik ini akan disatukan dan dibincangkan sekaligus di peringkat akhir sub-bahagian **4.4**, kerana hasil kajian untuk kedua-dua sub-topik ini adalah berkaitan antara satu sama lain. Berikut akan dimulakan laporan dan perbincangan hasil kajian kuantitatif untuk menjawab soalan kajian (1).

4.2 Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin Dalam Kalangan Pelajar Melayu IPT

SEJAUH MANAKAH TAHAP DAN KEKERAPAN PENGGUNAAN SPPK MANDARIN OLEH PELAJAR-PELAJAR MELAYU IPT DALAM PROSES MEREKA MEMPELAJARI DAN MENGUASAI PERBENDAHARAAN KATA MANDARIN SEBAGAI BAHASA ASING ?

Demi mengenal pasti tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT untuk menjawab soalan kajian (1) di sub-bahagian ini, nilai min (M) telah dikira melalui analisis statistik deskriptif. Nilai min (M) ini telah digunakan untuk menentukan tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan para pelajar Melayu IPT secara keseluruhan dan juga berdasarkan 4-kategori SPPK Mandarin seperti dalam soal selidik. Sebelum melaporkan keputusan analisis data kuantitatif untuk soalan kajian ini, ingin ditekankan di sini bahawa dalam usaha menentukan tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin untuk soalan kajian ini, Jadual Interpretasi Skor Min SPB cadangan Oxford (1990) yang diubahsuai telah digunakan. Hal ini bererti skala (jurang) skor min dalam Jadual Interpretasi Skor Min SPB sumber asal yang dicadangkan oleh Oxford (1990) telah diubahsuai agar ia dapat diselaraskan dengan skala Likert 4-pangkatan yang digunakan dalam soal selidik kajian ini. Jadual Interpretasi Skor Min SPB yang telah diubahsuai untuk menentukan tahap

University of Malaya

dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin dalam soalan kajian ini adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 4.1** berikut.

Jadual 4.1: Interpretasi Skor Min Untuk Menentukan Tahap Penggunaan SPPK Mandarin

Interpretasi Skor Min		**Skor Min (M)**
Tahap Penggunaan Tinggi	(T)	3.00 – 4.00
Tahap Penggunaan Sederhana	(S)	2.10 – 2.99
Tahap Penggunaan Rendah	(R)	1.00 – 2.09

[Diubahsuai daripada Jadual Interpretasi Skor Min SPB Oxford (1990:300)]

Menurut **Jadual 4.1** di atas, skor min 3.00 hingga 4.00 adalah dianggap sebagai tahap tinggi (T) dalam penggunaan SPPK Mandarin; skor min 2.10 hingga 2.99 adalah dikategorikan sebagai tahap penggunaan SPPK Mandarin secara sederhana (S); manakala skor min 1.00 hingga 2.09 adalah dianggap sebagai tahap penggunaan SPPK Mandarin secara rendah (R). Dalam erti kata lain, tahap tinggi (T) di sini boleh diinterpretasikan sebagai sesuatu SPPK Mandarin tertentu adalah sangat kerap digunakan; manakala tahap sederhana (S) merujuk kepada sesuatu SPPK Mandarin tertentu adalah sederhana kerap digunakan; dan tahap rendah (R) pula bererti sesuatu SPPK Mandarin tertentu adalah agak jarang digunakan. Perlu dijelaskan di sini bahawa skor min dalam **Jadual 4.1** di atas telah diubahsuai kepada dua tempat perpuluhan, disebabkan keputusan analisis min dalam *output SPSS* kajian ini adalah diberi dalam bentuk dua tempat perpuluhan. Oleh itu, didapati adalah lebih sesuai dan tepat jika tahap penggunaan SPPK Mandarin ditentukan berdasarkan nilai min dua tempat perpuluhan (sila rujuk kembali sub-bahagian **3.11.1** dalam Bab 3 untuk mendapatkan satu gambaran yang lebih jelas bagaimana skala nilai min ini dikira dan diubahsuai).

Sebelum memulakan laporan dan perbincangan hasil kajian untuk soalan kajian (1) di sub-bahagian ini, ingin ditekankan di sini bahawa hasil kajian untuk soalan kajian ini

University of Malaya

akan dilaporkan dan dibincangkan melalui dua sub-topik – **4.2.1** akan memfokuskan tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT dari perspektif secara keseluruhan; sementara **4.2.2** pula akan menyentuh tentang tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT berdasarkan 4-kategori SPPK Mandarin. Berikut akan dilaporkan keputusan analisis data berkenaan.

4.2.1 Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Para Pelajar Melayu IPT Dari Perspektif Secara Keseluruhan

Keputusan analisis data tentang tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh 330 orang responden pelajar Melayu IPT dari perspektif secara keseluruhan adalah seperti dipaparkan melalui **Jadual 4.2** berikut.

Jadual 4.2: Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Para Pelajar Melayu IPT Dari Perspektif Secara Keseluruhan

(N = 330)

Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin	Min (M)	Tahap
Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin SECARA KESELURUHAN	**2.73**	**(S)**

(S) – Tahap Sederhana

Jadual 4.2 di atas menunjukkan keputusan analisis data tentang tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh 330 orang pelajar Melayu IPT secara keseluruhan. Nilai min (M) untuk tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin secara keseluruhan ialah 2.73 (M = 2.73). Keputusan analisis statistik ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya para pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin sebagai B3 menggunakan SPPK Mandarin pada tahap sederhana (S) (M = 2.73) (2.10 – 2.99 = tahap penggunaan sederhana) bagi membantu mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sabagai B3. Penggunaan SPPK Mandarin pada tahap sederhana (S) di sini bererti para pelajar Melayu IPT dalam kajian ini bukan tidak menggunakan SPPK Mandarin, tetapi secara keseluruhannya mereka tidak begitu kerap

University of Malaya

menggunakan SPPK dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Didapati hasil kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian Tan dan Hoe (2009) yang telah menjalankan satu kajian tentang penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT berlandaskan konteks pembelajaran yang sama dengan kajian ini. Tan dan Hoe (2009) mengemukakan bahawa tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin secara keseluruhannya oleh responden kajian mereka juga adalah pada tahap sederhana, dengan nilai min sebanyak 3.37. Walaupun didapati nilai min keseluruhan dalam kajian Tan dan Hoe (2009) adalah lebih tinggi (M = 3.37) jika dibandingkan dengan nilai min dalam kajian ini, namun ia masih dianggap berada pada tahap penggunaan SPPK sederhana, kerana kedua-dua kajian ini menggunakan Jadual Interpretasi Skor Min yang berlainan untuk menentukan tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin responden.

Sebagaimana yang telah diterangkan di atas, kajian ini adalah menggunakan Jadual Interpretasi Skor Min SPB Oxford (1990) yang diubahsuai (seperti ditunjukkan dalam **Jadual 4.1** di atas**)** untuk menentukan tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin responden, memandangkan pilihan jawapan item-item SPPK dalam soal selidik kajian ini adalah menggunakan skala Likert 4-pangkatan. Manakala kajian Tan & Hoe (2009) pula menggunakan Jadual Interpretasi Skor Min SPB Oxford (1990) yang asal untuk menentukan tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin dalam kajian mereka, kerana pilihan jawapan setiap item SPPK dalam soal selidik kajian mereka adalah berdasarkan skala Likert 5-pangkatan. Sesungguhnya, skala skor min dalam kedua-dua jadual tersebut telah diselaraskan berdasarkan pangkatan skala Likert yang digunakan dalam soal selidik masing-masing demi menjamin keselarian ketika memberi

University of Malaya

interpretasi tentang tahap dan kekerapan penggunaan SPPK para pelajar. Namun, penyelarasan ini tidak mengakibatkan implikasi yang berbeza dalam penentuan tahap dan kekerapan penggunaan SPPK. Dalam erti kata lain, skala skor min 2.5 – 3.4 dalam jadual interpretasi asal adalah bersamaan dengan skala skor min 2.10 – 2.99 dalam jadual interpretasi diubahsuai – kedua-duanya adalah diinterpretasikan sebagai tahap penggunaan SPPK secara sederhana (S). Hal ini bererti hasil kajian tentang tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin secara keseluruhan dalam kajian ini adalah selari dengan hasil kajian Tan dan Hoe (2009), iaitu berada pada tahap sederhana (S), dalam erti kata para pelajar Melayu IPT tidak begitu kerap (ataupun hanya sederhana kerap sahaja) menggunakan SPPK Mandarin untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin yang telah dipelajari.

Demi menerangkan mengapa tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT kajian ini hanya berada pada tahap sederhana dan bukannya pada tahap tinggi, pengkaji berpendapat selain daripada tiga faktor yang diutarakan oleh Tan dan Hoe (2009) – bahan pengajaran kursus Mandarin yang tidak komprehensif dengan hanya berteraskan petikan dialog pendek; kaedah pengajaran oleh rata-rata pensyarah Mandarin yang masih berorientasikan kaedah pengajaran traditional : terjemahan B1-B3; serta sikap pelajar yang majoritinya mempelajari Mandarin untuk "lulus peperiksaan" sahaja, didapati faktor "kekurangan jam kontak" juga merupakan salah satu faktor utama yang besar kemungkinan menyebabkan tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin dalam kajian ini berada pada tahap sederhana.

Berdasarkan pengalaman pengkaji yang telah mengajar kursus Mandarin lebih daripada 15 tahun di IPT yang juga merupakan lokasi kajian ini, didapati jam kontak yang tidak memadai (iaitu 2 jam seminggu selama 14 minggu dalam satu semester) telah

University of Malaya

menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran Mandarin di IPT tersebut hanya beracuankan "kejar masa untuk menghabiskan silabus" sahaja. Hal ini bertambah serius lagi kerana walaupun hanya diperuntukkan 28 jam kontak untuk melengkapkan satu tahap kursus Mandarin dalam satu semester, namun secara praktikalnya peruntukan 28 jam kontak ini yang benar-benar boleh digunakan untuk melakukan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran Mandarin dalam kelas hanya tinggal 20 jam 15 minit sahaja, kerana 7 jam 45 minit perlu digunakan untuk mengendalikan ujian kemahiran-kemahiran bahasa seperti bertutur, mendengar, membaca, dan menulis.

Justeru itu, didapati majoriti pensyarah Mandarin lebih cenderung mengajar pelajar-pelajar mereka mempelajari perbendaharaan kata Mandarin secara "tanpa-konteks" (*decontextualized vocabulary learning*), misalnya menghafal makna perbendaharaan kata berdasarkan senarai kosa kata secara kendiri, disebabkan majoriti pensyarah tidak berkesempatan memperuntukkan ruang dan masa lebihan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bahasa lain dalam kelas, seperti membimbing ataupun melatih pelajar-pelajar mereka menggunakan SPPK yang bersesuaian bagi mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin. Pandangan pengkaji ini adalah disokong oleh Naimah (2005) yang pernah menjalankan kajian untuk meneliti permasalahan pembelajaran B3 dalam kalangan pelajar penutur bukan jati (majoriti pelajar Melayu) yang mempelajari B3 (termasuk Mandarin) di IPT yang sama dengan lokasi kajian ini. Hasil kajian beliau mengemukakan bahawa 78.1% daripada pensyarah JBAE (Jabatan Bahasa Asia dan Eropah) di IPT tersebut amat bersetuju bahawa faktor jam kontak yang tidak mencukupi telah menyebabkan mereka gagal untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bahasa lain dalam kelas, melainkan mengajar untuk menghabiskan silabus sahaja.

University of Malaya

Dalam hal ini, pengkaji percaya sekiranya diberi jam kontak yang memadai, tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT besar kemungkinan akan meningkat kerana menurut Oxford (1990), penggunaan strategi pembelajaran pada tahap medium (sederhana) menunjukkan sesungguhnya para pelajar sedar akan wujudnya strategi-strategi tertentu, cuma mereka memerlukan lebih banyak dorongan untuk mengaplikasikan strategi-strategi tertentu dalam pembelajaran mereka. Dalam erti kata lain, seandainya jam kontak ditambahkan, sudah pasti lebih banyak peluang akan diberi kepada pensyarah Mandarin bagi membimbing dan melatih para pelajar mereka menggunakan SPPK Mandarin. Secara ringkasnya, boleh dirumuskan bahawa foktor kekurangan jam kontak yang menyebabkan kekurangan masa untuk pengajaran dan pembelajaran formal di dalam kelas B3 telah secara langsung ataupun tidak menyebabkan tahap penggunaan SPPK Mandarin oleh pelajar-pelajar Melayu IPT dalam kajian ini berada pada tahap sederhana. Seterusnya, tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin akan diperincikan lagi berdasarkan 4-kategori SPPK Mandarin seperti berikut.

4.2.2 Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Para Pelajar Melayu IPT Berdasarkan 4-Kategori SPPK Mandarin

Selain itu, jika dibandingkan tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin berdasarkan 4-kategori SPPK Mandarin seperti dalam soal selidik (iaitu Kategori A : Strategi-strategi mempelajari dan mengingati; Kategori B : Strategi-strategi mengulang kaji; Kategori C : Strategi-strategi mengingat kembali; dan Kategori D : Strategi-strategi mengaplikasi), keputusan analisis data kajiannya adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 4.3** seperti berikut.

University of Malaya

Jadual 4.3: Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Para Pelajar Melayu IPT Berdasarkan 4-Kategori SPPK Mandarin

(N = 330)

Kategori SPPK Mandarin	Min(M)	Urutan	Tahap
Kategori A : Strategi-strategi mempelajari dan mengingati	2.68	3	(S)
Kategori B : Strategi-strategi mengulang kaji	**2.86 ***	1	(S)
Kategori C : Strategi-strategi mengingat kembali	2.85	2	(S)
Kategori D : Strategi-strategi mengaplikasi	**2.46 ****	4	(S)

* Tahap penggunaan SPPK Mandarin paling tinggi
** Tahap penggunaan SPPK Mandarin paling rendah.
(S) – Tahap Sederhana

Berpandukan **Jadual 4.3** di atas, didapati SPPK Mandarin Kategori B (Strategi-strategi mengulang kaji) mempunyai tahap dan kekerapan penggunaan yang paling tinggi (M = 2.86), manakala SPPK Mandarin Kategori D (Strategi-strategi mengaplikasi) pula mempunyai tahap dan kekerapan penggunaan yang paling rendah (M = 2.46). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa secara relatifnya para pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin sebagai B3 adalah paling kerap menggunakan SPPK Mandarin bentuk mengulang kaji yang membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan (*surface processing*) dan bersifat reseptif (*receptive*) (Anderson 1983,1985; Nation 2001) untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin. Sebaliknya, didapati para pelajar Melayu IPT ini adalah paling jarang menggunakan SPPK Mandarin bentuk mengaplikasi yang melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam (*deep processing*) dan bersifat produktif (*productive*) (Anderson 1983,1985; Nation 2001) dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Hasil kajian ini didapati selaras dengan dapatan kajian Tan dan Hoe (2009) dari segi tahap dan kekerapan penggunaan kategori SPPK Mandarin yang paling tinggi, iaitu kedua-dua kajian mendapati para pelajar Melayu IPT paling kerap menggunakan strategi-strategi bentuk mengulang kaji (SPPK Mandarin Kategori B) (M = 2.86),

University of Malaya

ataupun dikenali sebagai SPPK kategori "kognitif" dalam kajian Tan & Hoe (2009) (M = 3.69), untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin. Namun demikian, kajian ini adalah berkontras dengan hasil kajian Tan dan Hoe (2009) dari segi tahap dan kekerapan penggunaan kategori SPPK Mandarin yang paling rendah. Kajian Tan dan Hoe (2009) melaporkan bentuk SPPK Mandarin yang paling jarang digunakan oleh responden dalam kajian mereka ialah SPPK kategori "metakognitif " (M = 3.08) (iaitu bersamaan dengan SPPK Mandarin Kategori C – strategi-strategi mengingat kembali dalam kajian ini). Walhal kajian ini mendapati SPPK Mandarin Kategori D – strategi-strategi mengaplikasi, adalah paling jarang digunakan oleh para pelajar Melayu IPT untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin.

Fenomena ini berlaku mungkin disebabkan peringkat pengajian responden dan saiz sampel kajian dalam kedua-dua kajian tersebut adalah berbeza antara satu sama lain. Kajian ini adalah membabitkan 330 orang responden daripada pelajar-pelajar peringkat sarjana muda di 20 buah fakulti, manakala kajian Tan dan Hoe (2009) hanya melibatkan 86 orang responden daripada pelajar-pelajar peringkat diploma di sebuah fakulti sahaja. Menurut Chua (2009) saiz sampel kajian yang terlalu kecil dan pemilihan sampel yang hanya tertumpu di satu-satu lokasi sahaja mungkin kurang bersifat representatif untuk mewakili ciri-ciri populasi. Justeru itu, berbanding dengan hasil kajian Tan & Hoe (2009) yang cuma tertumpu kepada satu fakulti sahaja, dapatan kajian ini yang membabitkan pelajar-pelajar dari 20 buah fakulti menunjukkan secara keseluruhannya pelajar-pelajar Melayu IPT adalah paling jarang menggunakan SPPK Mandarin bentuk mengaplikasi (iaitu bersamaan dengan SPPK kategori "sosial" dalam kajian Tan & Hoe, 2009) untuk membantu mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

University of Malaya

Selain itu, hasil kajian ini juga adalah konsisten dengan dapatan kajian Mohd. Sahandri Gani Hamzah *et al*. (2009) yang menjalankan kajian ke atas sejumlah 125 orang pelajar universiti di negara Iran yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B3 (iaitu dalam konteks pembelajaran EFL). Kajian Mohd. Sahandri Gani Hamzah dan rakan-rakan (2009) mengemukakan bahawa responden kajian mereka paling jarang menggunakan SPPK kategori "sosial" (dianggap bersamaan dengan SPPK Mandarin Kategori D – strategi-strategi mengaplikasi dalam kajian ini) untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris sebagai B3. Hal ini bererti para pelajar Iran jarang mengaplikasikan perbendaharaan kata yang telah dipelajari ke dalam keadaan sebenar / autentik (*auhtentic*), misalnya mencari peluang bertutur dengan penutur natif bahasa Inggeris dalam kehidupan harian mereka.

Daripada pemerhatian pengkaji, faktor persekitaran pembelajaran bahasa telah menyebabkan para pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa sasaran dalam konteks B3 (sama ada Mandarin ataupun bahasa Inggeris) jarang mengaplikasikan perbendaharaan kata yang telah dipelajari ke dalam situasi autentik. Hal ini berlaku kerana para pelajar berkemungkinan besar tidak berpeluang untuk berinteraksi dengan penutuf natif bahasa sasaran yang dipelajari. Sebagai contohnya, didapati pelajar-pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin sebagai B3 dalam kajian ini adalah kurang terdedah kepada persekitaran komunikatif sosial dalam komuniti Cina. Sebaliknya, proses pembelajaran Mandarin mereka lebih terbatas di dalam kelas Mandarin sahaja, memandangkan pengambilan pelajar di universiti mereka adalah terdiri daripada seratus peratus pelajar Bumiputera. Hal ini telah menyebabkan mereka lebih cenderung menggunakan SPPK Mandarin kategori mengulang kaji berpandukan buku teks, seperti berlatih menyebut perkataan Mandarin berulang kali, berbanding dengan SPPK Mandarin kategori mengaplikasi perbendaharaan kata Mandarin yang pernah dipelajari, misalnya

University of Malaya

menggunakan perkataan-perkataan Mandarin yang pernah dipelajari dalam situasi penggunaan Mandarin autentik dengan penutur natif masyarakat Cina.

Hujah pengkaji ini adalah disokong oleh hasil kajian Kojic-Sabo dan Lightbown (1999) yang mendapati bahawa para pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2 (iaitu pelajar-pelajar ESL) di Universiti Concordia, Montreal adalah lebih cenderung untuk menjalankan aktiviti-aktiviti di luar kurikulum bahasa Inggeris mereka sebagai salah satu sumber untuk mempelajari perbendaharaan kata, misalnya mereka mengambil peluang memperkukuhkan penguasaan perkataan bahasa Inggeris melalui perbualan harian dengan penutur natif dalam komuniti setempat. Sementara para pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B3 (iaitu pelajar-pelajar EFL) di Yugoslavia Utara pula didapati lebih suka menggunakan SPPK bentuk mengulang kaji seperti melalui bacaan buku teks, senarai kosa kata ataupun nota, memandangkan mereka jarang mempunyai pendedahan persekitaran berkaitan pembelajaran B3. Justeru itu, tidak hairanlah mengapa pelajar-pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin berlandaskan konteks MFL dalam kajian ini jarang menggunakan SPPK Mandarin Kategori D (strategi-strategi mengaplikasi); sebaliknya lebih kerap menggunakan SPPK Mandarin Kategori B (Strategi-strategi mengulang kaji) dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Setelah mengenal pasti tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin secara keseluruhan, serta berdasarkan 4-kategori SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT seperti di atas, fokus kajian dalam bab ini selanjutnya akan ditumpukan kepada aspek sejauh manakah tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin ini dapat mempengaruhi tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin dalam kalangan

University of Malaya

pelajar Melayu IPT (N = 330). Perkara ini akan dijawab melalui soalan kajian (2) seperti berikut.

4.3 Pengaruh Penggunaan SPPK Mandarin Terhadap Tahap Pencapaian Perbendaharaan Kata Mandarin Para Pelajar Melayu IPT

SEJAUH MANAKAH PENGGUNAAN SPPK MANDARIN MEMPENGARUHI TAHAP PENCAPAIAN PERBENDAHARAAN KATA MANDARIN SEBAGAI BAHASA ASING DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU IPT ?

Dalam sub-bahagian ini, tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT akan dikaitkan dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka demi menganal pasti sejauh manakah ia boleh mempengaruhi tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT. Hal ini bererti untuk menjawab soalan kajian ini, dua variabel yang berlainan akan diuji kekuatan hubungannya. Kedua-dua variabel yang dimaksudkan di sini ialah : (a) penggunaan SPPK Mandarin sebagai variabel bebas di satu pihak; dan (b) tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT sebagai variabel bersandar di satu pihak yang lain. Hubungan antara kedua-dua variabel ini juga akan diteliti dari perspektif secara keseluruhan, serta berdasarkan 4-kategori SPPK Mandarin.

Menurut Chua (2006:157-158), dalam hal untuk mengenal pasti kekuatan hubungan antara dua variabel, iaitu meneliti sejauh manakah sesuatu variabel bebas akan mempengaruhi ataupun memberi kesan kepada suatu variabel bersandar yang lain, seperti apa yang ingin diteliti melalui soalan kajian ini – mengenal pasti sejauh manakah penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT boleh mempengaruhi tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka, ujian korelasi harus diaplikasikan untuk mencapai tujuan kajian sedemikian. Walaupun bagaimanapun, menurut Chua (2006:157-158) lagi, sesungguhnya terdapat pelbagai jenis ujian korelasi dalam statistik

University of Malaya

yang boleh digunakan untuk menguji hubungan antara dua variabel, namun didapati ujian korelasi *Pearson Product-Moment* jenis *Biserial* (ataupun dikenali sebagai "pekali Biserial") adalah lebih sesuai digunakan untuk soalan kajian ini kerana jenis skala pengukuran dan bilangan variabel yang terlibat dalam soalan kajian ini adalah memenuhi syarat-syarat penggunaan ujian korelasi *Pearson Product-Moment* jenis *Biserial*.

Hal ini dikatakan demikian kerana syarat-syarat penggunaan ujian korelasi tersebut ialah salah satu variabel harus diukur dalam bentuk skala selang / nisbah, manakala satu variabel lagi adalah dalam bentuk skala ordinal (Chua, 2006:159). Keadaan ini adalah selaras dengan kedua-dua jenis variabel yang ingin diuji hubungannya melalui soalan kajian ini, iaitu skor tentang tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin yang dipilih oleh responden dalam soal selidik adalah merupakan bentuk "skala ordinal" (sebagai variabel bebas); manakala "skor pencapaian PPKM" yang menentukan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT pula adalah merupakan variabel yang diukur dalam "skala nisbah" (sebagai variabel bersandar). Justeru itu, jelas bahawa kehendak soalan kajian ini adalah memenuhi syarat untuk menggunakan ujian statistik *Pearson Product-Moment* jenis *Biserial* bagi memperolehi hasil kajiannya.

Seterusnya, melalui ujian statistik *Pearson Product-Moment* jenis *Biserial* ini, nilai pekali korelasi (r) dan nilai varians (r^2) akan dicari bagi menghuraikan sejauh manakah tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT akan mempengaruhi tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka. Nilai pekali (r) adalah merupakan satu nilai yang boleh mengukur kekuatan hubungan antara dua variabel yang dikaji. Sementara nilai varians (r^2) pula boleh berperanan untuk

University of Malaya

menunjukkan kekuatan pengaruh antara dua variabel, iaitu ia boleh digunakan untuk menghuraikan perubahan dalam variabel bersandar (Y) yang disebabkan oleh perubahan dalam variabel bebas (X). Boleh dikatakan kedua-dua nilai pekali korelasi (r) dan nilai varians (r^2) ini adalah penting dan saling melengkapi dalam menerangkan keputusan ujian korelasi jenis *Biserial* bagi meneliti sesuatu hubungan dengan lebih terperinci.

Sebagai contohnya, dalam soalan kajian ini, nilai pekali (r) yang diperolehi nanti akan menunjukkan kekuatan hubungan antara penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT (variabel bebas) dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka (variabel bersandar). Walau bagaimanapun, kekuatan hubungan yang diwakili oleh nilai pekali (r) ini hanya merupakan satu nilai relatif yang digunakan untuk membandingkan kekuatan hubungan antara dua variabel sahaja, namun ia tidak mampu untuk menunjukkan sejauh manakah kekuatan pengaruh ataupun kekuatan kesan yang "menyebabkan perubahan" berlaku di antara dua variabel yang diuji (Chua, 2006:168). Justeru itu, demi menampung kekurangan ini, nilai varians (r^2) perlu diperolehi (Chua, 2006:168) [Nilai varians (r^2) boleh diperolehi dengan mendarabkan nilai pekali (r) dua kali]. Justeru dengan berpandukan nilai varians (r^2) ini sebagai petunjuk, pengaruh faktor (X) (iaitu penggunaan SPPK Mandarin) yang menyebabkan perubahan dalam kesan (Y) (iaitu tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT) boleh diterangkan dengan lebih terperinci (Chua, 2006:168). Umpamanya, jika nilai pekali (r) yang diperolehi ialah 0.80 ($r = 0.80$), maka nilai pekali ini hanya menunjukkan hubungan variabel bebas dan variabel bersandar adalah sangat kuat, tetapi dengan berpandukan nilai varians (r^2) sebanyak 0.64 (iaitu 0.80 x 0.80) yang diperolehi, hasil ujian korelasi ini boleh membuktikan lagi bahawa variabel bebas (X) (penggunaan SPPK Mandarin) dapat mempengaruhi / memberi kesan sebanyak 64% kepada variabel

University of Malaya

bersandar (Y) (tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT).

Sebelum melaporkan hasil analisis data untuk soalan kajian ini, ingin dijelaskan di sini bahawa demi tujuan menganalisis kekuatan hubungan antara dua variabel dalam soalan kajian ini nanti, skala kekuatan saranan Davies (1971) seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 4.4** berikut akan digunakan sebagai panduan bagi menentukan kekuatan hubungan antara dua variabel yang diteliti dalam soalan kajian ini – kekuatan korelasi antara penggunaan SPPK Mandarin sebagai variabel bebas dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT sebagai variabel bersandarnya.

Jadual 4.4: Skala Davies (1971) Untuk Menentukan Kekuatan Korelasi Antara Dua Variabel

Saiz Pekali Korelasi (r)	Tafsiran Kekuatan
±0.70 hingga ±1.00	Amat Tinggi / Sangat kuat
±0.50 hingga ±0.69	Tinggi / Kuat
±0.30 hingga ±0.49	Sederhana Tinggi / Sederhana Kuat
±0.10 hingga ±0.29	Rendah / Lemah
±0.01 hingga ±0.09	Diabaikan / Tiada Korelasi

Sumber: Davies (1971) dalam Kamarul Shukri & Mohamed Amin (2009:113)

Berpandukan **Jadual 4.4** di atas, didapati nilai saiz pekali korelasi (r) adalah dilaporkan dalam dua titik perpuluhan dan mempunyai sela antara positif hingga negatif. Nilai pekali (r) yang positif menunjukkan bahawa hubungan antara variabel bebas dengan variabel bersandar yang diuji adalah bersifat linear, iaitu semakin tinggi nilai variabel bebas, maka semakin tinggi nilai variabel bersandar dapat diperhatikan. Sebaliknya, nilai (r) yang negatif pula menunjukkan variabel bebas dengan variabel bersandar yang

University of Malaya

diuji adalah berhubungan secara songsang. Hubungan secara songsang di sini bererti semakin tinggi nilai variabel bebas, maka semakin rendah nilai variabel bersandarnya. Sebagai contohnya, dalam soalan kajian ini, sekiranya nilai (r) yang diperolehi adalah positif, maka ia menunjukkan bahawa penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT yang semakin kerap, akan mempengaruhi tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka menjadi semakin tinggi. Sebaliknya jika nilai (r) yang diperolehi adalah negatif, maka ini bermakna penggunaan SPPK Mandarin yang semakin kerap oleh para pelajar Melayu IPT akan mempengaruhi tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka menjadi semakin rendah pula. Berikut akan dilaporkan keputusan analisis data kuantitatif tentang pengaruh penggunaan SPPK Mandarin terhadap tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT dari perspektif secara keseluruhan.

4.3.1 Pengaruh Penggunaan SPPK Mandarin Terhadap Tahap Pencapaian Perbendaharaan Kata Mandarin Para Pelajar Melayu IPT Dari Perspektif Secara Keseluruhan

Dari perspektif secara keseluruhan, dapatan kajian daripada ujian korelasi *Pearson Product-Moment* jenis *Biserial* yang menguji sejauh manakah penggunaan SPPK Mandarin oleh 330 orang responden pelajar Melayu IPT dapat mempengaruhi tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka adalah seperti dipaparkan dalam **Jadual 4.5** berikut.

Jadual 4.5: Keputusan Ujian Korelasi *Pearson Product-Moment* Antara Penggunaan SPPK Mandarin Dengan Tahap Pencapaian Perbendaharaan Kata Mandarin Dari Perspektif Secara Keseluruhan

(N = 330)

Hubungan Variabel Bebas(X):SPPK Mandarin – Variabel Bersandar(Y): Tahap PnPKM	Saiz Korelasi (r)	Varians (r^2)	Perubahan (Y) yang disebabkan oleh (X)	Signifikan (p)
Penggunaan SPPK Mandarin – Tahap PnPKM secara KESELURUHAN	0.65	0.423	42.3%	0.000

SPPK – Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata ** Signifikan pada aras 0.05
PnPKM – Pencapaian Perbendaharaan Kata Mandarin

University of Malaya

Berpandukan **Jadual 4.5** di atas, didapati nilai saiz korelasi (r) yang mewakili kekuatan korelasi antara penggunaan SPPK Mandarin dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin secara keseluruhannya adalah positif dan kuat, dengan nilai pekali (r) nya ialah 0.65 (r = 0.65) pada tahap signifikan p = 0.000 [nilai (r) ±0.50 hingga ±0.69 = kuat]. Keputusan ujian korelasi ini menerangkan bahawa secara keseluruhannya terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara penggunaan SPPK Mandarin dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin sebagai B3.

Dalam pada itu, nilai varians (r^2) yang diperolehi melalui ujian korelasi ini pula ialah 0.423 ($r^2 = 0.423$). Hal ini turut menunjukkan bahawa kekuatan pengaruh penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT ke atas tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka adalah sebanyak 42.3%. Secara ringkasnya, boleh disimpulkan bahawa hasil kajian korelasi ke atas 330 orang responden dalam kajian ini telah membuktikan bahawa secara keseluruhannya penggunaan SPPK Mandarin [sebagai variabel bebas (X)] telah mempengaruhi ataupun memberi kesan yang kuat (r = 0.65), iaitu sebanyak 42.3%, ke atas tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin [sebagai variabel bersandar (Y)] dalam kalangan pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin sebagai B3.

Dapatan kajian ini telah menyokong sebahagian daripada hasil kajian Gu dan Johnson (1996) yang telah mengkaji penggunaan SPPK bahasa Inggeris sebagai B3 dalam kalangan 850 orang pelajar IPT Tahun Dua di Negeri China. Dalam kajian Gu dan Johnson (1996) tersebut, didapati secara tuntasnya terdapat hubungan positif antara penggunaan SPPK dengan hasil pembelajaran bahasa Inggeris para responden, yang mana hasil kajian mereka menunjukkan semakin kerap para pelajar menggunakan

University of Malaya

pelbagai jenis SPPK untuk mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris, maka penguasaan saiz perbendaharaan kata dan tahap pencapaian bahasa Inggeris mereka adalah semakin tinggi. Bukan setakat itu sahaja, malahan hasil kajian tersebut juga mendapati bahawa saiz perbendaharaan kata adalah berkorelasi secara kuat dengan tahap pencapaian bahasa Inggeris para pelajar.

Berbanding dengan kajian ini, walaupun fokus kajian Gu dan Johnson (1996) adalah berbeza sedikit daripada tujuan soalan kajian ini – kajian Gu dan Johnson (1996) telah mengambil kira variabel-variabel tahap pencapaian perbendaharaan kata dan saiz perbendaharaan kata sekaligus, sedangkan soalan kajian ini hanya bertujuan untuk melihat korelasi antara penggunaan SPPK Mandarin dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar sahaja; namun sebahagian kajian Gu dan Johnson (1996) tersebut jelas membuktikan bahawa golongan pelajar yang menggunakan SPPK secara aktif (yang dikategorikan sebagai *active strategy users*) adalah merupakan pelajar-pelajar yang berpencapaian tinggi dan berjaya dari segi penguasaan perbendaharaan kata bahasa Inggeris sebagai B3.

Sebaliknya, didapati para pelajar yang jarang menggunakan SPPK (yang dikategorikan sebagai *passive strategy users*) adalah mereka yang berpencapaian rendah dan kurang berjaya dalam penguasaan perbendaharaan kata bahasa Inggeris sabagai B3. Justeru itu, boleh dikatakan dapatan kajian untuk soalan kajian ini adalah selaras dengan hasil kajian Gu dan Johnson (1996), yang mana hasil kajian ini mendapati bahawa secara keseluruhannya faktor penggunaan SPPK Mandarin telah memberi kesan yang kuat ($r = 0.65$) sehingga boleh menyumbangkan sebanyak 42.3% ($r^2 = 0.423$) daripada keseluruhan faktor yang boleh menyebabkan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin yang tinggi dalam kalangan para pelajar Melayu IPT.

University of Malaya

Dalam erti kata lain, boleh dirumuskan bahawa kedua-dua hasil kajian ini dan hasil kajian Gu dan Johnson (1996) telah membuktikan penggunaan SPPK adalah kuat mempengaruhi tahap pencapaian para pelajar dalam menguasai perbendaharaan kata sesuatu bahasa sasaran (B2/B3) yang dipelajari dengan berkesan.

Daripada pemerhatian pengkaji, hal ini berlaku kerana penggunaan SPPK Mandarin yang lebih kerap telah memberi lebih banyak peluang kepada para pelajar untuk mentransformasikan input pengetahuan deklaratif, iaitu pengetahuan perbendaharaan kata Mandarin yang baru dipelajari kepada pengetahuan prosedural. Hal ini bererti semakin banyak para pelajar Melayu IPT menggunakan SPPK Mandarin yang dianggap sesuai dengan gaya pembelajaran mereka untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin, maka semakin kerap para pelajar tersebut akan memanipulasikan pengetahuan deklaratif tersebut (iaitu perbendaharaan kata Mandarin yang baru dipelajari) demi dijadikannya sebagai pengetahuan prosedural dan disimpan ke dalam memori jangka panjang deklaratif dan seterusnya dihantar ke memori jangka panjang prosedural. Hal ini penting agar pengetahuan prosedural ini (iaitu perbendaharaan kata Mandarin yang telah dikuasai) dapat digunakan secara automatik jika diperlukan dalam situasi-situasi tertentu.

Sebagai contohnya, apabila guru pertama kali mengajar sesuatu perbendaharaan kata Mandarin di dalam kelas, perkataan Mandarin tersebut akan diterima sebagai pengetahuan deklaratif (iaitu maklumat baru) dan disimpan ke dalam stor ingatan jangka pendek / memori kerja. Walau bagaimanapun, mengikut model ACT (Anderson 1983,1985), sekiranya pengetahuan deklaratif ini tidak diproseduralkan ataupun diaktifkan, misalnya menggunakan SPPK Mandarin untuk mengulang kaji ataupun mengingat kembali secara kerap, ia akan hilang begitu sahaja. Namun,

University of Malaya

sekiranya ia selalu diaktifkan (misalnya melalui penggunaan SPPK Mandarin, perkataan tertentu sering diulang kaji, diingat kembali, ataupun diaplikasikan), maka pengetahuan deklaratif ini akan bertukar kepada pengetahuan prosedural dan dihantar ke stor ingatan jangka panjang untuk disimpan dengan lebih kekal di sana. Menurut Anderson (1983,1985), pengetahuan prosedural yang disimpan di dalam stor ingatan jangka panjang ini adalah merupakan pengetahuan yang lebih mantap dan boleh digunakan oleh para pelajar secara automatik.

Berbeza daripada pengetahuan deklaratif yang bersifat implisit ataupun majoritinya terdiri daripada definisi perkataan dan hukum tatabahasa, pengetahuan prosedural dalam stor ingatan jangka panjang ini adalah bersifat lebih eksplisit dan jelas. Ia biasanya membabitkan tatacara dan strategi yang digunakan oleh para pelajar untuk memproses maklumat berkaitan B2/B3 (seperti pengetahuan perbendaharaan kata Mandarin) bagi mempertingkatkan penguasaan kemahiran bahasa mereka. Dalam erti kata lain, sekiranya para pelajar berjaya menyimpan lebih banyak perbendaharaan kata Mandarin berbentuk pengetahuan prosedural ke dalam stor ingatan jangka panjang mereka, maka mereka akan menjadi lebih mampu untuk menggunakan pengetahuan perbendaharaan kata Mandarin tersebut secara automatik ketika diperlukan dalam konteks penggunaan tertentu, misalnya dalam ujian kemahiran bahasa. Oleh hal yang demikian, nescaya tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin yang ditunjukkan oleh kumpulan pelajar ini akan lebih tinggi jika dibandingkan dengan mereka yang gagal berbuat demikian. Hal ini jelas menerangkan mengapa hasil kajian ini mendapati bahawa penggunaan SPPK Mandarin memberi pengaruh yang kuat ($r = 0.65$) kepada tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT. Selanjutnya, pengaruh penggunaan SPPK

University of Malaya

Mandarin ini terhadap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT akan diteliti secara khusus berdasarkan 4-kategori SPPK Mandarin seperti berikut.

4.3.2 Pengaruh Penggunaan SPPK Mandarin Terhadap Tahap Pencapaian Perbendaharaan Kata Mandarin Para Pelajar Melayu IPT Berdasarkan 4-Kategori SPPK Mandarin

Secara spesifiknya, jika diteliti dari perspektif penggunaan 4-kategori SPPK Mandarin seperti dalam soal selidik [iaitu Kategori A: Strategi-strategi mempelajari dan mengingati; Kategori B: Strategi-strategi mengulang kaji; Kategori C: Strategi-strategi mengingat kembali; dan Kategori D: Strategi-strategi mengaplikasi], didapati keputusan ujian korelasi yang menunjukkan sejauh manakah penggunaan keempat-empat kategori SPPK Mandarin ini dapat mempengaruhi tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT adalah seperti dipaparkan dalam **Jadual 4.6** berikut.

Jadual 4.6 Keputusan Ujian Korelasi *Pearson Product-Moment* Antara Penggunaan SPPK Mandarin Dengan Tahap Pencapaian Perbendaharaan Kata Mandarin Berdasarkan 4- Kategori SPPK Mandarin

(N = 330)

Hubungan Variabel Bebas(X):SPPK Mandarin – Variabel Bersandar(Y): Tahap PnPKM Berdasarkan KATEGORI	**Saiz Korelasi (r)**	**Varians (r^2)**	**Perubahan (Y) yang disebabkan oleh (X)**	**Signifikan (p)**
Penggunaan SPPK Mandarin Kategori A (Strategi-strategi mempelajari dan mengingati) – Tahap PnPKM	*0.38*	*0.144*	*14.4%*	*0.000*
Penggunaan SPPK Mandarin Kategori B (Strategi-strategi mengulang kaji) – Tahap PnPKM	0.50	0.250	25.0%	0.000
Penggunaan SPPK Mandarin Kategori C (Strategi-strategi mengingat kembali) – Tahap PnPKM	**0.63**	**0.397**	**39.7%**	**0.000**
Penggunaan SPPK Mandarin Kategori D (Strategi-strategi mengaplikasi) – Tahap PnPKM	0.58	0.336	33.6%	0.000

SPPK – Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata
PnPKM – Pencapaian Perbendaharaan Kata Mandarin
** Signifikan pada aras 0.05

University of Malaya

Berpandukan **Jadual 4.6** di atas, didapati semua nilai saiz korelasi (r) yang mewakili kekuatan hubungan antara penggunaan 4 kategori SPPK Mandarin (iaitu SPPK Mandarin Kategori A – D seperti dalam **Jadual 4.6** di atas) dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT adalah positif. Walaupun demikian, didapati kekuatan pengaruh keempat-empat kategori SPPK Mandarin tersebut ke atas tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin adalah berbeza antara satu sama lain. Hal ini bererti bukan setiap kategori SPPK Mandarin tersebut mempunyai kekuatan pengaruh ataupun memberi kesan yang sama terhadap tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT. Didapati secara relatifnya hubungan antara penggunaan SPPK Mandarin Kategori C (Strategi-strategi mengingat kembali) dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin adalah paling kuat dan positif, iaitu nilai saiz korelasinya ialah 0.63 ($r = 0.63$) [nilai (r) ±0.50 hingga ±0.69 = kuat], dan nilai variansnya ialah 0.397 ($r^2 = 0.397$) pada tahap signifikan $p = 0.000$.

Dalam erti kata lain, boleh dirumuskan bahawa penggunaan SPPK Mandarin Kategori C (Strategi-strategi mengingat kembali) mempunyai hubungan yang paling kuat dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT jika dibandingkan dengan penggunaan 3 kategori SPPK Mandarin yang lain. Hal ini boleh diinterpretasikan bahawa secara relatifnya penggunaan strategi-strategi mengingat kembali (SPPK Mandarin Kategori C) adalah paling banyak mempengaruhi tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT, dan ia boleh memberi kesan sebanyak 39.7% ($r^2 = 0.397$) terhadap tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka.

Sebaliknya, didapati hubungan antara penggunaan SPPK Mandarin Kategori A (Strategi-strategi mempelajari dan mengingati) dengan tahap pencapaian

University of Malaya

perbendaharaan kata Mandarin adalah paling lemah. Walaupun hubungan penggunaan SPPK Mandarin Kategori A dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin adalah positif, namun kekuatan hubungan antara mereka hanya dianggarkan secara sederhana kuat sahaja – nilai saiz korelasinya ialah 0.38 (r = 0.38) [nilai (r) ±0.30 hingga ±0.49 = sederhana kuat], dan nilai variansnya ialah 0.144 (2r = 0.144) pada tahap signifikan p = 0.000. Hal ini beleh dirumuskan bahawa penggunaan strategi-strategi mempelajari dan mengingati (SPPK Mandarin Kategori A) yang berorientasikan teknik-teknik memori adalah paling kurang mempengaruhi tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT, memandangkan kekuatan pengaruhnya hanya sekadar 14.4% (r^2= 0.144) sahaja ke atas tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT.

Hasil kajian sebagaimana yang dikemukakan di atas didapati adalah sejajar dengan hasil kajian Fan (2003), namun ia adalah berkontras dengan sebahagian daripada hasil kajian Gu dan Johnson (1996). Fan (2003) yang telah menjalankan satu kajian kuantitatif ke atas 1,067 orang pelajar universiti di Hong Kong yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2 mendapati bahawa secara keseluruhannya majoriti responden kajian melaporkan penggunaan SPPK bentuk mengingat kembali adalah paling banyak membantu mereka menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris dengan berkesan. Pada masa yang sama, hasil kajian Fan (2003) turut menunjukkan bahawa para pelajar berkemahiran tinggi adalah paling kerap menggunakan SPPK bentuk mengingat kembali bagi membantu mereka menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris sebagai B2. Hal ini adalah selaras dengan hasil kajian di atas, yang mana didapati hubungan penggunaan SPPK Mandarin Kategori C (iaitu strategi-strategi mengingat kembali) dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin adalah kuat dan berhubungan positif (r = 0.63), sehingga ia boleh memberi kesan sebanyak 39.7%

University of Malaya

terhadap tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT.

Daripada pemerhatian pengkaji, hal ini berlaku besar kemungkinan disebabkan penggunaan SPPK Mandarin bentuk mengingat kembali ini telah banyak membantu para pelajar untuk memantapkan pengetahuan leksikal Mandarin yang telah dipelajari oleh para pelajar. Menurut model ACT cadangan Anderson (1983,1985), semakin kerap sesuatu maklumat baru yang telah dipelajari cuba diingat kembali secara sengaja oleh para pelajar, maka semakin kerap proses pengautomatikan maklumat akan berlaku dan seterusnya maklumat tersebut akan menjadi matang dengan lebih cepat untuk dihantarkan ke stor ingatan jangka panjang sebagai satu kemahiran baru yang telah dikuasai.

Hal ini juga disokong oleh pandangan Nation (2001) yang turut menekankan bahawa strategi-strategi mendapatkan semula maklumat (bersamaan dengan strategi-strategi mengingat kembali dalam kajian ini) adalah merupakan satu proses signifikan yang mampu mempertingkatkan ingatan para pelajar terhadap sesuatu perkataan yang telah dipelajari, kerana setiap kali proses "mendapatkan semula" ini dilakukan, dua perkara iaitu "tanda" (*cue*) dan "pengetahuan" (*knowledge*) sesuatu perbendaharaan kata akan dikaitkan dan ini akan memperkukuhkan lagi ingatan para pelajar terhadap sesuatu perbendaharaan kata yang dipelajari. Elemen ingatan yang kukuh inilah akan menjamin keberkesanan penguasaan perbendaharaan kata dan seterusnya meningkatkan tahap pencapaian perbendaharaan kata para pelajar. Kesemua hujah ini dapat menerangkan sebab mengapa secara relatifnya penggunaan SPPK Mandarin Kategori C (Strategi-strategi mengingat kembali) mempunyai hubungan yang paling kuat dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT, sehingga ia boleh

University of Malaya

memberi kesan sebanyak 39.7% ($r^2 = 0.397$) terhadap tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka.

Namun demikian, hasil kajian seperti di atas yang menunjukkan hubungan penggunaan SPPK Mandarin Kategori A (Strategi-strategi mempelajari dan mengingati yang bertunjangkan teknik-teknik memori) mempunyai hubungan secara positif dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT pula adalah berkontras dengan sebahagian daripada hasil kajian Gu dan Johnson (1996). Kajian Gu dan Johnson (1996) ke atas 850 orang pelajar IPT yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B3 di Negeri China jelas menunjukkan bahawa penggunaan SPPK bentuk memori adalah berkorelasi secara negatif dengan tahap pencapaian bahasa Inggeris responden. Walhal sebagaimana yang disebutkan tadi, kajian ini mendapati hubungan penggunaan SPPK Mandarin bentuk mempelajari dan mengingati yang berorientasikan teknik-teknik memori (iaitu SPPK Mandarin Kategori A) adalah berhubungan secara positif dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT, cuma kekuatan hubungannya adalah secara sederhana ($r = 0.38$), dan hanya mampu memberi kesan sekadar 14.4% ($r^2 = 0.144$) sahaja ke atas tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT.

Hal ini berlaku besar kemungkinan disebabkan faktor perbezaan latar penguasaan bahasa sasaran (B3), khasnya dari segi latar pengetahuan leksikal B3 yang telah diperolehi oleh responden dalam kedua-dua kajian tersebut. Dalam kajian Gu dan Johnson (1996), responden kajian mereka adalah merupakan golongan pelajar yang telah mempunyai pengetahuan leksikal yang asas dalam bahasa Inggeris sebelum mereka mengambil kursus bahasa Inggeris sebagai B3 di peringkat universiti. Hal ini

University of Malaya

bererti mereka telah mempelajari bahasa Inggeris sebagai B3 lebih kurang 5 tahun di peringkat sekolah menengah sebelum memasuki universiti.

Sementara responden dalam kajian ini pula adalah terdiri daripada golongan pelajar yang langsung tidak mempunyai pengetahuan leksikal Mandarin yang asas, iaitu mereka hanya mula mempelajari Mandarin sebagai B3 setelah memasuki universiti. Dalam erti kata lain, responden kajian ini hanya sempat mempelajari Mandarin sebagai B3 selama dua semester sahaja (kira-kira 28 minggu) apabila data kajian ini dikumpul daripada mereka. Secara perbandingannya, boleh dikatakan responden kajian ini masih berada di peringkat permulaan pembelajaran sesuatu bahasa sasaran yang baru, sedangkan responden dalam kajian Gu dan Johnson (1996) pula adalah terdiri daripada mereka yang telah memasuki peringkat pembelajaran pertengahan yang lebih tinggi.

Fenomena ini jika diterangkan dari segi model ACT (Anderson 1983,1985), ia boleh diinterpretasikan bahawa responden dalam kajian ini masih berada di peringkat kognitif, iaitu di tahap pertama dalam proses pemprosesan maklumat. Menurut Anderson (1983, 1985), di peringkat kognitif, aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dilakukan oleh para pelajar adalah secara sedar agar pengetahuan deklaratif (seperti definisi perkataan dan hukum tatabahasa B2/B3) yang baru dipelajari oleh mereka boleh dihantar ke memori jangka pendek / memori kerja. Hal ini bererti responden kajian ini masih memerlukan SPPK yang berorientasikan teknik-teknik memori, misalnya SPPK Mandarin Kategori A (Strategi-strategi mempelajari dan mengingati) untuk membantu mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Justeru itu, hasil kajian ini mendapati bahawa penggunaan SPPK Mandarin bentuk mempelajari dan mengingati yang berorientasikan teknik-teknik memori (iaitu SPPK Mandarin Kategori A) adalah berhubungan secara positif dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin

University of Malaya

para pelajar Melayu IPT, walaupun hubungan antara kedua-dua variabel ini hanya secara sederhana kuat sahaja (r = 0.38).

Sebaliknya, responden dalam kajian Gu dan Johnson (1996) pula boleh dikatakan telah memasuki peringkat asosiatif berlandaskan model ACT (Anderson 1983,1985), iaitu mereka telah berada pada tahap kedua dalam proses pemprosesan maklumat. Berbeza daripada peringkat kognitif, pengetahuan deklaratif di peringkat asosiatif ini akan mula berubah menjadi pengetahuan prosedural (Anderson 1983,1985). Umpamanya para pelajar secara sedar akan menyingkirkan ataupun memperbetulkan kesalahan-kesalahan tatabahasa mereka serta menjalankan latihan secara latih-tubi. Pada peringkat ini, pengetahuan deklaratif yang disimpan dalam stor ingatan jangka pendek / memori kerja para pelajar akan dihantar ke memori jangka panjang deklaratif mereka supaya ia boleh berada lebih kekal di sana.

Hal ini bermakna responden dalam kajian Gu dan Johnson (1996) telah memasuki satu tahap pemprosesan maklumat yang memerlukan penggunaan bentuk SPPK yang lebih canggih, misalnya strategi-strategi mengingat kembali, dan bukannya sekadar penggunaan SPPK beroriensikan teknik-teknik memori untuk membantu mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin dengan lebih berkesan. Justeru pada peringkat asosiatif ini, penggunaan SPPK yang beroriensikan teknik-teknik memori sudah tentu kurang memberi kesan kepada para pelajar demi membantu mereka mempertingkatkan penguasaan perbendaharaan kata. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa dapatan kajian Gu dan Johnson (1996) mendapati penggunaan SPPK bentuk memori mempunyai hubungan negatif dengan tahap pencapaian bahasa Inggeris responden, yang mana hal ini adalah berkontras dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan penggunaan SPPK Mandarin Kategori A (Strategi-strategi mempelajari dan mengingati)

University of Malaya

yang berorientasikan teknik-teknik memori adalah berhubungan positif dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT.

Setelah membuktikan secara keseluruhannya penggunaan SPPK Mandarin adalah kuat mempengaruhi tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT (terutama sekali penggunaan SPPK Mandarin Kategori C yang bertunjangkan strategi-strategi mengingat kembali), laporan dan perbincangan hasil kajian dalam bab ini selanjutnya akan diperincikan dengan melihat sama ada terdapat perbezaan penggunaan SPPK Mandarin yang signifikan antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR demi menjawab soalan kajian (3) dan (4) seperti berikut.

4.4 Pola Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan Kumpulan PMKR

Dalam sub-bahagian ini, tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh dua kumpulan pelajar yang mempunyai tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin yang berbeza akan diteliti. Dua kumpulan pelajar tersebut ialah 89 orang pelajar Melayu IPT berkemahiran tinggi yang terletak dalam lingkungan kuartil atasan (*Upper Quartile*) – kumpulan PMKT (n_1=89); dan 89 orang pelajar Melayu IPT berkemahiran rendah yang terletak dalam lingkungan kuartil bawahan (*Lower Quartile*) – kumpulan PMKR (n_2=89). Sebagaimana yang pernah diterangkan dalam Bab 3, para pelajar yang dikategorikan ke dalam kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR ini adalah masing-masing memperolehi 27% skor tertinggi; dan 27% skor terendah dalam Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin (PPKM) yang diadakan khas untuk tujuan pengumpulan data kajian ini.

Walau bagaimanapun, sebelum berganjak lebih jauh lagi, ingin dijelaskan di sini bahawa hasil kajian untuk soalan kajian (3) dan (4) adalah diletakkan dalam sub-

University of Malaya

bahagian **4.4**, memandangkan kedua-dua soalan kajian ini adalah saling berkaitan antara satu sama lain. Soalan kajian (3) boleh diibaratkan sebagai "pembuka tirai" kepada soalan kajian (4). Tujuan soalan kajian (3) adalah untuk menguji kesignifikanan perbezaan penggunaan SPPK Mandarin antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR; manakala soalan kajian (4) pula bertujuan untuk mengenal pasti secara spesifik perbezaan pola penggunaan SPPK Mandarin antara dua kumpulan pelajar tersebut. Justeru itu, perbincangan dapatan kajian untuk kedua-dua soalan kajian ini hanya akan dipaparkan sekali sahaja selepas mengemukakan dapatan kajian untuk soalan kajian (4).

Hal ini bererti sub-topik **4.4.1** berikut hanya akan melaporkan dapatan kajian untuk menjawab soalan kajian (3) sahaja; manakala dalam sub-topik **4.4.2** nanti, bukan sahaja laporan hasil kajian untuk soalan kajian (4) akan dikemukakan, bahkan perbincangan hasil kajian untuk kedua-dua soalan kajian (3) dan (4) tersebut akan turut diutarakan. Berikut akan dilaporkan hasil ujian Mann-Whitney U tentang kesignifikanan perbezaan penggunaan SPPK Mandarin antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR bagi menjawab soalan kajian (3) terlebih dahulu.

4.4.1 Perbezaan Penggunaan SPPK Mandarin antara Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR

ADAKAH TERDAPAT PERBEZAAN PENGGUNAAN SPPK MANDARIN YANG SIGNIFIKAN ANTARA KUMPULAN PELAJAR MELAYU BERKEMAHIRAN TINGGI (KUMPULAN PMKT) DAN KUMPULAN PELAJAR MELAYU BERKEMAHIRAN RENDAH (KUMPULAN PMKR) DALAM PROSES MEREKA MEMPELAJARI DAN MENGUASAI PERBENDAHARAAN KATA MANDARIN SEBAGAI BAHASA ASING ?

Setelah mengenal pasti pengaruh penggunaan SPPK Mandarin terhadap tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT yang melibatkan 330 orang responden (N = 330) melalui soalan kajian (2) seperti di atas,

University of Malaya

soalan kajian (3) dalam sub-topik ini pula adalah bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penggunaan SPPK Mandarin antara kumpulan PMKT (n_1 = 89) dan kumpulan PMKR (n_2 = 89) dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Demi menjawab soalan kajian ini, ujian Mann-Whitney U telah dipilih untuk menganalisis data kajian kuantitatif yang dikumpul.

Ujian Mann-Whitney U dipilih kerana kehendak soalan kajian ini adalah memenuhi syarat-syarat untuk menggunakan ujian statistik tersebut. Sebagaimana yang pernah diterangkan di sub-bahagain **3.11.1** dalam Bab 3 sebelum ini, ujian Mann-Whitney U merupakan suatu ujian bukan parametrik yang sesuai digunakan untuk menganalisis perbezaan antara dua sampel bebas yang variabel bersandarnya merupakan data skala ordinal (Chua 2008 : 93). Hal ini bersamaan dengan kehendak soalan kajian ini, yang mana kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah merupakan dua variabel bebas; manakala penggunaan SPPK Mandarin di sini pula adalah berperanan sebagai variabel bersandarnya.

Dalam erti kata lain, tujuan soalan kajian ini adalah untuk menentukan nilai min pangkatan (MP) skor ordinal penggunaan item-item SPPK Mandarin (iaitu variabel bersandar) sama ada berbeza secara signifikan ataupun tidak antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR (iaitu dua kategori variabel bebas). Tambahan pula, menurut Chua (2008 : 19) lagi, penggunaan nilai min pangkatan (MP) untuk menganalisis data skala ordinal dalam kes melihat perbezaan antara dua kategori variabel bebas (iaitu kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam konteks kajian ini) adalah lebih sesuai menggunakan nilai min pangkatan (MP) berbanding dengan penggunaan nilai min (M). Hal ini demikian kerana nilai min pangkatan (MP) kurang dipengaruhi oleh skor ekstrim.

University of Malaya

Walau bagaimanapun, sebelum melaksanakan ujian Mann-Whitney U tersebut demi menjawab soalan kajian ini, satu set hipotesis kajian juga perlu dikemukakan terlebih dahulu. Berikut merupakan hipotesis nul (H_0) dan hipotesis penyelidikan (H_1) yang dibentuk khas untuk tujuan menjawab soalan kajian ini.

Hipotesis nul (H_0) : Tidak terdapat perbezaan penggunaan SPPK Mandarin yang signifikan antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam proses mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Hipotesis penyelidikan (H_1) : Terdapat perbezaan penggunaan SPPK Mandarin yang signifikan antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam proses mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Sebagaimana yang telah diterangkan di atas, dalam usaha menjawab soalan kajian ini, pengkaji telah mengambil keputusan untuk mengamalkan cadangan Chua (2008 : 19) dengan menggunakan min pangkatan (MP) untuk menentukan sama ada hipotesis nul (H_0) seperti yang dipaparkan di atas harus diterima ataupun ditolak. Pada masa yang sama, aras signifikan untuk soalan kajian ini juga ditetapkan pada $p < 0.05$ bagi menentukan sama ada hipotesis nul (H_0) diterima ataupun ditolak. Penentuan aras signifikan $p < 0.05$ memberi interpretasi bahawa hanya ralat sebanyak 5 peratus sahaja dibenarkan dalam soalan kajian ini. Hal ini bermakna sekiranya hasil analisis data kajian menunjukkan perbezaan itu lebih besar daripada 5 peratus, maka perbezaan itu dikatakan tidak signifikan, iaitu hipotesis nul (H_0) gagal ditolak.

Sebagai contohnya, jika hipotesis nul (H_0) dalam soalan kajian ini gagal ditolak, maka pengkaji boleh membuat generalisasi bahawa dalam kalangan populasi kajian (pelajar-pelajar Melayu IPT), tidak terdapat perbezaan penggunaan SPPK Mandarin yang

University of Malaya

signifikan antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Sebaliknya, jika hasil kajian menunjukkan perbezaan itu kurang daripada 5 peratus ($p < 0.05$), maka hipotesis nul (H_0) akan berjaya ditolak, dan hipotesis penyelidikan (H_1) yang menyatakan "terdapat perbezaan penggunaan SPPK Mandarin yang signifikan antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR" akan diterima. Dalam hal ini, pengkaji pula boleh membuat generalisasi bahawa dalam kalangan pelajar Melayu IPT yang dikaji, terdapat perbezaan penggunaan SPPK Mandarin yang signifikan antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR.

Keputusan ujian statistik melalui ujian Mann-Whitney U untuk menjawab soalan kajian ini, iaitu menentukan sama ada terdapat perbezaan penggunaan SPPK Mandarin yang signifikan antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR ketika mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3 adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 4.7** berikut

Jadual 4.7: Keputusan Ujian Mann-Whitney U Tentang Perbezaan Penggunaan SPPK Mandarin antara Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR

(n_1=89; n_2=89)

Variabel Bersandar	**2 Kategori Variabel Bebas**		**Nilai Signifikan (p) (2-hujung)**
Perolehan Mann-Whitney U (U) untuk Skor Ordinal Penggunaan Item-item SPPK Mandarin	*Nilai Min Pangkatan (MP)* untuk Kumpulan PMKT (1n = 89)	*Nilai Min Pangkatan (MP)* untuk Kumpulan PMKR (2n = 89)	.000 *
508.50	128.29	50.71	

* Signifikan pada aras p < 0. 05

Hasil ujian Mann-Whitney U dalam **Jadual 4.7** di atas jelas menunjukkan bahawa perolehan Mann-Whitney U (nilai U) untuk skor ordinal penggunaan item-item SPPK Mandarin (sebagai variabel bersandar) adalah sebanyak 508.50. Manakala 2 kategori

University of Malaya

variabel bebasnya, iaitu 89 orang responden daripada kumpulan PMKT (n_1= 89) dan 89 orang responden daripada kumpulan PMKR (n_2 = 89) masing-masing telah mencatatkan nilai min pangkatan (MP) sebanyak 128.29 dan 50.71 pada aras signifikan p = 0.000 atau p < 0.05 [U (n_1= 89, n_2= 89) = 508.5, p < .05]. Memandangkan nilai signifikan (p) yang diperolehi adalah kurang daripada 0.05 (iaitu p = 0.000), maka hipotesis nul (H_0) yang dibentuk khas untuk soalan kajian ini telah berjaya ditolak – *Tidak terdapat perbezaan penggunaan SPPK Mandarin yang signifikan antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam proses mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3*. Hal ini bermakna hipotesis penyelidikan (H_1) adalah berjaya diterima – **Terdapat perbezaan penggunaan SPPK Mandarin yang signifikan antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam proses mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.**

Hasil kajian seperti di atas jelas menunjukkan bahawa antara 89 orang pelajar kumpulan PMKT (n_1 = 89) dan 89 orang pelajar kumpulan PMKR (n_2= 89) yang dibandingkan dengan perolehan nilai U = 508.50, didapati kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah berbeza dari segi penggunaan SPPK Mandarin secara signifikan pada aras p < .05 (iaitu p = .000). Pada masa yang sama, didapati nilai min pangkatan kumpulan PMKT (iaitu MP = 128.29) juga mengatasi kumpulan PMKR (iaitu MP = 50.71). Hal ini turut memberi interpretasi bahawa kumpulan PMKT lebih banyak menggunakan SPPK Mandarin dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3 jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR.

Sebagai kesimpulannya, boleh dirumuskan bahawa hasil kajian untuk soalan kajian (3) dalam sub-bahagian ini telah membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan SPPK Mandarin antara kumpulan PMKT (nilai MP = 128.29) dan

University of Malaya

kumpulan PMKR (iaitu MP = 50.71) ketika mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Hal ini turut memberi interpretasi bahawa para pelajar daripada kumpulan PMKT adalah jauh lebih kerap menggunakan SPPK Mandarin untuk membantu mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3 jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR. Namum demikian, hasil kajian di sini tidak memperincikan sejauh manakah tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin yang digunakan oleh dua kumpulan pelajar ini berbeza antara satu sama lain. Perkara ini akan diteliti melalui soalan kajian (4) seperti berikut.

4.4.2 Tahap Dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR

SEJAUH MANAKAH TAHAP DAN KEKERAPAN PENGGUNAAN SPPK MANDARIN OLEH KUMPULAN PELAJAR MELAYU BERKEMAHIRAN TINGGI (KUMPULAN PMKT) DAN KUMPULAN PELAJAR MELAYU BERKEMAHIRAN RENDAH (KUMPULAN PMKR) DALAM PROSES MEREKA MEMPELAJARI DAN MENGUASAI PERBENDAHARAAN KATA MANDARIN SEBAGAI BAHASA ASING ?

Setelah dibuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan SPPK Mandarin antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR ketika mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3 melalui soalan kajian (3) di atas, soalan kajian ini pula akan membandingkan tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT (n_1=89) dan kumpulan PMKR (n_2=89) tersebut. Demi menjawab soalan kajian ini, analisis statistik deskriptif telah digunakan. Hal ini bererti dalam usaha melaporkan dan membincangkan hasil kajian untuk soalan kajian (4) ini nanti, elemen-elemen statistik seperti nilai Min (M) dan peratusan (%) akan digunakan untuk mebuat perbandingan.

University of Malaya

Sebagaimana yang pernah diterangkan di sub-bahagian **4.2** di atas, bagi menentukan tahap penggunaan SPPK Mandarin oleh responden dalam kajian ini, Jadual Piawaian Interpretasi Skor Min SPB cadangan Oxford (1990) yang diubahsuai seperti dipaparkan melalui **Jadual 4.8** berikut akan dijadikan sebagai panduan.

Jadual 4.8 Interpretasi Tahap Penggunaan SPPK Mandarin Berdasarkan Skor Min

Skor Min	**Tahap Penggunaan SPPK Mandarin**	
3.00 – 4.00	Tahap Penggunaan Tinggi	(T)
2.10 – 2.99	Tahap Penggunaan Sederhana	(S)
1.00 – 2.09	Tahap Penggunaan Rendah	(R)

Menurut Jadual Interpretasi Skor Min seperti ditunjukkan di atas, nilai min antara 3.00 hingga 4.00 adalah dianggap sebagai tahap penggunaan SPPK Mandarin tinggi (T); min 2.10 hingga 2.99 pula adalah dikategorikan sebagai tahap penggunaan SPPK Mandarin secara sederhana (S); manakala min 1.00 hingga 2.09 adalah dianggap sebagai tahap penggunaan SPPK Mandarin secara rendah (R). Berpandukan interpretasi ini, tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR akan dikenal pasti dan dibandingkan untuk tujuan menjawab soalan kajian ini.

Walau bagaimanapun, sebelum berganjak lebih jauh lagi, ingin dijelaskan di sini bahawa keputusan analisis data tentang tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam sub-bahagian ini akan dibandingkan dari tiga perspektif, iaitu secara keseluruhan; berdasarkan 4-kategori SPPK Mandarin; serta berlandaskan 32-item SPPK Mandarin yang ditanya dalam soal selidik. Laporan dan perbincangan hasil kajian berdasarkan tiga perspektif tersebut akan dikemukakan melalui sub-topik **4.4.2.1**; **4.4.2.2**; dan **4.4.2.3** seperti berikut.

University of Malaya

4.4.2.1 Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Dari Perspektif Secara Keseluruhan

Dengan berpandukan nilai Min (M) dan Jadual Interpretasi Skor (seperti dalam **Jadual 4.8** di atas), keputusan analisis data tentang tahap penggunaan SPPK Mandarin secara keseluruhan oleh kumpulan PMKT (n_1=89) dan kumpulan PMKR (n_2=89) dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 4.9** berikut.

Jadual 4.9: Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Secara Keseluruhan

	PMKT (n_1=89)		**PMKR** (n_2=89)	
	Min(M)	**Tahap**	**Min(M)**	**Tahap**
Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin SECARA KESELURUHAN	3.06	(T)	2.27	(S)

n_1 – Bilangan responden kumpulan PMKT
n_2 – Bilangan responden kumpulan PMKR
(T) – Tahap Penggunaan SPPK Tinggi
(S) – Tahap Penggunaan SPPK Sederhana

Berdasarkan **Jadual 4.9** di atas, didapati secara keseluruhannya kumpulan PMKT menggunakan SPPK Mandarin pada tahap tinggi (T) dengan nilai minnya sebanyak 3.06 (M = 3.06); sementara penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKR pula adalah pada tahap sederhana (S) dengan nilai minnya 2.27 (M = 2.27) sahaja. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya kumpulan PMKT adalah lebih kerap menggunakan SPPK Mandarin dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin berbanding dengan kumpulan PMKR. Namun demikian, tahap penggunaan SPPK Mandarin secara sederhana (S) yang ditunjukkan oleh kumpulan PMKR tersebut tidak bererti kumpulan pelajar berkemahiran rendah ini langsung tidak menggunakan SPPK Mandarin untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin, cuma mereka tidak begitu kerap menggunakan SPPK Mandarin jika dibandingkan dengan kumpulan PMKT.

University of Malaya

Hasil kajian ini adalah disokong oleh beberapa dapatan kajian di luar negeri, seperti yang pernah dilakukan oleh Porte (1988), Gu dan Johnson (1996), serta Fan (2003). Porte (1988) telah buat pertama kalinya meneliti penggunaan SPPK ke atas 15 orang pelajar lemah bahasa yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2. Melalui kaedah temu bual, beliau telah membandingkan penggunaan SPPK oleh pelajar-pelajar lemah bahasa Inggeris dengan SPPK yang digunakan oleh para pelajar cemerlang bahasa Inggeris yang telah dikenal pasti dalam kajian-kajian sebelumnya. Hasil kajian Porte (1988:167) menunjukkan bahawa para pelajar lemah bahasa Inggeris tersebut sesungguhnya menggunakan jenis-jenis strategi yang lebih kurang sama dengan pelajar-pelajar cemerlang bahasa untuk menguasai perbendaharaan kata baru bahasa Inggeris. Namun, perkara yang membezakan para pelajar lemah bahasa daripada para pelajar cemerlang bahasa adalah terletak pada kekerapan (kuantiti) dan kemahiran (kualiti) mereka mengaplikasikan SPPK ke dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata – para pelajar lemah bahasa tidak begitu kerap dan kurang mahir menggunakan SPPK dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Bahasa Inggeris mereka, berbanding dengan para pelajar cemerlang bahasa. Boleh dikatakan dapatan kajian Porte (1988) ini adalah sejajar dengan hasil kajian ini yang mendapati bahawa secara keseluruhannya tahap penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKR (M = 2.27) adalah lebih rendah daripada kumpulan PMKT (M = 3.06).

Dalam pada itu, Gu dan Johnson (1996) yang telah menjalankan satu kajian kuantitatif melalui soal selidik ke atas 850 orang pelajar universiti di Negeri China juga turut membuktikan bahawa golongan pelajar yang aktif menggunakan SPPK, dalam erti kata amat kerap mengaplikasikan SPPK ke dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata bahasa Inggeris sebagai B3 mereka, adalah merupakan kumpulan pelajar yang berpencapaian tinggi. Sebaliknya, para pelajar yang pasif ataupun tidak kerap

University of Malaya

menggunakan SPPK ketika mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris sebagai B3 mereka, adalah merupakan kumpulan pelajar yang berpencapaian rendah.

Begitu juga, Fan (2003) yang telah menyelidiki aspek penggunaan SPPK ke atas 1,067 orang pelajar universiti di Hong Kong yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2, turut mengemukakan bahawa golongan pelajar yang berkemahiran tinggi adalah lebih kerap menggunakan SPPK untuk mempelajari perbendaharaan kata baru bahasa Inggeris berbanding dengan mereka yang kurang berkemahiran (kumpulan pelajar berpencapaian sederhana dan rendah) dalam penguasaan perbendaharaan kata bahasa Inggeris. Ringkasnya, boleh dikatakan 3 cebisan dapatan kajian di atas telah manyokong hasil kajian dalam sub-topik ini yang menunjukkan bahawa secara keseluruhannya kumpulan PMKT adalah lebih kerap menggunakan SPPK Mandarin untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR.

Daripada pemerhatian pengkaji, fenomena ini berlaku adalah disebabkan oleh faktor psikologi pelajar – pemikiran positif yang ada pada para pelajar kumpulan PMKT telah mendorong mereka bersikap lebih proaktif dan berinisiatif untuk menggunakan SPPK ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR. Setelah mereka mendapati sesuatu SPPK Mandarin lebih berkesan dan dapat membantu mereka menguasai perbendaharaan kata Mandarin dengan baik, maka para pelajar kumpulan PMKT ini akan mempunyai kesedaran diri supaya lebih kerap dan lebih konsisten menggunakan SPPK Mandarin ketika mempelajari sesuatu perbendaharaan kata Mandarin baru. Sebaliknya, fenomena ini jarang dijumpai dalam kalangan pelajar kumpulan PMKR, disebabkan pada lazimnya diperhatikan para pelajar kumpulan PMKR adalah kurang proaktif dan jarang mengambil inisiatif untuk

University of Malaya

mengaplikasikan SPPK Mandarin dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin mereka.

Sesungguhnya, argumen pengkaji seperti di atas adalah disokong oleh McCarthy (2001) (dalam Fan, 2003:1). Beliau berpendapat bahawa : *The successful learners are those who develop techniques and disciplines for learning vocabulary....The more independent you become as a learner, the better and stronger your vocabulary becomes, I think*. Istilah "*techniques and disciplines*" yang dimaksudkan oleh McCarthy (2001) di sini adalah merujuk kepada SPPK yang digunakan oleh para pelajar ketika mempelajari dan menguasai aspek perbendaharaan kata; dan perkataan "*independent*" pula boleh diinterpretasikan sebagai sikap proaktif dan berinisiatif yang ada pada diri para pelajar.

Dalam erti kata lain, McCarthy (2001) berpendapat bahawa para pelajar yang mempunyai pencapaian yang tinggi dalam penguasaan perbendaharaan kata Mandarin biasanya adalah lebih kerap menggunakan SPPK untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata. Hal ini selaras dengan hasil kajian dalam sub-topik ini yang menunjukkan secara keseluruhannya kumpulan PMKT adalah lebih kerap menggunakan SPPK Mandarin dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin berbanding dengan kumpulan PMKR.

Walau bagaimanapun, kesemua ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci lagi dengan berpandukan hasil analisis data kualitatif temu bual dalam sub-topik **5.5.2** dan **5.5.3** di Bab 5 nanti. Selanjutnya, laporan dan perbincangan hasil kajian tentang tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR akan ditumpukan kepada aspek 4-kategori SPPK Mandarin seperti berikut.

University of Malaya

4.4.2.2 Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Berdasarkan 4-Kategori SPPK Mandarin

Dalam sub-topik ini, tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR akan dibandingkan dari segi 4 kategori SPPK Mandarin (iaitu SPPK Mandarin Kategori A, B, C dan D seperti dalam soal selidik). Hasil kajian tentang tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR berdasarkan 4-kategori SPPK Mandarin adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 4.10** berikut.

Jadual 4.10: Tahap Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Berdasarkan 4-Kategori SPPK Mandarin

Kategori SPPK Mandarin	PMKT (n_1=89)		PMKR (n_2=89)	
	Min(M)	Tahap	Min(M)	Tahap
Kategori A : Strategi-strategi mempelajari dan mengingati	2.85**	(S)	2.47	(S)
Kategori B : Strategi-strategi mengulang kaji	3.26*	(T)	2.57*	(S)
Kategori C : Strategi-strategi mengingat kembali	3.20	(T)	2.38	(S)
Kategori D : Strategi-strategi mengaplikasi	2.94	(S)	1.65**	(R)

n_1 – Bilangan responden kumpulan PMKT
n_2 – Bilangan responden kumpulan PMKR
(T) – Tahap Penggunaan SPPK Tinggi
(S) – Tahap Penggunaan SPPK Sederhana
(R) – Tahap Penggunaan SPPK Rendah

*Tahap penggunaan SPPK Mandarin paling tinggi
**Tahap penggunaan SPPK Mandarin paling rendah

Berpandukan **Jadual 4.10** di atas, didapati kumpulan PMKT telah menggunakan SPPK Mandarin Kategori B (Strategi-strategi mengulang kaji) pada tahap paling tinggi (M = 3.26). Hal ini diikuti oleh penggunaan SPPK Mandarin Kategori C (Strategi-strategi mengingat kembali) dan SPPK Mandarin Kategori D (Strategi-strategi mengaplikasi), yang mana nilai min (M) masing-masing ialah 3.20 dan 2.94. Akhir sekali, didapati nilai min (M) untuk tahap penggunaan SPPK Mandarin Kategori A (Strategi-strategi mempelajari dan mengingati) adalah paling rendah (M = 2.85). Bagi kumpulan PMKR

University of Malaya

pula, mereka juga menunjukkan tahap penggunaan SPPK Mandarin Kategori B (Strategi-strategi mengulang kaji) di tahap paling tinggi (M = 2.57), diikuti oleh penggunaan SPPK Mandarin Kategori A (Strategi-strategi mempelajari dan mengingati) (M = 2.47); SPPK Mandarin Kategori C (Strategi-strategi mengingat kembali) (M = 2.38), dan akhir sekali tahap penggunaan SPPK Mandarin Kategori D (Strategi-strategi mengaplikasi) (M = 1.65).

Dengan berpandukan hasil analisis data di atas, boleh dirumuskan di sini bahawa dalam proses untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3, kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah sama-sama paling kerap menggunakan strategi-strategi bentuk mengulang kaji (SPPK Mandarin Kategori B), yang mana SPPK bentuk ini hanya melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan (*surface processing*) dan bersifat reseptif (*receptive*). Namun demikian, apa yang berbeza ialah kumpulan PMKT adalah lebih kerap (M = 3.26) menggunakan SPPK bentuk mengulang kaji jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR (M = 2.57).

Selain terdapat persamaan dari segi penggunaan SPPK bentuk mengulang kaji (SPPK Mandarin Kategori B) ini, didapati kedua-dua kumpulan pelajar ini adalah berbeza dari segi penggunaan tiga kategori SPPK Mandarin (A, C, dan D) yang lain. Didapati kumpulan PMKT adalah lebih kerap menggunakan SPPK Mandarin Kategori C (strategi-strategi mengingat kembali) dan SPPK Mandarin Kategori D (strategi-strategi mengaplikasi), yang mana kedua-dua kategori SPPK Mandarin ini adalah membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam (*deep processing*) dan bersifat produktif (*productive*). Sebaliknya, kumpulan PMKR pula adalah paling jarang menggunakan SPPK Mandarin Kategori D (strategi-strategi mengaplikasi), diikuti oleh penggunaan SPPK Mandarin Kategori C (strategi-strategi mengingat kembali). Namun

University of Malaya

demikian, mereka adalah lebih menumpukan perhatian kepada SPPK Mandarin Kategori A (strategi-strategi mempelajari dan mengingati), yang mana bentuk SPPK ini banyak melibatkan teknik-teknik memori. Padahal SPPK Mandarin Kategori A (strategi-strategi mempelajari dan mengingati) inilah yang paling jarang digunakan oleh kumpulan PMKT untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin.

Pendek kata, boleh dirumuskan bahawa hasil kajian dalam sub-topik ini mendapati pada peringkat permulaan proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin, sama ada kumpulan PMKT ataupun kumpulan PMKR adalah paling kerap menggunakan SPPK Mandarin Kategori B (Strategi-strategi mengulang kaji) yang banyak melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan dan bersifat reseptif (walaupun tahap dan kekerapan penggunaan mereka adalah berbeza). Seterusnya, didapati pola penggunaan SPPK Mandarin oleh kedua-dua kumpulan pelajar ini telah berbeza antara satu sama lain berdasarkan tahap kemahiran penguasaan perbendaharaan kata Mandarin masing-masing – kumpulan PMKT yang didapati lebih mahir dalam menguasai pengetahuan leksikal Mandarin adalah lebih cenderung menggunakan SPPK Mandarin Kategori C (Strategi-strategi mengingat kembali) yang banyak membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam dan bersifat produktif; walhal kumpulan PMKR yang masih kurang mahir dalam penguasaan pengetahuan leksikal Mandarin adalah lebih cenderung menggunakan SPPK Mandarin Kategori A (Strategi-strategi mempelajari dan mengingati) yang banyak merangkumi teknik-teknik memori dan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan.

Hasil kajian dalam sub-topik ini adalah disokong oleh sebahagain daripada dapatan kajian Schmitt (1997/2009). Schmitt yang pernah menjalankan satu kajian kuantitatif ke atas 600 orang pelajar Jepun yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B3 turut

University of Malaya

mengemukakan bahawa para pelajar sekolah tinggi (tahap rendah) yang dianggap kurang berkemahiran dari segi penguasaan perbendaharaan kata bahasa Inggeris adalah lebih kerap menggunakan SPPK bentuk mekanikal yang lazimnya melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan sahaja (seperti menulis berulang kali) untuk mempelajari perkataan bahasa Inggeris mereka. Namun, apabila tahap penguasaan perbendaharaan kata para pelajar semakin meningkat, misalnya pada tahap universiti, mereka adalah lebih cenderung menggunakan bentuk SPPK yang membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam serta bersifat produktif (seperti strategi bertanya guru tentang parafrasa dan sinonim).

Berbanding dengan dapatan kajian ini pula, didapati pada peringkat permulaan proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3, kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah cenderung menggunakan bentuk SPPK Mandarin yang sama – strategi-strategi mengulang kaji (SPPK Mandarin Kategori B) yang bersifat reseptif. Namun demikian, dalam proses pembelajaran dan penguasaan perbendaharaan kata Mandarin selanjutnya apabila tahap penguasaan perbendaharaan kata Mandarin para pelajar telah berbeza, didapati kumpulan PMKT adalah lebih kerap menggunakan strategi-strategi mengingat kembali (SPPK Mandarin Kategori C) yang membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam dan bersifat produktif; sedangkan kumpulan PMKR pula adalah lebih kerap menggunakan strategi-strategi mempelajari dan mengingati (SPPK Mandarin Kategori A) yang banyak melibatkan teknik-teknik memori dan bersifat reseptif; dan paling jarang menggunakan strategi-strategi mengaplikasi (SPPK Mandarin Kategori D) yang bersifat produktif.

Daripada pemerhatian pengkaji, hal ini berlaku kerana semua responden dalam kajian ini adalah mempelajari Mandarin sebagai B3 bermula dari peringkat yang paling asas,

University of Malaya

iaitu mereka langsung tidak mempunyai sebarang pengetahuan leksikal yang formal tentang bahasa sasaran B3 (Mandarin) yang dipelajari. Hal ini telah menyebabkan para pelajar kedua-dua kumpulan ini terpaksa menggunakan bentuk SPPK bersifat reseptif, seperti SPPK Mandarin bentuk mengulang kaji (SPPK Mandarin Kategori B) pada peringkat permulaan pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin untuk mengukuhkan pengetahuan leksikal Mandarin yang baru dipelajari.

Hal ini jika diterangkan dari perspektif model ACT Anderson (1983,1985), kedua-dua kumpulan pelajar ini dianggap masih berada dalam peringkat kognitif pemprosesan maklumat baru. Menurut Anderson (1983,1985), para pelajar dalam peringkat ini akan memperolehi pengetahuan deklaratif yang diterima (iaitu perbendaharaan kata Mandarin) secara sedar, dan cuba mengekodkannya untuk dihantar ke memori jangka pendek yang amat terbatas ruangannya. Justeru itu, sebagaimana yang ditunjukkan dalam hasil kajian ini, kedua-dua kumpulan pelajar ini (sama ada kumpulan PMKT ataupun kumpulan PMKR) adalah sama-sama paling kerap menggunakan SPPK Mandarin Kategori B (Strategi-srtategi mengulang kaji) yang bersifat reseptif.

Namun demikian, disebabkan kumpulan PMKT adalah lebih kerap (M=3.26) mempraktikkan SPPK Mandarin bentuk mengulang kaji tersebut jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR (M=2.57), maka secara relatifnya kumpulan PMKT telah menjadi lebih mahir dalam penguasaan perbendaharaan kata Mandarin. Sebagaimana yang diterangkan dalam model ACT Anderson (1983,1985), kumpulan PMKT ini boleh dikatakan lebih cepat memasuki peringkat asosiatif (berbanding dengan kumpulan PMKR), yang mana dalam peringkat asosiatif ini, para pelajar kumpulan PMKT akan berusaha mentranformasikan pengetahuan deklaratif kepada pengetahuan prosedural. Sebagai contohnya, para pelajar kumpulan PMKT akan secara sedar dan sengaja

University of Malaya

berlatih mengingat kembali makna perbendaharaan kata Mandarin – mereka cuba mendapatkan semula pengetahuan deklaratif (perbendaharaan kata Mandarin) yang telah disimpan dalam memori jangka pendek agar dapat diproseduralkan dan dihantar ke memori jangka panjang deklaratif.

Dalam erti kata lain, kumpulan PMKT adalah lebih berkemampuan untuk menggunakan SPPK Mandarin Kategori C (Strategi-strategi mengingat kembali) kerana penggunaan bentuk SPPK Mandarin ini memerlukan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam. Dalam hal ini, tidak keterlaluan dikatakan hanya kumpulan PMKT berkeupayaan berbuat demikian kerana mereka telah memasuki peringkat asosiatif dalam proses penguasaan perbendaharaan kata Mandarin; walhal majoriti pelajar daripada kumpulan PMKR masih belum bersedia dan kurang berkemampuan untuk menggunakan strategi-strategi mengingat kembali tersebut kerana tahap penguasaan perbendaharaan kata Mandarin oleh mereka masih berada pada peringkat kognitif. Kesemua ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi dengan berpandukan hasil analisis data kualitatif temu bual dalam sub-topik **5.4.2** di Bab 5 nanti. Selanjutnya, laporan dan perbincangan hasil kajian akan diperincikan lagi dengan melihat sejauh manakah kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR berbeza dari segi penggunaan 32-item SPPK Mandarin seperti berikut.

4.4.2.3 Tahap dan Kekerapan Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Berdasarkan 32-Item SPPK Mandarin

Dalam sub-topik ini, laporan dan perbincangan hasil kajian akan ditumpukan kepada dua aspek : (i) perbandingan (dalam bentuk peratusan) tentang tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR berdasarkan keseluruhan 32-item SPPK Mandarin dalam soal selidik; dan (ii) perbandingan antara 5-item SPPK Mandarin yang paling kerap dan paling jarang digunakan oleh kumpulan

University of Malaya

PMKT dan kumpulan PMKR. Hasil kajian tentang tahap dan kekerapan penggunaan 32-item SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah seperti ditunjukkkan dalam **Rajah 4.1** berikut.



***(T) – Tinggi (S) – Sederhana (R) – Rendah**

Rajah: 4.1: Perbandingan Tahap dan Kekerapan Penggunaan 32-Item SPPK Mandarin antara Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR

Berpandukan **Rajah 4.1** di atas, didapati 56.3% daripada tahap penggunaan 32-item SPPK Mandarin yang digunakan oleh kumpulan PMKT adalah pada tahap tinggi (T); sedangkan hanya 3.1% daripada penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKR berada pada tahap tinggi (T). Sebaliknya, kumpulan PMKR banyak menggunakan 32-item SPPK Mandarin tersebut pada tahap sederhana (71.9%) dan tahap rendah (25%); walhal hanya 6.2% daripada tahap dan kekerapan penggunaan 32-item SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT adalah pada tahap rendah (R). Hal ini boleh diinterpretasikan bahawa secara relatifnya kumpulan PMKT adalah lebih kerap menggunakan pelbagai

University of Malaya

jenis SPPK Mandarin ketika mereka mempelajari dan menguasai perbendaharan kata Mandarin jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR.

Dapatan kajian ini adalah konsisten dengan sebahagian daripada hasil kajian Fan (2003) yang telah menyelidiki aspek penggunaan SPPK ke atas 1,067 orang pelajar universiti di Hong Kong yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2. Dapatan kajian beliau membuktikan bahawa golongan pelajar berkemahiran tinggi bukan sahaja lebih kerap menggunakan SPPK dalam proses mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris, malahan menggunakannya dalam pelbagai bentuk jika dibandingkan dengan para pelajar berkemahiran rendah. Menurut Fan (2003: 231-232), para pelajar universiti berkemahiran tinggi yang mempelajari Bahasa Inggeris sebagai B2 di Hong Kong adalah secara signifikan lebih kerap menggunakan 6 bentuk SPPK (iaitu pentadbiran, sumber, meneka, penggunaan kamus, ulang kaji perkataan diketahui, dan penganalisaan) untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris, sedangkan golongan pelajar yang berkemahiran rendah hanya cenderung menggunakan 2 bentuk SPPK sahaja (iaitu pengulangan dan kaitan) ketika mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris.

Walaupun instrumen soal selidik untuk kedua-dua kajian [Fan (2003) dan kajian ini] adalah diadaptasikan daripada sumber asal yang berlainan, yang mana soal selidik yang digunakan dalam kajian Fan (2003) adalah diadaptasi daripada *Vocabulary Learning Questionnaire* (*VLS Version 3*) oleh Gu & Johnson (1996); manakala instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah diadaptasi daripada *Language Strategy Use Inventory – Vocabulary Strategy Use* oleh Cohen dan Chi (2001/2005), namun secara tuntasnya hasil kajian Fan (2003) telah menyokong dapatan kajian ini yang membuktikan bahawa secara perbandingannya kumpulan PMKT adalah lebih kerap

University of Malaya

menggunakan pelbagai jenis SPPK Mandarin dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharan kata Mandarin sebagai B3.

Daripada pemerhatian pengkaji, fenomena ini berlaku besar kemungkinan adalah disebabkan oleh faktor-faktor psikologi yang ada pada para pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana diperhatikan secara lumrahnya kumpulan PMKT adalah berfikiran lebih positif, lebih berkeyakinan diri dan lebih proaktif dalam mencuba pelbagai jenis SPPK Mandarin dengan lebih kerap bagi membantu mereka menguasai pengetahuan leksikal Mandarin yang baru dipelajari. Sebaliknya, didapati kumpulan PMKR adalah kurang proaktif dalam menggunakan pelbagai jenis SPPK Mandarin. Hal ini berlaku besar kemungkinan adalah disebabkan oleh halangan psikologi yang sedia terpendam dalam sanubari para pelajar. Kesemua faktor ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam lagi berpandukan bukti data kualitatif temu bual dalam sub-topik **5.5.2** dan **5.5.3** di Bab 5 nanti.

Seterusnya, laporan dapatan kajian akan ditumpukan kepada aspek item SPPK Mandarin yang paling kerap dan paling jarang digunakan oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR seperti berikut. Selain itu, jika dilihat dari perspektif 5-item SPPK Mandarin yang paling kerap digunakan oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR, hasil kajiannya adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 4.11** di muka surat berikut.

University of Malaya

Jadual 4.11: Perbandingan 5-Item SPPK Mandarin Yang **Paling Kerap** Digunakan oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Mengikut Urutan

KUMPULAN PMKT	KUMPULAN PMKR
Item 27 (SPPK Mandarin Kategori C) Mengingat kembali maksud perkataan Mandarin dengan mendengar orang lain bertutur Mandarin. ***(Min=3.75)***	**Item 13 (SPPK Mandarin Kategori B)** Menyebut perkataan baru Mandarin berulang kali supaya mengingatinya. ***(Min=3.25)***
Item 13 (SPPK Mandarin Kategori B) Menyebut perkataan baru Mandarin berulang kali supaya mengingatinya. ***(Min=3.73)***	**Item 4 (SPPK Mandarin Kategori A)** Menghubungkaitkan sebutan perkataan Mandarin dengan bahasa ibunda. ***(Min=2.88)***
Item 16 (SPPK Mandarin Kategori B) Menterjemahkan perkataan demi perkataan ke dalam bahasa ibunda. ***(Min=3.61)***	**Item 3 (SPPK Mandarin Kategori A)** Menggolongkan perkataan Mandarin kepada kumpulan yang mempunyai ciri-ciri sama. ***(Min=2.79)***
Item 19 (SPPK Mandarin Kategori B) Mengulang kaji perkataan Mandarin dengan kawan. ***(Min=3.60)***	**Item 2 (SPPK Mandarin Kategori A)** Membahagikan perkataan Mandarin kepada segmen-segmen kecil. ***(Min=2.76)***
Item 24 (SPPK Mandarin Kategori C) Menguji diri sendiri untuk mengingat kembali perkataan Mandarin. ***(Min=3.55)***	**Item 14 (SPPK Mandarin Kategori B)** Menulis perkataan Mandarin berulang kali. ***(Min=2.70)***

Daripada **Jadual 4.11** di atas, didapati kumpulan PMKT ini adalah paling kerap menggunakan **Item 27** (Saya mengingat kembali maksud perkataan Mandarin dengan mendengar orang lain bertutur Mandarin.) yang membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam dan bersifat produktif; sedangkan kumpulan PMKR paling kerap menggunakan **Item 13** (Saya menyebut perkataan baru Mandarin berulang kali supaya mengingatinya.) yang melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan dan bersifat reseptif.

Dapatan kajian ini adalah konsisten dengan hasil kajian Schmitt (1997; 2009), namun ia adalah berkontras dengan sebahagian daripada hasil kajian Fan (2003). Schmitt (1997; 2009) mengemukakan bahawa para pelajar sekolah tinggi (tahap rendah) di Jepun yang dianggap kurang menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris adalah lebih kerap menggunakan SPPK bentuk mekanikal yang lazimnya melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan, misalnya menulis berulang kali, untuk

University of Malaya

mempelajari perkataan bahasa Inggeris mereka; sedangkan para pelajar yang lebih berkemahiran tinggi pada tahap universiti pula adalah lebih cenderung menggunakan bentuk SPPK yang membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam dan bersifat produktif ataupun interaktif, misalnya bertanya guru tentang parafrasa dan sinonim. Penemuan dalam kajian Schmitt (1997/2009) ini telah menyokong dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa kumpulan PMKT adalah paling kerap menggunakan **Item 27** (Saya mengingat kembali maksud perkataan Mandarin dengan mendengar orang lain bertutur Mandarin); dan kumpulan PMKR pula adalah paling kerap menggunakan **Item 13** (Saya menyebut perkataan baru Mandarin berulang kali supaya mengingatinya), yang mana **Item 27** adalah lebih bersifat produktif dan **Item 13** adalah lebih bersifat reseptif.

Fenomena ini berlaku kerana menurut model ACT Anderson (1983,1985), boleh dikatakan kumpulan PMKT telah memasuki peringkat asosiatif, yang mana pada peringkat ini tugas utama pelajar adalah mentransformasikan pengetahuan leksikal Mandarin daripada pengetahuan deklaratif kepada pengetahuan prosedural supaya dapat disimpan ke dalam memori jangka panjang deklaratif. Justeru itu, mereka adalah lebih memerlukan pengaplikasian jenis SPPK Mandarin yang bersifat produktif dan melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam. Sementara kumpulan PMKR pula boleh dikatakan masih berada pada peringkat kognitif, yang mana pada peringkat ini tugas utama para pelajar adalah cuba mengingati pengetahuan deklaratif perbendaharaan kata Mandarin yang baru dipelajari agar dapat disimpan ke dalam memori jangka pendek.

Selain itu, didapati hasil kajian dalam sub-topik ini adalah berkontras dengan sebahagian dapatan kajian Fan (2003), yang mana Fan (2003) mengemukakan bahawa

University of Malaya

kedua-dua golongan pelajar sama ada berkemahiran tinggi ataupun berkemahiran rendah adalah kerap menggunakan jenis SPPK "berusaha mengingat kembali makna perkataan bahasa Inggeris tertentu, agar dapat memahami keseluruhan konteks petikan yang dibaca". Namun, dalam sub-topik kajian ini pula, didapati SPPK Mandarin jenis mengingat kembali, seperti **Item 27** (Saya mengingat kembali maksud perkataan Mandarin dengan menumpukan perhatian mendengar orang lain bertutur Mandarin) hanya paling kerap digunakan oleh kumpulan PMKT sahaja, dan jarang digunakan oleh kumpulan PMKR. Fenomena ini berlaku kerana responden dalam kajian Fan (2003) adalah terdiri daripada para pelajar peringkat universiti yang telah mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2 sekurang-kurangnya 5 tahun sebelum mereka memasuki universiti. Hal ini bermakna mereka telah mempunyai pengetahuan leksikal asas sebelum meraka mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2 di universiti Hong Kong; ataupun dalam erti kata lain mereka telah memasuki peringkat asosiatif ketika mereka mengikuti kursus bahasa Inggeris sebagai B2 di universiti tersebut.

Walhal responden dalam kajian ini pula adalah merupakan para pelajar IPT yang pertama kali mempelajari Mandarin sebagai B3, yang mana mereka langsung tidak mempunyai sebarang pengetahuan asas berkaitan dengan bahasa sasaran (Mandarin) yang dipelajari. Hal ini telah menyebabkan hasil kajian untuk kedua-dua cebisan kajian ini berkontras kerana para pelajar berkemahiran rendah dalam kajian Fan (2003) masih berkemampuan untuk menggunakan SPPK jenis mengingat kembali yang bersifat produktif, memandangkan golongan pelajar tersebut mempunyai lebih banyak pengetahuan leksikal bahasa Inggeris yang asas demi mengaplikasikan SPPK jenis sedemikian (mengingat kembali makna perkataan) jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR dalam kajian ini.

University of Malaya

Walau bagaimanapun, selain daripada perbezaan yang dipaparkan di atas, didapati wujud satu persamaan dari segi 5-item SPPK Mandarin yang paling kerap digunakan tersebut. Daripada **Jadual 4.11** di atas, didapati kedua-dua kumpulan pelajar ini adalah sama-sama agak kerap menggunakan **Item 13** (Saya menyebut perkataan baru Mandarin berulang kali supaya mengingatinya). Hal ini berlaku kerana menurut model ACT Anderson (1983,1985), secara lumrahnya pada peringkat awal proses pembelajaran sesuatu maklumat baru (dalam konteks ini merujuk kepada perbendaharaan kata baru Mandarin), para pelajar akan lebih cenderung menggunakan jenis SPPK Mandarin yang bersifat reseptif supaya perbendaharaan kata Mandarin yang baru dipelajari boleh dikodkan untuk disimpan ke dalam stor ingatan jangka pendek. Hal ini tidak kira sama ada seseorang pelajar itu berkemahiran tinggi ataupun rendah. Justeru itu, hasil kajian ini mendapati sama ada kumpulan PMKT ataupun kumpulan PMKR adalah sama-sama kerap menggunakan jenis SPPK Mandarin yang bersifat reseptif, seperti **Item 13**.

Namun demikian, secara relatifnya kekerapan penggunaan **Item 13** ini oleh kumpulan PMKT adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR, yang mana didapati min **Item 13** oleh kumpulan PMKT ialah 3.73; sementara min **Item 13** oleh kumpulan PMKR cuma 3.25 sahaja. Keseringkalian kumpulan PMKT menggunakan jenis SPPK Mandarin mengulang kaji ini telah menyebabkan mereka lebih cepat memasuki peringkat asosiatif dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR. Natijahnya, didapati selain daripada **Item 13** tersebut, majoriti item SPPK Mandarin yang digunakan oleh kedua-dua kumpulan pelajar ini adalah berbeza antara satu sama lain sebagaimana ditunjukkan oleh hasil kajian dalam **Jadual 4.11** di atas. Hujah ini akan diperincikan lagi berdasarkan bukti hasil analisis data kualitatif melalui sub-topik **5.4.2** dalam Bab 5 nanti.

University of Malaya

Sementara di satu pihak yang lain pula, 5-item SPPK Mandarin yang paling jarang digunakan oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 4.12** berikut.

Jadual 4.12: Perbandingan 5-Item SPPK Mandarin Yang **Paling Jarang** Digunakan oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR Mengikut Urutan

KUMPULAN PMKT	KUMPULAN PMKR
Item 10 (SPPK Mandarin Kategori A) Menggunakan kad imbasan untuk mempelajari perkataan baru Mandarin. ***(Min=1.75)***	**Item 10 (SPPK Mandarin Kategori A)** Menggunakan kad imbasan untuk mempelajari perkataan baru Mandarin. ***(Min=1.57)***
Item 5 (SPPK Mandarin Kategori A) Menggunakan lagu untuk mengingati perkataan Mandarin. ***(Min=2.00)***	**Item 4 (SPPK Mandarin Kategori D)** Melatih bertutur Mandarin dengan orang lain. ***(Min=1.58)***
Item 9 (SPPK Mandarin Kategori A) Beraksi untuk mengingati perkataan Mandarin. ***(Min=2.24)***	**Item 30 (SPPK Mandarin Kategori D)** Berusaha menggunakan ungkapan simpulan bahasa / perungkapan 4-kata Mandarin. ***(Min=1.62)***
Item 22 (SPPK Mandarin Kategori C) Berusaha mengingat kembali "muka surat" di mana perkataan Mandarin tertentu wujud. ***(Min=2.36)***	**Item 28 (SPPK Mandarin Kategori D)** Menggunakan perkataan baru Mandarin melalui *sms* atau *facebook*. ***(Min=1.81)***
Item 30 (SPPK Mandarin Kategori D) Berusaha menggunakan ungkapan simpulan bahasa ataupun perungkapan 4-kata Mandarin. ***(Min=2.58)***	**Item 26 (SPPK Mandarin Kategori C)** Menggunakan *Senarai Perbendaharaan Kata* untuk mengingati kembali maksud perkataan Mandarin. ***(Min=1.88)***

Berdasarkan **Jadual 4.12** di atas, didapati kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah sama-sama paling jarang menggunakan **Item 10** (Saya menggunakan kad imbasan untuk mempelajari perkataan baru Mandarin) yang berteraskan teknik memori dan membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan. Tambahan pula, didapati kumpulan PMKT yang sebelum ini dibuktikan kedua paling kerap menggunakan bentuk SPPK Mandarin mengingat kembali (SPPK Mandarin Kategori C) (sila rujuk kembali **Jadual 4.10** di atas), kini didapati keempat paling jarang menggunakan salah satu item daripada SPPK Mandarin Kategori C – **Item 22** (Saya berusaha mengingat kembali "muka surat" di mana perkataan Mandarin tertentu wujud). Hal ini bererti hasil kajian dalam sub-topik ini adalah berkontras dengan sebahagian

University of Malaya

besar dapatan kajian yang diperolehi sebelum ini, iaitu terdapat perbezaan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR yang mana ia turut disokong oleh argumen-argumen dalam model ACT Anderson (1983,1985). Namun dalam hal ini, didapati satu kekecualian telah berlaku disebabkan oleh faktor pengaruh kematangan fikiran pelajar.

Memandangkan kedua-dua kumpulan pelajar ini adalah merupakan golongan pelajar dewasa muda yang rata-ratanya mempunyai pengalaman hidup ataupun pengalaman pembelajaran terdahulu, maka dijangka pemilihan jenis SPPK Mandarin oleh mereka adakalanya tidak seratus peratus tertakluk kepada tahap penguasaan perbendaharaan kata Mandarin yang dibuktikan benar sebelum ini, tetapi dipengaruhi oleh tahap kematangan fikiran mereka. Umpamanya, dalam kajian ini didapati kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah paling jarang menggunakan "kad imbasan" untuk mempelajari perkataan baru Mandarin (**Item 10**), memandangkan jenis SPPK Mandarin ini dianggap mengambil masa yang terlalu banyak untuk menyediakan kad-kad imbasan. Begitu juga, kumpulan PMKT yang sesungguhnya agak kerap menggunakan bentuk SPPK Mandarin mengingat kembali didapati agak jarang pula menggunakan jenis SPPK Mandarin mengingat kembali "muka surat" di mana sesuatu perkataan Mandarin tertentu wujud (**Item 22**), kerana besar kemungkinan jenis SPPK Mandarin ini dianggap terlalu remeh-temeh untuk melakukannya.

Dalam erti kata lain, boleh dirumuskan bahawa : bagi golongan pelajar dewasa, tidak kira sama ada pelajar tersebut berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) ataupun berkemahiran rendah (kumpulan PMKR), mereka adalah tidak cenderung menggunakan jenis SPPK Mandarin yang dianggap kurang praktikal ataupun membuang masa mereka. Hal ini bererti mereka akan mempertimbangkan faktor praktikal ketika memilih untuk

University of Malaya

menggunakan item-item SPPK Mandarin tertentu. Ringkasnya, boleh dikatakan bahawa hasil kajian dalam sub-topik ini telah membuktikan argumen-argumen dalam model ACT Anderson (1983,1985) kadangkala boleh wujud sedikit kekecualian disebabkan oleh faktor-faktor tertentu (seperti apa yang berlaku dalam kajian ini).

Hujah pengkaji di atas sesungguhnya adalah disokong oleh konsep "andragogi" (*andragogy*) yang disarankan oleh. Merriam dan Caffarella (1999) menegaskan bahawa perilaku membantu pelajar dewasa mempelajari sesuatu (iaitu "andragogi") adalah amat berbeza daripada perilaku membantu pelajar kanak-kanak mempelajari sesuatu (iaitu "pedagogi"). Menurut Merriam dan Caffarella (1999 : 397-8), salah satu faktor yang sering diambil kira oleh golongan pelajar dewasa dalam proses pembelajaran mereka ialah "kadar dan kebermaknaan" (*speed and meaningfulness*). Dalam hal ini, Merriam dan Caffarella (1999) menerangkan bahawa golongan pelajar dewasa jarang akan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dianggap akan membuang masa mereka dan tidak menjanakan manfaat yang berlipat-ganda, memandangkan mereka merupakan golongan pelajar yang rata-ratanya mempunyai pengalaman hidup ataupun pengalaman pembelajaran terdahulu. Hal ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi berpandukan bukti data kualitatif melalui sub-topik **5.5.1** dalam Bab 5 nanti.

Akhir sekali, seperkara lagi yang ingin ditekankan di sini ialah hasil kajian ini turut menunjukkan satu persamaan lagi dalam penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR, iaitu didapati **Item 30** (Saya berusaha menggunakan ungkapan simpulan bahasa / perungkapan 4-kata Mandarin yang pernah dipelajari) juga merupakan salah satu daripada 5-item SPPK Mandarin yang paling jarang digunakan oleh kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR.

University of Malaya

Didapati hasil kajian ini adalah konsisten dengan sebahagian dapatan kajian yang dikemukakan oleh Ahmed (1989) untuk kumpulan PMKR; namun ia adalah berkontras dengan sebahagian dapatan kajian Ahmed (1989) untuk kumpulan PMKT. Hal ini dikatakan demikian kerana Ahmed (1989) mengemukakan bahawa para pelajar berkemahiran rendah (bersamaan dengan kumpulan PMKR dalam kajian ini) adalah jarang berlatih menggunakan ataupun mengaplikasikan perkataan-perkataan yang pernah dipelajari. Sebagai contohnya, didapati dua kumpulan pelajar lemah dalam kajian beliau hanya mempunyai sedikit kesedaran terhadap pembelajaran perbendaharaan kata baru, dan hampir tiada minat untuk mempelajari perkataan berdasarkan konteks, iaitu mengaplikasikan perkataan-perkataan yang pernah dipelajari ke dalam perbualan situasi harian. Namun demikian, hasil kajian Ahmed (1989) turut menunjukkan bahawa kumpulan pelajar cemerlang (bersamaan dengan kumpulan PMKT dalam kajian ini) adalah berbeza daripada kumpulan pelajar lemah dalam erti kata mereka lebih kerap mengaplikasikan perkataan baru yang pernah dipelajari ke dalam konteks sebenar dan konteks dibayangkan. Hal ini didapati berkontras dengan hasil kajian dalam sub-topik ini, yang mana ia menunjukkan kumpulan PMKT adalah amat jarang menggunakan ungkapan simpulan bahasa / perungkapan 4-kata Mandarin yang pernah dipelajari oleh mereka.

Daripada pemerhatian pengkaji, fenomena ini berlaku mungkin disebabkan ungkapan simpulan bahasa / perungkapan 4-kata adalah tidak banyak diajar kepada para pelajar mengikut kandungan silibus kursus Mandarin yang ditetapkan, memandangkan tujuan utama keseluruhan kursus Mandarin di IPT lokasi kajian ini adalah lebih menekankan perbualan untuk interaksi sosial dan bukannya kemahiran penulisan. Sesungguhnya, didapati hanya 3 ungkapan simpulan bahasa / perungkapan 4-kata sahaja dimasukkan ke dalam silibus buku teks Mandarin (Tahap I – III) untuk para pelajar peringkat Ijazah di

University of Malaya

IPT lokasi kajian ini. Misalnya "hao jiu bu jian" (lama tidak berjumpa) diperkenalkan pada tahap I; "bu jian bu san" (tunggu sehingga datang) diperkenalkan pada tahap II; dan "duo duo zhi jiao" (sila memberi tunjuk ajar) diperkenalkan pada tahap III. Bertitik-tolakkan limitasi inilah, maka dijangka berkemungkinan besar para pelajar tidak begitu menumpukan perhatian kepada penggunaan ungkapan simpulan bahasa / perungkapan 4-kata walaupun mereka merupakan pelajar berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT). Walau bagaimanapun, perkara ini akan diperincikan lagi berlandaskan bukti data kualitatif melalui sub-topik **5.6.3** dalam Bab 5 nanti.

4.5 Kesimpulan

Dalam bab ini, empat soalan kajian [soalan kajian (1) – (4)] yang berteraskan kaedah penyelidikan kuantitatif telah berjaya dijawab dengan berpandukan hasil analisis statistik secara deskriptif dan inferensi sebagaimana ditunjukkan melalui sub-bahagian **4.2** hingga **4.4** serta beberapa sub-topiknya seperti di atas. Secara tuntasnya, rumusan dapatan kajian untuk keempat-empat soalan kajian tersebut adalah seperti berikut.

Pertama, hasil kajian ini mendapati bahawa secara keseluruhannya para pelajar Melayu IPT (N = 330) yang mempelajari Mandarin sebagai B3 telah menggunakan SPPK Mandarin pada tahap sederhana dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin. Walau bagaimanapun, di satu pihak yang lain pula, hasil kajian ini turut membuktikan bahawa penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT sesungguhnya mempunyai hubungan positif yang kuat dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka. Hal ini bererti walaupun faktor penggunaan SPPK Mandarin ini dibuktikan dapat memberi kesan yang kuat ke atas tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT, namun secara keseluruhannya didapati para pelajar Melayu IPT tersebut masih tidak begitu

University of Malaya

kerap menggunakan SPPK Mandarin bagi membantu mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Kedua, jika diteliti dari segi penggunaan 4-kategori SPPK Mandarin pula, hasil kajian ini turut menunjukkan bahawa para pelajar Melayu IPT secara keseluruhannya (N = 330) adalah paling kerap menggunakan SPPK Mandarin Kategori B (Strategi-strategi mengulang kaji) yang bersifat reseptif dan membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan. Sebaliknya, mereka adalah paling jarang menggunakan SPPK Mandarin Kategori D (Strategi-strategi mengaplikasi) yang bersifat produktif dan banyak melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam. Walaupun SPPK Mandarin bentuk mengaplikasi (SPPK Mandarin Kategori D) ini terbukti paling jarang digunakan oleh para pelajar Melayu IPT, namun hasil kajian ini mendapati penggunaan SPPK Mandarin bentuk mengaplikasi tersebut adalah mempunyai hubungan yang lebih kuat (iaitu kedua paling kuat) dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT, jika dibandingkan dengan penggunaan SPPK Mandarin bentuk mengulang kaji (SPPK Mandarin Kategori B) yang paling kerap digunakan oleh mereka. Hal ini bermakna secara keseluruhannya para pelajar Melayu IPT masih agak kurang menggunakan bentuk SPPK Mandarin yang membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam yang terbukti boleh memberi kesan yang lebih baik kepada tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka.

Ketiga, hasil kajian ini turut menunjukkan bahawa penggunaan SPPK Mandarin Kategori C (Strategi-strategi mengingat kembali) yang banyak melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam adalah mempunyai hubungan yang paling kuat dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT; sedangkan penggunaan SPPK Mandarin Kategori A (Strategi-strategi mempelajari dan

University of Malaya

mengingati) yang berorientasikan teknik-teknik memori dan membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan sahaja adalah mempunyai hubungan yang paling lemah dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar Melayu IPT. Namun demikian, didapati bahawa penggunaan SPPK Mandarin Kategori C (Strategi-strategi mengingat kembali) bukan merupakan bentuk SPPK Mandarin yang paling kerap digunakan oleh para pelajar Melayu IPT, walaupun ia terbukti mempunyai hubungan yang paling kuat dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka.

Keempat, dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan SPPK Mandarin antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Secara keseluruhannya, kumpulan PMKT adalah lebih kerap menggunakan SPPK Mandarin (iaitu pada tahap tinggi) dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3, jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR yang hanya menggunakan SPPK Mandarin pada tahap sederhana sahaja.

Kelima, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa pada peringkat permulaan proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin, kedua-dua kumpulan pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin sebagai B3 – tidak kira sama ada kumpulan PMKT ataupun kumpulan PMKR, adalah sama-sama paling kerap menggunakan bentuk SPPK Mandarin mengulang kaji (SPPK Mandarin Kategori B) yang bersifat reseptif dan hanya melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan. Walau bagaimanapun, dalam proses pembelajaran seterusnya, pola penggunaan SPPK Mandarin mereka turut berbeza berdasarkan tahap penguasaan pengetahuan leksikal Mandarin masing-masing. Kumpulan PMKT adalah lebih cenderung menggunakan

University of Malaya

SPPK Mandarin Kategori C (Strategi-strategi mengingat kembali) yang membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam; sedangkan kumpulan PMKR pula adalah lebih cenderung menggunakan SPPK Mandarin Kategori A (Strategi-strategi mempelajari dan mengingati) yang melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan dan berorientasikan teknik-teknik memori.

Akhir sekali, dapatan kajian ini juga menunjukkan kumpulan PMKT adalah paling kerap menggunakan **Item 27** (Saya mengingat kembali maksud perkataan Mandarin dengan mendengar orang lain bertutur Mandarin.) yang membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam dan bersifat produktif; sedangkan kumpulan PMKR adalah paling kerap menggunakan **Item 13** (Saya menyebut perkataan baru Mandarin berulang kali supaya mengingatinya.) yang melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan dan bersifat reseptif. Selain itu, didapati kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah sama-sama paling jarang menggunakan **Item 10** (Saya menggunakan kad imbasan untuk mempelajari perkataan baru Mandarin.) yang berteraskan teknik memori dan membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan. Hal ini berlaku adalah disebabkan oleh faktor pengaruh kematangan fikiran pelajar.

Sebagai kesimpulannya, hasil kajian kuantitatif untuk menjawab 4 soalan kajian dalam bab ini telah berjaya meneliti fenomena penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT secara umumnya (N = 330) dan juga membandingkan pola penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara khususnya. Walau bagaimanapun, hasil kajian kuantitatif dalam bab ini tidak menyentuh tentang "mengapa" kumpulan PMKT (n_1=89) dan kumpulan PMKR (n_2=89) lebih cenderung menggunakan item-item SPPK Mandarin tertentu dalam proses mereka

University of Malaya

mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Hal ini akan dijawab melalui soalan kajian (5) yang berbunyi : **Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3 ?** di Bab 5 selanjutnya.

University of Malaya

BAB 5 : DAPATAN KAJIAN KUALITATIF DAN PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan

Hasil kajian dalam Bab 4 telah membuktikan secara kuantitatif bahawa para pelajar Melayu berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) dan berkemahiran rendah (kumpulan PMKR) mempunyai perbezaan yang signifikan ketika menggunakan SPPK Mandarin dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Dalam Bab 5 ini pula, hasil kajian kualitatif yang menerangkan tentang faktor-faktor mempengaruhi penggunaan jenis-jenis SPPK Mandarin tertentu oleh kedua-dua kumpulan pelajar tersebut [sebagaimana ditunjukkan oleh hasil kajian untuk menjawab soalan kajian (4) di Bab 4] akan dipaparkan dan dibincangkan secara terperinci di sini.

Dalam erti kata lain, bab ini akan menjawab soalan kajian (5) yang berbunyi : Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan pelajar Melayu berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) dan kumpulan pelajar Melayu berkemahiran rendah (kumpulan PMKR) dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai bahasa asing ? Walau bagaimanapun, sebelum memerihalkan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dengan lebih lanjut, adalah wajar untuk kita memahami prosedur pengumpulan dan penganalisisan data kualitatif bagi tujuan menjawab soalan kajian ini secara sepintas lalu terlebih dahulu. Hal ini akan diterangkan melalui sub-bahagian **5.2** seperti berikut.

University of Malaya

5.2 Prosedur Pengumpulan dan Penganalisisan Data Kualitatif Secara Sepintas Lalu

Sebagaimana yang pernah dibincangkan dalam Bab 3 sebelum ini, secara keseluruhannya pengumpulan data untuk kajian tesis ini adalah bertunjangkan kaedah campuran penerangan yang membabitkan dua fasa, iaitu fasa pertama merupakan pengumpulan data kuantitatif bersifat numerikal. Dalam fasa ini, keputusan analisis data kajian adalah untuk menjawab soalan kajian (1) hingga (4), yang mana hasil kajiannya telah dilaporkan dan dibincangkan dalam Bab 4 sebelum ini. Sementara fasa kedua dalam kajian ini pula adalah merupakan pengumpulan data kualitatif melalui temu bual semi-struktur. Hasil analisis data kualitatif untuk fasa kedua ini adalah bertujuan untuk menjawab soalan kajian (5) dalam bab ini. Sesungguhnya, seramai 30 orang informan – 15 orang pelajar daripada kumpulan PMKT dan 15 orang pelajar daripada kumpulan PMKR, telah dipilih untuk mencapai tujuan pengumpulan data temu bual dalam kajian ini (sila rujuk profil informan kajian dalam **Jadual 3.6** di Bab 3). Setelah setiap informan tersebut bersetuju untuk ditemu bual secara individu, dan menandatangani satu borang persetujuan untuk ditemu bual, maka pengumpulan data kualitatif mula dijalankan antara pengkaji dengan informan di suatu lokasi yang mudah dicapai oleh informan, misalnya di perpustakaan yang berdekatan dengan fakulti informan.

Setiap sesi temu bual dengan 30 orang informan secara individu tersebut telah dirakamkan dengan menggunakan perakam audio digital. Setelah rakaman audio siap dilakukan, data temu bual dalam bentuk rakaman audio tersebut pun ditranskrip secara verbatim. Namun sebelum ditranskrip, setiap cebisan data temu bual tersebut adalah diberikan kod dan diletakkan tarikh terlebih dahulu. Misalnya Kod : PMKT02/L/AP/Fikri, 3 November 2012, adalah merujuk kepada informan ke-2 daripada kumpulan PMKT, berjantina lelaki, merupakan pelajar dari fakulti AP (Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur), diberi nama samaran Fikri, dan temu bual dengan

University of Malaya

informan tersebut telah siap dilakukan pada tarikh 3 November 2012. Kemudian, data yang telah siap ditranskrip tersebut akan dirujuk kembali kepada setiap informan yang terlibat untuk disemak semula bagi mendapatkan persetujuan mereka terhadap kandungan transkrip berkenaan. Selepas itu, transkrip tersebut dianalisis dengan menggunakan "kaedah analisis domain", ataupun dikenali sebagai "kaedah analisis taksonomi" (*taxonomy analysis*). Melalui kaedah analisis ini, data transkrip yang mempunyai konsep pengaruhan (faktor) yang sama akan dikumpulkan sekali, dan seterusnya diberi tajuk-tajuk sub-tema tertentu bagi menerangkan apakah faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam menggunakan SPPK Mandarin. Akhir sekali, sesuatu tema induk turut dijanakan bagi mewakili beberapa sub-tema tertentu yang mempunyai ciri-ciri persamaan dari segi konsep pengaruhan (faktor). Hal ini boleh dijelaskan dengan menggunakan salah satu contoh tema induk yang telah dijanakan dalam kajian ini seperti ditunjukkan melalui **Rajah 5.1** berikut.



Rajah 5.1 : Contoh Salah Satu Tema Induk Dan Sub-temanya Tentang Faktor-faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin

Berpandukan **Rajah 5.1** di atas, didapati empat sub-tema – (i) pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda; (ii) pengaruh tahap penguasaan pengetahuan leksikal bahasa sasaran; (iii) pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran; dan (iv) pengaruh pengalaman menguasai pengetahuan leksikal bahasa kedua telah dijana hasil daripada menganalisis data transkrip temu bual. Kemudian, satu tema induk, iaitu "faktor-faktor linguistik"

University of Malaya

(*Linguistic Related Factors*) yang merujuk kepada faktor-faktor yang berkaitan dengan perihal bahasa, sama ada ia merupakan faktor berkaitan dengan bahasa ibunda (B1), bahasa kedua (B2), ataupun bahasa sasaran (B3) yang sedang dipelajari telah dijana bagi merangkumi konsep pengaruhan yang mempunyai ciri persamaan antara empat sub-tema tersebut. Dalam erti kata lain, sesuatu tema induk yang dijana tersebut adalah satu tema besar yang boleh mewakili beberapa tema kecil atau sub-tema yang mempunyai ciri-ciri persamaan di bawahnya. Ingin ditekankan di sini bahawa dalam kajian ini penjanaan setiap sub-tema dan tema induk adalah dilakukan secara manual, dan seterusnya disemak oleh dua orang pakar yang mahir dalam bidang kajian strategi pembelajaran bahasa.

Dalam proses menjanakan setiap sub-tema dan tema induk tentang faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR seperti diterangkan di atas, kerangka dapatan tinjauan Nyikos dan Fan (2007: 255-259) tentang "faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK dalam konteks pembelajaran B2/B3" telah digunakan sebagai panduan (sila rujuk kembali sub-bahagian **2.6** di Bab 2). Sesungguhnya, Nyikos dan Fan (2007: 255-259) telah berusaha mengkonseptualkan literatur kajian-kajian lepas tentang faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK dalam pembelajaran B2/B3 berdasarkan konteks pembelajaran yang berlainan. Mereka telah menyarankan empat faktor utama yang dibuktikan oleh pelbagai kajian lepas yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK dalam kalangan pelajar. Empat faktor utama tersebut ialah (i) faktor tahap kemahiran pelajar; (ii) faktor perkembangan tahap pembelajaran pelajar; (iii) faktor persekitaran pembelajaran; dan (iv) faktor kelainan ciri individu dan perbezaan jantina. Dalam kajian ini, tema-tema tentang faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin yang telah dijanakan nanti akan dibandingkan dengan kerangka dapatan tinjauan Nyikos dan Fan (2007) ini.

University of Malaya

Sekiranya terdapat tema yang tidak wujud dalam kerangka Nyikos dan Fan (2007) tersebut, maka ia akan ditambahkan sebagai penemuan-penemuan baru yang sempat diterokai hasil daripada kajian kualitatif melalui tesis ini. Berikut akan dipaparkan hasil analisis data kualitatif tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara terperinci.

5.3 Tema Induk dan Sub-tema Tentang Faktor-Faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin

Berpandukan hasil analisis data temu bual yang dikumpul dan dianalisis mengikut prosedur kajian seperti diterangkan di atas, didapati faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) dan berkemahiran rendah (kumpulan PMKR) boleh diklasifikasikan kepada 3 tema induk dan 11 sub-tema (masing-masing dikategorikan bawah 3 tema induk tersebut) seperti ditunjukkan melalui **Rajah 5.2** berikut.

Rajah 5.2: Rumusan Bilangan Tema Induk dan Sub-Tema Dalam Kajian Ini

Rajah 5.2 di atas memaparkan bahawa secara keseluruhannya kajian ini telah berjaya menerokai 11 sub-tema yang dikategorikan di bawah 3 tema induk bagi menerangkan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara kualitatif. Tiga tema induk tersebut ialah (i)

University of Malaya

Faktor-faktor Linguistik (*Linguistic Related Factors*); (ii) Faktor-faktor Psikologi (*Psychological Factors*); dan (iii) Faktor-faktor Bukan-Linguistik (*Non-Linguistic Related Factors*). Dalam erti kata lain, tiga tema induk ini adalah merupakan tiga faktor utama yang didapati boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Setiap tema induk tersebut pula merangkumi beberapa sub-tema di bawahnya. Secara spesifiknya, didapati tema induk "faktor-faktor linguistik" adalah terdiri daripada 4 sub-tema di bawahnya, tema induk "faktor-faktor psikologi" adalah membabitkan 3 sub-tema, manakala tema induk "faktor-faktor bukan-linguistik" pula merangkumi 4 sub-tema di bawahnya. Setiap sub-tema tersebut akan diperihalkan secara terperinci di bawah tema induk masing-masing, berserta dengan contoh-contoh transkrip yang releven melalui sub-bahagian **5.4**, **5.5**, dan **5.6** seperti berikut.

5.4 Faktor-faktor Linguistik (*Linguistic Related Factors*)

Faktor-faktor linguistik (*Linguistic Related Factors*) yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada faktor-faktor yang berkaitan dengan perihal bahasa yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Berpandukan hasil analisis data temu bual dalam kajian ini, didapati faktor-faktor linguistik yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR boleh dilihat dari empat perspektif berdasarkan 4 sub-tema yang berlainan – (i) pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda, (ii) pengaruh tahap penguasaan pengetahuan leksikal bahasa sasaran, (iii) pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran, dan (iv) pengaruh pengalaman menguasai pengetahuan leksikal bahasa kedua. Keempat-empat sub-tema ini akan diperihalkan satu per satu berserta dengan contoh-contoh transkrip yang releven melalui 4 sub-topik **5.4.1**, **5.4.2**, **5.4.3**, dan **5.4.4** seperti berikut.

University of Malaya

5.4.1 Pengaruh Ciri Linguistik Bahasa Ibunda

Hasil analisis data kualitatif dalam kajian ini mendapati bahawa pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda (B1) merupakan salah satu faktor penting dalam mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR ketika mereka menggunakan SPPK bagi mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Faktor pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda (B1) yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada salah satu ciri linguistik dalam bahasa ibunda (B1) para pelajar, iaitu bahasa Melayu yang merupakan bahasa yang dibentuk daripada suku kata, telah menyebabkan para pelajar Melayu yang mempelajari Mandarin sebagai B3 lebih gemar menggunakan jenis SPPK Mandarin memenggal-menggalkan perbendaharaan kata Mandarin (dalam bentuk *Pinyin*) kepada segmen-segmen kecil.

Berpandukan hasil analisis data temu bual, didapati 9 daripada 15 orang informan kumpulan PMKT mengakui bahawa mereka lebih suka menggunakan strategi membahagi-bahagikan perbendaharaan kata Mandarin (bentuk *Pinyin*) yang baru dipelajari kepada segmen-segmen kecil kerana mereka berpendapat strategi ini lebih senang untuk mengingati perbendaharaan kata Mandarin yang telah diajar oleh guru, sama ada dari segi sebutan, ejaan ataupun makna perkataan Mandarin tersebut. Hal ini berlaku demikian kerana menurut informan yang ditemu bual, mereka telah biasa menggunakan strategi ini untuk menganalisis bentuk dan makna setiap perkataan bahasa Melayu (iaitu bahasa ibunda mereka) sejak dari kecil lagi, dan mempercayai cara ini adalah paling berkesan dan boleh memanfaatkan mareka untuk menguasai pengetahuan leksikal yang baru dalam Mandarin. Sebagai contohnya, dua orang informan daripada kumpulan PMKT menyatakan bahawa:

University of Malaya

> ***"… cara pecah-pecahkan perkataan kepada suku kata kecil tu buat saya lebih senang sebut*** *dan* ***bezakan tanda-tanda baris (tanda nada)*** *di atasnya…lepas tu* ***ingat ejaannya****…a lepas tu* ***maknanya…sebab dalam BM pun kita orang buat macam ni jugak****…cuma BM tu tak de tanda-tanda nada la… ini* ***pada peringkat awal****…lepas tu saya akan guna perkataan Mandarin tu cakap dengan kawan-kawan…"*
>
> (PMKT 02/L/AP/Fikri, 3 November 2012)

> *"…kalau belajar perkataan Mandarin tu kan…****mula-mula saya akan lihat segmen-segmen kecil tu dalam perkataan tu… macam suku kata dalam BM la…sebab saya dah biasa dengan cara ni dan rasanya berkesan****…contohnya "hongse"(warna merah) kan…jadi saya pecahkannya kepada "hong" dan "se"…jadi saya analisisnya… "hong" tu maksud merah…"se" pula maksudnya warna…so kalau gabungkan mereka jadi "warna marah"…****gitu la strategi yang saya gunakan supaya boleh lebih ingat perkataan tu …dan lebih senang nak sebut jugak****…"*
>
> (PMKT 05/P/EC/Amy, 11 Disember 2012)

Faktor pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda (B1) ini bukan sahaja mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT, bahkan pengaruhnya adalah lebih ketara lagi ke atas para pelajar yang berkemahiran rendah (iaitu kumpulan PMKR) ketika menggunakan SPPK Mandarin mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana kesemua 15 orang informan kumpulan PMKR yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka adalah amat kerap menggunakan SPPK memenggal-menggalkan perkataan Mandarin kepada segmen-segmen kecil agar lebih senang untuk menyebut, memahami dan mengingati makna perbendaharaan kata Mandarin tertentu. Malahan, terdapat 2 orang informan daripada kumpulan PMKR (sila lihat dua contoh transkrip berikut) mengakui bahawa mereka langsung tidak tahu menggunakan jenis SPPK Mandarin yang lain, melainkan strategi memancang-mancangkan perkataan Mandarin kepada segmen-segmen kecil ini sahaja. Mereka menganggap strategi ini adalah paling berkesan untuk menguasai perbendaharaan kata Mandarin.

> *"…****biasa saya buat macam saya belajar ejaan perkataan Melayu time saya kecik-kecik dulu…saya pecah-pecahkannya kepada sukukata-sukukata pendek supaya saya paham maknanya dulu ... lepas tu lebih senang ingat****...****tu jer saya buat****..tak tau ler pulak kalau ada cara lain yang lebih berkesan.... "*
>
> (PMKR 02/P/TEKA/Ikin, 24 November 2012)

University of Malaya

> *"...entahlah...**saya tak tau cara lain, melainkan pancang-pancangkan perkataan tu kepada bahagian kecik –kecik supaya lebih senang sebut dan faham maksud perkataan tu…sebab time belajar perkataan BM pun macam tu jugak**...so rasa strategi ni lah satu-satunya lebih sesuai dengan saya…dan berkesan la kot..."*
>
> (PMKR 06/P/TEKA/Huda, 8 November 2012)

Walaupun hasil kajian seperti diperihalkan di atas jelas membuktikan bahawa faktor pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR, yang mana kedua-dua kumpulan pelajar ini gemar mengaplikasikan jenis SPPK Mandarin memenggal-menggalkan perkataan kepada segmen-segmen kecil untuk mempelajari bentuk dan makna perbendaharaan kata Mandarin, namun jika diteliti secara mendalam, didapati sesungguhnya wujud sedikit perbezaan di antara mereka, yang mana faktor pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda ini adalah lebih mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan kumpulan PMKR jika dibandingkan dengan kumpulan PMKT. Hal ini dikatakan demikian kerana didapati rata-rata informan kumpulan PMKR yang ditemu bual mengakui bahawa mereka amat bergantung kepada penggunaan jenis SPPK Mandarin ini untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3, walhal faktor pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda ini hanya mempengaruhi kumpulan PMKT pada peringkat permulaan proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin sahaja. Sebagai buktinya, didapati dua orang informan kumpulan PMKR secara terus-terang memberitahu pengkaji bahawa mereka hanya tahu menggunakan SPPK Mandarin memenggal-menggalkan perkataan kepada segmen-segmen kecil sahaja ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin kerana mereka telah biasa menggunakan jenis SPPK ini untuk mempelajari perbendaharaan kata bahasa ibunda mereka (bahasa Melayu) dengan menyatakan "*...biasa saya buat macam saya belajar ejaan perkataan Melayu time saya kecik-kecik dulu…… tu jer saya buat*..." (sila lihat kembali contoh transkrip : PMKR 02/P/TEKA/Ikin, 24 November 2012 di atas),

University of Malaya

dan "...*saya tak tau cara lain... sebab time belajar perkataan BM pun macam tu jugak*..." (sila rujuk kembali contoh transkrip : PMKR 06/P/TEKA/Huda, 8 November 2012 di atas). Frasa seperti "...*tu jer saya buat*..." dan "...*saya tak tau cara lain*..." jelas membuktikan bahawa kumpulan PMKR ini amat bergantung kepada jenis SPPK yang pernah digunakan oleh mereka ketika mempelajari perbendaharaan kata dalam B1 (memenggal-menggalkan perkataan kepada segmen-segmen kecil) untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin (B3). Dalam erti kata lain, penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKR adalah amat dipengaruhi oleh faktor pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda (B1).

Sebaliknya, dua orang informan kumpulan PMKT pula berhujah mereka hanya menggunakan jenis SPPK memenggal-menggalkan perkataan Mandarin kepada segmen-segmen kecil tersebut pada peringkat permulaan pembelajaran perkataan Mandarin sahaja. Sebagai contohnya, ketika ditanya adakah mereka kerap menggunakan jenis SPPK memenggal-menggalkan perkataan Mandarin kepada segmen-segmen kecil, ada di antara mereka menjawab "...*ini pada peringkat awal... lepas tu saya akan guna perkataan Mandarin tu cakap dengan kawan-kawan*..." (sila rujuk kembali contoh transkrip: PMKT 02/L/AP/Fikri, 3 November 2012 di atas) serta "... *mula-mula saya akan lihat segmen-segmen kecil tu dalam perkataan tu*..." (sila rujuk kembali contoh transkrip: PMKT 05/P/EC/Amy, 11 Disember 2012 di atas). Ingin ditekankan di sini bahawa frasa "...*pada peringkat awal*..." dan "... *mula-mula*..." dalam kedua-dua transkrip tersebut jelas membuktikan bahawa kumpulan PMKT tidak bergantung seratus peratus kepada jenis SPPK memenggal-menggalkan perkataan Mandarin kepada segmen-segmen kecil sahaja. Sebaliknya, mereka hanya menggunakan jenis SPPK ini pada tahap permulaan proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin. Hal ini bererti kumpulan PMKT berkemungkinan besar

University of Malaya

turut menggunakan pelbagai jenis SPPK Mandarin yang lain dalam proses mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Justeru itu, boleh dirumuskan bahawa walaupun secara keseluruhannya hasil kajian ini mendapati pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda (B1) adalah merupakan salah satu faktor penting yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR, namun kesan pengaruhannya adalah berbeza di antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR, iaitu faktor pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda (B1) ini adalah lebih banyak mempengaruhi atau memberi kesan ke atas kumpulan PMKR berbanding dengan kumpulan PMKT.

Dapatan kajian seperti yang ditunjukkan di atas boleh dibincangkan dari dua segi. Pertama, bahagian hasil kajian yang menunjukkan bahawa secara keseluruhannya faktor pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin ke atas kedua-dua kumpulan pelajar – sama ada kumpulan PMKT ataupun kumpulan PMKR, adalah konsisten dengan hasil kajian Schmitt (1997/2009). Schmitt (1997/2009) telah menjalankan satu kajian tentang penggunaan SPPK bahasa Inggeris dalam kalangan 600 orang pelajar Jepun yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B3. Responden kajian beliau adalah terdiri daripada golongan pelajar sekolah tinggi peringkat rendah; pelajar sekolah tinggi; pelajar universiti; dan pelajar dewasa di Jepun. Hasil kajian Schmitt (1997/2009) mendapati bahawa keempat-empat kumpulan pelajar Jepun (tidak kira sama ada para pelajar sekolah tinggi peringkat rendah, ataupun para pelajar dewasa) yang telah biasa dengan strategi pelafazan dan penghafalan ketika mempelajari perbendaharaan kata dalam bahasa ibunda mereka, adalah paling kerap menggunakan jenis SPPK "menghafaz perkataan berulang kali (*rote repetition*)" untuk mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris. Mereka amat mempercayai strategi

University of Malaya

ini dapat membantu mereka untuk memperkukuhkan ingatan terhadap perbendaharaan kata bahasa Inggeris yang telah dipelajari. Hal ini adalah selaras dengan dapatan kajian ini yang memaparkan bahawa para pelajar Melayu IPT yang telah biasa dengan ciri linguistik pembahagian suku kata dalam bahasa ibunda mereka (bahasa Melayu) adalah lebih gemar menggunakan jenis SPPK Mandarin memenggal-menggalkan perbendaharaan kata Mandarin (dalam bentuk *Pinyin*) kepada segmen-segmen kecil, tidak kira sama ada mereka daripada kumpulan pelajar berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) ataupun rendah (kumpulan PMKR). Hal ini jelas menunjukkan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar kumpulan PMKT dan PMKR adalah pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda (B1) mereka.

Kedua, bahagian hasil kajian di atas yang menunjukkan faktor pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda (B1) ini adalah lebih memberi kesan kepada kumpulan PMKR jika dibandingkan dengan kumpulan PMKT pula adalah disokong oleh sebahagian daripada dapatan kajian kuantitatif yang dipaparkan dalam Bab 4 kajian ini [sila lihat **Jadual 4.11** dalam sub-topik **4.4.2.3** di Bab 4]. Sebagaimana yang dilaporkan dalam Bab 4 sebelum ini, SPPK Mandarin **Item 2** (*Saya membahagikan perkataan baru Mandarin kepada segmen-segmen kecil yang senang saya kenal pasti*) adalah antara lima item SPPK Mandarin yang dibuktikan paling kerap digunakan oleh kumpulan PMKR, walhal item ini tidak merupakan lima item SPPK Mandarin yang paling kerap digunakan oleh kumpulan PMKT. Justeru itu, salah satu sebab yang boleh menerangkan kenapa fenomena ini berlaku ialah kumpulan PMKR adalah lebih dipengaruhi oleh faktor ciri linguistik bahasa ibunda sebagaimana yang telah diterang di atas, sedangkan kumpulan PMKT hanya dipengaruhi oleh faktor ini pada peringkat permulaan proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin sahaja.

University of Malaya

Selain daripada pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda (B1) ini, didapati tahap penguasaan pengetahuan leksikal bahasa sasaran (B3) (iaitu Mandarin dalam konteks kajian ini) juga turut mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar. Hal ini akan diterangkan dengan lebih lanjut melalui sub-topik **5.4.2** seperti berikut.

5.4.2 Pengaruh Tahap Penguasaan Pengetahuan Leksikal Bahasa Sasaran

Faktor pengaruh tahap penguasaan pengetahuan leksikal bahasa sasaran (B3) yang dimaksudkan dalam sub-topik ini adalah merujuk kepada keupayaan para pelajar menguasai perbendaharaan kata dalam Mandarin (bahasa sasaran / B3) boleh memberi kesan kepada mereka ketika memilih dan mengaplikasikan jenis-jenis SPPK Mandarin tertentu bagi membantu mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin dengan lebih berkesan. Berpandukan hasil analisis data temu bual dalam kajian ini, didapati para informan daripada kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR telah memilih dan menggunakan jenis-jenis SPPK Mandarin tertentu bersesuaian dengan tahap penguasaan kemahiran perbendaharaan kata Mandarin masing-masing. Sebagai contohnya, apabila ditanya "*Mengapakah anda kerap menggunakan strategi mengingat kembali makna sesuatu perkataan Mandarin yang pernah dipelajari ?*", didapati majoriti (iaitu 11 daripada 15 orang) informan kumpulan PMKT menerangkan bahawa jenis SPPK Mandarin mengingat kembali bukan sahaja telah menyebabkan mereka memikir dengan lebih mendalam tentang bentuk dan makna sesuatu perbendaharaan kata Mandarin yang pernah dipelajari, bahkan pada masa yang sama dapat memperkukuhkan lagi ingatan mereka terhadap perkataan-perkataan Mandarin tersebut. Hal ini dapat dibuktikan melalui contoh-contoh transkrip seperti berikut.

University of Malaya

> *"...**yang penting kena selalu try ingat kembali la makna perkataan-perkataan yang pernah baca...kalau tidak sekejap saja dah lupa** ...macam time menunggu bas tu...saya cuba ingat kembali nombor-nombor macam mana disebut dalam Mandarin apabila saya tengok nombor plat kereta-kereta yang lalu...**kalau saya tak ingat, saya akan cuba pejam mata dan try fikir secara mendalam**..."*
>
> (PMKT 01/P/AS/Raihan, 2 November 2012)

> *"...macam **dengan selalu mengingat kembali makna perkataan tu...ia macam buat saya kena fikir dengan lebih mendalam**...dan saya rasa strategi ni bagus la...sebab saya akan lebih ingat perkataan tu ..."*
>
> (PMKT 06/L/EC/Faiz, 20 Disember 2012)

Begitu juga, apabila ditanya "*Mengapakah anda kerap menggunakan strategi menguji diri sendiri untuk mengingati semula makna sesuatu perkataan Mandarin ?*", didapati 10 daripada 15 orang informan kumpulan PMKT menjelaskan strategi menguji diri sendiri amat penting demi memastikan mereka boleh lebih mengingati perkataan-perkataan Mandarin yang pernah dipelajari, misalnya salah seorang informan berhujah bahawa :

> *"...lepas ulang kaji perkataan Mandarin tu...mesti kana cuba ingat kembali la...macam **test diri sendiri ingat ke tak apa yang telah belajar**...**kalau tidak...sure akan lupa**...dan saya rasa strategi ni best untuk saya **sebab sure saya akan ingat perkataan itu lepas saya buat cara gitu**..."*
>
> (PMKT 06/L/EC/Faiz, 20 Disember 2012)

Berpandukan tiga contoh transkrip temu bual yang dipaparkan di atas, boleh disimpulkan bahawa kumpulan PMKT adalah lebih cenderung menggunakan jenis-jenis SPPK Mandarin yang memerlukan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam (*deep processing*) seperti mengingat kembali ataupun menguji diri sendiri makna perkataan Mandarin yang pernah dipelajari. Sesungguhnya, hasil kajian ini juga adalah konsisten dengan hasil kajian kuantitatif kajian ini di Bab 4 (sila lihat **Jadual 4.11** di sub-bahagian **4.4.2.3** dalam Bab 4]). Hasil kajian kuantitatif tersebut menunjukkan **Item 27 (***mengingati kembali maksud perkataan Mandarin dengan menumpukan*

University of Malaya

perhatian mendengar orang lain bertutur Mandarin) dan **Item 24** (*menggunakan cara menguji diri sendiri untuk mengingat kembali makna sesuatu perkataan Mandarin*) adalah merupakan antara 5 item SPPK Mandarin yang paling kerap digunakan oleh kumpulan PMKT dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3, sedangkan kedua-dua item ini bukan merupakan 5 item SPPK yang paling kerap digunakan oleh kumpulan PMKR.

Fenomena ini sekiranya diterangkan berpandukan model ACT Anderson (1983,1985), kumpulan PMKT ini boleh dikatakan telah memasuki satu peringkat yang lebih mantap dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin, iaitu peringkat asosiatif. Pada peringkat asosiatif ini, peranan utama para pelajar ialah cuba mendapatkan semula pengetahuan deklaratif (iaitu perbendaharaan kata Mandarin) yang telah berjaya disimpan dalam memori jangka pendek ketika berada pada peringkat kognitif dahulu. Kemudian, melalui strategi ini pengetahuan deklaratif tentang perbendaharaan kata Mandarin tersebut dapat diproseduralkan dan dihantar ke dalam memori jangka panjang deklaratif, dan seterusnya diaplikasikan jika perlu. Namun demikan, fenomena ini amat jarang berlaku dalam kalangan pelajar yang kurang menguasai pengetahuan leksikal Mandarin, misalnya kumpulan PMKR.

Secara kontrasnya, dengan berlandaskan hasil analisis data temu bual, didapati kumpulan PMKR memang jarang-jarang menggunakan jenis SPPK Mandarin mengingat kembali ataupun menguji diri sendiri seperti yang digunakan oleh kumpulan PMKT. Sebagai buktinya, didapati 13 daripada 15 orang informan kumpulan PMKR memberitahu pengkaji bahawa strategi sedemikian adalah kurang membantu mereka untuk menguasai perbendaharaan kata Mandarin. Umpamanya salah seorang informan telah berhujah bahawa :

University of Malaya

> "…*laoshi*, ***ingat kembali tu tak guna la…sebab saya langsung tak faham lagi maksud perkataan tu****...Mandarin ni susah la...banyak perkataan yang mirip-mrip sama jer ejaan, tapi berlainan maksudnya...hehe...*"
>
> (PMKR 15/L/AD/Aril, 15 Disember 2012)

Malahan, segelintir informan daripada kumpulan PMKR secara terus-terang mengakui bahawa mereka masih belum bersiap sedia dan tidak berkeupayaan untuk menggunakan jenis SPPK Mandarin mengingat kembali ataupun menguji diri sendiri, kerana tahap penguasaan mereka terhadap pengetahuan leksikal Mandarin masih di tahap yang amat rendah. Sebaliknya, mereka mengakui lebih suka menggunakan jenis SPPK Mandarin seperti "menyebut perkataan baru Mandarin berulang kali." Sebagai contohnya, salah seorang informan kumpulan PMKR memberitahu pengkaji bahawa :

> "…*laoshi*, *saya tau cara ingat kembali tu sangat bagus sebab saya selalu tengok mereka yang pandai-pandai Mandarin tu buat dalam kelas****...cuma saya tak kuasa la (berkeupayaan)...sebab yang basic maknanya pun tak ingat lagi...nak buat macam mana yer****..."*
>
> (PMKR 01/L/TEKA/Kamal, 24 November 2012)

Dalam pada itu, seorang informan lagi daripada kumpulan PMKR berhujah bahawa :

> **Pelajar** : "*…perkataan Mandarin ni susah nak ingat dengan baris-barisnya lagi...so* ***saya lebih prefer cara sebut-sebut perkataan tu banyak kali supaya boleh ingat maknanya dulu...****"*
>
> **Pengkaji** : "*Tapi selepas anda sebut-sebut perkataan tu… ada cuba mengingat kembali tak makna perkataan Mandarin tu ?"*
>
> **Pelajar :** "*…hahaha... tak ler...****nak ingat kembali maknanya memang tak pandai, sebab selalu lupa jer ejaannya...kadang-kadang nak sebut pun susah...eh...tak tau la nak buat macam mana...pening la laoshi****..."*
>
> (PMKR 14/L/AD/Fuad, 13 Disember 2012)

Daripada contoh-contoh transkrip temu bual yang dikemukakan di atas, boleh dikatakan bahawa rata-rata pelajar daripada kumpulan PMKR masih belum berkemampuan untuk menggunakan jenis SPPK Mandarin yang memerlukan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam. Sebaliknya, didapati kumpulan PMKR yang kurang berkemahiran dari segi penguasaan pengetahuan leksikal Mandarin ini adalah lebih gemar

University of Malaya

menggunakan jenis SPPK Mandarin yang hanya membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan dan bersifat reseptif sahaja, seperti menyebut-nyebut sesuatu perkataan Mandarin secara berulang kali. Dari perspektif model ACT Anderson (1983,1985), tahap penguasaan pengetahuan leksikal B3 oleh kumpulan PMKR ini masih belum melepasi peringkat permulaan proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin, iaitu masih berada di peringkat kognitif. Justeru itu, mereka masih perlu berusaha untuk menyimpan perbendaharaan kata Mandarin ke dalam memori jangka pendek, ataupun memastikan pengetahuan leksikal Mandarin yang telah dipelajari dapat dihantar ke stor ingatan jangka pendek dahulu. Oleh hal yang demikian, jenis SPPK Mandarin yang digunakan oleh kumpulan PMKR adalah lebih melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan dan bersifat reseptif sahaja untuk mengingati maklumat, seperti menyebut-nyebut sesuatu perkataan Mandarin secara berulang kali bagi memastikan mereka mengingati bentuk dan makna perkataan tersebut.

Secara ringkasnya, boleh dirumuskan bahawa dapatan kajian dalam sub-topik ini sebagaimana ditunjukkan di atas telah berjaya membuktikan bukan semua jenis SPPK Mandarin sesuai dan mampu digunakan oleh semua golongan pelajar. Sebaliknya, didapati penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR turut dipengaruhi oleh tahap penguasaan pengetahuan leksikal bahasa sasaran (Mandarin) masing-masing. Sesungguhnya, hasil kajian dalam sub-topik ini adalah disokong oleh beberapa hasil kajian lepas, seperti yang pernah dilakukan oleh Hosenfeld (1977); serta Gu dan Johnson (1996). Sebagai contohnya, dapatan kajian Hosenfeld (1977) jelas menunjukkan bahawa para pelajar yang berjaya menguasai kemahiran membaca akan membaca pada tahap frasa (*phrase level*), menyimpan makna petikan yang telah dibaca dalam minda, dan pada masa yang sama mengabaikan perkataan-perkataan kurang penting. Mereka juga lebih cenderung menggunakan

University of Malaya

strategi "meneka berdasarkan konteks" untuk mendapatkan makna sesuatu perkataan, berbanding dengan menggunakan glosari. Sebaliknya, didapati para pelajar yang lemah dari segi kemahiran membaca akan membaca secara "perkataan-demi-perkataan" (*word-by-word*), dan akan menggunakan glosari sebagai SPPK utama bagi mendapatkan makna setiap perkataan, tanpa meneka makna perkataan berdasarkan konteks.

Begitu juga, hasil kajian Gu dan Johnson (1996) yang menyelidiki penggunaan SPPK oleh 850 orang pelajar universiti di Negeri China yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2, turut menyarankan bahawa SPPK jenis "inisiatif kendiri" (*self-initiative*) dan "pemerhatian selektif" (*selective attention*), seperti meneka berdasarkan konteks; menggunakan kamus secara mahir; menyediakan nota; menumpukan perhatian kepada pembentukan perkataan; "mengekod berdasarkan konteks; dan menggunakan perkataan yang baru dipelajari secara aktif, adalah mempunyai hubungan positif dengan pencapaian perbendaharaan kata bahasa Inggeris para pelajar.

Kedua-dua hasil kajian sama ada yang dilakukan oleh Hosenfeld (1977) ataupun Gu dan Johnson (1996), seperti yang ditunjukkan di atas adalah konsisten dengan hasil kajian dalam sub-topik ini, yang mana secara relatifnya kumpulan PMKT yang mempunyai tahap penguasaan perbendaharaan kata Mandarin yang lebih tinggi adalah lebih gemar menggunakan jenis SPPK Mandarin mengingat kembali ataupun menguji diri sendiri yang melibatkan tindakan pemprosesan maklumat yang lebih mendalam. Sebaliknya, didapati kumpulan PMKR yang mempunyai tahap penguasaan perbendaharaan kata Mandarin yang lebih rendah adalah lebih cenderung menggunakan jenis SPPK yang hanya melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan dan bersifat reseptif sahaja, misalnya menyebut perkataan baru Mandarin berulang kali.

University of Malaya

Pada masa yang sama, dapatan kajian dalam sub-topik ini juga turut menyokong sebahagian keputusan analisis data kuantitatif dalam kajian ini sebagaimana yang telah ditunjukkan melalui **Jadual 4.11** dalam sub-topik **4.4.2.3** di Bab 4. Hasil kajian kuantitatif dalam Bab 4 sebelum ini telah menunjukkan bahawa walaupun dari segi 4-kategori SPPK Mandarin, kumpulan PMKT adalah paling kerap menggunakan SPPK Mandarin Kategori B : Strategi-strategi mengulang kaji, namun dari segi 32-item SPPK Mandarin, jenis SPPK Mandarin mengingat kembali yang melibatkan tindakan pemprosesan maklumat yang lebih mendalam (iaitu **Item 27** : *mengingat kembali maksud perkataan dengan mendengar orang lain bertutur Mandarin*) adalah paling kerap digunakan oleh kumpulan PMKT bagi membantu mereka menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Secara kesimpulannya, boleh dirumuskan bahawa salah satu faktor yang sempat diterokai melalui kajian ini ialah pengaruh tahap penguasaan pengetahuan leksikal bahasa sasaran boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR.

Sebelum berganjak lebih jauh lagi, ingin ditekankan di sini bahawa bukan semua sub-tema berkaitan faktor-faktor linguistik dalam kajian ini membabitkan kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR bersama. Berlandaskan hasil analisis data temu bual dalam kajian ini, didapati dua sub-tema lagi yang berkaitan dengan faktor-faktor linguistik seperti yang pernah disebutkan dalam sub-bahagian **5.4** di atas – (iii) pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran, dan (iv) pengaruh pengalaman menguasai pengetahuan leksikal bahasa kedua, hanya memberi kesan kepada kumpulan PMKT sahaja. Kedua-dua sub-tema ini akan diperihalkan secara terperinci masing-masing melalui sub-topik **5.4.3** dan **5.4.4** seperti berikut.

University of Malaya

5.4.3 Pengaruh Ciri Unik Perbendaharaan Kata Bahasa Sasaran

Faktor pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran (B3) boleh didefinisikan sebagai salah satu ciri istimewa yang wujud dalam perbendaharaan kata Mandarin, iaitu rata-rata perkataannya adalah ditandai oleh 4-nada yang berbeza, telah menyebabkan para pelajar menggunakan jenis-jenis SPPK Mandarin yang melibatkan tindakan pemprosesan maklumat mendalam (misalnya selalu menguji diri sendiri ataupun mengingat kembali perkataan Mandarin yang pernah dipelajari) untuk menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini menunjukkan faktor ini hanya mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT sahaja. Berpandukan hasil analisis data temu bual, didapati hanya informan kumpulan PMKT memberi perhatian terhadap ciri unik 4-nada tersebut ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin, sedangkan informan kumpulan PMKR pula didapati cuba mengabaikan ciri unik 4-nada yang ada pada setiap perkataan Mandarin dalam proses pembelajaran mereka. Rata-rata informan daripada kumpulan PMKR menganggap ciri unik 4-nada ini memang menyusahkan proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin mereka dan sengaja mengetepikannya ketika mereka mempelajari perbendaharaan kata Mandarin.

Sebagai contohnya, apabila ditanya informan kumpulan PMKR "*Adakah ciri unik perkataan Mandarin yang ditandai oleh 4-nada yang berbeza telah menyebabkan anda menggunakan jenis-jenis SPPK Mandarin yang berlainan untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3 ?*", didapati 7 orang informan daripada kumpulan PMKR memberi respon seolah-olah mereka sengaja tidak mahu mengambil berat tentang ciri unik 4-nada tersebut. Antara beberapa contoh transkrip yang menyerlahkan fenomena ini adalah seperti berikut :

University of Malaya

*"...no way la boleh ingat **baris-baris tu (tanda nada)…pening saya bacanya…saya biarkan jer**..."*
(PMKR 06/P/TEKA/Huda, 8 November 2012)

*"tak tau la…laoshi suruh kita orang hafal makna perkataan Mandarin dulu sebelum masuk satu chapter baru… so saya pun hafal maknanya jer la…**baris-baris tu (tanda nada) saya tak peduli sangat**..."*
(PMKR 14/L/AD/ Fuad, 13 Disember 2012)

*"...**baris-baris atas perkataan tu (tanda nada) buat saya sangat confusing**...so biasanya **saya buat dek jer (tidak mempedulikan)** saya cuma hafal ejaan dan makna perkataan tu saja…"*
(PMKR 15/L/AD/ Aril, 15 Disember 2012)

*"...laoshi, biasanya saya **ketepikan baris-baris tu (tanda nada) dulu…saya lebih tumpukan makna perkataan**..."*
(PMKR 01/L/TEKA/ Kamal, 24 November 2012)

Malahan, didapati selebihnya 8 orang informan daripada kumpulan PMKR hanya memberi respon "...*tak tau la...*" sahaja dan terus menggeleng-gelengkan kepala ketika diajukan soalan yang sama. Berlandaskan hasil analisis data kajian ini, maka boleh disimpulkan bahawa pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran sesungguhnya tidak memberi kesan kepada penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKR kerana mereka langsung tidak mengambil kira elemen unik 4-nada ini ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin.

Sebaliknya, hal ini adalah berlainan sama sekali kepada kumpulan PMKT. Apabila pengkaji mengajukan soalan yang sama kepada informan daripada kumpulan PMKT, didapati kesemua 15 orang informan kumpulan PMKT memberi respon bahawa mereka sesungguhnya menyedari akan hakikat bahawa perbendaharaan kata Mandarin mempunyai ciri keunikan 4-nada, dan ciri unik ini tidak wujud dalam bahasa ibunda mereka (bahasa Melayu) ataupun bahasa Inggeris yang pernah dipelajari oleh mereka sebagai B2. Hal ini telah menyebabkan mereka lebih berhati-hati ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Oleh itu, mereka sengaja menggunakan jenis SPPK Mandarin yang membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara

University of Malaya

mendalam untuk mempelajari perbendaharaan kata Mandarin. Sebagai contohnya, mereka memberitahu pengkaji bahawa:

> *"..sebabnya untuk **perkataan Mandarin…ia mempunyai baris-baris (tanda nada) yang berlainan**…bahasa Melayu dan Inggeris tak ada…**jadi kena selalu menguji diri...macam tulis balik perkataan tu...untuk test la...sama ada ingat ker tak maksud perkataan dan baris-baris (tanda nada) tu…kalau sekadar sebut-sebut jer…susah sikit nak ingat**..."*
>
> (PMKT 01/P/AS/Raihan, 2 November 2012)

> *"...kalau belajar perkataan Melayu atau Inggeris, saya pakai sebut-sebut dan hafal-hafal saja**…tapi Mandarin kena banyak test diri, tulis-tulis dan ingat kembali makna perkataan tu**...**sebab nak ingat baris-baris (tanda nada)** atas perkataan tu **bukan senang**..."*
>
> (PMKT 04/P/OM/Ros, 10 Disember 2012)

> *"...laoshi, **tanda nada tu memang bahaya…I always perhatikan benda ni betul-betul sebab ia boleh bezakan makna perkataan**…macam "he"dengan tanda nada kedua [hé] maksudnya "dan"...dengan tanda nada pertama[hē]...dah jadi maksud "minum"...bagi saya baris-baris ni memang penting dalam Mandarin…"*
>
> (PMKT 15/L/AC/Izam, 24 Januari 2013)

Berpandukan contoh-contoh transkrip temu bual seperti dipaparkan di atas, didapati rata-rata informan kumpulan PMKT mengakui bahawa mereka sengaja memilih untuk menggunakan jenis SPPK Mandarin yang membabitkan aktiviti pemprosesan maklumat secara mendalam, seperti selalu menguji diri sendiri, menulis semula perkataan dan mengimbas kembali makna perbendaharaan kata Mandarin yang pernah dipelajari, supaya tidak cepat lupa tanda-tanda nada yang ada pada setiap perbendaharaan kata Mandarin dan lebih mengingati makna perkataan tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa maklum balas yang diberi oleh informan kumpulan PMKT adalah berbeza daripada kumpulan PMKR. Didapati kumpulan PMKT bukan sahaja tidak mengetepikan ciri unik 4-nada yang wujud dalam setiap perkataan Mandarin, bahkan mereka telah mencuba sedaya upaya untuk menggunakan jenis-jenis SPPK Mandarin yang dianggap lebih berkesan bagi mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata

University of Malaya

Mandarin dengan baik. Secara ringkasnya, boleh dirumuskan bahawa data empirik dalam hasil kajian ini telah membuktikan pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran (B3) adalah merupakan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT, namun ia tidak memberi kesan terhadap penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKR.

Sesungguhnya, dapatan kajian ini juga adalah disokong oleh hasil kajian yang dilaporkan oleh Douglas (1992). Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Douglas (1992) ke atas sekumpulan pelajar kolej di Amerika Syarikat tentang hubungan antara bentuk ortografi perkataan dengan strategi membaca yang digunakan oleh para pelajar, beliau mendapati bahawa para pelajar yang mempelajari bahasa Jepun adalah lebih gemar menggunakan strategi pemantauan, jika dibandingkan dengan mereka yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2, ataupun bahasa Sepanyol dan bahasa Jerman sebagai B3. Menurut Douglas (1992), perbezaan ini berlaku kerana bentuk ortografi bahasa sasaran, iaitu bahasa Jepun, adalah dianggap unik oleh para pelajar, kerana bahasa Jepun adalah berasal daripada rumpun bahasa yang berlainan daripada B1 mereka, sedangkan bahasa Inggeris, bahasa Sepanyol dan bahasa Jerman adalah berasal daripada rumpun bahasa yang sama dengan B1 mereka. Hal ini jelas membuktikan bahawa ciri unik dalam perbendaharaan kata bahasa sasaran boleh mempengaruhi penggunaan SPPK oleh para pelajar, sebagaimana yang telah dibuktikan melalui hasil kajian ini – ciri unik 4-nada dalam perbendaharaan kata Mandarin, yang sememangnya tidak wujud dalam B1 dan B2 para pelajar (iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam konteks kajian ini) telah mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT.

Selain faktor pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran (B3) yang dibincangkan di atas, didapati pengaruh pengalaman para pelajar dalam menguasai

University of Malaya

pengetahuan leksikal bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (B2) juga turut merupakan salah satu faktor lagi yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT. Hal ini akan diperihalkan secara terperinci melalui sub-topik **5.4.4** seperti berikut.

5.4.4 Pengaruh Pengalaman Menguasai Pengetahuan Leksikal Bahasa Kedua

Berlandaskan hasil analisis data temu bual dalam kajian ini, didapati pengalaman para pelajar dalam menggunakan SPPK untuk menguasai perbendaharaan kata ketika mereka mempelajari bahasa kedua (B2), iaitu bahasa Inggeris dalam konteks kajian ini, juga turut mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar kumpulan PMKT. Secara spesifiknya, pengaruh pengalaman menguasai pengetahuan leksikal bahasa kedua (B2) yang dimaksudkan dalam sub-topik ini boleh didefinisikan sebagai pengalaman terdahulu para pelajar dalam menggunakan strategi-strategi tertentu yang dianggap berkesan untuk menguasai perbendaharaan kata bahasa Inggeris sebagai B2, telah mempengaruhi mereka mengaplikasikan strategi-strategi yang sama untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Daripada hasil analisis data temu bual, didapati 5 orang informan kumpulan PMKT telah menerangkan bahawa mereka lebih cenderung untuk menggunakan jenis-jenis SPPK tertentu yang dianggap berkesan dalam penguasaan perbendaharaan kata bahasa Inggeris, untuk diaplikasikan semula ketika mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin supaya mendapat hasil pembelajaran yang memuaskan. Sebagai contohnya, salah seorang informan menyatakan bahawa ketika mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris, dia sering digalakkan oleh guru bahasa Inggerisnya untuk membentuk kumpulan kecil supaya boleh mengulang kaji perbendaharaan kata bahasa Inggeris yang pernah dipelajari bersama-sama dengan

University of Malaya

kawan. Memandangkan informan tersebut mendapati strategi ini adalah lebih seronok dan banyak membantunya dalam menguasai pengetahuan leksikal bahasa Inggeris, maka pengalaman sedemikian telah mendorongnya menggunakan jenis SPPK yang sama ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Sila lihat contoh transkrip seperti berikut:

> **Pengkaji :** *...kenapa anda kerap menggulang kaji perkataan Mandarin dengan kawan-kawan lain ?*
>
> **Informan :** *...a bukan apa…**sebab time saya belajar vocab English dulu… saya banyak guna cara ni…**dan saya rasa ada beza tau…kalau saya buat revision sendiri…saya akan cepat bosan dan lupa...tapi kalau dengan kawan-kawan, kita orang boleh saling bertanya-tanya dan bersaing antara satu sama lain untuk ingat perkataan Mandarin…**so saya rasa macam lebih efektif…tu yang lecturer English suruh kita orang buat dulu…so saya believe (percaya) ia berkesan juga la kalau digunakan untuk menguasai perkataan-perkataan Mandarin**…"*
>
> (PMKT 11/P/EC/Aida, 11 Januari 2013)

Selain itu, seorang lagi informan daripada kumpulan PMKT turut mengemukakan bahawa dalam proses mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3, dia selalu menterjemahkan setiap perkataan Mandarin ke dalam bahasa Melayu dan menulis makna bahasa Melayu di atas setiap perkataan Mandarin ketika mengulang kaji pelajaran Mandarin, walaupun kadang-kala sesetengah perkataan Mandarin tersebut telah diketahui maknanya. Hal ini berlaku kerana berdasarkan pengalaman pembelajaran bahasa Inggeris sebagai B2, informan tersebut mempercayai jenis SPPK ini boleh membantunya menguasai perbendaharaan kata Mandarin dengan lebih berkesan. Sebagai contohnya, informan PMKT tersebut menerangkan bahawa :

> *"…**dulu time saya belajar vocab Inggeris** … apabila saya baca petikan comprehension…**saya selalu tulis semula maksud BM kat atas perkataan Inggeris tu,** walaupun saya dah tau maksudnya, saya tulis jugak…rasanya ia sangat membantu....**sebab saya rasa saya akan lebih ingat satu-satu vocab tu...so saya pun guna la cara yang sama bagi mempelajari perkataan-perkataan Mandarin... supaya saya boleh lebih kuasainya**…saya rasa ia quite effective…"*
>
> (PMKT 15/L/AC/Izam, 24 Januari 2013)

Berpandukan dua cebisan data temu bual yang dipaparkan di atas, boleh dirumuskan bahawa pengalaman para pelajar terdahulu, yang mana dianggap berkesan dalam menguasai pengetahuan leksikal bahasa Inggeris sebagai B2, telah dibuktikan boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar. Walaupun dalam konteks kajian ini, didapati faktor ini hanya mampu memberi kesan kepada segelintir pelajar daripada kumpulan PMKT sahaja memandangkan bukan semua informan mempunyai pengalaman penguasaan B2 (bahasa Inggeris) yang baik, namun hal ini sekurang-kurangnya adalah selaras dengan beberapa hasil kajian lepas seperti yang dikemukakan oleh Nation dan McLaughlin (1986), serta Harley dan Hart (2000), yang mana kesemua hasil kajian mereka mengemukakan bahawa pengalaman pembelajaran bahasa terdahulu telah mempengaruhi strategi pembelajaran yang digunakan oleh para pelajar ketika mereka mempelajari sesuatu bahasa sasaran baru.

Hasil kajian Nation dan McLaughlin (1986) ke atas tiga kumpulan pelajar yang mempunyai pengalaman pembelajaran bahasa yang berlainan (iaitu yang berlatarkan pengalaman pembelajaran bahasa eka-bahasa, dwi-bahasa dan multi-bahasa), dan kini sedang mengikuti kursus pembelajaran bahasa tiruan (*artificial language*), mendapati bahawa para pelajar yang mempunyai pengalaman multi-bahasa adalah lebih berkeupayaan memanfaatkan pelbagai jenis strategi pembelajaran bahasa yang berkesan secara automatik untuk menyempurnakan tugasan bahasa yang diberi; sedangkan mereka yang tidak mempunyai pengalaman mempelajari bahasa lain (iaitu yang berlatarkan eka-bahasa) adalah jauh menunjukkan kekurangan dari segi penggunaan strategi pembelajaran bahasa.

University of Malaya

Begitu juga, hasil kajian Harley dan Hart (2000) yang membandingkan dua kumpulan pelajar kelas bahasa Perancis – antara pelajar-pelajar kelas tahap 9 yang kurang berpengalaman dengan para pelajar kelas tahap 11 yang lebih berpengalaman dan lebih mahir dari segi penguasaan pengetahuan leksikal bahasa Perancis. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa kumpulan pelajar dalam kelas tahap 9 berpendapat SPPK jenis "menghafaz senarai perkataan dan terjemahannya" adalah sangat bermanfaat bagi mempelajari perbendaharaan kata; namun SPPK jenis ini dianggap tidak bermanfaat oleh kumpulan pelajar dalam kelas tahap 11.

Sebaliknya, para pelajar kelas tahap 11 yang secara relatifnya lebih berpengalaman dan mahir dalam penguasaan pengetahuan perbendaharaan kata B2 tersebut adalah lebih suka menggunakan SPPK yang mirip dengan strategi yang digunakan oleh mereka ketika mereka mempelajari perbendaharaan kata dalam B1 mereka. Sebagai contohnya, mereka menganggap SPPK jenis "mempelajari perkataan baru melalui konteks pertuturan" adalah lebih bermanfaat berbanding dengan "mempelajari perkataan baru melalui konteks pembacaan". Hal ini secara tidak langsung telah membuktikan bahawa pengalaman menguasai pengetahuan leksikal bahasa yang pernah dipelajari terdahulu (sama ada B1 ataupun B2) boleh mempengaruhi penggunaan jenis SPPK dalam kalangan pelajar ketika mereka mempelajari sesuatu bahasa sasaran baru. Hal ini adalah konsisten dengan dapatan kajian ini yang mendapati bahawa pengalaman para pelajar kumpulan PMKT dalam mempelajari dan menguasai pengetahuan leksikal bahasa Inggeris sebagai B2 telah mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin yang digunakan oleh mereka ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Secara kesimpulannya, dengan berpandukan perbincangan hasil kajian empat sub-topik seperti dipaparkan di atas, boleh dirumuskan bahawa daripada empat sub-tema

University of Malaya

berkaitan dengan Faktor-faktor Linguistik (FL) yang diterokai dalam kajian ini, hanya dua sub-tema, iaitu (i) pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda (B1) dan (ii) pengaruh tahap penguasaan pengetahuan leksikal bahasa sasaran (B3) sahaja yang sememangnya mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara serentak; walhal selebihnya dua sub-tema lagi, iaitu (iii) pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran (B3) dan (iv) pengaruh pengalaman menguasai pengetahuan leksikal bahasa kedua (B2) pula hanya memberi kesan kepada penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT sahaja. Hal ini berlaku kerana jika diterangkan berdasarkan model ACT Anderson (1983,1985), boleh dikatakan kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah berada pada peringkat pemprosesan maklumat (dalam konteks ini ia merujuk kepada pengetahuan leksikal Mandarin) yang berbeza. Atas alasan inilah, maka faktor yang memberi kesan kepada penggunaan SPPK Mandarin mereka juga turut berbeza. Umpamanya dalam kes tema induk faktor-faktor linguistik di atas, kumpulan PMKR langsung tidak dipengaruhi oleh sub-tema (iii) pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran dan (iv) pengaruh pengalaman menguasai pengetahuan leksikal bahasa kedua, kerana mereka masih berada pada peringkat kognitif. Menurut model ACT Anderson (1983,1985), bagi para pelajar yang masih berada pada peringkat kognitif ini, mereka lazimnya adalah lebih cenderung untuk mengingati pengetahuan deklaratif perbendaharaan kata Mandarin yang baru dipelajari supaya dapat disimpan ke dalam memori jangka pendek. Sesungguhnya, mereka masih kurang berkeupayaan untuk meneliti sesuatu dengan lebih mendalam dan terperinci. Dalam erti kata lain, kumpulan PMKR yang dianggap kurang menguasai pengetahuan leksikal Mandarin mereka adalah kurang berkeupayaan untuk mengenal pasti ciri unik perbendaharaan kata Mandarin, kerana berkemungkinan besar mereka masih tidak berapa mengingati makna dan bentuk perbendaharaan kata Mandarin yang baru dipelajari.

University of Malaya

Selain daripada tema induk faktor-faktor linguistik dan 4 sub-temanya yang berkaitan dengan perihal bahasa seperti ditunjukkan di atas, data kualitatif temu bual dalam kajian ini juga turut mendapati bahawa faktor-faktor psikologi (*Psychological Factors*) juga turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Hal ini akan diterangkan melalui sub-bahagian **5.5** seperti berikut.

5.5 Faktor-faktor Psikologi (*Psychological Factors*)

Hasil analisis data kualitatif dalam kajian ini turut menerokai satu tema induk lagi, iaitu faktor-faktor psikologi (*Psychological Factors*) yang juga didapati boleh memberi kesan kepada penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Faktor-faktor psikologi yang dimaksudkan dalam sub-bahagian ini adalah merujuk kepada faktor-faktor yang merangkumi aspek afektif dalam pembelajaran seperti kematangan fikiran, dorongan jiwa serta tanggapan para pelajar secara positif ataupun negatif, yang mana elemen-elemen ini telah mempengaruhi pemilihan dan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Berlandaskan hasil analisis data temu bual yang melibatkan 30 orang informan dalam konteks kajian ini, faktor-faktor psikologi ini boleh dibahagikan kepada 3 sub-tema yang berbeza – (i) pengaruh tahap kematangan fikiran pelajar; (ii) pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran; serta (iii) pengaruh persepsi tahap kesukaran bahasa sasaran. Ketiga-tiga sub-tema ini akan dibincangkan secara terperinci dan disokong oleh contoh-contoh transkrip yang releven melalui tiga sub-topik **5.5.1**, **5.5.2**, dan **5.5.3** seperti berikut.

University of Malaya

5.5.1 Pengaruh Tahap Kematangan Fikiran Pelajar

Faktor pengaruh tahap kematangan fikiran pelajar yang diperihalkan dalam sub-topik ini boleh didefinisikan sebagai perihal kematangan fikiran yang disebabkan oleh perkembangan umur dan pengalaman pembelajaran para pelajar telah mendorong mereka mengambil kira faktor praktikal, seperti penjimatan masa, ketika mereka menggunakan jenis-jenis SPPK Mandarin tertentu dalam proses mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Berdasarkan hasil analisis data temu bual dalam kajian ini, didapati faktor ini telah menyebabkan para informan daripada kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR amat jarang menggunakan jenis SPPK Mandarin yang dianggap kurang praktikal dan terlalu membazirkan masa jika ianya diaplikasikan dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin mereka, misalnya penggunaan kad imbasan (*flashcards*) untuk mempelajari perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Berlandaskan dapatan analisis data temu bual, didapati 14 daripada 15 orang informan kumpulan PMKT secara terus-terang mengakui bahawa mereka amat jarang menggunakan kad imbasan (*flashcards*) untuk mempelajari perbendaharaan kata Mandarin, walaupun mereka mengetahui jenis SPPK Mandarin ini (penggunaan kad imbasan untuk mempelajari perbendaharaan kata) merupakan salah satu jenis SPPK yang berkesan dan boleh membantu seseorang pelajar menguasai pengetahuan leksikal dengan lebih berkesan. Hal ini demikian kerana mereka menganggap penggunaan kad imbasan untuk mempelajari perbendaharaan kata Mandarin adalah kurang praktikal, khasnya dari segi peruntukan masa untuk menyediakan kad imbasan dan agak sukar untuk dibawa ke mana-mana. Sebagai contohnya, dua orang informan daripada kumpulan PMKT menerangkan bahawa :

University of Malaya

> *"... laoshi, saya tau **flashcards (kad imbasan) memang membantu, tapi dia leceh...ambil masa untuk sediakan**...saya **lebih prefer buat nota** tulis perkataan-perkataan Mandarin tu **dalam sehelai kertas dan kadang-kadang I transfer ke dalam pocket book** ...sebab dia **lebih senang bawa** ke mana-mana..."*
>
> (PMKT 01/P/AS/Raihan, 2 November 2012)

> *"...**I know guna kad untuk belajar perkataan tu bagus, tapi ia sangat makan masa untuk sediakan banyak-banyak flashcards tu**...kalau laoshi yang buat tu ok la gak...lepas tu dia macam **tak convenient kalau nak bawa ke mana-mana...I lebih suka tulis perkataan-perkataan Mandarin yang baru dipelajari di dalam satu buku nota kecil**..."*
>
> (PMKT 14/P/OM/Rizah, 23 Januari 2013)

Berpandukan contoh-contoh transkrip di atas, boleh dikatakan bahawa kematangan fikiran para informan daripada kumpulan PMKT tersebut telah mempengaruhi mereka supaya kurang menggunakan jenis SPPK Mandarin yang berteraskan kad imbasan (*flashcards*) untuk mempelajari perbendaharaan kata Mandarin. Hal ini demikian kerana berdasarkan pengalaman pembelajaran mereka, jenis SPPK Mandarin yang menggunakan kad imbasan ini adalah dianggap kurang praktikal memandangkan ia amat mengambil masa dari segi penyediaan kad serta agak sukar dibawa bersama. Sebaliknya, dengan berpandukan tahap kematangan fikiran pelajar tersebut, mereka menganggap penggunaan jenis SPPK Mandarin seperti menyediakan nota perbendaharaan kata Mandarin dalam sehelai kertas ataupun buku nota kecil adalah lebih praktikal, kerana ia lebih mudah dibawa ke mana-mana jika perlu.

Di samping itu, penggunaan jenis SPPK Mandarin yang berorientasikan "kad imbasan" ini juga dianggap oleh segelintir pelajar daripada kumpulan PMKT sebagai kurang bersesuaian dengan tahap umur mereka sebagai pelajar universiti (iaitu golongan pelajar dewasa muda) yang sudah matang. Mereka berpendapat bahawa jenis SPPK Mandarin sebegini adalah lebih sesuai untuk kanak-kanak. Misalnya, salah seorang informan kumpulan PMKT menjelaskan bahawa :

University of Malaya

> "*...benda macam **flashcards ni lebih sesuai untuk budak-budak kot**..macam kat rumah tu...**saya buat juga kad untuk ajar adik-adik belajar perkataan bahasa Inggeris**...time tu adik saya suka la saya ada duduk kat rumah...*"
>
> (PMKT 07/P/OM/Tin, 20 Disember 2012)

Berpandukan contoh transkrip di atas, ingin ditekankan di sini bahawa penggunaan frasa seperti "... *lebih sesuai untuk budak-budak kot* ..." jelas membuktikan bahawa informan PMKT tersebut menganggap penggunaan jenis SPPK Mandarin berteraskan kad imbasan ini tidak bersesuaian dengan tahap umurnya. Dalam erti kata lain, kematangan fikirannya yang disebabkan oleh faktor umur telah mempengaruhinya jarang memilih dan menggunakan jenis SPPK Mandarin yang dianggap kurang praktikal untuk mempelajari perbendaharaan kata Mandarin.

Di satu pihak yang lain pula, didapati faktor pengaruh tahap kematangan fikiran pelajar ini juga turut memberi kesan yang sama kepada kumpulan PMKR ketika mereka memilih jenis SPPK Mandarin tertentu bagi membantu mereka mempelajari perbendaharaan kata Mandarin. Sebagai buktinya, didapati 11 daripada 15 orang informan kumpulan PMKR juga turut mengakui bahawa penggunaan jenis SPPK Mandarin berteraskan kad imbasan adalah tidak praktikal kerana terlalu memakan masa untuk menyediakan kad-kad imbasan terlebih dahulu sebelum penggunaannya. Umpamanya, didapati tiga orang informan daripada kumpulan PMKR berhujah bahawa :

> *"...**flashcards tu bagus tu bagus, cuma tak de (tiada) masa nak sediakan benda-benda ni.**..sebab nak potong kad lagi...nak tulis satu-satu lagi...**macam terlalu makan masa** la...sebab kita orang animation ni, ada banyak lagi assignment kena buat..."*
>
> (PMKR 01/L/TEKA/Kamal, 24 November 2012)

> *"...laoshi, saya tau cara guna **flashcards ni memang best, tapi ia take time**..because kad tu kena cut satu-satu...wah, sangat **ambil masa**...."*
>
> (PMKR 15/L/AD/Aril, 15 Disember 2012)

University of Malaya

> *"...saya tau **flashcards ni best...tapi saya tak mau guna strategi flashcards ni...kerana ia sangat makan masa**...sebab macam saya kan ada banyak coursework...Mandarin ni cuma salah satu subjek keperluan U (universiti) jer...."*
>
> (PMKR 02/P/TEKA/Ikin, 24 November 2012)

Berpandukan tiga cebisan contoh transkrip seperti yang dikemukakan di atas, boleh dikatakan bahawa walaupun kumpulan PMKR ini tidak begitu mahir dalam penguasaan perbendaharaan kata Mandarin jika dibandingkan dengan kumpulan PMKT, namun secara amnya kematangan fikiran pelajar mereka adalah sama dan faktor pengaruh tahap kematangan fikiran pelajar ini tetap memberi kesan yang sama kepada mereka – kumpulan PMKR juga jarang-jarang menggunakan jenis SPPK Mandarin yang dianggap kurang praktikal dan akan membazirkan majoriti masa ulangkaji mereka. Hal ini bererti pengaruh tahap kematangan fikiran pelajar telah memberi kesan yang sama kepada kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam penggunaan SPPK Mandarin, misalnya didapati kedua-dua kumpulan ini adalah amat jarang menggunakan kad imbasan yang dianggap kurang praktikal untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Sesungguhnya, dapatan kajian kualitatif seperti yang dipaparkan di atas adalah konsisten dengan sebahagian daripada hasil kajian kuantitatif yang telah dikemukakan melalui **Jadual 4.12** di sub-bahagian **4.4.2.3** dalam Bab 4 sebelum ini, yang mana SPPK Mandarin **Item 10** (*Saya menggunakan kad imbasan secara sistematik untuk mempelajari perkataan baru Mandarin*) adalah antara lima item SPPK Mandarin yang dilaporkan paling jarang digunakan oleh kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Dalam erti kata lain, hasil kajian kualitatif dalam sub-topik ini telah dapat menerangkan mengapa persamaan dari segi penggunaan jenis SPPK Mandarin dalam

University of Malaya

kalangan kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR, iaitu paling jarang menggunakan kad imbasan untuk mempelajari perbendaharaan kata Mandarin berlaku.

Sesungguhnya, hasil penemuan kualitatif sebagaimana yang diperihalkan di atas – fenomena persamaan penggunaan jenis SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR yang disebabkan oleh pengaruh tahap kematangan fikiran pelajar ini adalah sejajar dengan konsep "kadar dan kebermaknaan" (*speed and meaningfulness*) yang disarankan oleh Merriam dan Caffarella (1999:397-8) ketika mereka membincangkan konsep "andragogi" (*andragogy*) cadangan Knowles (1968) [dalam Merriam dan Caffarella (1999)]. Knowles (1968) [dalam Merriam dan Caffarella (1999)] telah berusaha membezakan konsep "andragogi" (*andragogy*) daripada konsep "pedagogi" (*pedagogy*). Menurut beliau, "andragogi" adalah merujuk kepada perilaku membantu para pelajar dewasa mempelajari sesuatu yang baru, sedangkan "pedagogi" pula adalah merupakan perilaku membantu para pelajar kanak-kanak mempelajari sesuatu maklumat baru.

Dalam hal ini, Merriam dan Caffarella (1999 : 397-8) menerangkan bahawa salah satu faktor yang sering diambil kira oleh golongan pelajar dewasa dalam proses pembelajaran mereka yang berkaitan dengan "andragogi" (tetapi tidak berlaku dalam kalangan pelajar kanak-kanak) ialah "kadar dan kebermaknaan" (*speed and meaningfulness*). Hal ini bererti golongan pelajar dewasa (seperti informan / responden dalam kajian ini) adalah jarang-jarang akan melibatkan diri mereka dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dianggap akan membuang masa mereka dan tidak menjanakan manfaat yang berlipat-ganda. Keadaan ini berlaku kerana rata-rata daripada mereka adalah merupakan golongan pelajar dewasa yang mempunyai pemikiran yang matang, mempunyai konsep kendiri (*self-concept*) yang lebih tinggi serta

University of Malaya

berpengalaman dalam proses pembelajaran demi membantu mereka membuat pilihan tentang jenis SPPK Mandarin yang mana satu lebih praktikal dan sesuai digunakan bagi membantu mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin secara berkesan.

Bertitik-tolakkan argumen seperti di atas, maka jelaslah bahawa mengapa dalam konteks kajian ini walaupun penggunaan jenis SPPK Mandarin berteraskan "kad imbasan" sememangnya diakui baik untuk menguasai perbendaharaan kata Mandarin, namun ia masih paling jarang diguna oleh kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR, memandangkan pengaruh tahap kematangan fikiran para pelajar telah mendorong mereka supaya jarang menggunakan jenis SPPK Mandarin yang dianggap kurang praktikal. Justeru itu, boleh dirumuskan bahawa hasil kajian dalam sub-topik ini telah membuktikan bahawa disebabkan pengaruh tahap kematangan fikiran para pelajar, kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah sama-sama paling jarang menggunakan jenis SPPK Mandarin berteraskan "kad imbasan" (seperti **Item 10** dalam soal selidik **:** *Saya menggunakan kad imbasan secara sistematik untuk mempelajari perkataan baru Mandarin*) dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Selain daripada sub-tema pengaruh tahap kematangan fikiran pelajar sebagaimana yang diperihalkan di atas, hasil analisis data kualitatif dalam kajian ini juga turut menerokai dua sub-tema lagi di bawah tema induk faktor-faktor psikologi yang didapati turut mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Kedua-dua sub-tema tersebut ialah (ii) pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran, dan (iii) pengaruh persepsi tahap kesukaran bahasa sasaran. Ingin ditekankan di sini bahawa kedua-dua sub-tema ini adalah

University of Malaya

berkontras antara satu sama lain, yang mana didapati faktor pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran [iaitu sub-tema (ii)] hanya memberi kesan kepada kumpulan PMKT sahaja; manakala faktor pengaruh persepsi tahap kesukaran bahasa sasaran pula hanya mempengarui penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan kumpulan PMKR. Bertitik-tolakan alasan inilah maka bahagian perbincangan hasil kajian untuk kedua-dua sub-tema ini akan digabungkan dan hanya akan dibincangkan di bahagian akhir dalam sub-topik **5.5.3** nanti. Berikut akan dimulakan pemerihalan dapatan kajian kualitatif tentang sub-tema kedua, iaitu pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran (B3) ke atas penggunaan SPPK Mandarin para pelajar terlebih dahulu.

5.5.2 Pengaruh Kepuasan Diri Jika Boleh Berkomunikasi Dalam Bahasa Sasaran

Pengaruh kepuasan diri (*self-satisfaction*) jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran (B3) yang dimaksudkan dalam sub-topik ini adalah merujuk kepada sejenis faktor dorongan jiwa positif yang ada pada para pelajar. Faktor dorongan jiwa ini menerangkan secara psikologinya para pelajar akan berasa bangga ataupun menimbulkan perasaan kepuasan diri sekiranya mereka mampu menggunakan Mandarin untuk berkomunikasi dangan orang lain, dan pengaruh sebegini telah mendorong para pelajar tersebut bersikap lebih serius dan bermotivasi tinggi dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin mereka. Hal ini berlaku kerana mereka memahami bahawa elemen perbendaharaan kata Mandarin adalah merupakan unit yang paling asas untuk menghasilkan pertuturan Mandarin yang fasih dan berkesan. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini membuktikan bahawa faktor pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran (B3) ini hanya mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan kumpulan PMKT sahaja.

University of Malaya

Sebagai contohnya, daripada hasil analisis data temu bual, didapati majoriti (iaitu 11 daripada 15 orang) informan kumpulan PMKT adalah lebih cenderung untuk menggunakan jenis SPPK Mandarin yang bercirikan interaktif ataupun melibatkan pemprosesan maklumat secara mendalam, seperti mereka sering mengulang kaji perkataan Mandarin dengan kawan-kawan lain, ataupun mengingat kembali maksud perbendaharaan kata Mandarin yang pernah dipelajari. Apabila ditanya mengapa mereka berbuat demikian, didapati informan kumpulan PMKT tersebut memberi respon bahawa mereka menyedari untuk memenuhi kepuasan diri mereka supaya boleh berkomunikasi dalam Mandarin, mereka sesungguhnya perlu benar-benar menguasai pengetahuan leksikal Mandarin terlebih dahulu. Justeru itu, didapati para informan kumpulan PMKT tersebut adalah lebih cenderung dan kerap untuk menggunakan jenis SPPK Mandarin tertentu yang dianggap boleh membantu mereka benar-benar menguasai perkataan-perkataan Mandarin dengan berkesan. Sila lihat contoh-contoh transkrip seperti berkut :

> *"... **saya macam proud la boleh cakap Mandarin...so saya suka praktis dan cari peluang bertutur dengan kawan-kawan dulu…nanti saya boleh pandai bercakap Mandarin…seronok la…orang lain cuma tahu berbahasa Melayu dengan Inggeris saja…kita pulak boleh Mandarin...nanti orang pandang kita pun lain sikit la kan**...ceh wah...hehehe...so laoshi, **saya kena rajin la mengulang kaji bersama kawan kerana boleh berlatih cakap-cakap Mandarin dengan kawan...strategi ini bagus**...kalau ada peluang pergi kedai fotokopi Cina nanti...saya try cakap la guna Mandarin dengan Chinese uncle tu...macam tanya khabar ke...cakap "xiexie" (terima kasih) ke...macam tu la saya rasa seronok dan puas sangat..."*
>
> (PMKT 10/P/IS/Hida, 11 Januari 2013)

> "*... sebab **saya rasa suka sangat kalau boleh speak in Mandarin...so to make sure I boleh cakap Mandarin ni...saya akan selalu mengingat kembali perkataan-perkataan Mandarin yang pernah baca**...kena latih dulu...nanti kalau lupa perkataan time cakap dengan orang...malu la...susah nak cakap Mandarin pulak...tapi kalau saya selalu praktis macam dengar orang Cina tu cakap ape...and then saya try la ingat-ingat balik dan teka-teka maksudnya...so bolehlah saya menguasai perkataan Cina tu dengan baik..."*
>
> (PMKT 14/P/OM/Rizah, 23 Januari 2013)

University of Malaya

> "...***I suka sangat kalau boleh speak Mandarin...hehe..tapi kan..saya tahu kelemahan saya...kalau sekadar sebut-sebut perkataan tu dan ingat maknanya...sure saya akan lupa...****sebab itu la saya* ***kena guna cara tutup dan tanya balik diri sendiri apa maksud perkataan tu...lepas tu pejam mata dan ingat kembali ejaannya...kena make sure betul-betul kuasai perkatan Mandarin...ini penting sebab boleh jadi lebih confident (berkeyakinan) la bila nak communicate (berkomunikasi) in Mandarin dengan orang lain****...saya suka tau...kalau saya pandai cakap Mandarin...hahaha... "*
> (PMKT 12/P/IM/Zira, 21 Januari 2013)

Daripada contoh-contoh transkrip seperti dipaparkan di atas, didapati informan PMKT tersebut mengakui bahawa pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran (Mandarin) telah banyak mendorong mereka supaya mengaplikasikan jenis SPPK Mandarin tertentu bagi memastikan mereka adalah lebih bersiap sedia sebelum boleh berkomunikasi dalam Mandarin dengan orang lain. Misalnya, informan PMKT ke-10 dalam contoh transkrip pertama di atas (PMKT 10/P/IS/Hida, 11 Januari 2013) telah menerangkan bahawa : "*saya kena rajin la mengulang kaji bersama kawan kerana boleh berlatih cakap-cakap Mandarin dengan kawan...kalau ada peluang pergi kedai fotokopi Cina nanti…saya try cakap la...macam tu la saya rasa seronok dan puas sangat…".* Sementara itu, informan dalam contoh transkrip kedua dan ketiga di atas (PMKT 14/P/OM/Rizah, 23 Januari 2013, & PMKT 12/P/IM/Zira, 21 Januari 2013) pula mengakui bahawa mereka sering menggunakan jenis SPPK Mandarin menguji diri sendiri dan mengingat kembali maksud perkataan-perkataan Mandarin yang pernah dipelajari supaya betul-betul menguasai pengetahuan leksikal terlebih dahulu sebelum berkomunikasi dalam Mandarin dengan orang lain. Menurut informan PMKT dalam contoh transkrip ketiga tersebut (PMKT 12/P/IM/Zira) : "*... ini penting sebab boleh jadi lebih confident (berkeyakinan) la bila nak communicate (berkomunikasi) in Mandarin dengan orang lain.."* dan *"...saya suka tau...kalau saya pandai cakap Mandarin...".* Dengan berdasarkan contoh transkrip temu bual ini, maka di sini jelaslah bahawa faktor pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran (Mandarin) ini telah menaikkan semangat dan motivasi informan kumpulan PMKT tersebut supaya

University of Malaya

lebih kerap menggunakan jenis SPPK Mandarin yang lebih bercirikan interaktif dan membabitkan pemprosesan maklumat secara mendalam untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Namun demikian, di satu pihak yang lain pula, didapati faktor pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran ini adalah tidak memberi kesan kepada penggunaan SPPK Mandarin oleh informan kumpulan PMKR. Sebaliknya, data empirik temu bual menunjukkkan bahawa majoriti daripada informan kumpulan PMKR adalah dibebani oleh sejenis persepsi ataupun halangan psikologi (*psychological barrier*) bahawa Mandarin sememangnya mempunyai tahap kesukaran yang tinggi untuk dipelajari ataupun dikuasai dengan baik. Persepsi sebegini telah mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh mereka. Kesemua ini akan diperihalkan dengan lebih lanjut melalui sub-topik **5.5.3** seperti berikut.

5.5.3 Pengaruh Persepsi Tahap Kesukaran Bahasa Sasaran

Berkontras dengan sub-tema yang telah diperihalkan dalam sub-topik **5.5.2** di atas, pengaruh persepsi tahap kesukaran bahasa sasaran yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada sejenis faktor melibatkan persepsi mental yang lahir dalam sanubari para pelajar, yang mana persepsi mental ini secara psikologinya telah menyebabkan para pelajar beranggapan bahawa Mandarin adalah satu bahasa yang sangat sukar untuk dipelajari dan dikuasai dengan baik. Berpandukan hasil analisis data temu bual, didapati faktor ini hanya mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh informan kumpulan PMKR sahaja.

Sebagai buktinya, didapati bahawa rata-rata (13 daripada 15 orang) informan kumpulan PMKR yang ditemu bual secara terus terang memberitahu pengkaji bahawa Mandarin

University of Malaya

adalah sejenis bahasa yang sangat susah untuk dipelajari dan mustahil menguasainya dengan baik. Berpandukan data empirik temu bual, tidak keterlaluan dikatakan bahawa faktor persepsi bahawa bahasa sasaran sukar dikuasai ini telah menyebabkan informan kumpulan PMKR kurang bermotivasi ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin, dan seterusnya hilang keyakinan diri untuk mengaplikasikan pelbagai jenis SPPK Mandarin dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Natijahnya, mereka mempelajari perbendaharaan kata Mandarin hanya sekadar "cukup makan untuk lulus peperiksaan" sahaja sebagaimana yang pernah dikemukakan dalam perbincangan di Bab 4 sebelum ini (sila rujuk sub-bahagian **4.2.1** di Bab 4) – sebahagian besar pelajar daripada kumpulan PMKR yang mengambil Kursus Mandarin ini hanya seolah-olah untuk tujuan memenuhi syarat lulus salah satu subjek keperluan universiti sahaja. Antara beberapa contoh transkrip yang dapat menyokong kenyataan ini adalah seperti berikut:

> *"...**laoshi, kalau dapat lulus paper Mandarin ni pun dah kira cukup baik dah**...**tak kuasa nak fikir guna apa-apa strategi lagi**...**Mandarin sangat susah**...susah sekali nak sebut...tak tau nak guna apa cara untuk menguasainya...."*
>
> (PMKR 14/L/AD/ Fuad, 13 Disember 2012)

> *"...bagi saya, **Mandarin sangat-sangat complicated...memang susah nak ingat perkataan Mandarin**...**saya memang tak tau apa benda tu strategi...cara nak sebut perkataannya pun lain sekali**...saya memang tak pandai la nak study Mandarin ni...**last-last saya doakan dapat pass jer**..."*
>
> (PMKR 09/P/IS/Fatin, 16 November 2012)

> *"...saya kurang pasti strategi apa yang saya gunakan...**biasanya saya ikut kawan jer**...kita orang **baca perkataan Mandarin tu sekali jer untuk jawab exam**....tak ade masa la...Mandarin sangat susah..."*
>
> (PMKR 12/L/BM/Ihwan, 8 Disember 2012)

Berpandukan contoh-contoh transkrip temu bual seperti di atas, didapati rata-rata informan kumpulan PMKR berasa susah untuk mempelajari Mandarin. Tambahan pula, disebabkan terdapat persepsi negatif dalam pemikiran, mereka seolah-olah tidak serius

ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3, apatah lagi mengaplikasikan SPPK Mandarin dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin mereka. Malahan, didapati rata-rata informan PMKR yang ditemu bual adalah bersikap "cukup makan" dan berasa telah memadai sekiranya boleh lulus peperiksaan Kursus Mandarin yang sedang diikuti oleh mereka. Sebagai contohnya, fenomena ini amat ketara melalui hujah-hujah yang diutarakan oleh informan PMKR ke-13 dalam contoh transkrip pertama seperti di atas (PMKR 14/L/AD/ Fuad, 13 Disember 2012), yang mana informan tersebut memberitahu pengkaji bahawa : "... *laoshi, kalau dapat lulus paper Mandarin ni pun dah kira cukup baik dah...tak kuasa nak fikir guna apa-apa strategi lagi...Mandarin sangat susah...*" . Malahan, informan PMKR ke-9 seperti dalam contoh transkrip ketiga di atas (PMKR 09/P/IS/Fatin, 16 November 2012) secara terus terang mengakui bahawa : "... *memang susah nak ingat perkataan Mandarin...saya memang tak tau apa benda tu strategi...*" . Kesemua data empirik ini jelas membuktikan bahawa faktor berkaitan pengaruh persepsi tahap kesukaran bahasa sasaran ini telah menyebabkan informan kumpulan PMKR tersebut kurang proaktif ataupun kurang bermotivasi dalam proses pembelajaran Mandarin sebagai B3, khasnya ketika mereka mempelajari perbendaharaan kata Mandarin.

Secara kesimpulannya, boleh dirumuskan bahawa dalam konteks kajian ini, dapatan kajian kualitatif (seperti dalam sub-topik **5.5.2**) telah membuktikan bahawa faktor tentang pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran telah mendorong informan kumpulan PMKT bersikap lebih serius, bermotivasi tinggi, lebih proaktif dan berinisiatif ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin, sehingga memberi kesan positif kepada penggunaan jenis SPPK Mandarin tertentu demi menjamin mereka betul-betul mahir berbahasa Mandarin dan kepuasan mereka tercapai. Sebaliknya, faktor tentang pengaruh persepsi tahap kesukaran bahasa sasaran (seperti

University of Malaya

dalam sub-topik **5.5.3**) telah menyebabkan informan kumpulan PMKR bersikap "cukup makan" sahaja, kurang bermotivasi, tidak proaktif dan kurang berinisiatif dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin mereka, sehingga memberi kesan yang tidak begitu memberangsangkan ke atas penggunaan SPPK Mandarin oleh informan kumpulan PMKR.

Dapatan kajian sedemikian sesungguhnya adalah sejajar dengan penemuan yang dipaparkan dalam kajian Oxford dan Nyikos (1989). Walaupun didapati Oxford dan Nyikos (1989) tidak melakukan kajian secara spesifik ke atas penggunaan strategi pembelajaran berfokuskan perbendaharaan kata (SPPK), namun konsep hasil kajian mereka ke atas penggunaan strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang umum adalah lebih kurang sama dengan konsep dapatan kajian dalam kedua-dua sub-topik kajian ini. Ia dianggap sesuai digunakan sebagai bahan perbandingan di sini. Dapatan kajian Oxford dan Nyikos (1989) ke atas 1,200 orang pelajar bahasa asing di Amerika Syarikat telah mengemukakan bahawa para pelajar yang bermotivasi tinggi adalah menggunakan lebih banyak strategi dalam proses pembelajaran mereka jika dibandingkan dengan para pelajar yang kurang bermotivasi. Pada masa yang sama Oxford dan Nyikos (1989) turut mengemukan bahawa pelajar bermotivasi tinggi lebih banyak menggunakan jenis-jenis strategi pembelajaran seperti menganalisis perkataan, bercakap kepada diri sendiri dalam bahasa sasaran, membandingkan bahasa ibunda dengan bahasa sasaran, mengelak daripada mengingati secara menghafal dan berusaha dengan tekun, serta meminta diperbetulkan sebutan.

Hal ini adalah konsisten dengan hasil kajian di sini, yang mana didapati informan kumpulan PMKT yang bermotivasi tinggi ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin, disebabkan oleh pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam

University of Malaya

bahasa sasaran, telah mendorong mereka lebih kerap menggunakan jenis SPPK Mandarin tertentu yang bercirikan interaktif ataupun melibatkan pemprosesan maklumat secara mendalam (seperti mengulang kaji perkataan Mandarin dengan kawan-kawan lain, mengingat kembali maksud perbendaharaan kata Mandarin yang pernah dipelajari), demi menjamin kepuasan mereka tercapai. Sebaliknya, informan kumpulan PMKR yang kurang bermotivasi ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin, kerana dibebani oleh pengaruh persepsi tahap kesukaran bahasa sasaran telah menyebabkan mereka jarang-jarang menggunakan SPPK Mandarin dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin mereka.

Dapatan kajian kualitatif dalam kedua-dua sub-topik **5.5.2** dan **5.5.3** seperti di atas adalah sejajar dengan sebahagian daripada hasil kajian kuantitatif di Bab 4 [sila rujuk **Jadual 4.9** di sub-topik **4.4.2.1**], yang mana dilaporkan bahawa secara keseluruhannya kumpulan PMKT adalah lebih kerap menggunakan SPPK Mandarin berbanding dengan kumpulan PMKR. Dalam pada itu, dapatan kajian kualitatif berdasarkan data temu bual di sini juga turut menerangkan mengapa hasil kajian kuantitatif berlaku sedemikian.

Secara ringkasnya, boleh disimpulkan bahawa daripada tiga sub-tema berkaitan dengan faktor-faktor psikologi yang diterokai dalam sub-bahagian ini, didapati hanya satu sub-tema daripadanya, iaitu (i) pengaruh tahap kematangan fikiran pelajar, adalah mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara serentak. Sementara dua sub-tema lagi, iaitu (ii) pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran; serta (iii) pengaruh persepsi tahap kesukaran bahasa sasaran pula adalah bersifat kontrastif, yang mana didapati sub-tema (ii) hanya memberi kesan kepada penggunaan SPPK Mandarin oleh

University of Malaya

kumpulan PMKT sahaja; manakala sub-tema (iii) pula hanya mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarrin oleh kumpulan PMKR.

Di samping tema induk faktor-faktor psikologi dan 3 sub-temanya, hasil analisis data temu bual dalam kajian ini turut mendapati bahawa faktor-faktor bukan-linguistik (*Non-Linguistic Related Factors*) juga memainkan peranan pentingnya dalam mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Hal ini akan diperincikan lagi melalui sub-bahagian **5.6** seperti berikut.

5.6 Faktor-faktor Bukan-Linguistik (*Non-Linguistic Related Factors*)

Dalam sub-bahagian ini, satu tema induk terakhir dalam konteks kajian ini – faktor-faktor bukan-linguistik (*Non-Linguistic Related Factors*) akan diterokai dan dibincangkan secara mendalam. Faktor-faktor bukan-linguistik yang dimaksudkan dalam sub-bahagian ini adalah merujuk kepada faktor-faktor yang tidak berkaitan dengan perihal bahasa ataupun di luar skop linguistik yang didapati boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Daripada hasil analisis data temu bual dalam kajian ini, didapati faktor-faktor bukan-linguistik ini boleh dibahagikan kepada 4 sub-tema. Secara spesifiknya, keempat-empat sub-tema tersebut ialah (i) pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran; (ii) pengaruh kaedah pengajaran guru bahasa sasaran; (iii) pengaruh kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran; dan (iv) pengaruh gaya pembelajaran visual dan auditori pelajar. Kesemua sub-tema ini akan diperincikan perbincangannya berserta dengan contoh-contoh transkrip yang relevan melalui 4 sub-topik yang berasingan – **5.6.1**, **5.6.2**, **5.6.3** dan **5.6.4** seperti berikut.

University of Malaya

5.6.1 Pengaruh Persekitaran Pembelajaran Bahasa Sasaran

Faktor pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran yang dimaksudkan dalam sub-topik ini adalah bererti peluang pendedahan para pelajar kepada penggunaan bahasa sasaran (khasnya pengaruh persekitaran tempat tinggal dalam konteks kajian ini) telah mempengaruhi para pelajar untuk memilih dan menggunakan jenis SPPK Mandarin tertentu dalam proses pembelajaran dan penguasaan perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Walau bagaimanapun, ingin ditekankan di sini bahawa pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah bersifat "hibrid", iaitu ia merujuk kepada konteks pembelajaran Mandarin sebagai B3 (*Mandarin as a foreign language* – MFL) yang berteraskan masyarakat majmuk di Malaysia.

Hal ini bermakna faktor pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran yang berdasarkan konteks pembelajaran MFL dalam kajian ini sesungguhnya boleh dibahagikan kepada dua situasi – (i) pengaruh persekitaran pembelajaran B3 terdekat (*immediate foreign language learning environment*), dan (ii) pengaruh persekitaran pembelajaran B3 lanjutan (*extended foreign language learning environment*). Sebagai contohnya, walaupun para pelajar Melayu IPT dalam kajian ini mempelajari Mandarin sebagai B3, namun disebabkan faktor masyarakat majmuk di Malaysia, maka wujud dua situasi persekitaran pembelajaran bahasa sasaran yang disebutkan tadi, yang mana "persekitaran pembelajaran B3 terdekat" dan "persekitaran pembelajaran B3 lanjutan" masing-masing boleh disamakan dengan konteks pembelajaran EFL (*English as a Foreign Language*) dan ESL (*English as a Second Language*) sebagaimana diperihalkan dalam rata-rata kajian lepas (seperti Takač 2008; Kojic-Sabo dan Lightbown 1999). Dalam erti kata lain, boleh dikatakan bahawa "persekitaran pembelajaran B3 terdekat" adalah sama seperti konteks pembelajaran EFL, iaitu lebih terbatas di dalam kelas

University of Malaya

bahasa sasaran sahaja; walhal "persekitaran pembelajaran B3 lanjutan" pula adalah sama seperti konteks pembelajaran ESL, yang mana ia adalah lebih terdedah kepada persekitaran komunikatif sosial bahasa sasaran yang dipelajari oleh para pelajar.

Dalam konteks kajian ini, sekiranya seseorang pelajar Melayu IPT mempunyai hubungan sosial yang rapat dengan penutur natif Mandarin, dan berpeluang untuk berinteraksi dalam Mandarin dengan penutur natif di luar kelas Mandarin, maka fenomena ini boleh dikatakan bahawa pelajar tersebut adalah dipengaruhi oleh persekitaran pembelajaran B3 lanjutan. Sebaliknya, jika seseorang pelajar tersebut jarang mempunyai hubungan sosial (*social network*) dengan penutur natif Mandarin dalam masyarakat setempat kaum Cina, dan juga jarang-jarang berpeluang untuk berkomunikasi dalam Mandarin di luar kelas Mandarin, maka dia boleh dikatakan hanya mempelajari Mandarin dalam persekitaran pembelajaran B3 terdekat sahaja. Memandangkan terdapat dua jenis situasi pengaruh persekitaran pembelajaran B3 yang berbeza ini, maka faktor pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran ini akan memberi kesan yang berbeza kepada penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan informan kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Hal ini akan diperihalkan melalui hasil analisis data temu bual dengan lebih lanjut berserta dengan contoh-contoh transkrip seperti berikut.

Daripada hasil analisis data temu bual, didapati 9 daripada 15 orang informan kumpulan PMKT memberitahu pengkaji bahawa mereka sering menggunakan jenis SPPK Mandarin mengaplikasikan perkataan Mandarin yang pernah dipelajari dalam aktiviti kehidupan harian mereka, seperti bertanya khabar dengan jiran-jiran ataupun bertanya harga dengan pekedai Cina dalam Mandarin. Hal ini berlaku kerana mereka adalah

University of Malaya

tinggal berhampiran dengan komuniti Cina. Sila lihat contoh-contoh transkrip seperti berikut :

> *"...**selalu juga saya guna strategi aplikasi** ni ... a kerana saya **tinggal di kawasan yang ada ramai orang Cina, jadi senang nak praktikkan perkataan-perkataan Mandarin yang pernah dipelajari**...macam tanya khabar pada jiran saya...apa tu...a "ni hao ma" ?"*
>
> (PMKT 01/P/AS/Raihan, 2 November 2012)

> *"....**dulu memang saya segan sangat nak praktis cakap Mandarin...saya cuma latih cakap Mandarin dengan kawan-kawan dalam kelas sahaja...tapi bila family saya pindah ke satu taman yang majoroti penduduknya orang Cina baru-baru ni...saya jadi macam berani pulak... saya sering tanya uncle Cina yang jual newspaper tu berapa harga dalam Mandarin**...macam "duoshao qian"...kalau saya salah sebut...dia akan betulkan saya...hehe..."*
>
> (PMKT 08/EC/Lila, 21 Disember 2012)

Berdasarkan contoh-contoh transkrip seperti dikemukakan di atas, boleh dikatakan bahawa oleh sebab dua orang informan kumpulan PMKT tersebut selalu terdedah kepada persekitaran komunikatif sosial bahasa sasaran (Mandarin), maka mereka lebih cenderung untuk menggunakan jenis SPPK Mandarin yang bersifat interaktif, seperti mengaplikasikan pengetahuan leksikal Mandarin yang pernah dipelajari untuk bertanya khabar ataupun menanya harga dalam aktiviti harian mereka. Sebagai buktinya, informan PMKT ke-8 (PMKT 08/EC/Lila, 21 Disember 2012) dalam transkrip kedua seperti di atas, secara terus-terang mengakui bahawa dia hanya menggunakan jenis SPPK Mandarin mengaplikasi perbendaharaan kata Mandarin yang pernah dipelajari sejak keluarganya berpindah ke satu kawasan perumahan yang majoriti penduduknya terdiri daripada kaum Cina, sedangkan sebelum ini dia hanya mampu menggunakan jenis SPPK Mandarin seperti berlatih perbendaharaan kata Mandarin dengan kawan-kawan yang terbatas di dalam kelas Mandarin sahaja. Hal ini jelas membuktikan bahawa faktor pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran, iaitu pengaruh persekitaran pembelajaran B3 lanjutan, telah mempengaruhi penggunaan SPPK

University of Malaya

Mandarin oleh informan kumpulan PMKT tersebut dalam proses dia mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3.

Namun secara kontrasnya, hasil kajian kualitaif dalam sub-topik ini turut menerokai dan mendapati bahawa rata-rata informan kumpulan PMKR adalah kurang didedahkan kepada persekitaran komunikatif sosial bahasa sasaran (Mandarin), dan mereka juga tidak berusaha mencari peluang untuk meletakkan diri mereka dalam persekitaran pembelajaran B3 lanjutan sebagaimana dilakukan oleh para informan kumpulan PMKT. Didapati seramai 13 daripada 15 orang informan kumpulan PMKR memberitahu pengkaji bahawa mereka hanya mempelajari Mandarin dalam persekitaran pembelajaran B3 terdekat yang terbatas kepada persekitaran pembelajaran di dalam kelas Mandarin sahaja. Hal ini telah mendorong mereka lebih cenderung untuk menggunakan jenis SPPK Mandarin yang bercirikan ulangkaji ataupun memori, seperti menyebut atau menulis perkataan Mandarin berulang kali, menghubungkaitkan sebutan perkataan Mandarin dengan sebutan perkataan Melayu, serta membahagikan perkataan Mandarin kepada segmen-segmen kecil yang senang dikenal pasti.

Sebagai contohnya, apabila ditanya : "*Mengapa anda jarang mengaplikasikan perkataan-perkataan Mandarin yang pernah dipelajari melalui pelbagai cara, seperti bertutur Mandarin dengan orang Cina* ?", antara respon yang diutarakan oleh informan-informan kumpulan PMKR adalah seperti berikut :

> *"....tak la...saya biasa* ***hafal-hafal makna, sebut-sebut perkataan Mandarin dalam senarai kosa kata tu saja…tak la rajin sampai nak speak Mandarin dengan Chinese kot...mereka yang pandai-pandai boleh la…kita tak reti la…lagipun sekeliling kita tak ada kawan-kawan Cina pun****...saya pergi sekolah kebangsaan dan tinggal di kawasan Melayu sejak kecil lagi...haha..****di UiTM ni pun takde pelajar-pelajar Cina****...laoshi jer la Cina...haha..."*
>
> (PMKR 02/P/TEKA/Ikin, 24 November 2012)

University of Malaya

> *"...**nak praktis cakap Mandarin macam mana…kita takde kawan Cina…**lagipun dari kecil saya tinggal di kawasan Felda...majoriti Melayu…pergi sekolah pun sekolah Melayu…ni baru kali pertama kita belajar Mandarin…**so praktis biasa-biasa saja ler dengan kawan dalam kelas, macam saling tanya makna perkataan…rasa gitu la kita buat**...**lain la kalau kita ada kawan Cina yang pandai Mandarin…kita boleh praktis cakap-cakap dengan dia kan**...apa-apa tak tau, boleh call dan tanya jer..."*
>
> (PMKR 12/L/BM/Ihwan, 8 Disember 2012)

Daripada contoh-contoh transkrip seperti di atas, didapati dua orang informan kumpulan PMKR yang ditemu bual tersebut mengakui bahawa mereka sememangnya tidak berpeluang untuk mendedahkan diri kepada persekitaran komunikatif sosial Mandarin, kerana mereka pergi ke sekolah dan tinggal di kawasan yang majoriti penduduknya terdiri daripada kaum Melayu. Dalam pada itu, pengambilan pelajar di universiti mereka juga adalah terdiri daripada seratus peratus pelajar Bumiputera yang biasa bertutur dalam Melayu. Tambahan pula, informan kumpulan PMKR ini (PMKR 02/P/TEKA/Ikin, 24 November 2012 dalam cebisan transkrip pertama di atas) juga mengakui bahawa mereka tidak serajin informan kumpulan PMKT, iaitu mencari peluang untuk mendekati komuniti setempat Cina yang bertutur Mandarin di luar kelas Mandarin. Oleh hal yang demikian, mereka hanya terbatas kepada persekitaran pembelajaran B3 terdekat sahaja, ataupun dalam erti kata lain, mereka hanya sempat mempelajari perbendaharaan kata Mandarin di dalam kelas Mandarin sahaja. Justeru itu, mereka tidak cenderung untuk menggunakan jenis SPPK Mandarin yang bercirikan interaktif, seperti mengaplikasikan perkataan-perkataan Mandarin yang pernah dipelajari dalam situasi autentik.

Secara ringkasnya, boleh disimpulkan di sini bahawa dapatan kajian kualitatif dalam sub-topik ini telah membuktikan bahawa persekitaran pembelajaran bahasa sasaran (B3) adalah merupakan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan informan kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Namun

University of Malaya

demikian, kesan pengaruhannya adalah berbeza di antara kedua-dua kumpulan pelajar tersebut. Bagi informan kumpulan PMKT, disebabkan mereka lebih banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran pembelajaran B3 lanjutan, maka mereka adalah lebih kerap menggunakan jenis-jenis SPPK Mandarin yang bersifat interaktif, misalnya mengaplikasikan pengetahuan leksikal Mandarin yang pernah dipelajari dalam aktiviti harian mereka. Sebaliknya, memandangkan majoriti informan kumpulan PMKR hanya terbatas kepada faktor persekitaran pembelajaran B3 terdekat sahaja, justeru didapati mereka lebih kerap menggunakan jenis-jenis SPPK Mandarin yang bercirikan ulangkaji dan memori, seperti menghafal makna dan menyebut perbendaharaan kata Mandarin berulang kali; dan kurang cenderung menggunakan jenis-jenis SPPK Mandarin yang bersifat interaktif.

Dapatan kajian dalam sub-topik ini adalah disokong oleh kerangka dapatan tinjauan Nyikos dan Fan (2007), yang mana mereka mengemukakan bahawa perbezaan persekitaran pembelajaran sesuatu bahasa sasaran boleh berperanan sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK oleh para pelajar. Dalam pada itu, didapati hasil kajian dalam sub-topik ini juga adalah konsisten dengan dapatan kajian Takač (2008). Melalui kajian beliau, Takač (2008) mengemukakan bahawa perbezaan kekerapan penggunaan SPPK antara para pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2 dengan mereka yang mempelajari bahasa Jerman sebagai B3 adalah terletak pada faktor pendedahan para pelajar kepada kedua-dua bahasa sasaran tersebut. Hasil kajian Takač (2008) menunjukkan para pelajar bahasa Inggeris di Croatia mempunyai lebih berpeluang didedahkan kepada penggunaan bahasa Inggeris autentik (*auhtentic English*) dalam kehidupan harian mereka, maka mereka menerima lebih banyak input bahasa Inggeris daripada persekitaran pembelajaran B2.

University of Malaya

Hal ini secara tidak langsung mendorong mereka menggunakan pelbagai jenis SPPK dengan lebih kerap dan tidak terbatas kepada pembelajaran formal dalam kelas bahasa sahaja. Sebaliknya, para pelajar bahasa Jerman terpaksa memilih SPPK yang lebih berorientasikan pembelajaran formal di dalam kelas dan agak bergantung kepada guru bahasa, kerana mereka jarang didedahkan kepada input bahasa Jerman sehingga mereka kurang berpeluang mengaplikasikan SPPK jenis interaktif dalam pembelajaran bahasa Jerman mereka.

Fenomena ini adalah selaras dengan hasil kajian kualitatif dalam sub-topik ini yang mendapati bahawa informan kumpulan PMKT yang lebih banyak dipengaruhi oleh persekitaran pembelajaran B3 lanjutan (bersamaan dengan konteks pembelajaran ESL), adalah lebih kerap menggunakan jenis SPPK Mandarin yang bersifat interaktif. Sebaliknya, informan kumpulan PMKR yang hanya didedahkan kepada persekitaran pembelajaran B3 terdekat (bersamaan dengan konteks pembelajaran EFL) pula adalah lebih cenderung untuk menggunakan jenis SPPK Mandarin yang bercirikan ulangkaji dan memori, yang mana jenis SPPK Mandarin sedemikian adalah lebih terbatas kepada persekitaran kelas Mandarin mereka.

Pendek kata, dapatan kajian dalam sub-topik ini telah membuktikan bahawa pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran adalah merupakan salah satu faktor dari segi bukan-linguistik yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Namun demikian, dapatan kajian dalam sub-topik ini yang berlandaskan konteks pembelajaran MFL di Malaysia telah membuktikan bahawa faktor pengaruhan ini boleh dibahagikan lagi kepada dua sub-kategori yang kecil, iaitu persekitaran pembelajaran B3 terdekat (*immediate foreign*

University of Malaya

language learning environment) dan persekitaran pembelajaran B3 lanjutan (*extended foreign language learning environment*). Didapati juga informan kumpulan PMKT yang lebih banyak dipengaruhi oleh persekitaran pembelajaran B3 lanjutan adalah lebih kerap menggunakan jenis SPPK Mandarin yang bersifat interaktif. Sebaliknya, informan kumpulan PMKR yang hanya terbatas kepada faktor persekitaran pembelajaran B3 terdekat adalah jarang-jarang menggunakan jenis SPPK Mandarin yang bersifat interaktif, tetapi lebih kerap menggunakan jenis SPPK Mandarin yang berbentuk ulangkaji dan memori.

Namun demikian, fenomena ini tidak diperihalkan secara terperinci dalam kerangka dapatan tinjauan Nyikos dan Fan (2007), walaupun secara keseluruhannya hasil kajian dalam sub-topik ini adalah disokong oleh kerangka tersebut. Hal ini berlaku kerana hipotesis dalam kerangka dapatan tinjauan Nyikos dan Fan (2007) tersebut adalah dicadangkan dengan berlandaskan konteks pembelajaran B2 (ESL) dan B3 (EFL) di luar negeri. Sementara dalam konteks kajian ini pula, pengaruh persekitaran pembelajaran sesuatu bahasa sasaran adalah dilihat dengan berlandaskan konteks masyarakat majmuk di Malaysia – Mandarin dipelajari sebagai B3 (*Mandarin as a foreign language* – MFL) dalam konteks "hibrid" di Malaysia. Dalam erti kata lain, boleh dikatakan hasil kajian kualitatif dalam sub-topik ini telah berjaya menampung kekurangan kosa ilmu kajian lepas yang sedia ada.

Selain faktor pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran ini, didapati satu faktor lagi yang mempunyai hubungan rapat dengan persekitaran pembelajaran B3, iaitu kaedah pengajaran guru bahasa sasaran, juga turut dibuktikan boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Faktor

University of Malaya

pengaruhan ini akan diperihalkan dengan lebih mendalam lagi melalui sub-topik **5.6.2** seperti berikut.

5.6.2 Pengaruh Kaedah Pengajaran Guru Bahasa Sasaran

Berpandukan hasil analisis data temu bual, didapati kaedah pengajaran guru bahasa sasaran (Mandarin) juga merupakan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Pengaruh kaedah pengajaran guru bahasa sasaran yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada kaedah bagaimana guru mengajar perbendaharaan kata Mandarin kepada anak murid mereka di dalam kelas telah memberi kesan kepada penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar mereka.

Namun demikian, hasil analisis data kualitatif dalam kajian ini telah mendapati bahawa faktor kaedah pengajaran guru bahasa sasaran ini adalah lebih mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKR, jika dibandingkan dengan kumpulan PMKT. Hal ini berlaku sebagaimana yang telah dibuktikan melalui hasil kajian dalam sub-topik **5.6.1** di atas, didapati rata-rata informan kumpulan PMKR adalah kurang bermotivasi ataupun tidak berkeupayaan seperti para pelajar daripada kumpulan PMKT untuk mendedahkan diri kepada persekitaran pembelajaran B3 lanjutan – persekitaran komunikatif sosial Mandarin. Justeru itu, mereka tidak mempunyai banyak pilihan untuk mengaplikasikan strategi-strategi lain untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin, melainkan mengikut ajaran guru Mandarin mereka di dalam kelas sahaja. Bagi mereka, guru Mandarinlah satu-satunya sumber rujukan yang boleh membantu mereka untuk menguasai perbendaharaan kata Mandarin secara berkesan.

University of Malaya

Sebagai buktinya, didapati 13 daripada 15 orang informan kumpulan PMKR mengakui mereka sering mengaplikasikan strategi yang diajar oleh guru mereka untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin. Misalnya, apabila ditanya : "*Mengapa anda jarang menggunakan strategi mengingat kembali untuk menguasai perbendaharaan kata Mandarin?*", dua orang informan kumpulan PMKR terus memberi respon bahawa :

> *"...errr...**tak berapa reti cara ni sebab laoshi tak ajar pun kita orang...ingat kembali macam mana tu..tak faham la...laoshi saya tak ajar cara macam ni**...laoshi just suruh kita orang sebut-sebut dan hafal-hafal makna perkataan Mandarin dalam Senarai Kosa Kata tu...lepas tu, laoshi akan terjemahkan perkataan tu ke dalam bahasa Melayu supaya kita orang lebih faham la...tu jer cara saya studi perbendaharaan kata Mandarin..**cara lain tak berepa reti**...hehe...**sebenarnya, saya kurang pasti strategi apa yang saya gunakan...laoshi, nak ingat perkataan Mandarin ni memang satu benda yang sangat-sangat susah bagi saya...**"*
>
> (PMKR 12/L/BM/Ihwan, 8 Disember 2012)

> "*...laoshi tak pernah ajar strategi mengingat kembali tu dalam kelas...memang tak reti nak buat macam mana...hehe...**saya sebut-sebut dan hafal-hafal perkataan Mandarin dalam Senarai Kosa Kata jer yang diajar oleh laoshi saya**...**lagi-lagi kita tak ada adik ker...kawan ker...yang belajar kat sekolah Cina...kalau ada, at least mereka boleh ajar kita guna cara lain kan...so saya memang gantung seratus peratus pada laoshi la...apa laoshi suruh kita buat...kita ikut jer**...yang lain tak reti sangat**...tapi bagi saya kan...perkataan Mandarin memang susah nak ingat...**"*
>
> (PMKR 01/L/TEKA/Kamal, 24 November 2012)

Berpandukan contoh transkrip seperti di atas, didapati dua orang informan kumpulan PMKR tersebut memang amat bergantung kepada jenis SPPK yang dicadangkan oleh guru Mandarin mereka untuk mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin, iaitu mereka menyebut berulang kali dan menghafal maksud perbendaharaan kata Mandarin berdasarkan Senarai Kosa Kata. Sementara jenis SPPK Mandarin yang tidak pernah diajar oleh guru mereka, seperti mengingat kembali perbendaharaan kata Mandarin, didapati tidak diaplikasikan langsung oleh mereka dalam proses pembelajaran dan penguasaan perbendaharaan kata Mandarin (sila rujuk contoh transkrip kedua : PMKR 01/L/TEKA/Kamal, 24 November 2012 seperti di atas).

Universiti of Malaya

Tambahan pula, disebabkan kekurangan peluang pendedahan para pelajar kumpulan PMKR tersebut kepada persekitaran komunikatif sosial bahasa sasaran (Mandarin) ataupun hanya didedahkan kepada persekitaran pembelajaran B3 terdekat sahaja, maka mereka adalah lebih bergantung kepada guru untuk mempelajari dan menguasai sesuatu perbendaharaan kata Mandarin baru. Hal ini secara langsung ataupun tidak telah menyebabkan kaedah pengajaran guru (Mandarin) lebih mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan mereka.

Sebaliknya, di satu pihak yang lain pula, didapati 11 daripada 15 orang informan kumpulan PMKT memberitahu pengkaji bahawa mereka hanya mengadaptasikan jenis-jenis SPPK Mandarin yang diajar oleh guru Mandarin mereka pada peringkat permulaan proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin sahaja. Selepas itu, mereka akan menggunakan jenis SPPK Mandarin sendiri yang dianggap lebih efektif tetapi jarang-jarang diajar oleh guru mereka di dalam kelas, bagi memperkukuhkan pengetahuan leksikal Mandarin mereka. Hal ini berlaku kerana menurut mereka, guru Mandarin mereka hanya mengajar mereka mempelajari perbendaharaan kata Mandarin secara "tanpa-konteks" (*decontextualized vacabulary learning*), terutama sekali menghafal makna perbendaharaan kata Mandarin berdasarkan Senarai Kosa Kata secara kendiri. Namun, mereka berpendapat cara sedemikian masih tidak memadai untuk menguasai perbendaharaan kata Mandarin secara tuntas dan berkesan.

Justeru itu, demi memastikan mereka benar-benar menguasai perbendaharaan kata Mandarin secara berkesan, didapati rata-rata informan kumpulan PMKT tersebut akan menggunakan jenis SPPK Mandarin sendiri, seperti mengingat kembali perkataan, berlatih dengan kawan, menguji diri sendiri, ataupun berusaha mencari peluang untuk mengaplikasikan perbendaharaan kata Mandarin yang pernah dipelajari ke dalam

University of Malaya

komunikasi harian mereka. Hal ini memberi interpretasi bahawa dalam hal penggunaan SPPK Mandarin, para pelajar kumpulan PMKT adalah kurang dipengaruhi oleh faktor kaedah pengajaran guru bahasa sasaran, jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR. Sila lihat contoh-contoh transkrip seperti berikut :

> *"...biasanya laoshi mengajar very rush dalam kelas...so* ***biasanya dia pesan kat kita orang belajar perkataan Mandarin kat Senarai Kosa Kata dulu...so saya ikut la****...lepas tu dia dah masuk dialog terus...* ***tapi saya rasa kan...lebih berkesan la kalau saya praktis bertanya-tanya balik perkataan Mandarin itu dengan kawan-kawan...ataupun pejam mata dan mengingat kembali sebutan dan makna perkataan-perkataan Mandarin yang pernah diajar oleh laoshi itu****...****lepas tu kalau dah pandai...time saya gi fotostat saya cakap la Mandarin sikit-sikit dengan uncle Cina tu...****".*
>
> (PMKT 11/P/EC/Aida, 11 Januari 2013)

> *"...bagi saya kan..saya biasanya* ***belajar perkataan baru Mandarin dalam word list tu dulu...laoshi suruh buat gitu****...so* ***at first saya ikut la apa yang disuruh oleh laoshi tu...tapi saya rasa tak berapa cukup lagi bagi menguasai perkataan-perkataan Mandarin tu...****sebab ada perkataan Mandarin tu sangat panjang dan mirip-mirip sama....****yang penting kena selalu try ingat-ingat balik la makna perkataan-perkataan yang pernah baca...kita tak boleh apa-apa pun bergantung pada laoshi****...****jumpa laoshi pun seminggu sekali dalam dua jam jer ...so kalau nak pandai Mandarin, kena usaha sendiri la...** *".*
>
> (PMKT 1/P/AS/Raihan, 2 November 2012)

> *"...****cara laoshi ajar ada juga mempengaruhi saya guna strategi...cuma saya tak ikut semua cara laoshi tu...laoshi kita suruh belajar perkataan Mandarin melalui Senarai Kosa Kata****...saya biasa hafal-hafal maknanya dulu... lepas tu saya uji diri sendiri atau saling bertanya maknanya dengan kawan-kawan...****yang ni laoshi tak ajar la...lepas kita dah pandai sikit... kita akan guna perkataan-perkataan Mandarin cakap dengan pekedai Cina time gi fotocopy...saya rasa cara ni lebih berkesan lagi untuk menguasai perbendaharaan kata Mandarin...** *".*
>
> (PMKT 10/P/IS/Hida, 11 Januari 2013)

Berlandaskan data empirik dalam tiga cebisan transkrip seperti dikemukakan di atas, boleh dikatakan bahawa dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin, walaupun faktor kaedah pengajaran guru bahasa sasaran didapati boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan informan kumpulan PMKT, namun mereka tidak seratus peratus bergantung kepada kaedah pengajaran guru mereka di dalam kelas semata-mata. Didapati hanya pada peringkat permulaan untuk mempelajari pengetahuan leksikal Mandarin yang asas sahaja, kaedah pengajaran guru bahasa

sasaran ini merupakan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh mereka (iaitu mempelajari perbendaharaan kata Mandarin berdasarkan senarai kosa kata dalam buku teks Mandarin).

Namun demikian, setelah mereka boleh menguasai ejaan dan sebutan perbendaharaan kata Mandarin dengan baik, mereka akan menggunakan repertoir SPPK Mandarin sendiri yang tidak diajar oleh guru mereka bagi memperkukuhkan penguasaan pengetahuan perbendaharaan kata Mandarin secara berkesan. Sebagai contohnya, mereka saling bertanya sesama kawan, mengingat kembali perbendaharaan kata Mandarin yang pernah dipelajari (sila rujuk transkrip pertama dan kedua di atas); ataupun mengaplikasikan perbendaharaan kata Mandarin yang pernah dipelajari ke dalam aktiviti harian mereka, seperti berbual-bual dengan pekedai Cina bagi membantu mereka untuk menguasai pengetahuan leksikal Mandarin dengan lebih berkesan lagi (sila rujuk transkrip ketiga di atas).

Ringkasnya, boleh dirumuskan bahawa hasil analisis data temu bual seperti di atas telah membuktikan rata-rata pelajar kumpulan PMKT adalah kurang dipengaruhi oleh kaedah pengajaran guru bahasa sasaran mereka dari segi penggunaan SPPK Mandarin, jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR. Hal ini demikian kerana didapati kumpulan PMKT adalah lebih rajin mendedahkan diri kepada persekitaran pembelajaran B3 lanjutan serta mampu mengaplikasikan strategi pembelajaran tersendiri. Justeru itu, mereka adalah kurang dipengaruhi oleh kaedah pengajaran guru dalam kelas Mandarin mereka.

Sesunggunya, hasil kajian dalam sub-topik ini adalah sejajar dengan dapatan kajian Leeke dan Shaw (2000). Menurut mereka, dua per tiga daripada pelajar dalam kajian

University of Malaya

mereka mengakui bahawa sekiranya mereka berada dalam persekitaran B2 (iaitu berpeluang didedahkan kepada persekitaran komunikatif sosial bahasa sasaran) dan tahap penguasaan kemahiran bahasa mereka telah semakin meningkat, mereka tidak akan sambung menggunakan SPPK senarai kosa kata walaupun ia pernah diajar oleh guru mereka di dalam kelas, melainkan untuk mempelajari perkataan-perkataan tertentu yang sangat sukar dan harus diingati dengan serta-merta. Hal ini bererti penggunaan jenis SPPK berdasarkan senarai kosa kata hanya akan digunakan oleh para pelajar pada peringkat awal pembelajaran perbendaharaan kata ataupun dalam situasi kesuntukan masa sahaja. Sebaliknya, jika para pelajar mempunyai pilihan yang membolehkan mereka mengaplikasikan pengetahuan perkataan yang pernah dipelajari ke dalam situasi sebenar (iaitu berada dalam persekitaran B2), dan mereka mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian, maka mereka akan mengaplikasikan jenis-jenis SPPK pilihan sendiri yang lain.

Dalam kajian ini pula, didapati para pelajar yang berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) dan berpeluang didedahkan kepada persekitaran komunikatif sosial bahasa sasaran, adalah tidak seratus peratus bergantung kepada kaedah pengajaran guru mereka di dalam kelas semata-mata. Mereka hanya mengikut kaedah pengajaran guru mereka (iaitu mempelajari perbendaharaan kata Mandarin berdasarkan senarai kosa kata dalam buku teks Mandarin) pada peringkat permulaan sahaja. Setelah mereka boleh menguasai ejaan dan sebutan perbendaharaan kata Mandarin dengan baik, mereka akan menggunakan repertoir SPPK Mandarin sendiri bagi memperkukuhkan penguasaan pengetahuan leksikal Mandarin mereka, seperti saling bertanya sesama kawan, mengingat kembali perbendaharaan kata Mandarin, ataupun mengaplikasikan perbendaharaan kata Mandarin yang pernah dipelajari ke dalam aktiviti harian mereka. Hal ini bererti para pelajar kumpulan PMKT yang mampu mengaplikasikan strategi

University of Malaya

pembelajaran tersendiri ataupun lebih rajin mendedahkan diri kepada persekitaran pembelajaran B3 lanjutan, adalah secara relatifnya kurang dipengaruhi oleh kaedah pengajaran guru bahasa sasaran mereka.

Pada masa yang sama, hasil kajian dalam sub-topik ini juga turut menampung kekurangan kajian lepas dengan menerokai dan membuktikan bahawa para pelajar yang berkemahiran rendah (kumpulan PMKR) dan kurang berinisiatif mendedahkan diri kepada persekitaran komunikatif sosial bahasa sasaran adalah lebih dipengaruhi oleh kaedah pengajaran guru bahasa sasaran dalam kelas. Dalam erti kata lain, boleh dirumuskan bahawa walaupun faktor kaedah pengajaran guru bahasa sasaran ini mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR, namun kesan pengaruh faktor ini adalah lebih kepada kumpulan PMKR, jika dibandingkan dengan kumpulan PMKT.

Selain faktor yang melibatkan kaedah pengajaran guru bahasa sasaran seperti di atas, didapati format persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran juga turut memberi kesan kepada penggunaan SPPK oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Sub-tema berkaitan faktor pengaruhan ini akan diterangkan dengan lebih lanjut lagi melalui sub-topik **5.6.3** seperti berikut.

5.6.3 Pengaruh Kekerapan Persembahan Leksikal Dalam Buku Teks Bahasa Sasaran

Faktor pengaruh kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran dalam kajian ini boleh didefinisikan sebagai kekerapan perbendaharaan kata Mandarin dipaparkan dalam buku teks Mandarin (seperti berapa kali perkataan Mandarin tertentu didedahkan kepada para pelajar) boleh mempengaruhi para pelajar dalam penggunaan SPPK Mandarin tertentu. Sebagai contohnya, apabila ditanya "*Mengapa anda jarang*

University of Malaya

ataupun tidak gemar menggunakan simpulan bahasa yang pernah dipelajari ?" , didapati 10 daripada 15 orang informan kumpulan PMKT memberitahu pengkaji bahawa sesungguhnya mereka bukan tidak gemar menggunakan ungkapan simpulan bahasa yang telah dipelajari, tetapi secara relatifnya didapati memang sangat sedikit ungkapan simpulan bahasa didedahkan kepada mereka, jika dibandingkan dengan jenis-jenis perkataan yang lain seperti kata nama ataupun kata kerja. Disebabkan limitasi pemaparan ungkapan simpulan bahasa atau perungkapan 4-kata ini, maka pada pandangan mereka, ungkapan-ungkapan tersebut seolah-olah kurang penting dalam proses pembelajaran dan penguasaan perbendaharaan kata Mandarin. Justeru itu, mereka kurang menumpukan perhatian terhadap penggunaan ungkapan simpulan bahasa atau perungkapan 4-kata.

Hal ini memang benar kerana daripada pemerhatian pengkaji yang juga merupakan salah seorang guru Mandarin di lokasi kajian ini, didapati hanya 3 ungkapan simpulan bahasa atau perungkapan 4-kata sahaja dipaparkan dalam tiga buah buku teks Mandarin (Tahap I – III) yang menjadi rujukan utama para pelajar Melayu IPT tersebut. Ketiga-tiga ungkapan simpulan bahasa atau perungkapan 4-kata tersebut ialah "hǎo jiǔ bú jiàn" (sudah lama tidak berjumpa) diperkenalkan pada tahap I; "*bú jiàn bú sàn*" (tunggu sehingga datang) diperkenalkan pada tahap II; dan "duō duō zhǐ jiào" (sila memberi tunjuk ajar) diperkenalkan pada tahap III. Oleh hal yang demikian, maka tidak hairanlah mengapa para pelajar kumpulan PMKT melaporkan bahawa mereka jarang menggunakan ungkapan simpulan bahasa atau perungkapan 4-kata yang pernah dipelajari (walaupun mereka merupakan golongan pelajar berkemahiran tinggi – kumpulan PMKT). Hal ini telah menyebabkan **Item 30** dalam soal selidik merupakan salah satu daripada 5-item SPPK Mandarin (urutan ke-5) yang paling jarang digunakan oleh kumpulan PMKT [sila rujuk kembali **Jadual 4.12** dalam sub-topik **4.4.2.3** di Bab

University of Malaya

4]. Sebagai buktinya, pengaruh kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran ke atas penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dapat dilihat melalui beberapa petikan transkrip seperti berikut :

> *"Ooo...tak, maksud saya macam ni...**sebab simpulan bahasa ini jarang-jarang wujud dalam buku teks...kalau tak silap satu dua jer...jadi saya pilih jarang guna la...sebab kalau banding dengan kata-kata lain...macam "wǒ" ker..."nǐ" ker... ia memang jarang digunakan**..."*
> (PMKT 06/L/EC/Faiz, 20 November 2012)

> *"...**sebab simpulan bahasa ni macam jarang-jarang jumpa dalam buku**...tak macam perkataan lain kan...haha...**yang saya ingat tu "bú jiàn bú sàn"...sebab tu saya pilih tidak selalu guna...tapi sebenarnya kadang-kadang ada juga saya cakap "bú jiàn bú sàn" dengan kawan....tapi lain la kalau simpulan bahasa ni selalu diperkenalkan ataupun ada satu bahagian khas dalam buku teks yang mengajar simpulan bahasa....so kita akan lebih tumpukan perhatian la..."***
> (PMKT 1/P/AS/Raihan, 2 November 2012)

> *"... **sebab dalam buku teks Mandarin tu memang tak banyak simpulan bahasa kan** ...yang ada tu macam **"bú jiàn bú sàn"...ah....ada satu lagi "hǎo jiǔ bú jiàn"...itu jer kot yang pernah saya baca...**so saya pilih jarang guna bila jawab soal selidik hari tu...".*
> (PMKT 15/L/AC/Izam, 24 Januari 2013)

Berpandukan transkrip di atas, didapati pengaruh kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran (Mandarin) telah memberi kesan kepada penggunaan jenis SPPK Mandarin oleh para informan kumpulan PMKT, khasnya yang berkaitan dengan penggunaan simpulan bahasa. Menurut majoriti informan kumpulan PMKT yang ditemu bual, mereka telah memilih skala "jarang" bagi **Item 30** dalam soal selidik (*saya berusaha menggunakan ungkapan simpulan bahasa Mandarin yang pernah dipelajari*) disebabkan pada pandangan mereka jenis simpulan bahasa ini hanya didedahkan kepada mereka secara sepintas lalu saja jika dibandingkan dengan jenis-jenis perkataan yang lain. Oleh itu, rata-rata pelajar kumpulan PMKT mengakui bahawa mereka bukan sengaja tidak cenderung menggunakan simpulan bahasa yang pernah dipelajari di luar kelas, cuma kekerapan persembahan jenis perkataan ini dalam buku teks telah menyebabkan

mereka salah anggap simpulan bahasa adalah kurang penting dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin dan jarang menggunakannya dalam komunikasi harian.

Sementara di satu pihak yang lain pula, didapati pengaruh kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran ini memberi kesan yang lebih mendalam lagi kepada para pelajar kumpulan PMKR, memandangkan **Item 30** dalam soal selidik telah dilaporkan sebagai item ke-3 (ikut urutan) paling jarang digunakan oleh kumpulan PMKR [sila rujuk kembali **Jadual 4.12** dalam sub-topik **4.4.2.3** di Bab 4]. Sebagai buktinya, didapati 12 daripada 15 orang informan kumpulan PMKR yang ditemu bual memberitahu pengkaji bahawa mereka seolah-olah tidak ingat langsung ada simpulan bahasa dalam buku teks Mandarin yang pernah dipelajari oleh mereka.

Hal ini berlaku kerana secara lumrahnya jika dikehendaki para pelajar yang kurang berkemahiran (kumpulan PMKR) untuk mengingati ataupun menguasai sesuatu perbendaharaan kata Mandarin dengan baik, penekanan ataupun proses pengulangan dari segi kekerapan persembahan perkataan kepada mereka harus lebih jika dibandingkan dengan para pelajar yang berkemahiran tinggi (Nation 2001). Dalam hal ini disebabkan kekerapan pendedahan ungkapan simpulan bahasa kepada para pelajar melalui buku teks Mandarin adalah amat jarang sekali (sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini), maka tidak hairan mengapa rata-rata pelajar deripada kumpulan PMKR tidak ingat serta jarang-jarang menggunakan ungkapan simpulan bahasa. Sila lihat contoh transkrip seperti berikut :

> *"...tak ingat la, laoshi...ada* ***simpulan bahasa ker dalam buku teks? hehe..macam tak pernah belajar pun****...simpulan bahasa yang macam mana tu...?"*
>
> (PMKR 02/P/TEKA/Ikin, 24 November 2012)

University of Malaya

> *"...**macam tak jumpa pun dalam buku...biasa saya ingat tu perkataan-perkataan yang selalu muncul dalam latihan ataupun dialog...yang simpulan bahasa ni macam tak penting...jarang sekali saya jumpa**...so ia macam tak berapa lekat dalam otak...haha..."*
> (PMKR 04/L/TEKA/Saiful, 7 November 2012)

> *"...laoshi, **tak reti sangat apa tu simpulan bahasa...ada ker dalam buku? hehe..macam tak pernah baca pun**...**rasanya ia tak penting untuk exam kot**...yang saya ingat tu perkataan-perkataan yang selalu sebut-sebut dalam dialog tu jer...kalau jarang-jarang jumpa perkataan tu...biasa saya tak akan gunakannya...hehe...apatah lagi nak ingat..."*
> (PMKR 03/P/TEKA/Hana, 6 November 2012)

Sekiranya dibandingkan transkrip oleh para informan kumpulan PMKR di atas dengan transkrip oleh para informan kumpulan PMKT sebelum ini, boleh dirumuskan bahawa pengaruh kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran telah memainkan peranannya dalam mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Namun demikian, kesannya adalah lebih mendalam ke atas kumpulan PMKR. Fenomena ini berlaku kerana didapati para pelajar kumpulan PMKT jarang menggunakan ungkapan simpulan bahasa atau perungkapan 4-kata (**Item 30**) adalah atas sebab mereka beranggapan jenis perkataan ini kurang penting, tetapi sekurang-kurangnya mereka masih mengingati ungkapan simpulan bahasa atau perungkapan 4-kata pernah muncul sekali dua dalam buku teks Mandarin mereka; walhal bagi para pelajar kumpulan PMKR pula, mereka adalah langsung tidak mengingati ada simpulan bahasa atau perungkapan 4-kata dalam buku teks Mandarin yang pernah dipelajari oleh mereka. Pendek kata, dapatan kajian dalam sub-topik ini jelas membuktikan bahawa faktor kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran (Mandarin) telah mempengaruhi penggunaan jenis SPPK Mandarin oleh para informan kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR, khasnya dari segi penggunaan simpulan bahasa atau perungkapan 4-kata.

Sesungguhnya, hasil kajian dalam sub-bahagian ini adalah konsisten dengan sebahagain daripada dapatan kajian Tan dan Hoe (2009). Tan dan Hoe (2009) yang pernah

University of Malaya

menjalankan satu kajian tentang penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT berlandaskan konteks pembelajaran yang sama dengan kajian ini pernah mengemukakan bahawa terdapat tiga faktor yang menyebabkan tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin tidak tinggi dalam kalangan pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin sebagai B3, antaranya adalah bahan pengajaran kursus Mandarin yang hanya berteraskan dialog pendek dan tidak komprehensif; kaedah pengajaran pensyarah Mandarin yang masih berorientasikan kaedah pengajaran traditional; serta sikap pelajar yang beracuankan "lulus peperiksaan" sahaja. Namun demikian, ingin ditekankan di sini bahawa dalam hasil kajian Tan dan Hoe (2009), "faktor bahan pengajaran kursus Mandarin" tersebut tidak diperincikan sebagaimana dalam kajian ini, memandangkan kajian Tan dan Hoe (2009) tersebut hanya dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif sahaja, tanpa mengumpul data kualitatif temu bual secara empirik sebagaimana yang telah dilakukan melalui kajian ini. Justeru itu, boleh dikatakan dapatan kajian ini telah dapat menampung kekurangan hasil kajian Tan & Hoe (2009) tersebut, dengan menerangkan dengan lebih lanjut tentang bagaimana faktor bahan pengajaran (iaitu dari segi kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran) boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar sama ada berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) ataupun rendah (kumpulan PMKR).

Selain daripada faktor berkaitan dengan bahan pengajaran sebagaimana diperihalkan di atas, didapati satu faktor lagi yang mempunyai hubungan rapat dengan kelainan ciri individu (*individual variation*) yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar – gaya pembelajaran visual dan auditori pelajar, juga sempat diterokai melalui kajian ini. Walau bagaimanapun, faktor ini hanya dapat dikesan dalam kalangan pelajar kumpulan PMKT sahaja. Hal ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi melalui sub-topik **5.6.4** seperti berikut.

University of Malaya

5.6.4 Pengaruh Gaya Pembelajaran Visual dan Auditori Pelajar

Berdasarkan hasil analisis data temu bual, didapati faktor gaya pembelajaran pelajar (iaitu dari segi visual dan auditori) juga turut mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar kumpulan PMKT. Secara spesifiknya, sub-tema pengaruh gaya pembelajaran visual dan auditori pelajar yang dimaksudkan di sini adalah bererti faktor perbezaan gaya pembelajaran para pelajar, sama ada dari segi visual yang menitikberatkan penglihatan ataupun dari aspek auditori yang memberatkan pendengaran, telah mempengaruhi mereka untuk memilih dan menggunakan jenis SPPK Mandarin tertentu dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin. Walau bagaimanapun, sebagaimana disebutkan di atas, faktor pengaruhan ini hanya membabitkan segolongan kecil pelajar daripada kumpulan PMKT sahaja.

Berpandukan hasil analisis data temu bual, didapati 2 orang informan kumpulan PMKT telah memerihalkan bahawa mereka selalu menggunakan strategi untuk membuat nota yang berwarna-warni atau melukis gambar di tepi perbendaharaan kata Mandarin yang pernah dipelajari supaya lebih menarik minat mereka untuk membaca dan mengingati perbendaharaan kata Mandarin tertentu. Sila lihat dua cebisan transkrip seperti berikut:

> **Informan** :*...Ok, that means macam ni,* ***katakan saya belajar perkataan "hóngsè" (warna merah), saya akan gunakan colour pencil merah untuk tulis perkataan tu dalam nota la atau kat atas perkataan tersebut dalam buku teks****...bila saya jumpa perkataan tu, saya memang faham la perkataan itu maksudnya "merah"... and then buat juga untuk warna-warna lain la...*
>
> **Pengkaji** *: Bagaimana pula untuk perkataan lain yang tidak berkaitan dengan warna?*
>
> **Informan** : *Saya akan lukis juga gambar tu dan warnakan…macam hari tu saya belajar perkataan "hamburger" (hànbǎobǎo) kan…satu pun lukislah sebiji burger kat tepi perkataan tu dan warnakan…hehe…****sebab bagi saya, benda yang berwarna-warni tu saya boleh capture lebih baik...so lebih memudahkan saya ingat la perkataan tu…ini memang stail saya belajar****...*
>
> (PMKT 13/P/IM/Syira, 23 Januari 2013)

University of Malaya

> *…saya akan cuba lukis la objek tu…saya tak suka dalam buku tu… tak ada colour, tak ada gambar,* ***saya ni memang…kalau tak ada visual, saya tak boleh ingat. So, jenis saya kalau tulis dalam nota tu sikit saja…saya lukis gambar, guna colour, buat mind mapping****…itu saja..."*
>
> (PMKT 04/P/OM/ Ros, 10 Disember 2012)

Berdasarkan transkrip di atas, didapati kedua-dua orang informan kumpulan PMKT tersebut memberitahu pengkaji bahawa mereka akan lebih mudah mengingati dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sekiranya dapat menterjemahkan perkataan-perkataan yang pernah dipelajari oleh mereka ke dalam bentuk gambar yang berwarna-warni. Umpamanya, mereka sering melukis objek / imej yang mewakili sesuatu perkataan tertentu di sebelah perkataan tersebut dan mewarnakannya. Hal ini bererti dua orang informan kumpulan PMKT seperti di atas adalah lebih cenderung mengamalkan gaya pembelajaran visual, yang mana mereka lebih senang menanggapi sesuatu input pengetahuan melalui imej / objek yang boleh dilihat. Fenomena ini adalah selaras dengan apa yang dihujahkan oleh Brown (2007:129) bahawa sememangnya terdapat segelintir pelajar yang lebih cenderung mempelajari serta lebih cepat menguasai sesuatu input pengetahuan melalui carta, gambar, ataupun bentuk grafik.

Namun demikian, di satu pihak yang lain pula, didapati rata-rata informan daripada kumpulan PMKT yang sama tidak berbuat demikian – menggunakan gambar ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin. Sebaliknya, mereka lebih cenderung mempelajari sesuatu melalui pendengaran, iaitu mendengar secara teliti bagaimana sesuatu perbendaharaan kata Mandarin akan disebut dengan intonasi yang tepat oleh guru terlebih dahulu, kemudian mereka akan menyebut kembali perbendaharaan kata Mandarin tersebut secara berulang kali untuk menguasainya.

University of Malaya

Hal ini demikian kerana bagi mereka cara sebutan sesuatu perkataan (sama ada secara kendiri ataupun orang lain) akan membantu mereka mengingati dan menguasai sesuatu perkataan Mandarin baru dengan lebih berkesan. Hal ini bermakna majoriti informan daripada kumpulan PMKT adalah mengamalkan gaya pembelajaran auditori, yang mana mereka lebih mudah menanggapi sesuatu input pengetahuan yang baru melalui sebutan ataupun syarahan. Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa gaya pembelajaran visual dan auditori pelajar boleh mempengaruhi pemilihan dan penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar kumpulan PMKT yang sama.

Secara tuntasnya, didapati hasil kajian dalam sub-topik ini adalah konsisten dengan dapatan kajian Lawson dan Hogben (1996). Lawson dan Hogben (1996) telah menjalankan satu kajian kes ke atas 15 orang pelajar yang mempelajari bahasa Itali. Mereka mendapati bahawa seorang daripada empat orang pelajar cemerlang banyak menggunakan SPPK jenis penggunaan konteks, mengambil nota, dan nemonik; sedangkan seorang lagi daripada kumpulan pelajar cemerlang yang sama hampir tidak menggunakan ketiga-tiga jenis SPPK ini. Secara konseptualnya, penemuan Lawson dan Hogben (1996) tersebut adalah sejajar dengan dapatan kajian ini, yang mana didapati faktor kelainan ciri individu dari segi gaya pembelajaran (visual dan auditori) telah mengakibatkan penggunaan jenis SPPK Mandarin yang berlainan dalam kalangan pelajar yang mempunyai tahap pencapaian yang sama (iaitu dalam kalangan pelajar kumpulan PMKT). Justeru itu, Nyikos dan Fan (2007) telah menekankan bahawa faktor kelainan ciri individu (seperti dari segi perbezaan jantina, keflesibelan, metakognitif, keupayaan mentadbir dan mengawasi pembelajaran kendiri) harus diberi pertimbangan yang sewajarnya dalam menyelidiki penggunaan SPPK para pelajar.

University of Malaya

Walaupun didapati pandangan Nyikos dan Fan (2007) seperti di atas turut menyokong hasil kajian ini dari segi konsep bahawa faktor kelainan ciri individu boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar yang mempunyai tahap kemahiran yang sama, namun ia adalah bercanggahan sedikit dari aspek kandungan dapatannya. Menurut Nyikos dan Fan (2007), sesungguhnya terdapat perbezaan dari segi penggunaan SPPK yang signifikan antara jantina. Didapati bahawa para pelajar lelaki adalah lebih kerap menggunakan strategi jenis "kaitan visual dengan warna" (*visual and color association strategy*) untuk mempelajari perbendaharaan kata; manakala pelajar-pelajar perempuan pula lebih suka menggunakan SPPK "pengekodan warna ringkas" (*simple color coding*) dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Jerman.

Namun demikian, dapatan kajian Nyikos dan Fan (2007) ini adalah berkontras sedikit daripada hasil kajian dalam sub-topik ini, yang mana didapati dua orang informan daripada kumpulan PMKT yang memerihalkan mereka lebih cenderung menggunakan SPPK Mandarin jenis "kaitan visual dengan warna" (iaitu mengamalkan gaya pembelajaran visual) tersebut adalah terdiri daripada pelajar perempuan. Hal ini boleh dikaji dengan lebih lanjut lagi pada masa akan datang.

Dengan berdasarkan kesemua hasil kajian kualitatif tentang empat sub-tema faktor-faktor bukan-linguistik yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR sebagaimana yang dipaparkan di atas, boleh dirumuskan bahawa tiga daripada sub-tema tersebut – (i) pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran, (ii) pengaruh kaedah pengajaran guru bahasa sasaran, dan (iii) pengaruh kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran adalah memberi kesan kepada penggunaan SPPK

University of Malaya

Mandarin oleh kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara serentak. Sementara itu, didapati sub-tema terakhir – (iv) pengaruh gaya pembelajaran visual dan auditori pelajar pula hanya memberi kesan kepada penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan palajar kumpulan PMKT sahaja.

5.7 Kesimpulan

Dapatan kajian kualitatif dalam kajian ini telah sempat menerokai 3 tema induk dan 11 sub-tema yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR, seperti ditunjukkan dalam **Rajah 5.3** di muka suart berikut.

University of Malaya



Rajah 5.3 : Rumusan Tema Induk dan Sub-Tema Tentang Faktor-Faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR

Berpandukan **Rajah 5.3** di atas, didapati tema induk "faktor-faktor linguistik" adalah terdiri daripada 4 sub-tema; tema induk "faktor-faktor psikologi" adalah membabitkan 3 sub-tema; dan tema induk "faktor-faktor bukan-linguistik" pula merangkumi 4 sub-tema

University of Malaya

di bawahnya. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini menunjukkan bukan semua sub-tema ini mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara serentak. Terdapat beberapa sub-tema yang hanya memberi kesan kepada penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT atau kumpulan PMKR sahaja desebabkan oleh faktor-faktor tertentu.

Selanjutnya, satu rumusan dapatan kajian secara keseluruhan untuk kajian ini yang merangkumi hasil kajian kuantitatif (Bab 4) dan hasil kajian kualitatif (Bab 5) akan dipaparkan melalui kerangka gambarajah dalam Bab 6 nanti. Pada masa yang sama, implikasi kajian dari segi teoretikal, metodologi, dan pedagogi juga akan dibincangkan. Akhir sekali, cadangan kajian lanjutan juga akan turut disyorkan sebagai penutup kajian ini.

University of Malaya

BAB 6 : PENUTUP

6.1 Pendahuluan

Bab penutup dalam tesis ini akan menyentuh tiga aspek utama. Pertama, bab ini akan merumuskan semua dapatan kajian ini, sama ada dari segi kuantitatif ataupun kualitatif, bagi menjawab lima soalan kajian. Seterusnya, implikasi kajian dari aspek teoretikal, metodologi dan pedagogi juga akan turut dibincangkan. Akhir sekali, limitasi dan cadangan kajian lanjutan akan dikemukakan demi memperkayakan bidang penyelidikan SPPK, khasnya berkaitan dengan aspek penggunaan SPPK Mandarin pada masa akan datang.

6.2 Rumusan Dapatan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti fenomena penggunaan SPPK Mandarin serta menerokai faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin sebagai bahasa asing berdasarkan konteks MFL (*Mandarin as a Foriegn Language*) di Malaysia. Reka bentuk kajian kaedah campuran penerangan (*Mixed Methods Research* : *Explanatory design*) yang terdiri daripada dua fasa pengumpulan data telah digunakan untuk menjawab lima soalan kajian ini. Dua fasa pengumpulan data tersebut ialah pengumpulan data kuantitatif dan seterusnya diikuti oleh pengumpulan data kualitatif sebagai pelengkap untuk menerangkan dapatan kuantitatif dalam fasa pertama. Rumusan dapatan kajian ini adalah seperti ditunjukkan dalam **Rajah 6.1** di muka surat berikut.

University of Malaya



Rajah 6.1 : Rumusan Dapatan Kajian Kuantitatif dan Kualitatif

Sebagaimana ditunjukkan dalam **Rajah 6.1** di atas, secara keseluruhannya dapatan kajian ini boleh dilihat dari tiga perspektif utama – (i) rumusan dapatan kajian kuantitatif tentang fenomena penggunaan SPPK Mandarin dalam kalanga pelajar Melayu IPT secara keseluruhan (N = 330); (ii) rumusan dapatan kajian kuantitatif bagi

mengenal pasti pola penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR; dan (iii) rumusan dapatan kajian kualitatif tentang faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Kesemua ini akan dikemukakan satu persatu seperti berikut.

6.2.1 Fenomena Penggunaan SPPK Mandarin Dalam Kalangan Pelajar Melayu IPT

Berpandukan **Rajah 6.1** di atas, didapati keputusan analisis data kuantitatif dalam kajian ini menunjukkan bahawa tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT (N=330) secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana. Hal ini bererti majoriti daripada pelajar Melayu IPT yang mempelajari Mandarin sebagai B3 adalah tidak begitu kerap menggunakan SPPK Mandarin dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin (sila rujuk kembali **Jadual 4.2** di Bab 4). Walau bagaimanapun, di satu pihak yang lain pula, keputusan ujian korelasi *Pearson Product Moment jenis Biserial* dalam kajian ini turut mengemukakan penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT sesungguhnya mempunyai hubungan positif yang kuat dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin (sila rujuk kembali **Jadual 4.5** di Bab 4). Sebagai buktinya, penggunaan SPPK Mandarin mampu menyumbangkan sebanyak 42.3% daripada keseluruhan faktor yang boleh menyebabkan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin yang tinggi dalam kalangan para pelajar Melayu IPT. Dalam erti kata lain, dapatan kajian ini menunjukkan walaupun faktor penggunaan SPPK Mandarin boleh memberi kesan yang positif terhadap tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin pelajar, namun rata-rata pelajar Melayu IPT masih tidak begitu kerap menggunakan SPPK Mandarin dalam proses mereka mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3. Sebahagian daripada sebab-musabab fenomena ini akan diterangkan oleh dapatan kualitatif nanti.

University of Malaya

Di samping itu, dapatan kajian ini turut mengemukakan bahawa para pelajar Melayu IPT adalah paling kerap menggunakan SPPK Mandarin Kategori B (Strategi-strategi mengulang kaji) yang membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan dan bersifat reseptif (Anderson 1983,1985; Nation 2001); sedangkan mereka adalah paling jarang menggunakan SPPK Mandarin bentuk mengaplikasi (SPPK Mandarin Kategori D) yang melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam dan bersifat produktif (Anderson 1983,1985; Nation 2001) ketika mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin. Namun demikian, dapatan kajian berdasarkan soalan kajian (2) pula menunjukkan penggunaan SPPK Mandarin Kategori D (Strategi-strategi mengaplikasi) ini adalah kedua paling banyak memberi kesan terhadap tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka – iaitu boleh mempengaruhi sebanyak 33.6% terhadap tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin mereka, selepas penggunaan SPPK Mandarin Kategori C (Strategi-strategi mengingat kembali) yang didapati paling banyak memberi kesan (iaitu sebanyak 39.7%) terhadap tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin pelajar (sila rujuk kembali **Jadual 4.6** di Bab 4).

6.2.2 Pola Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR

Dari aspek pola penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR pula, didapati keputusan ujian *Mann-Whitney U* membuktikan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan SPPK Mandarin antara kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR (sila rujuk kembali **Jadual 4.7** di Bab 4). Secara relatifnya, tahap dan kekerapan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT adalah pada tahap tinggi (T); sementara kumpulan PMKR adalah pada tahap sederhana (S).

University of Malaya

Dari segi 4-kategori SPPK Mandarin pula, walaupun didapati kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah sama-sama paling kerap menggunakan SPPK Mandarin Kategori B (Strategi-strategi mengulang kaji), namun didapati tahap penggunaan SPPK Mandarin Kategori B oleh kumpulan PMKT adalah lebih tinggi (Min=3.26) jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR (Min=2.57). Sebaliknya, didapati kumpulan PMKT adalah paling jarang menggunakan strategi-strategi mempelajari dan mengingati (SPPK Mandarin Kategori A); manakala kumpulan PMKR adalah paling jarang menggunakan strategi-strategi mengaplikasi (SPPK Mandarin Kategori D) (sila rujuk kembali **Jadual 4.6** di Bab 4).

Selain itu, dari aspek 32-item SPPK Mandarin pula, dapatan kajian ini menunjukkan kumpulan PMKT adalah lebih kerap menggunakan pelbagai jenis SPPK Mandarin, jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR, memandangkan majoriti (iaitu 56.3%) tahap penggunaan 32-item SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT adalah pada tahap tinggi (T); sedangkan hanya 3.1% daripada 32-item SPPK Mandarin yang digunakan oleh kumpulan PMKR berada pada tahap tinggi (T) (sila rujuk kembali **Rajah 4.1** di Bab 4). Dalam pada itu, didapati kumpulan PMKT adalah paling kerap menggunakan SPPK Mandarin **Item 27** (Saya mengingati kembali maksud perkataan Mandarin dengan mendengar orang lain bertutur) yang melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam dan bersifat produktif; manakala kumpulan PMKR adalah paling kerap menggunakan **Item 13** (*Saya menyebut perkataan baru Mandarin berulang kali supaya mengingatinya*) yang membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara permukaan dan bersifat reseptif.

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah sama-sama paling jarang menggunakan **Item 10** (Saya menggunakan kad

University of Malaya

imbasan untuk mempelajari perkataan baru Mandarin) yang berteraskan teknik memori. Hal ini demikian kerana kedua-dua kumpulan ini dipengaruhi oleh faktor tahap kematangan fikiran pelajar, memandangkan mereka merupakan golongan pelajar dewasa muda yang rata-ratanya mempunyai pengalaman hidup ataupun pengalaman pembelajaran terdahulu yang akan mempengaruhi pemilihan jenis SPPK Mandarin oleh mereka (sila rujuk kembali sub-topik **5.5.1** di Bab 5 untuk penerangan yang lebih lanjut). Faktor-faktor lain yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah dirumuskan seperti berikut.

6.2.3 Faktor-Faktor Menpengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR

Sehubungan ini, dapatan kajian kualitatif dalam kajian ini telah menerokai 3 tema induk dan 11 sub-tema bagi menerangkan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR. Ketiga-tiga tema induk atau faktor utama tersebut ialah (i) Faktor-faktor Linguistik (*Linguistic Related Factors*); (ii) Faktor-faktor Psikologi (*Psychological Factors*); dan (iii) Faktor-faktor Bukan-Linguistik (*Non-Linguistic Related Factors*). Setiap faktor utama tersebut boleh dibahagikan lagi kepada beberapa sub-tema di bawahnya. Sila lihat **Rajah 6.2** di muka surat berikut.

University of Malaya



Rajah 6.2 : Rumusan Tema Induk dan Sub-Temanya Tentang Faktor-Faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin oleh Kumpulan PMKT dan Kumpulan PMKR

Berdasarkan **Rajah 6.2** di atas, didapati tema induk faktor-faktor linguistik adalah terdiri daripada 4 sub-tema di bawahnya – (i) pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda; (ii) pengaruh tahap penguasaan pengetahuan leksikal bahasa sasaran; (iii) pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran; dan (iv) pengaruh pengalaman menguasai

University of Malaya

pengetahuan leksikal bahasa kedua. Tema induk faktor-faktor psikologi adalah membabitkan 3 sub-tema – (i) pengaruh tahap kematangan fikiran pelajar; (ii) pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran; serta (iii) pengaruh persepsi tahap kesukaran bahasa sasaran. Manakala tema induk faktor-faktor bukan-linguistik pula merangkumi 4 sub-tema di bawahnya – (i) pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran; (ii) pengaruh kaedah pengajaran guru bahasa sasaran; (iii) pengaruh kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran; dan (iv) pengaruh gaya pembelajaran visual dan auditori pelajar.

Walau bagaimanapun, seperkara penting ingin dirumuskan di sini ialah bukan setiap sub-tema merupakan faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara serentak. Sebagai contohnya, daripada empat sub-tema yang berkaitan dengan faktor-faktor linguistik, hanya dua sub-temanya, iaitu (i) pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda (B1) dan (ii) pengaruh tahap penguasaan pengetahuan leksikal bahasa sasaran (B3) sahaja yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara serentak; walhal selebihnya dua sub-tema lagi, iaitu (iii) pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran (B3) dan (iv) pengaruh pengalaman menguasai pengetahuan leksikal bahasa kedua (B2) hanya memberi kesan kepada penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT sahaja.

Begitu juga, daripada tiga sub-tema berkaitan dengan faktor-faktor psikologi, didapati hanya satu sub-tema daripadanya, iaitu (i) pengaruh tahap kematangan fikiran pelajar, adalah mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara serentak. Sementara dua sub-tema lagi, iaitu (ii) pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran; serta (iii) pengaruh

University of Malaya

persepsi tahap kesukaran bahasa sasaran pula adalah bersifat kontrastif, yang mana didapati sub-tema (ii) hanya memberi kesan kepada penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT sahaja; manakala sub-tema (iii) pula hanya mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKR.

Akhir sekali, didapati daripada empat sub-tema berkaitan faktor-faktor bukan-linguistik, tiga daripadanya – (i) pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran, (ii) pengaruh kaedah pengajaran guru bahasa sasaran, dan (iii) pengaruh kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran, adalah memberi kesan kepada penggunaan SPPK Mandarin oleh kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara serentak. Sebaliknya satu sub-tema lagi – (iv) pengaruh gaya pembelajaran visual dan auditori pelajar pula hanya memberi kesan kepada kumpulan PMKT sahaja. Selanjutnya, perbincangan dalam bab ini akan difokuskan kepada implikasi kajian ini.

6.3 Implikasi Kajian

Secara tuntasnya, dapatan kajian ini bukan sahaja telah berjaya menampung jurang kosa ilmu yang wujud dalam bidang penyelidikan SPPK, khasnya berkaitan dengan penggunaan SPPK Mandarin sebagai B3 dalam konteks MFL (*Mandarin as a Foreign Language*) dan berpaksikan para pelajar Melayu IPT di Malaysia, bahkan ia turut memberi beberapa implikasi yang positif dari segi teoretikal, metodologi dan pedagogi seperti berikut.

6.3.1 Implikasi Kajian Dari Segi Teoretikal

Secara praktiknya, kajian ini telah mencadangkan satu pendekatan alternatif dari segi teoretikal untuk mengkaji SPPK pada masa akan datang. Ia memberi implikasi teoretikal dari dua perspektif – (i) memantapkan teori pemerihalan hasil kajian SPPK

University of Malaya

Mandarin sedia ada; dan (ii) memperkayakan kerangka dapatan tinjauan Nyikos dan Fan (2007) tentang "faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK dalam konteks pembelajaran B2/B3". Berikut akan diterangkan dua implikasi teoretikal ini satu persatu melalui sub-topik **6.3.1.1** dan **6.3.1.2**.

6.3.1.1 Implikasi Dari Segi Memantapkan Teori Pemerihalan Hasil Kajian SPPK Mandarin Sedia Ada

Kajian ini telah memberi sumbangan dari segi teoretikal dengan membuktikan bahawa model ACT Anderson (1983,1985) yang mengandungi tiga konsep (terminologi) berikut – (i) pengetahuan deklaratif dan pengetahuan prosedural; (ii) tiga bentuk memori (memori jangka pendek/memori kerja, memori jangka panjang deklaratif, memori jangka panjang prosedural); serta (iii) tiga peringkat pemprosesan maklumat (peringkat kognitif, peringkat asosiatif, peringkat autonomi) adalah lebih komprehensif dan lebih sesuai digunakan untuk menunjangi pemerihalan hasil kajian dalam penyelidikan SPPK, terutama sekali SPPK Mandarin seperti dalam kajian ini. Didapati rata-rata kajian lepas, misalnya kajian Tan dan Hoe (2009) masih menggunakan taksonomi SPB (Strategi Pembelajaran Bahasa) cadangan Oxford (1990) yang bersifat lebih umum untuk memerihalkan hasil kajian tentang SPPK (Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata) yang bersifat lebih khusus. Hal ini tidak sejajar dengan apa yang disarankan oleh Schmitt (1997/2009) bahawa aspek SPPK harus diberi perhatian spesifik dan dikaji sebagai satu sub-bidang khusus (berlainan daripada SPB yang bersifat lebih umum). Walau bagaimanapun, melalui kajian ini, kekuatan model ACT Anderson (1983,1985) telah terbukti lebih rapi dan lebih komprehensif untuk menunjangi kajian SPPK. Misalnya dalam kajian ini ia dapat menerangkan dapatan kajian tentang perbezaan penggunaan SPPK Mandarin oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR; serta mengapa sesetengah sub-tema tentang faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin tidak memberi kesan kepada kedua-dua

University of Malaya

kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara serentak. Hal ini tidak mungkin diterangkan dengan jelas sekiranya kajian ini ditunjangi oleh taksonomi SPB Oxford (1990) ataupun model pemprosesan maklumat yang lain, seperti model McLaughlin (1987, 1990) yang bersifat lebih umum ataupun dikatakan kurang kemas (Mitchell dan Myles, 2004).

Sebagai buktinya, dapatan kajian untuk menjawab soalan kajian (4) telah menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah sama-sama paling kerap menggunakan SPPK Mandarin Kategori B: Strategi-strategi mengulang kaji. Namun, didapati tahap penggunaan SPPK Mandarin Kategori B oleh kumpulan PMKT adalah lebih tinggi (Min=3.26) jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR (Min=2.57). Dalam hal ini, model ACT Anderson (1983,1985) mampu menerangkan bahawa pada peringkat permulaan proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin, kedua-dua kumpulan pelajar ini berada dalam peringkat kognitif pemprosesan sesuatu maklumat baru. Menurut Anderson (1983,1985), dalam peringkat ini para pelajar akan menerima pengetahuan deklaratif (iaitu perbendaharaan kata Mandarin yang baru dipelajari) secara sedar, dan cuba mengekodkannya untuk dihantar ke memori jangka pendek yang amat terbatas ruangannya. Justeru itu, sebagaimana yang ditunjukkan dalam hasil kajian ini, kedua-dua kumpulan pelajar ini, sama ada kumpulan PMKT ataupun kumpulan PMKR, adalah sama-sama paling banyak menggunakan SPPK Mandarin Kategori B : Strategi-strategi mengulang kaji yang bersifat reseptif untuk mempelajari perbendaharaan kata Mandarin yang baru diajar oleh guru, agar perbendaharaan kata Mandarin tersebut dapat diingati dan dihantar ke stor ingatan jangka pendek.

Namun demikian, hasil kajian ini turut menunjukkan selain daripada penggunaan SPPK Mandarin Kategori B ini, didapati kumpulan PMKT adalah kedua paling kerap

University of Malaya

menggunakan SPPK Mandarin Kategori C : Strategi-strategi mengingat kembali (Min=3.20); manakala kumpulan PMKR adalah kedua paling kerap menggunakan SPPK Mandarin Kategori A : Strategi-strategi mempelajari dan mengingati. Hal ini juga dapat diterangkan secara sistematik berdasarkan model ACT Anderson (1983,1985). Berlandaskan model ACT Anderson (1983,1985), hal ini boleh dijelaskan bahawa oleh kerana kumpulan PMKT adalah lebih kerap mempraktikkan SPPK Mandarin bentuk mengulang kaji (iaitu menggunakan SPPK Mandarin Kategori B) berbanding dengan kumpulan PMKR, maka secara logiknya kumpulan PMKT telah menjadi lebih mahir dalam penguasaan perbendaharaan kata Mandarin, jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR yang secara relatifnya jarang menggunakannya.

Seperti apa yang diterangkan dalam model ACT Anderson (1983,1985), kumpulan PMKT ini boleh dikatakan lebih cepat memasuki peringkat asosiatif berbanding dengan kumpulan PMKR. Dalam peringkat asosiatif ini, para pelajar PMKT akan berusaha mentranformasikan pengetahuan deklaratif kepada pengetahuan prosedural. Sebagai contohnya, para pelajar PMKT akan secara sedar dan sengaja berlatih mengingat kembali makna perbendaharaan kata Mandarin, dalam erti kata mereka cuba mendapatkan semula pengetahuan deklaratif (iaitu perbendaharaan kata Mandarin) yang telah disimpan dalam memori jangka pendek (pada peringkat kognitif terdahulu), agar ia dapat diproseduralkan dan dihantar ke memori jangka panjang deklaratif. Hal ini dapat menerangkan mengapa kumpulan PMKT adalah kedua paling kerap menggunakan SPPK Mandarin bentuk mengingat kembali (SPPK Mandarin Kategori C). Dalam erti kata lain, kumpulan PMKT adalah lebih berkemampuan untuk berbuat demikian jika dibandingkan dengan kumpulan PMKR, yang masih belum bersedia ataupun kurang berkemampuan untuk berbuat sedemikian, memandangkan tahap penguasaan ataupun tahap pemprosesan maklumat perbendaharaan kata Mandarin mereka masih berada

University of Malaya

dalam peringkat kognitif sahaja. Sebaliknya, disebabkan kumpulan PMKR ini masih kurang mahir dalam penguasaan perbendaharaan kata Mandarin, jadi mereka adalah lebih kerap menggunakan strategi-strategi mempelajari dan mengingati (SPPK Mandarin Kategori A) yang banyak melibatkan teknik-teknik memori, agar melalui pelbagai teknik memori ini perbendaharaan kata Mandarin dapat diingati dan dihantar ke stor ingatan jangka pendek.

Selain itu, satu bukti lagi ialah dari segi dapatan kajian kualitatif, iaitu kajian ini telah menunjukkan bahawa bukan semua sub-tema tentang faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin boleh memberi kesan kepada kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR secara serentak. Hal ini juga boleh diterangkan dengan jelas berdasarkan model ACT Anderson (1983,1985). Menurut model ACT tersebut, hal ini berlaku kerana boleh dikatakan kedua-dua kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR adalah berada pada peringkat pemprosesan maklumat (dalam konteks kajian ini ia merujuk kepada maklumat penguasaan pengetahuan leksikal Mandarin) yang berbeza. Atas alasan inilah, maka faktor yang mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin mereka juga turut berbeza. Sebagai contohnya, dalam kes tema induk faktor-faktor linguistik, didapati kumpulan PMKR langsung tidak dipengaruhi oleh sub-tema (iii) pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran dan (iv) pengaruh pengalaman menguasai pengetahuan leksikal bahasa kedua (B2). Hal ini berlaku kerana kumpulan PMKR masih berada pada peringkat kognitif, yang mana tugas utama mereka pada peringkat tersebut adalah cuba mengingati pengetahuan deklaratif perbendaharaan kata Mandarin yang baru dipelajari agar dapat disimpan ke dalam memori jangka pendek, dan bukannya meneliti sesuatu ciri unik linguistik dengan lebih terperinci. Dalam erti kata lain, kumpulan PMKR yang dianggap kurang menguasai pengetahuan leksikal Mandarin adalah kurang berkeupayaan untuk mengenal pasti ciri unik perbendaharaan

University of Malaya

kata Mandarin. Begitu juga, pada tahap ini mereka berkemungkinan besar masih tidak berkemampuan untuk membandingkan pengalaman mempelajari perbendaharaan kata Mandarin yang baru dengan pengalaman pembelajaran B2 (bahasa Inggeris) mereka, kerana mereka masih tidak berapa mengingati perbendaharaan kata Mandarin, apatah lagi mengenal pasti ciri unik perbendaharaan kata Mandarin tertentu. Sebaliknya, apa yang dipentingkan oleh mereka pada peringkat pembelajaran ini ialah menumpukan perhatian bagi mengulang kaji perbendaharaan kata Mandarin agar maklumat tersebut dapat dihantar ke memori jangka pendek, dan seterusnya dapat diproseduralkan untuk dihantar ke memori jangka panjang deklaratif.

Secara ringkasnya, boleh dikatakan kesemua pemerihalan dapatan kajian SPPK Mandarin seperti di atas tidak mungkin diterangkan dengan begitu komprehensif jika berlandaskan taksonomi SPB Oxford (1990) yang hanya melihat sesuatu proses pembelajaran dari segi secara langsung dan tidak langsung; ataupun model pemprosesan maklumat yang lain, seperti model McLaughlin (1987,1990) yang tidak memerihalkan tiga konsep (terminologi) baru seperti dalam model ACT Anderson (1983,1985) (Mitchell dan Myles, 2004). Justeru itu, kajian ini telah membuktikan model ACT Anderson (1983,1985) adalah lebih sesuai diadaptasikan dalam penyelidikan SPPK untuk membentuk kerangka konseptual kajiannya, khasnya dalam bidang penyelidikan SPPK Mandarin pada masa akan datang. Berikut akan dibincangkan lagi implikasi kajian teoretikal dari perspektif (ii) seperti disebutkan di atas tadi.

6.3.1.2 Implikasi Dari Segi Memperkayakan Kerangka Dapatan Tinjauan Lepas Tentang Faktor-Faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK

Dapatan kajian kualitatif untuk menjawab soalan kajian (5) dalam kajian ini telah berjaya memperkayakan kerangka dapatan tinjauan Nyikos dan Fan (2007) tentang "faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK dalam konteks pembelajaran B2 / B3".

University of Malaya

Didapati kerangka dapatan tinjauan Nyikos dan Fan (2007) cuma menyarankan 4 faktor utama mempengaruhi penggunaan SPPK dalam konteks pembelajaran B2/B3 (iaitu faktor tahap pencapaian kemahiran pelajar; faktor perkembangan tahap pembelajaran pelajar; faktor persekitaran pembelajaran; serta faktor kelainan ciri individu dan perbezaan jantina). Namun demikian, dapatan kajian ini telah berjaya menerokai 11 faktor mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin yang dikategorikan di bawah 3 faktor utama. Sila lihat **Jadual 6.1** berikut.

Jadual 6.1 : Sumbangan Dapatan Kajian Ini Tentang Faktor-Faktor Mempengaruhi Penggunaan SPPK Mandarin Berbanding Dengan Hasil Kajian Lepas

HASIL KAJIAN LEPAS (berdasarkan kerangka dapatan tinjauan Nyikos dan Fan 2007)	**DAPATAN KAJIAN INI (2016)** (berdasarkan konteks pembelajaran MFL di Malaysia)
	Faktor-faktor Linguistik:
	Pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda*
Faktor tahap pencapaian kemahiran pelajar	Pengaruh tahap penguasaan pengetahuan leksikal bahasa sasaran
	Pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran*
	Pengaruh pengalaman menguasai pengetahuan leksikal bahasa kedua*
	Faktor-faktor Psikologi :
Faktor perkembangan tahap pembelajaran pelajar	Pengaruh tahap kematangan fikiran pelajar
	Pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran*
	Pengaruh persepsi tahap kesukaran bahasa sasaran*
	Faktor-faktor Bukan-Linguistik :
Faktor persekitaran pembelajaran	Pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran
	Pengaruh kaedah pengajaran guru bahasa sasaran*
	Pengaruh kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran*
Faktor kelainan ciri individu dan perbezaan jantina pelajar	Pengaruh gaya pembelajaran visual dan auditori pelajar

*Sub-tema yang merupakan sumbangan kajian ini.

University of Malaya

Berpandukan **Jadual 6.1** di atas, didapati hasil kajian ini telah menyarankan 7 faktor tambahan yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK berdasarkan konteks pembelajaran Mandarin sebagai B3 (iaitu konteks MFL) di Malaysia – (i) pengaruh ciri linguistik bahasa ibunda; (ii) pengaruh ciri unik perbendaharaan kata bahasa sasaran; (iii) pengaruh pengalaman menguasai pengetahuan leksikal bahasa kedua; (iv) pengaruh kepuasan diri jika boleh berkomunikasi dalam bahasa sasaran; (v) pengaruh persepsi tahap kesukaran bahasa sasaran; (vi) pengaruh kaedah pengajaran guru bahasa sasaran; dan (vii) pengaruh kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks bahasa sasaran. Selain itu, dapatan kajian ini juga turut memperincikan sebahagian deripada 4 faktor utama yang mempengaruhi penggunaan SPPK dalam kerangka dapatan tinjauan Nyikos dan Fan (2007).

Sebagai buktinya, dalam membincangkan faktor persekitaran pembelajaran, Nyikos dan Fan (2007) hanya mencadangkan pengaruh persekitaran pembelajaran dari segi konteks pembelajaran EFL (*English as a Foreign Language*) dan konteks pembelajaran ESL (*English as a Second Language*) berlandaskan konteks masyarakat di luar negeri. Walau bagaimanapun, faktor pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah bersifat "hibrid", iaitu ia merujuk kepada konteks pembelajaran Mandarin sebagai B3 (*Mandarin as a foreign language* – MFL) yang berteraskan masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini bermakna faktor pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa sasaran yang berdasarkan konteks pembelajaran MFL dalam kajian ini sesungguhnya boleh dibahagikan kepada dua situasi – (i) pengaruh persekitaran pembelajaran B3 terdekat (*immediate foreign language learning environment*), dan (ii) pengaruh persekitaran pembelajaran B3 lanjutan (*extended foreign language learning environment*). Sebagai contohnya, walaupun para pelajar Melayu IPT dalam kajian ini mempelajari Mandarin sebagai B3, namun disebabkan

University of Malaya

faktor masyarakat majmuk di Malaysia, maka wujud dua situasi persekitaran pembelajaran bahasa sasaran yang disebutkan tadi. Hal ini telah menyumbang kepad faktor persekitaran pembelajaran dalam kerangka dapatan tinjauan Nyikos dan Fan (2007).

Pendek kata, dapatan kajian kualitatif seperti di atas telah menambahbaikkan ataupun memperkayakan kerangka dapatan tinjauan Nyikos dan Fan (2007) tentang faktor-faktor mempengaruhi penggunaan SPPK. Hal ini penting kepada bakal pengkaji lain kerana satu kerangka dapatan kajian yang lebih komprehensif telah berjaya dihasilkan supaya ia boleh digunakan untuk menunjangi penyelidikan SPPK Mandarin pada masa akan datang. Selanjutnya, tumpuan perbincangan akan dialihkan kepada implikasi kajian dari segi metodologi.

6.3.2 Implikasi Kajian Dari Segi Metodologi

Kajian ini telah memberi implikasi dari segi metodologi dengan membuktikan bahawa kaedah campuran penerangan (*Mixed Methods Research* : *Explanatory design*) yang terdiri daripada dua fasa pengumpulan data (kuantitatif dan kualitatif) adalah lebih sesuai dan komprehensif digunakan untuk melaksanakan kajian SPPK, khasnya penyelidikan tentang penggunaan SPPK Mandarin pada masa akan datang. Kajian ini telah membuktikan reka bentuk kaedah campuran penerangan dapat menghasilkan suatu dapatan kajian yang lebih komprehensif. Sebagai buktinya, kelebihan kaedah kuantitatif ialah hasil kajian tentang fenomena penggunaan SPPK Mandarin oleh para pelajar Melayu IPT yang diperolehi boleh digeneralisasikan dan dibuat inferensi ke atas populasi yang dikaji. Manakala kaedah kualitatif (khasnya melalui temu bual dengan pelajar) pula boleh menampung kekurangan kaedah kuantitatif yang tidak berkeupayaan untuk menerangkan apakah faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK

University of Malaya

Mandarin. Dalam erti kata lain, kajian ini telah berjaya mencadangkan satu set metodologi kajian yang lebih lengkap untuk menjalankan kajian SPPK Mandarin, berbanding dengan rata-rata kajian lepas, seperti kajian Tan dan Hoe (2009) yang hanya menggunakan kaedah kajian kuantitatif sahaja untuk melaksanakan kajian mereka.

Di samping itu, kajian ini juga turut membuktikan instrumen soal selidik – *Vocabulary Strategy Use* cadangan Cohen dan Chi (2001/2005) boleh dikembangkan untuk tujuan mengkaji SPPK Mandarin pada masa akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana didapati reka bentuk soal selidik Cohen dan Chi tersebut yang terdiri daripada 4 sub-kategori utama [iaitu Kategori A : SPPK mempelajari /mengingati; Kategori B : SPPK mengulang kaji; Kategori C : SPPK mengingat kembali; dan Kategori D : SPPK mengaplikasi] adalah sejajar dengan konsep tiga peringkat pemprosesan maklumat (iaitu peringkat kognitif, peringkat asosiatif, peringkat autonomi), serta tiga bentuk memori (iaitu memori jangka pendek/memori kerja, memori jangka panjang deklaratif, memori jangka panjang prosedural) yang disarankan dalam model ACT Anderson (1983, 1985). Misalnya, pada peringkat permulaan pembelajaran, iaitu peringkat kognitif, biasanya SPPK mempelajari /mengingati perkataan akan digunakan. Seterusnya, pelajar akan memasuki peringkat asosiatif, yang mana SPPK mengulang kaji dan mengingat kembali perkataan akan digunakan. Akhir sekali, pada peringkat autonomi, palajar adalah mampu menggunakan SPPK mengaplikasikan perkataan dalam perbualan. Secara relatifnya, didapati soal selidik lain [seperti yang dikemukakan oleh Schmitt (1997/2009), Stoffer (1995), Oxford (1990)], masih tidak begitu komprehensif dan sistematik untuk menjelmakan konsep pemprosesan maklumat secara berperingkat dalam reka bentuk soal selidik mereka.

University of Malaya

Tambahan pula, item-item SPPK yang dikemukakan oleh Cohen dan Chi (2001/2005) dalam soal selidik tersebut adalah lebih spesifik kepada strategi-strategi yang digunakan untuk menguasai perbendaharaan kata dan bilangan itemnya tidak terlalu banyak (iaitu 18 item disarankan sebagai sumber asal). Hal ini penting kerana menurut Chua (2006:267), lazimnya responden hanya dapat menumpukan perhatian selama 10 hingga 20 minit sahaja untuk menjawab soal selidik yang diberi. Dalam erti kata lain, bilangan item dalam soal selidik yang dibentuk perlu dikawal supaya ia tidak terlalu banyak sehingga membebankan responden ketika menjawab soal selidik, agar ketepatan jawapan yang diberi oleh responden dalam soal selidik tersebut dapat dijamin. Sebagai buktinya, ketika menjalankan kajian rintis dalam kajian ini, para responden telah memberi maklum balas kepada pengkaji bahawa mereka tidak berasa berat untuk menjawab soal selidik kajian ini, kerana item-itemnya tidak terlalu banyak.

Kesemua perkara yang dibincangkan di atas adalah penting untuk diberi perhatian oleh pengkaji-pengkaji lain yang bakal menjalankan penyelidikan dalam bidang SPPK Mandarin, agar instrumen soal selidik yang diubahsuai daripada *Vocabulary Strategy Use* cadangan Cohen dan Chi (2001/2005) ini boleh dijadikan sebagai sumber asal ketika membentuk item-item soal selidik mereka. Pada masa yang sama, pengkaji-pengkaji lain juga boleh mengambil ikhtibar daripada maklum balas para pelajar melalui kajian rintis dalam kajian ini, iaitu tidak membentuk instrumen soal selidik yang panjang lebar sehingga membebankan responden yang menjawabnya. Perbincangan seterusnya dalam bab ini akan ditumpukan kepada implikasi kajian dari segi pedagogi seperti berikut.

University of Malaya

6.3.3 Implikasi Kajian Dari Segi Pedagogi

Dapatan kajian ini juga turut memberi implikasi kajian dari segi pedagogi kepada para pelajar, para pendidik, pihak penggubal kurikulum kursus Mandarin sebagai B3, dan panel penulis buku teks Mandarin sebagai B3. Kesemua implikasi dari segi pedagogi untuk empat pihak ini akan dibincangkan melalui empat sub-topik seperti berikut.

6.3.3.1 Implikasi Kepada Para Pelajar

Sebagai watak utama dalam proses pembelajaran, para pelajar sendiri, khasnya mereka yang berkemahiran rendah, harus mengambil inisiatif untuk mengaplikasikan SPPK Mandarin yang terbukti lebih berkesan terhadap tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin. Dalam erti kata lain, para pelajar yang kurang berkemahiran (kumpulan PMKR) sewajarnya lebih bermotivasi ataupun lebih kerap menggunakan SPPK Mandarin bentuk mengulang kaji sebagaimana yang dilakukan oleh kumpulan PMKT. Hal ini penting agar pengetahuan leksikal Mandarin yang pernah dipelajari oleh mereka lebih cepat diingati, iaitu lebih cepat memasuki peringkat asosiatif dalam proses pemprosesan maklumat [menurut model Anderson (1983,1985)]. Dalam pada itu, mereka juga harus mencontohi kumpulan PMKT supaya tidak segan silu untuk mendedahkan diri kepada persekitaran komunikatif sosial bahasa Cina (Mandarin), iaitu mencari peluang untuk bertutur Mandarin dengan penutur natif Cina dalam aktiviti kehidupan harian mereka. Hal ini penting bagi menjamin mereka lebih cepat memasuki peringkat autonomi [mengikut model Anderson (1983,1985)] supaya mereka dapat menguasai pengetahuan perbendaharaan kata Mandarin dengan berkesan.

Dari segi psikologi pula, para pelajar yang berkemahiran rendah juga harus mengubah fikiran dan sikap mereka terhadap pembelajaran Mandarin sebagai B3, khasnya dalam hal menggunakan SPPK Mandarin. Mereka tidak seharusnya menpunyai persepsi

University of Malaya

bahawa Mandarin sangat sukar dikuasai ataupun mempelajari Mandarin hanya untuk lulus peperiksaan sahaja. Sebaliknya, mereka harus melepaskan diri daripada persepsi tersebut, memandangkan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa salah satu faktor yang menyebabkan kumpulan PMKR kurang mahir dan jarang menggunakan SPPK Mandarin adalah kerana mereka mempunyai bebanan psikologi ataupun persepsi negatif terhadap tahap kesukaran bahasa sasaran (Mandarin) yang sedang dipelajari.

6.3.3.2 Implikasi Kepada Para Pendidik

Pada masa yang sama, para pendidik juga memainkan peranan penting untuk membimbing dan memberi motivasi kepada anak murid mereka, terutama sekali kepada para pelajar yang berkemahiran rendah, supaya golongan pelajar tersebut lebih kerap mengaplikasikan SPPK Mandarin yang berkesan ke dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin. Hal ini penting kerana dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa secara relatifnya kumpulan PMKR amat bergantung kepada guru Mandarin dalam kelas ketika mempelajari perbendaharaan kata Mandarin, walhal hasil kajian menunjukkan mereka masih tidak begitu kerap menggunakan SPPK Mandarin dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin jika dibandingkan dengan kumpulan PMKT. Pendek kata, para pendidik harus sentiasa mengadakan aktiviti-aktiviti bahasa di dalam kelas ataupun di luar kelas demi membantu anak murid mereka untuk menguasai perbendaharaan kata Mandarin dengan baik.

Sebagai contohnya, para pendidik boleh sering mengadakan "imlak" (*dictation*) perbendaharaan kata Mandarin dan lakonan (*role-play*) berdasarkan topik-topik tertentu di dalam kelas. Dengan mengadakan "imlak" dan lakonan, para pendidik boleh memastikan pelajar-pelajar mereka membuat ulang kaji dari semasa ke semasa. Hal ini penting kerana semasa "imlak" dan lakonan dilaksanakan, para pelajar akan

University of Malaya

menggunakan SPPK Mandarin mengingat kembali dan mengaplikasi, yang mana bentuk-bentuk SPPK Mandarin yang bersifat produktif dan melibatkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam ini dapat membantu para pelajar mempertingkatkan tahap penguasaan perbendaharaan kata Mandarin mereka.

Selain itu, para pendidik juga boleh mengadakan aktiviti di luar kelas pada hujung minggu, seperti mengadakan rombongan "melawat sambal belajar" ke Jalan Petaling (*China Town*) di Kuala Lumpur dan menwajibkan para pelajar bertutur Mandarin dengan penjual Cina. Pada masa yang sama, rakaman juga harus dibuat sebagai sebahagian daripada tugasan Kursus Mandarin mereka. Hal ini akan memberi lebih banyak peluang kepada para pelajar untuk bertutur Mandarin dalam situasi sebenar. Dalam erti kata lain, melalui aktiviti bahasa sedemikian, para pelajar akan didedahkan kepada persekitaran pembelajaran bahasa yang bersifat autentik – persekitaran komunikatif sosial bahasa Cina (Mandarin), terutama sekali untuk kumpulan PMKR yang kurang proaktif mendedahkan diri kepada persekitaran komunikatif sosial Mandarin (iaitu persekitaran pembelajaran B3 lanjutan). Hal ini penting untuk membantu para pelajar Melayu IPT mempelajari dan menguasai perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3, yang mana bahasa sasaran (B3) tersebut tidak terletak di dalam persekitaran input B3 yang sedang dipelajari. Walhal dapatan kajian ini mengemukakan bahawa faktor pengaruh persekitaran pembelajaran B3 lanjutan boleh membantu para pelajar mempertingkatkan tahap penguasaan perbendaharaan Mandarin mereka.

Walau bagaimanapun, dalam usaha membantu para pelajar Melayu IPT untuk mempertingkatkan tahap penggunaan SPPK Mandarin, satu perkara penting yang harus dipertimbangkan oleh para pendidik ialah kaedah pengajaran mereka harus sejajar dengan kematangan fikiran pelajar-pelajar mereka yang terdiri daripada golongan

University of Malaya

dewasa muda. Dalam erti kata lain, para pendidik harus peka terhadap konsep "andragogi" yang disarankan oleh Merriam dan Caffarella (1999), yang mana salah satu faktor yang perlu diambil kira ketika mengajar golongan pelajar dewasa ialah "kadar dan kebermaknaan" (*speed and meaningfulness*). Hal ini bererti golongan pelajar dewasa adalah jarang-jarang akan melibatkan diri mereka dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dianggap akan membuang masa mereka dan tidak mendatangkan hasil pembelajaran yang memuaskan, misalnya menggunakan kad imbasan untuk mempelajari perbendaharaan kata Mandarin.

Sebagai buktinya dalam kajian ini, didapati tidak kira sama ada kumpulan PMKT ataupun kumpulan PMKR, mereka adalah sama-sama paling jarang menggunakan **Item 10** (Saya menggunakan kad imbasan untuk mempelajari perkataan baru Mandarin) yang dianggap oleh mereka bersifat kebudak-budakan dan kurang praktikal untuk manghabiskan banyak masa dalam menyediakan kad imbasan. Justeru itu, para pendidik harus peka terhadap kaedah pengajaran mereka ketika berdepan dengan golongan pelajar dewasa muda ini, agar dapat membuahkan hasil pembelajaran yang memuaskan.

6.3.3.3 Implikasi Kepada Penggubal Kurikulum Kursus Mandarin Sebagai B3

Selain itu, bagi pihak penggubal kurikulum kursus Mandarin sebagai B3 pula, mereka boleh mencadangkan lebih banyak bahan pembelajaran yang berorientasikan talian (*on-line*), misalnya melalui webside *i-learn UiTM*. Hal ini akan memudahkan para pelajar supaya mereka boleh belajar secara kendiri dan membuat latihan secara *on-line* di luar kelas terlebih dahulu. Manakala semasa di dalam kelas pula, para pendidik akan mempunyai lebih banyak masa untuk menjalankan aktiviti bahasa yang lain, seperti mengajar anak murid mereka menggunakan SPPK Mandarin yang berkesan untuk mempelajari perbendaharaan kata Mandarin. Hal ini penting kerana menurut Schmitt

University of Malaya

(2009), salah satu cara menguasai perbendaharaan kata B3 dengan berkesan ialah melalui penggunaan SPPK yang sesuai.

Sehubungan ini, pihak penggubal kurikulum Kursus Mandarin tersebut juga harus mengadakan seminar ataupun bengkel latihan penggunaan SPPK bagi melatih para pendidik dari semasa ke semasa. Hal ini wajar dilakukan kerana berdasarkan hasil analisis data temu bual kajian ini, didapati pengaruh kaedah pengajaran guru adalah merupakan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT. Namun daripada maklum balas informan kajian ini, didapati majoriti guru mereka masih menggunakan kaedah pengajaran tradisional yang berorientasikan terjemahan B3-B1 untuk mengajar perbendaharaan kata Mandarin dalam kelas.

Justeru itu, seminar ataupun bengkel yang berkaitan dengan bidang SPPK ini harus diadakan demi menjamin para pendidik diberi pendedahan yang secukupnya tentang cara bagaimana menerapkan SPPK Mandarin yang berkesan ke dalam pengajaran mereka, terutama sekali menggunakan jenis-jenis SPPK Mandarin yang melibatkan tindakan pemprosesan maklumat yang mendalam dan bersifat produktif. Sehubungan ini, dapatan kajian tesis ini mungkin boleh dijadikan sebagai bahan panduan yang berperanan sebagai alat prognosis bagi meyakinkan para pendidik.

6.3.3.4 Implikasi Kepada Panel Penulis Buku Teks Mandarin Sebagai B3

Akhir sekali, panel penulis buku teks untuk pembelajaran Mandarin sebagai B3 di Malaysia juga boleh mengambil ide daripada hasil kajian ini yang menunjukkan bahawa pengaruh kekerapan persembahan leksikal dalam buku teks Mandarin telah menyebabkan para pelajar (sama ada informan daripada kumpulan PMKT ataupun

University of Malaya

kumpulan PMKR) jarang menggunakan ungkapan simpulan bahasa atau perungkapan 4-kata yang pernah dipelajari. Menurut maklum balas daripada informan kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR, limitasi kekerapan pemaparan ungkapan simpulan bahasa atau perungkapan 4-kata dalam buku teks Mandarin mereka telah menyebabkan mereka salah anggap bahawa ungkapan-ungkapan tersebut seolah-olah kurang penting. Justeru itu, mereka kurang menumpukan perhatian terhadap penggunaannya. Berpandukan maklum balas yang diterima ini, maka disyorkan penel penulis buka teks Mandarin B3 pada masa akan datang harus memastikan setiap perbendaharaan kata Mandarin sekurang-kurangnya diulangi tiga kali ataupun lebih dalam kandungan buku teks, malahan sebaik-baiknya disertai dengan contoh-contoh ayat sekali.

Dalam pada itu, bahan pengajaran Kursus Mandarin juga perlu diperkayakan dengan memberi lebih banyak tumpuan kepada latihan praktikal mengaplikasikan ataupun mengingat kembali perbendaharaan kata Mandarin yang pernah dipelajari oleh para pelajar di dalam ataupun di luar kelas. Umpamanya, memberi tugasan kepada para pelajar untuk membuat satu rakaman video ataupun audio (selama 1-2 minit) tentang sebarang aktiviti harian yang menunjukkan para pelajar tersebut sedang bertutur Mandarin dengan penutur natif Cina.

Di samping itu, panduan untuk melakukan lakonan atau sketsa dalam kelas Mandarin berdasarkan topik dan situasi tertentu juga boleh dicadangkan dalam buku teks Mandarin, agar para pendidik mendapat ide untuk melakukannya dalam kelas Mandarin mereka. Dengan cara ini, para pelajar akan mempunyai lebih banyak peluang untuk menggunakan SPPK Mandarin bentuk mengaplikasi dan mengingat kembali yang membabitkan tindakan pemprosesan maklumat secara mendalam dan bersifat produktif. Hal ini amat penting untuk para pelajar memandangkan dapatan kajian ini telah

University of Malaya

membuktikan bahawa sesungguhnya penggunaan SPPK Mandarin Kategori C (Strategi-strategi mengingat kembali) dan SPPK Mandarin Kategori D (Strategi-strategi mengaplikasi) adalah mempunyai hubungan yang kuat dengan tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar. Seterusnya, sub-bahagian berikut akan membincangkan aspek limitasi dan cadangan kajian lanjutan.

6.4 Limitasi Dan Cadangan Kajian Lanjutan

Sebagaimana yang pernah dibincangkan dalam Bab 1, kajian ini mempunyai skop dan limitasi tertentu (sila rujuk kembali sub-bahagian **1.8** dalam Bab 1). Oleh itu, dalam sub-bahagian ini, beberapa cadangan untuk kajian lanjutan yang berkaitan dengan penggunaan SPPK Madarin akan disyorkan seperti berikut.

Pertama, kajian ini hanya memfokuskan skop pembelajaran perbendaharaan kata Mandarin dalam bentuk *Pinyin* (拼音) sahaja, tanpa membabitkan aksara Cina (汉字). Memandangkan terdapat limitasi ini, dicadangkan bahawa pada masa akan datang satu kajian yang memfokuskan fenomena penggunaan SPPK untuk mempelajari dan menguasai aksara Cina (汉字) dilakukan dalam kalangan pelajar Melayu IPT ataupun dalam kalangan pelajar Melayu sekolah rendah, dan seterusnya membuat perbandingan antara mereka.

Kedua, kajian ini juga hanya terbatas kepada konteks pembelajaran Mandarin sebagai bahasa asing oleh para pelajar Melayu [*The Malay MFL* (*Mandarin as a Foreign Language*) *learning context*] di Malaysia sahaja. Hal ini bererti subjek kajian ini adalah berpaksikan pelajar-pelajar berbangsa Melayu sahaja. Oleh itu, satu kajian meneliti penggunaan SPPK Mandarin yang lebih bersifat holistik dengan membabitkan pelajar-pelajar daripada bangsa lain boleh dilakukan pada masa depan. Dalam pada itu, satu

University of Malaya

kajian perbandingan tentang fenomena penggunaan SPPK Mandarin dan faktor-faktor mempengaruhi penggunaannya antara para pelajar Melayu IPT yang pernah mempelajari Mandarin dengan yang tidak pernah mempelajari Mandarin juga boleh dilaksanakan pada masa akan datang.

Ketiga, lokasi kajian ini juga terbatas kepada 3 kampus satu IPT awam di sekitar negeri Selangor sahaja. Justeru itu, dicadangkan untuk kajian penggunaan SPPK Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu IPT yang bakal dijalankan pada masa depan, ia sebaik-baiknya merangkmui kampus-kampus cawangan IPT tersebut yang lain, ataupun melibatkan para pelajar Melayu daripada IPTA lain di Malaysia.

Keempat, kajian ini hanya mengaitkan variabel bebas penggunaan SPPK Mandarin oleh pelajar Melayu IPT dengan satu variabel bersandar, iaitu tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin pelajar sahaja. Sesungguhnya, terdapat beberapa variabel yang lain, seperti jantina, gaya pembelajaran, faktor persepsi, sikap dan motivasi para pelajar juga boleh diteliti hubungannya dengan tahap penggunaan SPPK Mandarin pada masa akan datang. Selain itu, skop kajian juga boleh diperluaskan dengan meneliti apakah faktor-faktor yang mendorong para pelajar Melayu IPT memilih untuk mempelajari Mandarin sebagai B3; dan apakah pendekatan yang mereka lebih meminati untuk mempelajari Mandarin sebagai B3.

Akhir sekali, didapati kajian ini adalah bersifat deduktif, iaitu dimulakan dengan pengumpulan data kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik yang sedia ada [iaitu diadaptasi daripada sumber *Vocabulary Strategy Use* cadangan Cohen & Chi (2001/2005)], kemudian baru disusuli dengan pengumpulan data kualitatif sebagai

University of Malaya

sokongan untuk menerangkan dapatan kajian kuantitatif. Hal ini bermakna pemberatan kajian ini adalah lebih kepada bahagian kuantitatif. Justeru itu, dicadangkan pada masa akan datang satu kajian yang berlandaskan pendekatan induktif dilakukan dengan memberi pemberatan yang lebih kepada bahagian kualitatif. Kajian lanjutan tersebut boleh dimulakan dengan menerokai jenis-jenis SPPK Mandarin pilihan-sendiri (*self-select vocabulary strategies*) yang digunakan oleh kumpulan PMKT dan kumpulan PMKR terlebih dahulu. Kemudian baru menggunakan kaedah kuantitatif untuk menguji kesahihan item-item SPPK Mandarin yang berjaya diterokai. Seterusnya, satu taksonomi SPPK Mandarin tersendiri yang berlandaskan konteks pembelajaran MFL (*Mandarin as a Foreign Language*) di Malaysia akan dibentuk sebagai sumbangan untuk menampung jurang kosa ilmu yang wujud dalam bidang penyelidikan strategi pembelajaran perbendaharaan kata (SPPK) di Malaysia. Sehubungan ini, dalam usaha mengumpul data kajian tentang jenis-jenis SPPK Mandarin pilihan-sendiri, dicadangkan instrumen-instrumen kajian lain seperti pemerhatian, perlantangan fikiran (*think-aloud protocol*) ataupun penulisan diari boleh digunakan pada masa akan datang.

6.5 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini telah berjaya menampung jurang kosa ilmu yang wujud dalam bidang penyelidikan SPPK, khasnya dalam bidang kajian SPPK Mandarin. Boleh dikatakan dapatan kajian ini telah menonjolkan kesignifikanannya kerana telah membuahkan sumbangan ataupun implikasi positif dari segi teoretikal, metodologi dan pedagogi sebagaimana diterangkan dalam sub-bahagian **6.3** di atas. Walau bagaimanapun, ingin ditekankan di sini bahawa demi mencapai keberkesanan optimum dalam proses penggunaan Mandarin, inisiatif ataupun daya usaha para pelajar sendiri adalah amat penting. Dalam hal ini, para pelajar yang berkemahiran rendah seharusnya mengambil iktibar daripada kawan mereka yang berkemahiran tinggi. Hal

University of Malaya

ini bererti para pelajar yang berkemahiran rendah bukan sahaja harus menggunakan SPPK Mandarin bentuk mengulang kaji dengan lebih kerap supaya mereka tidak selalu lupa akan perkataan-perkataan Mandarin yang pernah dipelajari [iaitu lebih cepat memasuki peringkat asosiatif daripada peringkat kognitif berdasarkan model Anderson (1983,1985)], bahkan mereka hendaklah mengubah persepsi mereka tentang tahap kesukaran untuk menguasai bahasa sasaran Mandarin yang sedang dipelajari. Dalam erti kata lain, mereka harus bersikap lebih rajin dalam mengulang kaji pelajaran Mandarin dengan menggunakan jenis SPPK Mandarin yang lebih berkesan. Di samping itu, mereka harus berusaha membasmikan halangan psikologi yang sedia ada dalam sanubari mereka bahawa Mandarin adalah suatu bahasa yang sukar untuk dikuasai.

Selain itu, para pelajar yang berkemahiran rendah juga harus mencontohi kawan mereka yang berkemahiran tinggi (kumpulan PMKT) supaya bersikap lebih proaktif dalam proses pembelajaran Mandarin. Misalnya, mereka harus mencari peluang untuk mendedahkan diri kepada persekitaran komunikatif sosial Mandarin (iaitu persekitaran pembelajaran B3 lanjutan). Dalam hal ini, mereka seharusnya memberanikan diri untuk bertutur Mandarin dengan penutur natif dalam masyarakat setempat kaum Cina, dan bukannya mengongkong diri dalam persekitaran pembelajaran B3 terdekat (iaitu dalam kelas Mandarin) sahaja, ataupun terlalu bergantung kepada guru Mandarin mereka. Hal ini penting bagi memastikan mereka akan lebih cepat memasuki peringkat autonomi daripada peringkat asosiatif mengikut model Anderson (1983,1985). Tambahan pula, dapatan kajian ini bagi menjawab soalan kajian (2) telah membuktikan bahawa penggunaan SPPK Mandarin bentuk mengaplikasi (SPPK Mandarin Kategori D) boleh memberi kesan yang kuat (33.6%) terhadap tahap pencapaian perbendaharaan kata Mandarin para pelajar.

University of Malaya

Ringkasnya, demi mempertingkatkan tahap penguasaan perbendaharaan kata Mandarin dalam konteks pembelajaran MFL (*Mandarin as a Foreign Language*) di Malaysia, para pelajar Melayu IPT yang baru mempelajari Mandarin sebagai B3 boleh memanfaatkan kelebihan konteks masyarakat majmuk di Malaysia dengan sepunuhnya. Sehubungan ini, para pelajar harus lebih kerap mengulang kaji pelajaran (tentang perbendaharaan Mandarin yang pernah dipelajari) dengan menggunakan SPPK Mandarin yang berkesan seperti mengingat kembali ataupun menguji diri sendiri. Selanjutnya, dengan berbekalkan pengetahuan leksikal Mandarin yang sedia ada di dada, mereka seharusnya lebih berinisiatif dan memberanikan diri untuk menggunakan SPPK Mandarin bentuk mengaplikasi di luar kelas Mandarin sebagaimana yang dilakukan oleh kumpulan PMKT. Justeru itu, barulah proses pembelajaran dan penguasaan perbendaharaan kata Mandarin sebagai B3 dalam kalangan pelajar Melayu IPT dapat mencapai satu tahap pencapaian yang memuaskan.

University of Malaya

RUJUKAN

Abdullah Hassan. (2007). *Linguistik Am: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.

Ahmad, J. (2011). Intentional Vs. Incidental Vocabulary Learning. *Interdisciplinary Journal Of Contemporary Research In Business*, *3*(5), 67-75.

Ahmad Azman, M. (2009). *English Vocabulary Learning Strategies Among Malaysian Second Language Tertiary Students.* Ijazah Doktor Falsafah Tesis, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

Ahmad Mahdzan Ayop. (1983). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmed, M. O. (1989). Vocabulary Learning Techniques. In P. Meara (Ed.), *British Studies in Applied Linguistics, 4 Beyond Words*. London: British Association of Applied Linguistics / Centre for Information on Language Teaching.

Aitchison, J. (2003). *Words in the Mind*. Oxford: Blackwell.

American Council (2005). On the Teaching of Foreign Languages: State Boards of Education Urged to Internationalize Education. *Foreign Language Annals*, *38*(3),449-451.

Anderson, J. (1983). *The architecture of cognition*. Cambridge, MA: Harvard University.

Anderson, J. (1985). *Cognitive psychology and its implications* (2nd edition). New York, NY: Freeman.

Asgari, A., & Ghazali, B. M. (2011). The Type of Vocabulary Learning Strategies Used by ESL Students in University Putra Malaysia. *English Language Teaching, 4*(2), 84-90.

Asmah, H. O. (1984). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Babbie, E. (2010). *The Practice of Social Research (12th edition)*. Wadsworth : Cengage Learning.

Baddeley, A. D. (1990). *Human Memory*. London : Lawrence Erlbaum Associates.

Barcroft, J. (2009). Strategies and Performance in Intentional L2 Vocabulary Learning. *Language Awareness, 18*(1), 74-89.

Bauer, L., & Nation, I. S. P. (1993). Word Families. *International Journal of Lexicography, 6*, 253-297.

Brown, H. D. (2007). *Principles of Language Learning and Teaching (Fifth Edition)* White Plains: Pearson Education.

University of Malaya

Brown, C., & Payne, M. E. (1994). *Five Essential Steps of Processes in Vocabulary Learning*. Paper presented at the TESOL Convention, Baltimore, MD.

Bussmann, H. (1998). *Routledge Dictionary of Language and Linguistics*. London : Routledge.

Campbell, G. L. (1991). Chinese Modern Standard. *Compendium of the World's Languages (Vol.1)*. London: Routledge.

Campbell, D. T., & Fiske, D. W. (1959). Convergent and Discriminant Validation by the Multitrait-Multimethod Matrix. *Psychological Bulletin, 56*, 81-105.

Carter, R. (1988). Vocabulary, Cloze and Discourse. In R. Carter & M. McCarthy (Eds.). *Vocabulary and Language Teaching* (p. 161-180). London: Longman.

Catalan, R. M. J. (2003). Sex Differences in L2 Vocabulary Learning Strategies. *International Journal of Applied Linguistics 13*(1), 54-77.

Cheun, H.H. (2006). *Problems Encountered in Teaching Chinese as a Second Language in Malaysia*. Selangor : Malaysian Centre for Ethnic Studies, New Era College.

Chua, L. L. (1998). *An Analysis of Grammatical Errors In Chinese Among Teacher Trainees*.Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya

Chua, Y. P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan: Buku 1 (Edisi Pertama)*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia).

Chua, Y. P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan: Buku 2 (Edisi Pertama)*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia).

Chua, Y. P. (2008). *Asas Statistik Penyelidikan: Analisis Data Skala Ordinal Dan Skala Nominal (Buku 3) (edisi pertama)*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).

Chua, Y. P. (2009). *Statistik Penyelidikan Lanjutan: Ujian Regresi, Analisis Faktor dan Analisis SEM (Buku 5) (edisi pertama)*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).

Chua, Y.P. (2011). *Kaedah Penyelidikan: Buku 1(Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia).

Chua, Y.P. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan: Buku 2 (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia)

Chua, Y.P. (2012). *Mastering Research Methods*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia).

Chuah, A. S. (2008). *An Investigation of The Vocabulary Learning Strategies of Chinese Primary School Pupils.* Master of English as a Second Language Research Report, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

University of Malaya

Coady, J., & Huckin, T. (Eds.). (1997). *Second Language Vocabulary Acquisition*. Cambridge, England: Cambridge University Press.

Cohen, A. D., & Chi, J. C. (2001/2005). Language Strategy Use Inventory. http://www.carla.umn.edu/maxsa/documents/langstartuse-inventory.pdf Retrieved 16-7-2010

Cohen, A. D., & Dörnyei, Z. (2002). Focus on the Language Learner : Motivation, Styles and Strategies. In N. Schmitt (Ed.), *An Introduction To Applied Linguistics*. London: Arnold.

Cohen, A. D., & Macaro, E. (eds). (2008). *Language Learner Strategies: Thirty Years of Research and Practice*. Oxford : Oxford University Press.

Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2001). *Research Methods in Education (5th edition)*. London: Routledge Falmer.

Cook, L. K., & Mayer, R. E. (1983). Reading Strategies Training for Meaningful Learning from Prose. In M. Pressley & L. Levin (Eds.), *Cognitive Strategy Research* (p.83-131). New York: Springer Verlag.

Creswell, J. W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches.* Thousand Oaks, CA: Sage.

Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative and Quantitative, and Mixrd Methods Approaches (2nd Edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage.

Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (3rd edition)*. Thousand Oaks: Sage Publications.

Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2007). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks: Sage.

Crotty, M. (1998). *The Foundations of Social Research: Meaning and Perspective in the Research Process*. London: Sage.

Crystal, D. (1992). *The Cambridge Encyclopedia of Language*. Cambridge: Cambridge University Press.

Dörnyei, Z. (2005). *The Psychology of the Language Learner : Individual Differences in Second Language Acquisition*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.

Dörnyei, Z., & Skehan, P. (2016). Individual Differences in Second Language Learning. In Doughty, C.J., Long, M.H. (eds). *Handbook of Second Language Acquisition*. Oxford: Blackwell.

Douglas, M.O. (1992). Development of Orthography-Related Reading / Writing Strategies by Learners of Japanese as a Foreign Language. Desertasi PhD. University of Southern California.

Ellis, R. (1994). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.

University of Malaya

Ellis, R. (2008). *The Study of Second Language Acquisition (Second Edition)*. Oxford: Oxford University Press.

Fan, M. Y. (2003). Frequency of Use, Perceived Usefulness, and Actual Usefulness of Second Language Vocabulary Strategies : A Study of Hong Kong Learners. *The Modern Language Journal, 87*(2), 222-241.

Fielding, N., & Fielding, J. (1986). *Linking Data: The Articulation of Qualitative and Quantitative Methods in Social Research*. Beverly Hills, CA: Sage.

Gan, K. C. (2008). *Language Learning Strategies of Mandarin Learners At Different Course Levels in Malacca City Campus, University of Technology MARA*. Project Paper Master of Education, Universiti Putra Malaysia.

Gass, S. (1988). Second Language Vocabulary Acquisition. *Annual Review of Applied Linguistics, 9*, 92-106.

Grace, C. A. (2000). Gender Differences: Vocabulary Retention and Access to Translations for Beginning Language Learner. *Modern Language Journal, 84*(2), 214-224.

Graddol. (2004). Expert: Chinese to Become Global Language. Dalam *Sunday Star*, 1 Mac 2004, 23.

Graddol. (2004). Young People Will Shape Future of Language. Dalam *Sunday Star*, 7 Mac 2004, 44.

Gu, P.Y. (1994). Vocabulary Learning Strategies of Good and Poor Chinese EFL Learners. *The Twenty-English Annual Convention and Exposition* (p.27). Baltimore.

Gu, Y., & Johnson, R. K. (1996). Vocabulary learning strategies and language learning outcome. *Language Learning, 46*(4), 643-679.

Gu, Y. (2002). Gender, Academic Major, and Vocabulary Learning Strategies of Chinese EFL Learners. *RELC Journal, 33*(1), 35-54.

Gu, P. Y. (2003). Vocabulary Learning in a Second Language: Person, Task, Context and Strategies. *TESL-EJ, 7*(2). Retrieved 30 September, 2005 from http://www-writing.berkeley.edu/TESL-EJ/ej26/a4.html.

Gu, P. Y. (2005). *Vocabulary Learning Strategies in the Chinese EFL Context*. Singapore: Marshall Cavendish Academic.

Guba, E.G. (1990). The alternative paradigm dialog. In E.G. Guba (Ed.). *The paradigm dialog* (p. 17-30). Newbury Park, CA: Sage.

Guoxi 郭熙. (2005). *Hanyu de guoji diwei ji haiwai huayu weilai de zouxiang 汉语的国际地位及海外华语的未来走向*. www.clef.org.cn Huawen jiaoyu jijinghui 华文教育基金会.

University of Malaya

Hague, S. A. (1987). Vocabulary Instruction : What L2 Can Learn From L1. *Foreign Language Annals, 20*(3), 217-225.

Harley, B. dan Hart, D. (2000). Vocabulary Learning in the Content-Oriented Second-Language Classroom: Student Perceptions and Proficiency. *Language Awareness 9(2)*, 78-96.

Hatch, E., & Brown, C. (1995/2000). *Vocabulary, Semantics, and Language Education*. Cambridge : Cambridge University Press.

Hiebert, E. H., & Kamil, M. L. (Eds.). (2005). *Teaching and Learning Vocabulary: Bringing Research to Practice*. New Jersey: Erlbaum.

Hosenfeld, C. (1977). A Preliminary Investigation of the Reading Strategies of Successful and Non-Successful Language Learners. *System, 5(2)*, 110-213.

Horwitz, E. K. (1988). The Beliefs about Language Learning of Beginning University Foreign Language Students. *The Modern Language Journal, 72*, 283-284.

Hudges, A. (1991). *Testing for Language Teachers*. Cambrigde: Cambridge University Press.

Jorgensen, D. L. (1989). Participant Observation: A Methodology for Human Studies. *Applied Social Research Method Series,15*. Newbury Park, California: Sage.

Kamarul Shukri Mat Teh., & Mohamed Amin Embi. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Kamarul Shukri Mat Teh., Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff., Mohamed Amin Embi., & Zamri Mahamod. (2008). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Berdasarkan Tahap Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi*. 3rd International Language Learning Conference. Proceeding. USM. Pulau Pinang.

Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi. (2009). Korelasi Strategi dengan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab. dalam *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan, Jil.24*, 109-123.

Kojic-Sabo, I., & Lightbown, P. M. (1999). Students' Approaches to Vocabulary Learning and Their Relationship to Success. *The Modern Language Journal, 83*(2), 176-192.

Lam, M. C. K. (1999). *Vocabulary Learning Strategies of ESL Learners.* Master in English as a Second Language thesis, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

Lawson, M., & Hogben, D. (1996). The Vocabulary-Learning Strategies of Foreign-Language Students. *Language Learning, 46*(1), 101-153.

Lee, A. C., Lau, S. K., & Mok, S. S. (2004). *Kesilapan Sebutan Fonem Awal dan Nada Dalam Pertuturan Bahasa Mandarin: Satu Kajian Kes Terhadap Pelajar Intersesi Peringkat Diploma, UiTM Shah Alam*. Laporan Penyelidikan. Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan Universiti Teknologi MARA Shah Alam.

University of Malaya

Lee, C. C. (2007). *Analisis Tulisan di Kalangan Pelajar Melayu dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin* . Disertasi (M.L.). Falkuti Bahasa dan Linguistik,Universiti Malaya.

Lee, K. C. (1993). *Strategies in Vocabulary Learning.* Master in English as a Second Language dissertation, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

Leeke, P., & Shaw, P. (2000). Learners' independent records of vocabulary. *System, 28*(2), 272-289.

Levenston, E. (1979). Second language vocabulary acquisition: Issues and problems. *The Interlanguage Studies Bulletin, 4*(2), 147-160.

Lincoln, Y.S., & Guba, E.G. (2000). Paradigmatic controversies, contradictions, and emerging confluences. In Y.S. Lincoln & E.G. Guba (Eds.), *Handbook of qualitative research* (p.163-188). Thousand Oaks, CA: Sage.

Liu, Z.-l. (2010). A Study on English Vocabulary Learning Strategies for Non-English Majors in Independent College. *Cross-cultural Communication, 6*(4), 152-164.

Liu, Xun刘珣(eds.).(2004). *Duiwai Hanyu Jiaoxue Gailun对外汉语教学概论.* Beijing 北京: Beijing Yuyan Daxue Chubanshe 北京语言大学出版社.

Lu, Shaochang卢绍昌.(1984). Huayu yu Fangyan 华语与方言. *Huayu Lunji 华语论集.* Singapore: Jinchang yinwusuo.

McCarthy, M. (2001). An Interview with Professor Micheal McCarthy. *Cambridge Connection. Hong Kong/China Edition, 2*,1.

McLaughlin, B. (1987). *Theories of second language learning*. London : Edward Arnold.

McLaughlin, B. (1990). Restructuring. *Applied Linguistics, 11*, 113 – 128.

Meara, P. (1982). Vocabulary Acquisition: A Neglected Aspect of Language Learning. In V. Kinsella (Ed.), *Language Teaching. Surveys 1* (p.100-126). Cambridge, England: Cambridge University Press.

Meara, P. (1984). The study of lexis in interlanguage. In A. Davies, A. Howart & C.Criper (Eds.), *Interlanguage* (pp. 225-235). Edinburgh: Edinburgh University Press.

Meara, P., & Jones, G. (1987). Tests of vocabulary size in English as a foreign language. *Polyglot, Fiche 1*.

Merriam, Sharan B., & Caffarella, Rosemary S. (1999). *Learning in Adulthood : A Comprehensive Guide (2nd Edition)*. San Francisco : Jossey-Bass Inc.

Mertens, D. M. (1998). *Research Methods in Education and Psychology: Integrating Diversity with Quantitative and Qualitative Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.

University of Malaya

Mitchell, R., & Myles, F. (2004) *Second Language Learning Theories (Second Edition)*. Great Britain: Hodder Arnold.

Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Sahandri, G. H., Reza, K., & Saifuddin Kumar, A. (2009). Vacabulary Learning Strategies of Iranian Undergraduate EFL Students and its Relation to their Vocabulary Size. *European Journal of Social Sciences, 11*(1), 39-50.

Morse, J. M. (1991). Approach to Qualitative-Quantitative Methodological Triangulation. *Nursing Research, 40*, 120-123.

Mujis, D. (2004). *Doing Quantitative Research In Education with SPSS*. London: Sage Publications.

Naimah, A. (12-14 Disember 2005). *Cemerlang Dalam Peperiksaan, Lemah Dalam Kemahiran Berkomunikasi: Permasalahan Yang Dihadapi oleh Pelajar Penutur Bukan Jati Yang Mempelajari Bahasa Ketiga*. Paper presented at the Konferensi Antarabangsa Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kepada Pelajar Bukan Penutur Jati, Anjuran Akademik Pengajian Bahasa UiTM, Hotel Marriott, Putrajaya.

Naiman, N., Frohlich, M., Stern, H. H., & Todesco, A. (1978). *The Good Language Learner*. Research in Education Series No.7. The Ontario Institute for Studies in Education. Toronto.

Naiman, N., Frohlich, M., Stern, H. H., & Todesco, A. (1996). *The Good Language Learner*. Clevedon: Multilingual Matters.

Neuman, W. L. (2000). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches (4th ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.

Nation, I. S. P. (1989). Dictionary and Language Learning. In M. L. Tickoo (Ed.), *Learners' Dictionaries : State of the Art* (Vol. 23, RELC Anthology Series, SEAMEO, pp. 65-71). Singapore: Regional Language Centre.

Nation, I. S. P. (1990*). Teaching and Learning Vocabulary*. Boston, Mass: Newbury House.

Nation, I. S. P. (1993). Using Dictionaries to Estimate Vocabulary Size : Essential but Rarely Followed Procedures. *Language Testing, 10*, 37-40.

Nation, I. S. P. (2001) *Learning Vocabulary in Another Language*. Cambridge: Cambridge University Press.

Nation, P., & Meara, P. (2002). Vocabulary. In N. Schmitt (Ed.), *An Introduction to Applied Linguistics* (pp. 35-54). London: Arnold.

Nation, R., & McLaughlin, B. (1986). Experts and novices: an information-processing approach to the "good language learner" problem. *Applied Psycholinguistics, 7*, 41-56.

University of Malaya

Ng, L. L., & Sheila Marina, S. (May 2011). L2 Vocabulary Acquisition : The Impact of Negotiated Interaction. *GEMA Online™ Journal of Language Studies, 11*(2), 5-20.

Ni, Q., Chatupote, M., & Teo, A. (2008). A Deep Look into Learning Strategy Use by Successful and Unsuccessful Students in the Chinese EFL Learning Context. *RELC Journal, 39*(3), 338-358.

Nyikos, M. (1991). Prioritizing Student Learning : A Guide for Teachers. In L. Strasheim (Ed.), *Focus on the Foreign Language Learner: Priorities and Strategies* (pp. 25-39). Illinois: National Textbook.

Nykos, M., & Fan, M. (2007). A Review of Vocabulary Learning Strategies : Focus on Language and Learner Voice. In A. D. Cohen & E. Macaro (Eds.), *Language Learner Strategies : Thirty Years of Research and Practice*. Oxford: Oxford University Press.

O'Malley, J. M., & Chamot, A. U. (1990). *Learning Strategies In Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.

Oxford, R. L. (1990). *Language Learning Strategies : What Every Teacher Should Know*. Boston: Heinle & Heinle Publishers.

Oxford, R. L., & Nyikos, M. (1989/1990). Variables Affecting Choice of Language Learning Strategies by University Students. *Modern Language Journal 73*(3), 291-300.

Poedjosoedarmo, G. (2008). Translation as a Strategy in Language Teaching and Learning. In G. Cane (Ed.), *Strategies in Language Learning and Teaching*. Singapore: SEAMEO Regional Language Centre.

Porte, G. (1988). Poor Language Learners and Their Strategies for Dealing with New Vocabulary. *ELT Journal, 42*(3), 167-172.

Ragin,C. C., Nagel, J., & White, P. (2004). *Workshop on Scientific Foundations of Qualitative Research* (Report). Retrieved April 8, 2006, from the National Science Foundation Web site: http://www.nsf.gov/pubs/2004/nsf04219/nsf04219.pdf.

Ranjit Kumar. (2011). *Research Methodology : A step-by-step guide for beginners (3rd edition)*. London : Sage Publications Ltd.

Rannali, J. M. (2003). *The Treatment of Key Vocabulary Learning Strategies in Current ELT Course Books: Repetition, Resourse Use, Recording*. MA, University of Birmingham, UK.

Rekod Fail Meja Penyelaras Unit Mandarin (2012-2015), Jabatan Bahasa Asia dan Eropah (JBAE), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam.

University of Malaya

Reza, K. (2010). *Vocabulary Learning Strategies, Vocabulary Knowledge And Reading Comprehension of EFL Undergraduate In Iran.* Master of Education Project Paper, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Riazi, A. (2007). Language Learning Strategy Use: Perceptions of Female Arab English Majors. *Foreign Language Annals, 40*(3), 433-440.

Richards, J. C., & Schmidt, R. (2002). *Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistics*. London: Longman.

Rubin, J. (1975). What the "Good Language Learner" Can Teach Us. *TESOL Quarterly, 9*(1), 41-51.

Rubin, J. (2005). The Expert Language Learner : A Review of Good Language Learner Studies and Learner Strategies. In K. Johnson (Ed.), *Expertise in Second Language Learning and Teaching*. New York: Palgrave Macmillan.

Sanaoui, R. (1992). *Vocabulary Learning and Teaching in French as a Second Language Classrooms*. Unpublished doctoral dissertation, University of Toronto, Toronto, Ontario, Canada.

Sanaoui, R. (1995). Adult Learners' Approaches to Learning Vocabulary in Second Language. *Modern Language Journal, 79*, 15-28.

Saw, K. L. (1997). *Kesilapan Sintaksis Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin Di Kalangan Dewasa Melayu*. Disertasi (MMLS). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Schmitt, N. (2000). *Vocabulary in Language Teaching*. Cambridge: Cambridge University Press

Schmitt, N. (1997/2009). Vocabulary Learning Strategies. In N. Schmitt & M. McCarthy (Eds.), *Vocabulary: Description, Acquisition and Pedagogy* (pp. 199-227). Cambridge: Cambridge University Press.

Schmitt, N., & McCarthy, M. (Eds.). (1997). *Vocabulary: Description, Acquisition, and Pedagogy*. Cambridge, England: Cambridge University Press.

Sekaran, Uma. (2006/2007). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach (4th Edition)*. U.K: John Wiley & Sons.

Seyfaddini, P. (2010). *A Study on the Effect of Seperate Versus Integrated Vocabulary Learning Strategies Instruction on Iranian Male and Female EFL Learners' Vocabulary Learning.* Thesis Ph.D, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Singleton, D. (1999). *Exploring the Second Language Mental Lexicon*. Cambridge, England: Cambridge University Press.

Singleton, D. (2000). *Language and the Lexicon: An Introduction*. London: Arnold.

University of Malaya

Soanes, C., & Hawker, S. (Eds.). (2005). *Compact Oxford English Dictionary of Current English. (3rd Edition)*. Oxford: Oxford University Press.

Steckler, A., McLeroy, K. R., Goodman, R. M., Bird, S. T., & McCormick, L. (1992). Toward Intergrating Qualitative and Quantitative Methods: An Introduction. *Health Education Quarterly, 19*(1), 1-8.

Stern, H.H. (1975). What Can We Learn from the Good Language Learners?. *Canadian Modern Language Review, 31*(3), 304-318.

Stern, H. H. (1983) *Fundamental Concepts of Language Teaching*. Oxford: Oxford University Press.

Stoffer, I. (1995). *University Foreign Language Students' Choice of Vocabulary Learning Strategies as Related to Individual Difference Variables.* Unpublished doctoral dissertation, University of Alabama, Alabama.

Suraya, Z. A. (2007). *Vocabulary Learning Strategies of ESL Learners.* Master in English as a Second Language dissertation, University of Malaya, Kuala Lumpur.

Takač, V. (2008). *Vacabulary Learning Strategies and Foreign Language Acquisition*. Clevedon, UK: Multilingual Matters.

Tan, T. G., & Hoe, F. T. (2009, 2-3 December 2009). *Vocabulary Learning Strategies of Students Learning Mandarin as a Foreign Language.* Paper presented at the 2nd International Conference (ILANNS) : Issues in Language Teaching and Learning Amongst Non-Native Speakers, Concorde Hotel, Shah Alam.

Tarone, E. (1980). Communicative Strategies, Foreign Talk, and Repair in Interlanguage. *Language Learning, 30*(2), 417-431.

Tashakkori, A., & Teddlie, C. (1998). *Mixed Methodology: Combining Qualitative and Quantitative Approaches.* Thousand Oaks: Sage.

Teh, H. S. (2015). Kesejajaran Kurikulum Bahasa Mandarin dan Pelaksanaannya di Institusi Pengajian Tinggi. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

Teo, A. M. (2003). Penjodoh Bilangan Bahasa Melayu Dan Bahasa Cina: Satu Analisis Kontrastif Dan Analisis Kesilapan. Disertasi(MMLS). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Tseng, W.-T., Dornyei, Z., & Schmitt, N. (2006). A New Approach to Assessing Strategic Learning : The Case Self-Regulation in Vocabulary Acquisition. *Applied Linguistics, 27*(1), 78-102.

Tuluhong. (2006). *Vocabulary Learning Strategies of Malaysian Chinese ESL Tertiary Learners.* Master of Arts in English Language Thesis, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

University of Malaya

Wan Nazri, W. M. S. (2006). Vocabulary Learning Strategies of Good and Poor ESL Learners. Master of Education Research Report Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Wenden, A. L., & Rubin, J. (Eds.). (1987). *Learner Strategies in Language Learning*. New Jersey: Prentice Hall.

Winke, P. M., & Abbuhl, R. (2007). Taking a Closer Look at Vocabulary Learning Strategies: A Case Study of a Chinese Foreign Language Class. *Foreign Language Annals, 40(4)*, 697-712.

Xinhua Wang 新华网 WWW.NEWS.CN (news.xinhuanet.com/edu/2009-03/13/content_11002421.htm) 世界 "汉语热" 远超预期 学习人数已超 4000 万.

Xu, Shirong 徐世荣. (1983). *Putonghua Yuyin Zhishi 普通话语音知识*. Beijing: Wenzi Gaige Chubanshe.

Zakaria, Z. (2005). *Dictionary as a tool in vocabulary acquisition for rural students*. Disertasi Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Zhang, B., & Li, C. (2011). Classification of L2 Vocabulary Learning Strategies : Evidence from Exploratory and Confirmatory Factor Analyses. *RELC Journal, 42*(2), 141-154.

Zhang, Yansheng 张燕生. (2013). *"Yidai yilu" fazhan zhanlue he fuxing zhilu* "一带一路"发展战略和复兴之路. www.zt.ccln.gov.cn.

Zhou, M.M. (周绵绵), Yu, X. (余笑) & Ye, C.B. (叶长彬) (2011). *English Learning Strategies (英语学习策略)*. 北京: 科学出版社.

Zhu Dexi 朱德熙. (1988). "Hanyu 汉语"dalam Zhongguo Da BaikeQuanshu- Yuyan, Wenzi 中国大百科全书-语言、文字. Beijing 北京, shanghai 上海: Penerbit Zhongguo Da Baike Quanshu 中国大百科全书出版社.

Zulkifli, S. (Februari 2011). China Juga Menguasai Bahasa. *Dewan Bahasa, 11(02),* 56-59.

RUJUKAN SEKUNDER DALAM BAHASA CINA

Chen,Y.Y. (陈园园) (2008). 高中学生英语词汇学习策略的调查研究. 英语学科教学, 东北师范大学. **硕士学位论文**.

Cheng, C.L. (程彩玲) & Zhang, R. (张荣) (2008). "高中学生英语词汇学习策略使用情况调查." *中小学外语教学(中学) (Foreign Language Teaching In Schools – Middle Version)* **31**(7): 6 –11.

University of Malaya

Dai, M.C. (戴曼纯). (2010). 二语习得研究理论建设探讨——认识论,理论取向与理论类型的融合观. *语言文字学 (Linguistics and Philology Journal), 10*, 88−99.

Dong, X.Z. (东雪珍) (2007). 中学生英语词汇学习策略研究. 英语学科教学, 南京师范大学. **硕士学位论文**.

He, F.Y. (何方艳) (2006). 初中生英语词汇学习策略调查——广西师范大学附属外国语学校个案研究. 英语学科教学, 广西师范大学. **硕士学位论文**.

Ke, C.R (柯传仁). (2006). 二十一世纪汉语作为外语教学研究方向与理论建构刍议. *世界汉语教学(Chinese Teaching In The World Journal), 2006*(4), 89−97.

Li, H.M. (李雅梅) (2005). 泰国学生汉语词汇学习策略调查研究. 文学与新闻传播学院, 云南师范大学. **硕士研究生学位论文**.

Li, H.Y. (李晗英) (2008). 高中学生英语词汇学习策略与成绩的相关研究. 英语学科教学, 东北师范大学. **硕士学位论文**.

Li, P. (李培) (2006). 中级水平韩日留学生词汇学习策略与词汇学习效果的关系研究. 人文学院, 北京语言大学. **硕士研究生学位论文**.

Li, S.W. (李宋吴) (2006). "初中生英语词汇学习策略运用现状实证调查与分析." *外国语言文学（季刊）(Foreign Language and Literature Studies)* **23**(2): 99 −103.

Li, Y.M. (李雅梅) (2008). "泰国学生汉语词汇 学习策略使用情况调查研究." *云南师范大学学报 （对外汉语教学与研究版）（Journal Of Yunan Normal University Teaching And Research On Chinese As A Foreign Language Edition)* **6**(2): 88 − 92.

Liu, X. (刘茜) & Lu, Y. Z. (吕耀中) (2009). "初中生英语词汇学习策略与成绩的关系研究." *中外教育研究 （Chinese and Foreign Education Research)*(10): 67−69.

Lu, L.H. (卢利花) (2007). 中学生英语词汇学习策略研究. 英语学科教学, 首都师范大学. **硕士学位论文**.

Ma, M.Y. (马明艳). (2007). 初级阶段非汉字圈留学生汉字学习策略的个案研究. *语言文字学(Linguistics and Philology Journal), 8*, 75−84.

Qian, Y. l. (钱玉莲). (2006a). 第二语言学习策略的分类及相关问题. *语言文字学 (Linguistics and Philology Journal), 4*, 100−104.

University of Malaya

Qian, Y. l. (钱玉莲). (2006b). 韩国学生中文阅读学习策略调查研究 *世界汉语教学 (Chinese Teaching In The World Journal), 第 4 期*, 80−88.

Qian, Y. l. (钱玉莲). (2007) *韩国学生汉语策略研究 (Research on Strategies of Chinese Learning by South Korean Students)* 北京: 世界图书出版公司北京公司.

Tang, Z.Y. (唐珍玉) (2008). 初中生英语词汇学习策略运用的调查与研究. 英语学科教学, 广西师范大学. **硕士学位论文**.

Wang, L.L. (王莉莉) (2007). 初中英语词汇学习策略研究. 教育——英语教学, 华东师范大学. **硕士学位论文**.

Wen, Q. f. (文秋芳). (1995). 英语成功者与不成功者在学习方法上的差异.

Wen, Q. f. (文秋芳). (2003) *英语学习的成功之路*. 上海: 上海外语教育出版社.

Wu, C.X. (吴春秀) (2009). "初中英语词汇学习策略探究." *学理论 (Theory Learning)*(31): 277−278.

Wu, H.W. (吴洪武) (2006). 初中生英语词汇学习策略研究. 外国语学院, 上海师范大学. **硕士学位论文**.

Wu, J.H. (吴金黄) (2009). 初中生英语词汇学习策略使用现状的调查研究. 英语学科教学, 华东师范大学. **硕士学位论文**.

Wu, R.H.L.G. (乌仁华力格) (2007). 英语专业蒙古族学生词汇学习策略调查研究. 课程与教学, 内蒙古师范大学. **硕士学位论文**.

Xu, S.C. (徐市昌) & Cao, Y.C. (曹艳春) (2010). "少数民族双语大学生英语词汇学习策略调查分析." *新疆职业大学学报 (Journal of Xinjiang Vocational University)* **18**(3): 50−52.

Xu, Z.L. (徐子亮). (2004). 对外汉语学习理论研究二十年. *世界汉语教学(Chinese Teaching In The World Journal), 4*, 63−73.

Yan, M. (严明). (2009) *英语学习策略理论研究*. 吉林: 吉林出版集团有限责任公司.

Yan, S.H. (鄢胜涵) (2004). 留学生汉语词汇学习策略的研究. 人文学研, 北京语言大学. **硕士研究生学位论文**.

University of Malaya

Yan, S.H. (鄢胜涵) (2007). "留学生汉语词汇学习策略的研究." *上海大学学报（社会科学版）(Journal of Shanghai University – Social Science Edition)* **14**(3): 138–141.

Zhang, W.X. (张旺熹). (2004). 对外汉语研究学术讨论会论文综述. *世界汉语教学 (Chinese Teaching In The World Journal), 4*, 102–105.

Zhao,Y.X. (赵艳霞) (2010). 蒙古族初中生汉语词汇学习策略研究 —— 以呼和浩特地区为列. 教育学院, 中央民族大学. **硕士学位论文**.

Zhou, M.M. (周绵绵), Yu, X. (余笑) & Ye, C.B. (叶长彬) (2011). *English Learning Strategies (英语学习策略)*. 北京: 科学出版社.

RUJUKAN SURAT KHABAR

汉语热 (1) (16 Jan 2003). *Sin Chew JIt Poh*. [muka surat 13]

Huang Yanbing. (2015, November 27). 2015 Nian Jilongpo Huaxiao Xiankuang Tiaocha Baogao 《2015 年吉隆坡华小现况》调查报告. *Sin Chew Jit Poh 星洲日报*. 2015 November 17: 04.

University of Malaya

LAMPIRAN

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

3.1	Surat Kebenaran Manjalankan Kajian
3.2	Borang Kebenaran Informan
3.3	Soal Selidik SPPK Mandarin Kajian Sebenar
3.4	Senarai Panel Penilai
3.5	Rasional Mengubahsuai Item-Item Strategi Pembelajaran Perbendaharaan Kata (SPPK) Mandarin Daripada Sumber Asal
3.6	Contoh Kertas Ujian Penilaian Perbendaharaan Kata Mandarin (PPKM) Untuk Kajian Sebenar
3.7	Soalan-soalan Temu Bual Semi-Struktur Kajian Sebenar
3.8	Borang Maklum Balas Responden
3.9	Contoh Penilaian Tema Induk dan Sub-Tema oleh Panel Pakar
3.10	Jadual Definisi Operasi Tema Induk dan Sub-Tema SPPK Mandarin

University of Malaya